



British American Tobacco (Malaysia) Berhad (4372-M)

LAPORAN TAHUNAN 2010

SEMANGAT



www.batmalaysia.com

British American Tobacco (Malaysia) Berhad (4372-M)
Virginia Park, Jalan Universiti, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Tel: +60 (3)7956 6899/7491 7100 Faks: +60 (3)7955 8416



SEMANGAT

Semangat merupakan teras perniagaan kami. Laporan tahunan bagi 2010 menyerlahkan semangat jitu yang diterapkan dalam budaya organisasi kami dalam usaha untuk menuju ke arah pertumbuhan dan kecemerlangan dalam produktiviti dengan rasa tanggungjawab yang utuh.



ke50

**Mesyuarat Agung Tahunan
(MAT) British American
Tobacco (Malaysia) Berhad**
akan diadakan di

**Kristal Ballroom,
Hilton Petaling Jaya,
No. 2, Jalan Barat,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan pada**

**Selasa, 19 April 2011 pada
11.00 pagi**

Kaunter Bantuan MAT: Cik Lee Kar Ling
Tel: +60 (3)7491 7313
Faks: +60 (3)7491 3772
E-mel: Lee_Kar_Ling@bat.com

kandungan

- 3** Keputusan Sepintas Lalu
- 3** Wawasan Kami
- 4** Ulasan Pengerusi
- 8** Ulasan Pengarah Urusan

PRESTASI

- 14** Ulasan Pengarah Kewangan
- 20** Sorotan Kewangan Lima Tahun
- 21** Prestasi Kumpulan Lima Tahun
- 22** Prestasi Saham dan Kalendar Kewangan
- 23** Prestasi Suku Tahunan
- 24** Profil Korporat
- 25** British American Tobacco Malaysia di dalam berita
- 26** Anugerah dan Pengiktirafan
- 28** Acara Korporat 2010

KEPIMPINAN

- 34** Maklumat Korporat
- 35** Struktur Korporat
- 36** Lembaga Pengarah
- 38** Profil Pengarah
- 42** Profil Ahli Kumpulan Pengurusan Kanan

PERTUMBUHAN

- 48** Semangat mencapai pertumbuhan mampan
- 52** Semangat mencapai pengedaran cemerlang melalui keupayaan pemasaran perdagangan yang mantap

PRODUKTIVITI

- 56** Semangat untuk produktiviti cemerlang

TANGGUNGJAWAB

- 64** Menerapkan semangat dalam memacu kemampaman perniagaan
- 77** Penunjuk Inisiatif Pelaporan Global (GRI)
- 92** Piawaian Perlakuan Perniagaan
- 93** Penyata Tadbir Urus Korporat
- 120** Penyata Kawalan Dalaman
- 122** Laporan Jawatankuasa Audit
- 126** Laporan Pengurusan Risiko Korporat

ORGANISASI CEMERLANG


- 132** Semangat untuk warga kerja kami
- 138** Membangunkan bakat merentasi sempadan geografi

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

- 141** Laporan Pengarah
- 147** Pernyataan Pengarah
- 147** Akuan Berkutan
- 148** Laporan Juruaudit Bebas
- 150** Penyata Pendapatan
- 151** Penyata Pendapatan Komprehensif
- 152** Kunci Kira-Kira Disatukan
- 153** Kunci Kira-Kira Syarikat
- 154** Penyata Perubahan Ekuiti yang Disatukan
- 155** Penyata Perubahan Ekuiti Syarikat
- 156** Penyata Aliran Tunai
- 157** Ringkasan Dasar Perakaunan Penting
- 172** Nota yang mengiringi Penyata Kewangan

MAKLUMAT LAIN

- 215** Analisis Pegangan Saham
- 218** Butir-butir Hartanah
- 219** Direktori Korporat
- 220** Notis Mesyuarat Agung Tahunan
- 222** Butiran Pentadbiran Mesyuarat Agung Tahunan Ke-50 British American Tobacco Malaysia
- Borang Proksi



WAWASAN KAMI

Kami berkongsi wawasan British American Tobacco p.l.c. untuk menjadi peneraju industri tembakau global demi memastikan nilai jangka panjang pemegang saham kami. Menjadi peneraju bukan matlamat akhir kami. Sesebuah syarikat yang menerajui industrinya dan dilihat sebagai perniagaan yang mampan akan dinilai dengan lebih tinggi.

Kami mentakrifkan kepimpinan dari segi kuantitatif dan juga kualitatif. Dari segi kuantitatif, kami berusaha menjadi peneraju dari segi volum dalam kalangan pesaing kami dan menjadi peneraju nilai dalam jangka panjang. Namun ukuran kuantitatif tidak dengan sendirinya menangani semua perkara yang kami perlu lakukan sebagai sebuah syarikat. Kami mempunyai pendirian jangka panjang, memberi tumpuan pada kualiti perniagaan kami dan cara kami bekerja. Hasilnya, dari segi kualitatif, kami berusaha diiktiraf sebagai peneraju industri dan sebagai rakan kongsi pilihan pertama bagi pihak berkepentingan kami yang amat kami hargai.

Kami akan mencapai matlamat ini dengan terus mempamerkan bahawa kami sebuah syarikat tembakau yang bertanggungjawab, dengan perniagaan yang mampan dan kaitangan yang cemerlang.

Strategi untuk menyampaikan wawasan kami berdasarkan empat unsur yang menjadi paksi usaha kami – Pertumbuhan, Produktiviti, Tanggungjawab dan Organisasi Cemerlang.

KEPUTUSAN SEPINTAS LALU TAHUN KEWANGAN KUMPULAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

HASIL
RM JUTA

3,965

UNTUNG SEBELUM CUKAI
RM JUTA

959

UNTUNG BERSIH
RM JUTA

731

DANA PEMEGANG SAHAM
RM JUTA

490

PULANGAN BERSIH DANA PEMEGANG SAHAM
%

149

PEROLEHAN BERSIH SESAHAM
SEN

256.1

DIVIDEN INTERIM BERSIH SESAHAM
SEN

240.0

Tan Sri Abu Talib bin Othman
Pengerusi



ULASAN PENGERUSI

Para Pemegang Saham
yang dimuliakan,

Saya, bagi pihak Lembaga
Pengarah British American
Tobacco Malaysia, dengan
sukacita membentangkan Laporan
Tahunan British American Tobacco
Malaysia bagi tahun kewangan
berakhir 31 Disember 2010.

SOROTAN

+1.7%

Pembayaran jumlah dividen lebih tinggi berbanding tahun kewangan sebelumnya.

93.7%

Nisbah pembayaran dividen ke atas keuntungan bersih Kumpulan bagi tahun kewangan 2010.

Ulasan prestasi

Kumpulan telah mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 1.1% ke RM3,965 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 berpunca terutamanya daripada harga lebih tinggi. Untung selepas cukai, walau bagaimanapun, menyusut sebanyak 2.1% ke RM731 juta terutamanya kerana cukai yang lebih tinggi dan peningkatan dalam tahap rokok tidak sah yang melonjak kepada 38.2% daripada jumlah pasaran rokok negara.

Dividen

Lembaga Pengarah telah mengusulkan dividen interim ketiga pada kadar 63 sen sesaham, menjadikan jumlah pembayaran dividen bersih bagi tahun kewangan 240 sen sesaham, peningkatan sebanyak 1.7% berbanding 2009.

Jumlah dividen bagi tahun kewangan 2010 merupakan pembayaran dividen bernisbah 93.7% daripada keuntungan bersih Kumpulan.

Memacu operasi perniagaan yang bertanggungjawab

Kumpulan terus mendukung taraf tadbir urus korporat yang tinggi dalam melaksanakan strategi dan mengendalikan perniagaannya, demi memastikan pertumbuhan dan keuntungan diraih tanpa mengenepikan tanggungjawab korporat.

Iltizam kami terhadap perniagaan cemerlang telah menerima pengiktirafan positif. Dalam tahun 2010, saya sukacita untuk melaporkan Syarikat telah menerima pelbagai pengiktirafan terutamanya dalam bidang tadbir urus korporat dan tanggungjawab sosial korporat. Ini memantapkan lagi tahap piawaian perlakuan dan tanggungjawab perniagaan kami.

Prospek bagi 2011

Lanskap industri tahun ini bakal menjadi lebih mencabar. Ini menandakan pertumbuhan ketara rokok harga yang sangat rendah, perdagangan rokok tidak sah dan penjualan beberapa rokok jenama tempatan di bawah harga minimum. Oleh demikian, bagi mengekal kedudukan sebagai peneraju pasaran dalam suasana persaingan yang semakin sengit, tumpuan lebih diberikan untuk sentiasa menaik taraf kelengkapan kami bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan dan kesaingan kos.

Saya percaya dengan strategi kita yang terus melabur dalam jenama-jenama kita, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi kita dan melabur dalam meningkatkan keupayaan kakitangan kita sambil beroperasi dengan penuh tanggungjawab, kedudukan kita adalah kukuh untuk mengharungi cabaran-cabaran yang akan datang. Kami tetap komited untuk berusaha mencapai satu lagi tahun yang menguntungkan.

Perubahan kepimpinan utama

En. Rashed Ahmed, Pengarah Pemasaran kami telah memegang jawatan baru dalam Kumpulan British American Tobacco bermula September 2010. Bagi pihak Kumpulan, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kami kepada En. Rashed atas segala sumbangan beliau dan ucapan selamat maju jaya bagi masa depan beliau.

Saya juga ingin mengalu-alukan En. Hendrik Stoel yang menyandang jawatan Pengarah Pemasaran di sini. En. Stoel berasal dari Belanda, dan beliau membawa bersama pengalaman bernilai dari pelbagai pasaran British American Tobacco. Saya pasti Kumpulan akan dapat manfaat daripada pengalaman dan pengetahuan beliau. Saya berharap dapat bekerjasama erat dengan beliau.

Penghargaan

Keutuhan dan kejayaan berterusan Syarikat tidak mungkin tercapai tanpa iltizam dan dedikasi warga kerjanya. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kami kepada pihak pengurusan dan kakitangan atas dedikasi dan sumbangan bernilai mereka dan saya yakin dengan semangat mereka dan polisi syarikat yang kukuh, Kumpulan akan terus membangun dan memastikan pulangan pemegang saham yang baik.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada para pemegang saham, pelanggan, pengedar, pelabur, rakan niaga, atas keyakinan dan sokongan berterusan kepada Syarikat. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada para Pengarah atas panduan dan sokongan mereka dan berharap tahun 2011 akan menjadi satu lagi tahun yang baik.



Tan Sri Abu Talib bin Othman
Pengerusi


ULASAN PENGARAH URUSAN


Industri tembakau telah mengalami pelbagai cabaran sepanjang enam tahun yang lalu. Terdapat peningkatan eksais secara konsisten (peningkatan 16% dalam tahun 2010) dan kemaraan pelbagai sekatan kawal selia. Satu pek rokok sah 20 batang pada 2004 yang berharga RM5.40 kini meningkat hampir dua kali ganda kepada RM10.00. Pek sah hari ini dicetak dengan amaran kesihatan bergambar dan semua pek yang mengandungi kurang daripada 20 batang telah diharamkan.

Akibat daripada perkembangan ini, telah muncul pesaing tegar dalam bentuk perdagangan rokok tidak sah yang tidak perlu akur dengan sebarang bentuk undang-undang, sama ada amaran pada pek, saiz pek mahu pun penetapan harga. Pada tahun 2010, setelah dua Tinjauan Rokok Tidak Sah (Februari hingga April dan Jun hingga Ogos) yang diarahkan oleh Gabungan Pengilang-Pengilang Tembakau Malaysia (GPTM), angka jualan rokok tidak sah telah melonjak kepada 38.2% daripada jumlah pasaran rokok negara di mana pada tahun 2004 hanya mencecah purata sepenuh tahun pada kadar 14.4%. Rokok tidak sah ini dijual pada harga sekitar RM3.00 sahaja. Rokok tidak sah ini diseludup ke dalam negara tanpa membayar cukai kepada kerajaan. Hasil ancaman ini, Kumpulan mengalami penyusutan volum dan syer pasaran secara berterusan.

Sebagai sebuah syarikat yang sentiasa berusaha untuk menyampaikan nilai pemegang saham jangka panjang, kami merasakan bahawa penguncupan dalam volum dan syer pasaran ini perlu ditangani. Dengan berbekalkan iltizam ini, kami mengorak langkah untuk berusaha mencapai pertumbuhan syer pasaran dalam ruang lingkup segmen yang sah di sisi undang-undang.

“Prestasi British American Tobacco Malaysia menjangkau jangkaan pada tahun 2010 dengan mencatatkan pertumbuhan penguasaan pasaran pada kadar 0.4 peratus mata daripada 59.6% kepada 60.0%, meskipun dalam suasana penguncupan volum sah dan tekanan penurunan dagangan.”





William Toh Ah Wah

Pengarah Urusan

SOROTAN

Kumpulan menubuh tiga pasukan pemacu – Pertumbuhan, Produktiviti dan Semangat untuk memacu dan melaksanakan strategi pertumbuhan syer bagi mencapai 60.0% penguasaan pasaran pada tahun 2010.

Strategi Pertumbuhan bagi penguasaan pasaran

British American Tobacco Malaysia melaksanakan strategi pertumbuhan yang bertujuan untuk mencapai 60.0% penguasaan pasaran pada tahun 2010. Dalam usaha memacu dan melaksanakan strategi ini, tiga pasukan pemacu strategik khusus telah ditubuhkan – Pertumbuhan, Produktiviti dan Semangat. Pasukan pemacu ini menyokong inisiatif strategik Kumpulan dalam memacu pertumbuhan syer dan pemulihran volum, meningkatkan produktiviti dan membina organisasi cemerlang sambil mendukung tanggungjawab korporat.

Hasil kejayaan inisiatif strategik ini, British American Tobacco Malaysia dapat menyampaikan prestasi yang menggalakkan dalam mencatat pertumbuhan penguasaan pasaran sebanyak 0.4 mata peratus kepada 60.0% dalam tahun 2010 buat kali pertama dalam tempoh sepuluh tahun. Ini terus memperkuatkukan lagi kedudukan kami sebagai peneraju dalam industri tembakau Malaysia.

Semangat mencapai Pertumbuhan mampan

Pada tahun 2010, volum British American Tobacco Malaysia menyusut sebanyak 2.1% dipacu terutamanya oleh perdagangan rokok tidak sah yang amat pesat.

Meskipun beroperasi dalam landskap yang begitu mencabar, portfolio jenama Kumpulan mempamerkan prestasi yang menggalakkan dalam usaha memacu pertumbuhan syer pasaran. Kejayaan pelancaran pek pelekat Reloc DUNHILL pada Disember 2009 telah menampakkan kesan positif yang sepenuhnya pada tahun 2010 dan jenama ini terus menghasilkan keputusan yang cemerlang meskipun mengharungi suasana operasi yang mencabar, dalam usaha meneguhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam jenama premium di Malaysia. DUNHILL Red melaporkan prestasi yang teguh dan stabil manakala DUNHILL Blue dan Menthol membuat peningkatan yang ketara dengan masing-masing mencatatkan pertumbuhan syer sebanyak 0.4 mata peratus dan 0.3 mata peratus. Kumpulan akan terus memberi fokus melabur sumbernya dalam produk inovatif untuk mengukuhkan lagi kedudukan segmen premiumnya.

Sejak pelancaran semula KENT pada tahun 2008, penguasaan pasarannya telah mempamerkan peningkatan yang kukuh kepada 2.7% dengan penumpuan utama diberi kepada segmen premium lights dan mentol. Siring dengan DUNHILL Blue dan Menthol, prestasi yang kukuh daripada dua jenama premium ini telah menghasilkan pertumbuhan dan penguasaan pasaran yang utuh dalam kedua-dua segmen ini.

PALL MALL kekal memberi tumpuan pada usaha memacu nilai yang lebih baik, menawarkan pilihan kualiti dan berkemampuan. Pelancaran adunan baru bagi PALL MALL Red dan Blue mengukuhkan dan menyepakukkan lagi kedudukannya dalam segmen Nilai untuk Wang (NUW).

SOROTAN

RM51.3 juta

Penjimatan produktiviti pada 2010.

1,463

Inisiatif CI-Kaizen dilaksanakan pada 2010.

Di samping itu, jenama NUW kedua – PETER STUYVESANT, telah dilancarkan pada Jun 2010. Sejak dari itu, jenama ini telah mendaftarkan 3.3 mata penguasaan pasaran pada Disember 2010, pertumbuhan syer pasaran yang terbesar yang pernah dicatatkan oleh mana-mana jenama dalam tahun pelancarannya. Jenama antarabangsa baru ini bersedia untuk meneruskan momentum pertumbuhannya dan seiringan dengan PALL MALL, kami mengorak langkah untuk lebih hampir mencapai kedudukan peneraju dalam segmen NUW.

Fokus kami yang berterusan dalam usaha mencapai kecemerlangan dalam pengedaran telah menyaksikan kami terus mara dalam usaha menggabungkan rangkaian pengedaran kami di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti untuk meliputi lebih banyak pusat pengedaran. Selain daripada penggabungan rangkaian pengedaran secara fizikal, kami juga mencapai keselarasan objektif perniagaan dengan rakan niaga kami demi memastikan pengurusan pengedaran yang sistematis. Tambahan pula, kos operasi pengedaran dioptimumkan melalui rancangan terperinci sementara sumber yang sedia ada dimanfaatkan sepenuhnya.

Semangat untuk mencapai Produktiviti cemerlang

Semangat kami untuk meningkatkan produktiviti telah mendorong kami untuk terus mencari jalan untuk beroperasi dengan lebih bijak, lebih pantas dan lebih baik dalam seluruh operasi perniagaan, diterajui oleh program Breakthrough dan inisiatif pasukan pemacu Produktiviti. Bagi kami, peningkatan produktiviti bukan sahaja berkisar sekitar pengurangan kos, bahkan juga berhubung kait dengan peningkatan kecekapan dan keberkesanannya dari segi pelaksanaan yang kami yakin akan membawa kepada keberkesanannya kos. Ini jelas apabila peningkatan dalam Produktiviti telah menghasilkan penjimatan yang ketara dalam produktiviti Kumpulan sebanyak RM51.3 juta.

Tahun 2010 merupakan tahun terakhir kejayaan program Breakthrough yang akan kami terapkan amalan terbaik dan pelajaran yang kami peroleh ini demi mencapai wawasan kami untuk menjadi Rangkaian Bekalan British American Tobacco No. 1 dari segi kualiti, penyampaian dan keberkesanannya kos.

Selepas pelancaran program Peningkatan Berterusan (CI-Kaizen) di segenap syarikat pada tahun 2009, kami berbangga untuk menerapkan budaya CI yang positif di kalangan kakitangan kami demi menyampaikan peningkatan berterusan dalam semua aspek perniagaan. Kami menyaksikan sejumlah 1,463 inisiatif CI pada tahun 2010 dengan penyertaan daripada semua peringkat dalam organisasi.

Semangat untuk memacu Tanggungjawab

Kami benar-benar yakin bahawa kami perlu menerapkan tanggungjawab dalam segala apa yang kami lakukan. Semangat dan komitmen kami terhadap perlakuan yang bertanggungjawab merupakan bahagian yang melengkapi agenda kemampanan kami sambil terus memastikan operasi kami mengambil kira kesan utama dalam sosial, alam sekitar dan ekonomi yang berkaitan dengan perniagaan.

Pada tahun 2010, Yayasan British American Tobacco Malaysia telah melancarkan inisiatif mercu tandanya dalam mengurangkan kemiskinan tegar di Malaysia melalui kerjasama dengan Kerajaan dalam membina 15 buah rumah untuk warga miskin tegar di Gua Musang, Kelantan berjumlah RM495,000. Kami akan teruskan lagi menerokai peluang yang sama di lain-lain tempat di negara ini untuk membantu mengurangkan kemiskinan tegar.

Yayasan juga terus memberi peluang pendidikan tinggi kepada rakan niaga kami yang kami hargai dan kakitangan kami dengan menganugerahkan RM395,000 kepada para pelajar yang berjaya untuk mendapatkan pendidikan tinggi di universiti tempatan. Kami juga berbangga untuk berkongsi semangat kakitangan kami dalam Program Khidmat Sukarela Pekerja (PKSP) yang mempunyai kadar penyertaan yang kian meningkat bagi semua inisiatif PKSP kami pada tahun 2010.

Tahun ini juga turut menyaksikan usaha Kumpulan dalam meneruskan perniagaan secara bertanggungjawab dengan mengamalkan dan mematuhi sistem dan amalan terbaik kualiti antarabangsa, alam sekitar, kesihatan di tempat kerja dan pengurusan keselamatan. Kejayaan kami untuk terus mendapat pensijilan standard antarabangsa (ISO 9001:2008, ISO 14001:2004, OHSAS 18001: 2007) oleh juruaudit luar, Lloyds' Register Quality Assurance membuktikan standard amalan kami yang tinggi. Kumpulan juga terus terlibat dengan pihak berkepentingan berhubung isu yang berkaitan dengan tempat pasaran dan di tempat kerja.

Semangat untuk membina Organisasi Cemerlang

Tumpuan kami pada tahun 2010 adalah untuk memastikan bahawa kami mempunyai individu yang sesuai dan budaya kerja yang sesuai untuk membolehkan kakitangan kami mencapai objektif perniagaan kami dan potensi kerjaya mereka. Kami yakin bahawa pembangunan kakitangan secara berterusan dalam semua aspek dan dengan penyediaan budaya tempat kerja yang membolehkan mereka menyempurnakan kerja mereka secara berkesan dan membangunkan potensi mereka sepenuhnya demi membina saluran bakat yang berdaya tahan itu penting.

Merekrut, membangunkan dan mengekalkan kakitangan juga terus menjadi teras aspirasi kami untuk membina organisasi berprestasi tinggi yang mampan. Kami telah melabur dalam pembangunan kakitangan melalui beberapa inisiatif perekutan antarabangsa dan domestik serta program latihan dalaman, luaran dan antarabangsa tahun ini.

SOROTAN

98%

Kadar penglibatan daripada kakitangan yang dicapai menerusi tinjauan maklum balas kakitangan Suara Anda 2010.


Kami juga berpendirian bahawa mendapatkan maklum balas daripada kakitangan kami adalah penting, dan kami berjaya memperolehnya melalui tinjauan kakitangan setiap dua tahun, menerusi Suara Anda 2010, dengan kadar penyertaan 98% daripada kakitangan. Keputusan daripada tinjauan ini dapat memberi kami imbasan sudut mana yang kami telah laksanakan dengan baik dan bahagian mana yang boleh atau perlu kami membuat penambahbaikan lanjut. Hasil daripada maklum balas ini, kami akan memperkenalkan beberapa lagi inisiatif pada tahun 2011. Selain daripada tinjauan kakitangan ini, pasukan pemacu Semangat telah memperkenalkan mekanisme maklum balas langsung yang membolehkan maklum balas berterusan secara terbuka dan telus daripada kakitangan mengenai perniagaan, kerjaya dan juga persekitaran kerja.

Meneruskan momentum menjelang 2011

Dengan strategi yang kukuh dan semangat kakitangan kami untuk memacu perniagaan agar terus mara meskipun dalam persekitaran perniagaan yang dinamik dan mencabar, Kumpulan berada dalam kedudukan yang baik untuk melangkah ke tahun 2011 sebagai peneraju pasaran industri dan terus meningkatkan nilai pemegang saham jangka panjang.

Prestasi kami dicapai melalui kesinambungan semangat, dedikasi dan komitmen daripada kakitangan kami dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk melahirkan penghargaan ikhlas saya atas usaha mereka yang tidak berbelah bahagi atas semangat kental mereka untuk terus berjaya.


Tidak dinafikan bahawa 2011 akan terus menjadi tahun yang sukar bagi industri ini, memandangkan perdagangan rokok tidak sah kekal menjadi cabaran terbesar. Namun begitu, saya yakin bahawa strategi utama Kumpulan dalam Pertumbuhan, Produktiviti, Tanggungjawab dan Organisasi Cemerlang yang dipacu oleh semangat dan komitmen organisasi akan terus memastikan kami mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju dalam industri dan mengharungi sebarang cabaran yang bakal dihadapi oleh industri ini.



William Toh
Pengarah Urusan

ULASAN PENGARAH KEWANGAN

Stephen James Rush
Pengarah Kewangan





"Tahun 2010 merupakan tahun yang baik bagi British American Tobacco Malaysia di mana kami mencapai prestasi kewangan yang mantap meskipun berhadapan dengan landskap operasi yang sukar bagi industri tembakau"

SOROTAN

60.0%

Penguasaan pasaran pada 2010, meningkat 0.4 mata peratus berbanding 2009, buat pertama kali dalam sepuluh tahun.

RM51.3 juta


dalam penjimatan yang dicapai oleh British American Tobacco Malaysia tahun 2010.

Tahun 2010 merupakan satu tahun pencapaian bagi British American Tobacco Malaysia. Seperti yang dinyatakan oleh Pengarah Urusan, Kumpulan menambah penguasaan pasarannya yang sah kepada 60.0%, peningkatan sebanyak 0.4 mata peratus berbanding tahun 2009, buat pertama kali dalam tempoh sepuluh tahun. Ini pencapaian yang amat menggalakkan memandangkan portfolio kami lebih cenderung kepada rokok premium dan pek 14 batang. Tambahan lagi, kami mencapai pertumbuhan ini dalam tahun yang menyaksikan kerajaan melarang jualan pek yang mengandungi kurang daripada 20 batang mulai Jun 2010 dan peningkatan eksais lebih daripada 15% pada bulan Oktober 2010, yang selanjutnya menyemarakkan tekanan penurunan dagangan. Pek berpelekat Reloc DUNHILL kami yang baru dan kejayaan pelancaran tawaran Nilai Untuk Wang (NUW) kami, iaitu PETER STUYVESANT, merupakan faktor penting dalam pencapaian ini.

Di peringkat industri pula, Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2010, dan selaras dengan itu, mengurangkan kadar duti ke atas daun tembakau dan bahan balutan yang diimport, dan meningkatkan keleksibelan pencarian sumber dengan membuka pasaran kepada import daripada jiran-jiran ASEAN kami. Satu lagi peningkatan harga yang dipacu oleh eksais yang tinggi telah melonjakkan harga runcit bagi pek rokok premium 20 batang kepada lingkaran dua digit pada RM10.00, yang berkemungkinan akan menyemarakkan lagi pertumbuhan perdagangan rokok tidak sah yang kini berada pada paras 38.2% daripada jumlah jualan rokok – paras yang tertinggi pernah dicecah di Malaysia. Menurut Laporan Tembakau Global yang diterbitkan oleh Goldman Sachs, negara ini kini berada di tangga teratas dalam senarai insiden perdagangan rokok haram global. Ini merupakan cabaran yang besar bagi kedua-dua industri yang sah kerana kesannya akan menjelaskan volum, dan juga Kerajaan, yang mengalami kerugian dalam hasil berjumlah kira-kira RM 2.0 bilion setiap tahun. Oleh demikian, volum dan untung selepas cukai bagi British American Tobacco Malaysia, kedua-duanya merosot pada kadar 2.1%.

Namun dari dalam organisasi, British American Tobacco Malaysia terus memperkuuh kedudukannya dalam industri dengan menjana penjimatan yang melebihi RM50 juta pada tahun 2010.

Penjimatan Produktiviti dari 2006 hingga 2010



Gabungan Penyata Pendapatan

	12 bulan 2010 RM juta	12 bulan 2009 RM juta	Kenaikan/ (Penurunan) %
Hasil Kos jualan	3,965 (2,476)	3,923 (2,379)	1.1 4.1
Untung kasar	1,489	1,544	(3.6)
Pendapatan operasi lain	28	6	366.7
Perbelanjaan operasi	(530)	(517)	2.5
Keuntungan daripada operasi	987	1,033	(4.5)
Kos kewangan	(28)	(28)	—
Keuntungan daripada aktiviti biasa sebelum cukai	959	1,005	(4.6)
Pencukaian	(228)	(259)	(12.0)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	731	747	(2.1)
Perolehan bersih sesaham – asas dan cair (sen)	256.1	261.5	(2.1)
Dividen interim dan akhir bersih sesaham (sen)	240.0	236.0	1.7
Margin keuntungan operasi	24.9	26.3	(1.4)

Prestasi kewangan tahun 2010

Eksais dan penetapan harga yang lebih tinggi dalam tahun ini memacu peningkatan hasil sebanyak 1.1%. Walau bagaimanapun, volum yang lebih rendah dan campuran saiz pek yang kurang memuaskan oleh kerana penarikan balik pek 14 batang menyebabkan perolehan bersih (hasil setelah ditolak levi kerajaan) menguncup sebanyak 4.1%. Kumpulan mengambil langkah untuk meningkatkan margin dan mengkaji semula strategi pencarian daun tembakau dan bahan dengan memanfaatkan produk sumber ASEAN, menghasilkan penjimatan duti berikutnya perlaksanaan AFTA. Ini membantu membiayai kos pembungkusan yang lebih tinggi yang ditanggung oleh DUNHILL berpelekat Reloc yang dilancarkan pada Disember 2009 yang lalu. Hasilnya, untung kasar kami berkurangan sebanyak 3.6%, kurang dari penguncupan perolehan bersih kami.

Peningkatan perbelanjaan operasi sebanyak 2.5% bagi tahun ini sebahagian besarnya adalah untuk membiayai aktiviti pemasaran tambahan untuk penarikan balik pek 14 batang dan pelancaran PETER STUYVESANT. Kami menyifatkan ini sebagai pelaburan untuk masa depan memandangkan portfolio yang lebih kukuh akan membantu mempertahankan kedudukan kami sebagai peneraju pasaran. Perbelanjaan operasi yang lebih tinggi, diimbangi dengan keuntungan daripada jualan aset tetap serta peningkatan dalam pendapatan faedah yang berpuncak daripada kadar faedah yang lebih baik ke atas baki tunai yang lebih tinggi yang menyebabkan penguncupan untung daripada operasi sebanyak 4.5%, selaras dengan trend untung kasar.

Gabungan Penyata Aliran Tunai


	12 bulan 2010 RM juta	12 bulan 2009 RM juta	Menguntungkan/ (Merugikan) %
Untung daripada operasi	987	1,033	(4.5)
Penyelerasan bagi:			
Pendapatan faedah	(9)	(5)	80.0
Pelan manfaat tertakrif	1	1	—
Peruntukan untuk litigasi	2	6	(66.7)
Hartanah, loji dan peralatan, pajakan pra-bayaran dan perisian komputer:			
– Susut nilai dan pelunasan	63	81	(22.2)
– (Untung)/Rugi penjualan	(30)	1	(3,100.0)
– Penjejasan nilai	6	28	(78.6)
(Masuk kira)/Peruntukan hutang rugu	–	3	(100.0)
Hapus kira hutang lapuk	–	3	(100.0)
Inventori (masuk kira)/hapus kira	–	3	(100.0)
Perubahan modal kerja	95	22	331.8
	128	143	(10.5)
Tunai daripada operasi	1,115	1,176	(5.2)
Cukai pendapatan dibayar	(239)	(251)	4.8
Perbelanjaan modal bersih	13	(79)	116.5
Pembayaran balik nota jangka pertengahan bersih	—	—	—
Kos kewangan bersih	(19)	(23)	17.4
Dividen dibayar	(682)	(714)	4.5
Tambahan/(Pengurangan) dalam tunai dan tunai setara	188	109	72.5

Kadar faedah efektif Kumpulan bagi tahun 2010 ialah 23.7%, kadar yang lebih rendah daripada kadar cukai statutori, iaitu 25.0%. Ini berlaku oleh kerana cukai yang lebih rendah bagi tahun taksiran 2009, yang mengimbangi potongan cukai yang tidak dibenarkan bagi perbelanjaan faedah. Hasilnya, untung selepas cukai dan perolehan sesaham berkurangan sebanyak 2.1%.


Aliran tunai operasi dan pertukaran tunai yang teguh

Aliran tunai Kumpulan daripada operasi kekal pada paras melebihi RM1.1 bilion, merupakan 113.0% daripada keuntungan daripada operasi. Ini terutamanya berpunca daripada pengurusan modal kerja yang mantap. Walau bagaimanapun, aliran tunai operasi telah menerima impak penyusutan untung dan volum, dan mencatat penguncupan sebanyak 5.2% berbanding yang tercatat pada tahun 2009. Kami memperkuuh kedudukan tunai kami pada tahun ini daripada jualan aset terbiar, yang termasuk loji membanting daun kami di Shah Alam, harta tanah di Keningau, serta beberapa jentera. Dana yang sedia ada lebih daripada mencukupi untuk membiayai perbelanjaan modal, menghasilkan penerimaan modal bersih berjumlah RM13 juta. Selepas pembiayaan cukai dan pembayaran dividen, tunai dan setara tunai kami meningkat untuk ditutup pada para yang kukuh, iaitu RM357 juta.


Pengurusan Aliran Tunai dari 2006 hingga 2010



Perolehan dan Dividen Sesaham



Jumlah Pulangan Pemegang Saham



Komitmen pembayaran dividen yang tinggi

Sepanjang beberapa tahun yang lalu Kumpulan telah memamerkan komitmen yang teguh terhadap pembayaran dividen sekurang-kurangnya 90% daripada untung bersih. Pada tahun 2010, kami meningkatkan usaha kami untuk mengembalikan tunai berlebihan dengan mempercepatkan pembayaran dividen kepada para pemegang saham melalui dividen interim ketiga yang baru, yang akan dibayar pada Mac 2011, berbanding dividen akhir yang dibayar pada bulan Mei seperti tahun-tahun yang lalu.

Lembaga Pengarah sukacita untuk mengumumkan jumlah pembayaran dividen bersih sebanyak 240 sen sesaham bagi tahun 2010, yang merangkumi:


- Dividen bersih interim ketiga yang baru pada kadar 63 sen sesaham;
- Dividen bersih interim kedua pada kadar 64 sen sesaham; dan
- Dividen bersih interim pertama pada kadar 113 sen sesaham

Ini merupakan 93.7% daripada keuntungan Kumpulan yang diperuntukkan kepada pemegang saham, selaras dengan komitmen kami terhadap pembayaran dividen yang tinggi.

Harga saham pada paras tertinggi

British American Tobacco Malaysia terkenal dengan harga sahamnya yang tekal tinggi, di samping pembayaran dividennya yang juga tinggi. Pada tahun 2010, harga saham kami mencatatkan harga yang paling tinggi pernah dicapai, melebihi RM49.00, mencerminkan keyakinan pasaran dalam keupayaan perolehan dan pengurusan Kumpulan. Para pemegang saham kami mendapatkan keuntungan RM4.60 sesaham yang amat memberangsangkan bagi tahun ini (jumlah pulangan tahunan sebanyak 10.7%), yang merangkumi jumlah dividen yang dibayar dan diusulkan bagi tahun ini, serta peningkatan harga saham sebanyak 5.1%. Sejak penggabungan pada tahun 1999, para pemegang saham mendapat pulangan yang tinggi yang kukuh pada kadar 9% setahun setelah dikompaun.

Jumlah Pulangan Pemegang Saham British American Tobacco Malaysia dibandingkan dengan Indeks Komposit FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur dari 1999 ke 2010



SOROTAN

Kumpulan mempunyai harga saham tertinggi di Papan Utama FTSE Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran lebih daripada RM13 bilion, dan kami berusaha untuk terus menepati janji kami dalam menyampaikan nilai pemegang saham mampan dalam jangka panjang.

RM13 bilion

Struktur modal yang cekap

Fungsi Perbendaharaan terutamanya bertanggungjawab dalam mengurus risiko kewangan melalui pengurusan aliran tunai, kadar faedah dan pendedahan mata wang secara proaktif, di samping memastikan operasi perbendaharaan yang cekap. Kumpulan telah melaksanakan beberapa perubahan demi memperkemas proses dan operasi perbendaharaan dalam usaha untuk mencapai aliran kerja yang lebih cekap. Di samping itu, kami terus memantau struktur modal dan strategi kewangan kami berlandaskan perubahan suasana ekonomi demi memaksimumkan nilai para pemegang saham. Kumpulan yakin mampu memenuhi pembayaran balik nota jangka pertengahannya yang berjumlah RM400 juta yang genap masanya pada tahun 2012.

Pada Jun 2010, Rating Agency Malaysia sekali lagi mengiktiraf rating P1 dan AAA ke atas Kumpulan bagi kertas komersil/nota jangka pertengahan yang sedia ada. Ini membuktikan prestasi korporat yang tekal, keupayaan yang cemerlang untuk menjana tunai dan pengurusan aliran tunai yang cekap yang sentiasa diamalkan oleh Kumpulan.

Komitmen yang mantap untuk mempertingkat nilai pemegang saham jangka panjang

Sudah pasti tahun 2011 akan terus melandai industri tembakau dengan lebih cabaran dan kerumitan. Cabaran Kumpulan yang paling besar adalah untuk memacu pertumbuhan yang mampan di tengah-tengah perdagangan rokok tidak sah yang semakin meningkat, tekanan penurunan dagangan dan saiz pasaran sah yang semakin menguncup.

Mara ke hadapan, tumpuan kami kekal pada Pertumbuhan, didanai Produktiviti, didayakan oleh warga kami (Organisasi Cemerlang) dengan tidak sekali-kali melupakan tanggungjawab korporat kami. Berbekalkan strategi ini, kami beriltizam untuk terus menyampaikan nilai pemegang saham jangka panjang. Tunggak strategik ini terbukti mengukuhkan kedudukan kami sebagai peneraju pasaran dalam industri tembakau Malaysia dan kami menjangka akan mampu menghadapi cabaran pada masa depan, untuk menyampaikan dan mempertingkat nilai pemegang saham jangka panjang.



Stephen James Rush
Pengarah Kewangan


SOROTAN KEWANGAN LIMA TAHUN

	Tahun kewangan dari 1.1.10 hingga 31.12.10 RM'juta	Tahun kewangan dari 1.1.09 hingga 31.12.09 RM'juta (dinyatakan semula)*	Tahun kewangan dari 1.1.08 hingga 31.12.08 RM'juta (dinyatakan semula)*	Tahun kewangan dari 1.1.07 hingga 31.12.07 RM'juta (dinyatakan semula)*	Tahun kewangan dari 1.1.06 hingga 31.12.06 RM'juta (dinyatakan semula)*
Hasil	3,965,448	3,923,421	4,135,220	3,830,869	3,612,482
Untung daripada operasi	986,581	1,033,135	1,109,297	1,049,416	1,049,414
Kos kewangan	(27,400)	(27,823)	(28,131)	(46,515)	(47,467)
Untung sebelum cukai	959,181	1,005,312	1,081,166	1,002,901	1,001,947
Untung bersih bagi tahun kewangan	731,111	746,784	811,683	731,931	719,678
Dividen tahunan bersih	685,272	673,851	756,655	732,384	662,715
Dividen khas bersih	—	—	—	—	62,531
Modal saham	142,765	142,765	142,765	142,765	142,765
Dana pemegang saham	490,426	439,285	406,479	346,587	552,752
Hartanah, loji dan peralatan	405,826	451,069	459,079	460,785	501,288
Hartanah pelaburan	1,636	1,654	—	—	20,010
Perisian komputer	4,336	6,550	15,232	21,091	14,100
Muhibah	411,618	411,618	411,618	411,618	411,618
Aset cukai tertunda	15,158	19,295	4,978	4,978	4,020
Aset semasa	730,572	551,944	596,405	548,536	669,175
Jumlah aset	1,569,146	1,442,130	1,487,312	1,447,008	1,620,211
Tanggungan bukan semasa	695,922	702,795	448,584	712,892	309,762
Tanggungan semasa	382,798	300,050	632,249	387,529	757,697
Jumlah tanggungan	1,078,720	1,002,845	1,080,833	1,100,421	1,067,459
Pendapatan bersih sesaham (sen)	256.1	261.5	284.3	256.3	252.0
Dividen bersih sesaham (sen)	240.0	236.0	265.0	256.5	254.0
Pulangan bersih ke atas dana pemegang saham (%)	149.1	170.0	199.7	211.2	130.2
Sokongan aset bersih sesaham (RM)	1.72	1.54	1.42	1.21	1.94
Bilangan kakitangan	1,540	1,656	1,454	1,326	1,044


* Penyataan semula mencerminkan pengelasan semula tanah pegangan pajakan sedia ada pada hartanah, loji dan peralatan berikut penerapan FRS 117 Pajakan bermula 1 Januari 2010.

PRESTASI KUMPULAN LIMA TAHUN


Prestasi kewangan yang teguh




Menyampaikan pulangan pemegang saham yang tinggi



Aliran tunai yang unggul daripada operasi



Sumbangan dividen yang lumayan



British American Tobacco Malaysia meneruskan pertumbuhannya dan mencatatkan satu lagi tahun dengan prestasi kewangan yang teguh, menegaskan komitmennya yang tidak berbelah bahagi untuk memaksimumkan dan menyampaikan nilai jangka panjang pemegang saham.


PRESTASI SAHAM DAN KALENDAR KEWANGAN

prestasi

	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sep	Okt	Nov	Dis
Tinggi (RM)	43.1	42.7	44.1	45.7	44.8	45.0	44.9	45.4	49.8	49.9	48.7	47.3
Rendah (RM)	42.7	42.4	41.9	44.1	44.0	43.9	43.9	44.8	45.1	48.5	46.7	44.2
Volum ('000)	2,257.7	2,019.3	2,638.0	1,780.7	2,733.2	1,566.3	1,763.6	1,455.8	2,311.2	2,117.6	1,814.3	1,727.3

Sumber: Bloomberg

Prestasi Saham 2010



Pengumuman Keputusan

Keputusan disatukan tidak diaudit bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2010

Khamis, 22 April 2010

Keputusan disatukan tidak diaudit bagi suku ke-2 dan separuh tahun berakhir 30 Jun 2010

Khamis, 22 Julai 2010

Keputusan disatukan tidak diaudit bagi suku ke-3 berakhir 30 September 2010

Rabu, 20 Oktober 2010

Dividen

Dividen interim pertama 113 sen sesaham, dikecualikan cukai di bawah sistem satu peringkat

- Tarikh notis kelayakan Jumaat, 23 Julai 2010
- Tarikh Kelayakan Khamis, 12 Ogos 2010
- Tarikh pembayaran Jumaat, 20 Ogos 2010

Dividen interim kedua 64 sen sesaham, dikecualikan cukai di bawah sistem satu peringkat

- Tarikh notis kelayakan Khamis, 21 Oktober 2010
- Tarikh Kelayakan Rabu, 10 November 2010
- Tarikh pembayaran Jumaat, 19 November 2010

Dividen interim ketiga 63 sen sesaham, dikecualikan cukai di bawah sistem satu peringkat

- Tarikh notis kelayakan Rabu, 23 Februari 2011
- Tarikh Kelayakan Khamis, 10 Mac 2011
- Tarikh pembayaran Jumaat, 23 Mac 2011

PRESTASI SUKU TAHUNAN


2010

		Suku 1	Suku 2	Suku 3	Suku 4	Tahun Lengkap
Hasil	(RM juta)	1,019	994	993	959	3,965
Untung daripada operasi	(RM juta)	265	257	230	235	987
Kos kewangan	(RM juta)	(7)	(7)	(7)	(7)	(28)
Untung sebelum cukai	(RM juta)	258	250	223	228	959
Untung selepas cukai	(RM juta)	192	186	170	183	731
Pendapatan bersih sesaham	(sen)	67.2	65.1	59.8	64.0	256.1
Dividen bersih sesaham	(sen)	—	113.0	64.0	63.0	240.0


2009

		Suku 1	Suku 2	Suku 3	Suku 4	Tahun Lengkap
Hasil	(RM juta)	1,005	978	919	1,021	3,923
Untung daripada operasi	(RM juta)	279	277	242	235	1,033
Kos kewangan	(RM juta)	(7)	(7)	(7)	(7)	(28)
Untung sebelum cukai	(RM juta)	272	270	235	228	1,005
Untung selepas cukai	(RM juta)	206	201	167	173	747
Pendapatan bersih sesaham	(sen)	72.1	70.5	58.4	60.5	261.5
Dividen bersih sesaham	(sen)	—	113.0	61.0	62.0	236.0

Hasil Suku Tahunan



Untung Bersih Suku Tahunan



British American Tobacco Malaysia terbentuk daripada penggabungan Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad dan Malaysian Tobacco Company Berhad pada 3 November 1999. Penggabungan ini berjaya mengumpul bakat, pengalaman dan barisan jenama antarabangsa yang terkemuka yang tiada tandingannya untuk mewujudkan sebuah syarikat tembakau terbesar di Malaysia.

Kini, British American Tobacco Malaysia jelas merupakan peneraju pasaran dalam industri rokok Malaysia, dengan penguasaan pasaran sekitar 60%, dan berkedudukan di antara 25 syarikat teratas di Bursa Malaysia Securities Berhad dari segi permodalan pasaran. British American Tobacco Malaysia mengilang dan memasar produk-produk tembakau bermutu tinggi untuk memenuhi citarasa pengguna yang pelbagai. Barisan jenama kami meliputi nama-nama antarabangsa terkemuka seperti DUNHILL, KENT dan PALL MALL.

Kami mempunyai gabungan sejarah melebihi 90 tahun di Malaysia sejak 1912. Berbekalkan kepakaran yang luas, beserta teknologi termaju dan sistem serta proses yang cekap dalam semua aspek aktiviti perniagaan, menempatkan kami di kedudukan yang baik untuk mengharungi cabaran masa depan. Kami mempunyai kira-kira 1,600 orang pekerja yang terlibat dalam semua spektrum industri tembakau, daripada pembelian dan pemprosesan daun tembakau hingga kepada pengilangan, pemasaran dan pengedaran. Rangkaian pengedaran lengkap kami merangkumi setiap pelosok negara, bagi memastikan jenama-jenama kami terdapat di mana-mana di Malaysia.

Kami berhasrat untuk mengekalkan kepimpinan dalam industri melalui peningkatan penguasaan kami dalam perniagaan tembakau dan memenuhi permintaan pengguna dengan lebih baik dan menguntungkan berbanding pesaing kami. Dalam mencapai matlamat tersebut, kami memastikan bahawa kami menjalankan aktiviti pemasaran secara bertanggungjawab, dan peka terhadap persekitaran kita. Bagi kami, kepimpinan menjangkau lebih daripada sekadar menguasai pasaran, ia perlu juga mengambil kira peneraju dari segi kualiti di mata kami, dan di mata pihak berkepentingan kami.

Walaupun industri tembakau dilihat sebagai sebuah industri yang kontroversi oleh setengah-setengah pihak, namun ia juga merupakan industri yang penting yang menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan komuniti di mana ia beroperasi. British American Tobacco Malaysia beriltizam untuk menunaikan kewajipan tersebut.

BRITISH AMERICAN TOBACCO MALAYSIA DI DALAM BERITA

Kerjasama bina rumah untuk rakyat miskin

Foundation helps deserving students

BAT signs off on its first Corporate Citizenship Value Award

Slow industry growth not an obstacle for BAT

Kenaikan duti eksiks tidak jeles penarafan BAT M'sia

BAT lights up 3Q profit by 2.3% to RM170.7m

企业監督 小股东权益 走出灰色地带

BAT sticks with high dividend payout despite tough environment

BAT ready to counter impact of pack ruling

Views from the top

217 terima bantuan kewangan BAT

British American Tobacco Malaysia Berhad (BAT) has announced the award of financial assistance to 217 students from various educational institutions across the country.

Young students who demonstrated fair work, positive academic results and strong leadership qualities were chosen to receive the financial aid. The award ceremony was held at the British American Tobacco (BAT) headquarters in Kuala Lumpur recently.

The award programme is aimed at underprivileged university students who have shown resilience, determination and a desire to succeed despite difficult circumstances.

“Today, students’ education is more important than ever before. We believe that an educated society is the key to a better future,” said Dr Michael Mather, BAT Malaysia managing director. “We are committed to supporting our students through their studies and helping them to reach their full potential,” he added.

“The financial assistance will help these students to continue their studies without having to worry about financial issues,” said Dr Michael Mather.

“We are grateful to BAT for their support and encouragement. This financial assistance will help us to pursue our dreams and ambitions,” said one of the recipients.

“We are honoured to be able to provide financial assistance to these students,” said Dr Michael Mather.

“We hope that this financial assistance will help them to achieve their goals and aspirations,” he added.

Dato' Permaisuri Azizah Pengraji

British American Tobacco Malaysia Berhad (BAT) – which has been involved in the construction of houses for the less fortunate in the community – has received a Corporate Citizenship Value Award (CCVA) from the Malaysian Institute of Corporate Governance (MICG).

BAT

BRITISH AMERICAN TOBACCO

BRITISH AMERICAN TOBACCO MALAYSIA BERHAD

LAPORAN TAHUNAN 2010



ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN

Di British American Tobacco Malaysia, semangat kami untuk mencapai kecemerlangan meliputi semua aspek dalam usaha kami mencapai objektif perniagaan dengan kebertanggungjawaban. Tahun ini, kami terus menerima pengiktirafan tempatan dan antarabangsa atas komitmen kami yang mantap terhadap kecemerlangan, menetapkan penanda aras bagi standard tadbir urus korporat yang tinggi, nilai pemegang saham yang menjadi teladan dan pembayaran dividen yang kukuh.

Anugerah Kecemerlangan Industri dalam Kategori Produk Pengguna bagi Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia 2010

Pengiktirafan pencapaian Syarikat dalam mengamalkan taraf tadbir urus korporat tertinggi dalam sektor produk pengguna oleh Kumpulan *Minority Shareholders Watchdog* (MSWG).

Anugerah Cemerlang bagi Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia 2010

Pengiktirafan komitmen keseluruhan Syarikat dalam mengamalkan taraf tadbir urus korporat tertinggi oleh Kumpulan *Minority Shareholders Watchdog* (MSWG).

Pulangan Ekuiti Tertinggi dalam Kategori Produk Pengguna bagi Anugerah Korporat The Edge Billion Ringgit Club (BRC) 2010

Pengiktirafan untuk pencapaian Syarikat ke atas Pulangan Ekuiti yang Tertinggi dalam sektor Produk Pengguna seperti yang dinilai oleh The Edge.

Anugerah Industri Cemerlang di dalam Kategori Produk Pengguna bagi Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2010

Pengiktirafan untuk sembilan tahun berturut-turut bagi kecemerlangan Syarikat dalam laporan tahunan, mempamerkan taraf tadbir urus korporat, ketelusan dan kebertanggungjawaban di tahap yang tinggi.

Anugerah Perak untuk Reka Bentuk Terbaik bagi Laporan Tahunan dalam Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2010

Pengiktirafan bagi kecemerlangan Syarikat dalam meningkatkan tahap penyampaian dan penyediaan laporan tahunan kepada pembaca pelbagai peringkat.



Di Kedudukan 20 Syarikat teratas di Asia untuk Asian Sustainability Rating

Menduduki tangga ke-17 sebagai Syarikat Terbaik di Asia dalam kategori pengurusan am, persekitaran, serta sosial dan tadbir urus di kalangan 542 syarikat dalam sepuluh negara yang ditinjau di Asia. Kami juga salah satu syarikat daripada empat syarikat Malaysia yang termasuk dalam taksiran ini.

Anugerah Pemenang Keseluruhan dalam Anugerah Nilai Pemegang Saham KPMG/The Edge 2010

Pengiktirafan kali kelapan berturut-turut untuk nilai pemegang saham Syarikat dengan pencapaian keuntungan ekonomi tertinggi bagi setiap modal yang dilaburkan di kalangan syarikat tersenarai awam di Malaysia.

Pemenang Kategori Pasaran Pengguna dalam Anugerah Nilai Pemegang Saham KPMG/The Edge 2010

Pengiktirafan kali kelapan berturut-turut untuk nilai pemegang saham Syarikat dalam mencapai untung ekonomi tertinggi bagi setiap modal yang dilaburkan dalam Kategori Pasaran Pengguna.

Pengiktirafan yang tinggi dalam Anugerah Pengundian Anugerah FinanceAsia 2009

Pengiktirafan tahun kesepuluh berturut-turut bagi pencapaian mercu tanda Syarikat dalam keseluruhan pengurusan, tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat, amalan perhubungan pelabur dan komitmen terhadap pembayaran dividen yang kukuh. Pengiktirafan kami termasuk:

- Tempat kedua untuk Syarikat yang Paling Komited terhadap Dasar Dividen yang Kukuh
- Tempat ketiga bagi Tadbir Urus Korporat Terbaik
- Tempat ketiga bagi Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik
- Tempat keempat bagi Perhubungan Pelabur Terbaik
- Tempat keempat bagi Syarikat Yang Diurus Dengan Terbaik

Anugerah Emas untuk Tanggungjawab Alam Sekitar dan Perhubungan Pelabur dalam Anugerah Korporat The Asset 2010

Pengiktirafan ke atas komitmen Syarikat terhadap alam sekitar dalam operasinya serta komitmen terhadap perhubungan pelabur.

acara korporat

2010

2010 merupakan tahun yang dipenuhi dengan pelbagai aktiviti dan inisiatif yang diadakan merentasi Syarikat. Berikut beberapa gambaran aktiviti dan inisiatif berlangsung sepanjang tahun lalu.

JANUARI



- Pencapaian 2,020 idea Program Peningkatan Berterusan (*Continuous Improvement – CI*) Kaizen sejak permulaan program.
- Pemasangan mesin pembungkusan pek DUNHILL berpelekat Reloc untuk keluaran komersil. **1**

MAC



- Usaha sama British American Tobacco Malaysia dengan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), membina rumah untuk miskin tegar di Gua Musang, Kelantan. **3**
- Pengajuran Program Khidmat Sukarela Pekerja bersama anak-anak yatim House of Joy. **2**
- Sesi taklimat penganalisis kewangan untuk keputusan kewangan Suku Keempat 2009 Kumpulan diadakan.
- Pengajuran Program Khidmat Sukarela Pekerja bersama warga emas daripada Joy Garden.
- Berikrar menentang pemanasan global dengan menyokong *Earth Hour* 2010.
- Penerbitan Laporan Tahunan British American Tobacco Malaysia 2009.

FEBRUARI



- Pusat Panggilan Pall Mall dilancarkan.
- Pengajuran Program Khidmat Sukarela Pekerja bersama anak-anak yatim House of Joy. **2**
- Sesi taklimat penganalisis kewangan untuk keputusan kewangan Suku Keempat 2009 Kumpulan diadakan.

APRIL

- Rancangan program pemuliharaan biodiversiti di Cameron Highlands untuk pekerja sukarela diadakan. **4**
- Sesi taklimat penganalisis kewangan untuk keputusan kewangan Suku Pertama 2010 Kumpulan diadakan.
- Mesyuarat Agung Tahunan yang Ke-49 dilangsungkan.



JUN



- Penubuhan Pusat Latihan Teknikal Serantau.
- Penganugerahan Pendahuluan Pendidikan Tinggi kepada anak-anak komuniti penanaman dan pengawetan tembakau. **8**

- Perlantikan Hendrik Stoel sebagai Pengarah Pemasaran British American Tobacco Malaysia.
- Pelancaran PETER STUYVESANT. **5**
- Memperolehan pensijilan semula ISO 9001, ISO 14001 dan OHSAS 18001. **6**
- Pencapaian output pengeluaran harian tertinggi bagi pek DUNHILL berpelekat Reloc dalam dunia British American Tobacco.
- Pelaksanaan tinjauan maklum balas kakitangan 'Suara Anda' di segenap Syarikat.

MEI

- Hari Keluarga dianjurkan di Pusat Peranginan A Famosa. **7**
- Sumbangan diberi kepada Dana Bantuan Gempa Bumi Haiti.
- Anugerah Merit British American Tobacco EHS untuk Kemalangan Sifar diterima.



JULAI



- Pengiktirafan oleh The Edge Billion Ringgit Club bagi pencapaian cemerlang dalam pulangan ekuiti dalam kategori produk pengguna.
- Pengurangan 1.56 juta keping kertas menerusi Projek Pencegahan Pembaziran Kertas dicapai.

- Sesi taklimat penganalisis kewangan untuk keputusan kewangan Suku Kedua 2010 diadakan.

**OGOS**

- Pelancaran sistem pemerhatian dan langkah balas perampasan baru bagi semua van jualan. **9**
- Sumbangan kepada Dana Bantuan Banjir Pakistan.

**SEPTEMBER**

- Penganjuran Program Khidmat Sukarela Pekerja bersama anak-anak yatim Rumah Amal Kasih Bestari. **10**
- Lawatan ke Trinity Children's Home untuk menyumbang buku, permainan dan memasang perabot dianjurkan.

OKTOBER

- Diiktiraf antara 20 syarikat teratas di Asia untuk pendedahan kemampuan oleh CSR Asia.
- Memenangi anugerah Pemenang Keseluruhan oleh KPMG/The Edge. **11**
- Sesi taklimat penganalisis kewangan untuk keputusan kewangan Suku Ketiga 2010 Kumpulan diadakan.



“Seseorang yang secara sukarela meluangkan masanya untuk mengubah nasib mereka yang kurang berasik baik akan direstui dengan ganjaran yang memuaskan dan bermakna.”

Paul Choo, Eksekutif Tanggungjawab Sosial Korporat

NOVEMBER



- Penganjuran Program Khidmat Sukarela Pekerja bersama anak-anak yatim Rumah Kanak-kanak Tara Bhavan. [12](#)
- Majlis Anugerah Khidmat Lama untuk menghargai kakitangan khidmat lama dianjurkan. [13](#)
- Anugerah biasiswa kepada pelajar yang layak melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi diterima. [14](#)
- Majlis Makan Malam Tahunan diadakan. [15](#)



DISEMBER

- Penganjuran pameran ancaman bom, narkotik dan kesalahan trafik untuk meningkatkan kesedaran keselamatan. [16](#) [17](#)
- Anugerah Cemerlang dan Anugerah Kecemerlangan Industri oleh Kumpulan Minority Shareholders Watchdog di terima.





KEPIMPINAN

SEMANGAT BERMULA DARIPADA PENGURUSAN ATASAN.
KAMI MEYAKINI BAHAWA KEJAYAAN ORGANISASI BERMULA
DENGAN KEPIMPINAN YANG STRATEGIK DAN PENUH
BERSEMANGAT.

MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Pengarah

Tan Sri Abu Talib bin Othman

PMN, PSM, SIMP, SSSA, DGSM, DPMS,
DMPN, DCSM, JSM, KMN, PPT
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
(Pengerusi)

William Toh Ah Wah

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

Datuk Oh Chong Peng

PJN, JSM
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

James Richard Suttie

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Stephen James Rush

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

Dato' Chan Choon Ngai

DSNS
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas
(dilantik pada 1 Februari 2011)

Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak

DPCM, DSIS, DSAP
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Setiausaha

Chan Mei Mae (LS0009460)

Tel : +60 (3)7491 7326
Faks : +60 (3)7491 3772
E-mel : Claire_Chan_Mei_Mae@bat.com

Pejabat Berdaftar

Virginia Park, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : +60 (3)7956 6899
Faks : +60 (3)7955 8416
E-mel : bat_malaysia@bat.com

Laman Web Syarikat

www.batmalaysia.com

Pendaftar Saham

Tricor Investor Services Sdn. Bhd.

(No. Syarikat 118401-V)
Aras 17, The Gardens North Tower
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur
Tel : +60 (3)2264 3883
Faks : +60 (3)2282 1886
E-mel : lay.kiow.lim@my.tricorglobal.com

Juruaudit

PricewaterhouseCoopers

(AF 1146)
Aras 10, 1 Sentral
Jalan Travers, Kuala Lumpur Sentral
Peti Surat 10192
50706 Kuala Lumpur
Tel : +60 (3)2173 1188
Faks : +60 (3)2173 1288

Bank Utama

Citibank Berhad

(No. Syarikat 297089-M)

HSBC Bank Malaysia Berhad

(No. Syarikat 127776-A)

Malayan Banking Berhad

(No. Syarikat 3813-K)

Penyenaraian di Bursa Saham

Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad


(No. Syarikat 635998-W)
Tersenarai Sejak : 27 Oktober 1961
Kod Saham : 4162
Nama Saham : BAT

STRUKTUR KORPORAT



Nota:

Senarai lengkap subsidiari Syarikat dipaparkan dalam Nota 13 pada Penyata Laporan Kewangan dari muka surat 185 hingga 186 Laporan Tahunan ini.



Dari kiri ke kanan

Tan Sri Abu Talib bin Othman
PMN, PSM, SIMP, SSSA, DGSM, DPMS,
DMPN, DCSM, JSM, KMN, PPT
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Pengerusi

William Toh Ah Wah
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas
Pengarah Urusan

Datuk Oh Chong Peng
PJN, JSM
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

LEMBAGA PENGARAH



Dari kiri ke kanan

James Richard Suttie

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Stephen James Rush

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

Pengarah Kewangan

Dato' Chan Choon Ngai

DSNS

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

Pengarah Operasi

Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak

DPCM, DSIS, DSAP

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

PROFIL PENGARAH

**Tan Sri Abu Talib bin Othman**

PMN, PSM, SIMP, SSSA, DGSM, DPMS, DMPN,
DCSM, JSM, KMN, PPT

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
(Pengerusi)

Warganegara Malaysia, 72 tahun

Tan Sri Abu Talib bin Othman telah dilantik sebagai Penggerusi Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad, kini dikenali sebagai British American Tobacco (Malaysia) Berhad, pada 1994.

Tan Sri Abu Talib, berkelayakan sebagai peguam lulusan Lincoln's Inn, United Kingdom. Beliau mempunyai kerjaya yang cemerlang sebagai anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Kerajaan dari 1962 hingga 1993 dan telah berkhidmat dalam pelbagai tugas termasuk sebagai Peguam Negara Malaysia dari 1980 sehingga persaraan beliau pada Oktober 1993.

Selepas persaraan beliau, Tan Sri Abu Talib telah dilantik sebagai pengarah bukan eksekutif di beberapa syarikat swasta dan awam. Tan Sri Abu Talib kini merupakan Penggerusi Bukan Eksekutif IGB Corporation Berhad, Alliance Investment Management Berhad, CYL Corporation Berhad dan MUI Continental Insurance Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah Bukan Eksekutif bagi syarikat-syarikat swasta yang lain. Pada 1983, beliau dilantik sebagai Pemegang Amanah Yayasan Neoh dan pada 1985 Yayasan Sultan Iskandar Johor.

Beliau berkhidmat sebagai Pengarsi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) dari 2002 hingga 2010.

Beliau merupakan Penggerusi Jawatankuasa Ganjaran, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Pampasan Eksekutif serta ahli Jawatankuasa Audit Syarikat.

Tan Sri Abu Talib menghadiri kesemua lima Mesyuarat Lembaga yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

Tan Sri Abu Talib tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.

**William Toh Ah Wah**

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas
(Pengarah Urusan)

Warganegara Malaysia, 53 tahun

William Toh Ah Wah dilantik sebagai Pengarah di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 5 Mac 2009 dan sebagai Pengarah Urusan pada 1 Oktober 2009.

William Toh adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Perdagangan daripada Universiti Concordia, Montreal, Kanada. Beliau menyertai Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad pada 1981 sebagai pelatih pengurusan, kini dikenali sebagai British American Tobacco (Malaysia) Berhad dan memegang pelbagai jawatan dalam pemasaran termasuk Pengurus Kawasan dan Pengurus Pemasaran.

Pada 1991 beliau telah ditugaskan ke China dan sepanjang tempoh perkhidmatannya di luar negara, beliau telah memegang pelbagai jawatan termasuk sebagai Pengurus Besar untuk Shandong Rothmans Tobacco Company Limited, China (1991-1994), Pengarah Jualan dan Pemasaran China/Hong Kong untuk Rothmans (Far East) Limited (1994-1996), Pengurus Besar Taiwan untuk Rothmans (Far East) Taiwan Limited (1996-1997), Pengurus Besar China/Hong Kong untuk Rothmans (Far East) Limited (1997-1998) dan Pengarah Urusan Greater China untuk Rothmans (Far East) Limited (1998-1999).

Beliau menyertai British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 1999 dan seterusnya memegang beberapa jawatan termasuk sebagai Pengarah Pembangunan Perniagaan China untuk British American Tobacco Asia Pasifik Utara (1999-2003), Pengarah Urusan British American Tobacco New Zealand Limited (2003-2005), Pengarah Urusan Pakistan Tobacco Company Limited (2005-2008), Pengarah Kawasan bagi British American Tobacco Kawasan Asia Selatan (2007-2008), Pengarah Kawasan Kelompok Indonesia (meliputi pasaran-pasaran Indonesia, Thailand dan Filipina) (2008-2009) dan Pengurus Projek Wilayah untuk British American Tobacco Asia Pasifik Region Limited (2008-2009).

William Toh merupakan ahli Jawatankuasa Ganjaran Syarikat.

Sejak pelantikan beliau sebagai Lembaga Pengarah British American Tobacco (Malaysia) Berhad, William Toh telah menghadiri 4 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

William Toh tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.



Datuk Oh Chong Peng

PJN, JSM

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Warganegara Malaysia, 66 tahun

Datuk Oh Chong Peng dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif syarikat yang dahulunya dikenali sebagai Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad, pada Januari 1998, kini dikenali sebagai British American Tobacco (Malaysia) Berhad.

Beliau menjalani latihan perakaunan di London dan berkelayakan sebagai Akauntan Berkanun pada 1969. Beliau merupakan seorang Fellow Institute of Chartered Accountants, England and Wales (ICAEW) dan juga ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Datuk Oh menyertai Coopers & Lybrand (kini dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers) di London pada 1969 dan di Malaysia pada 1971. Beliau telah menawarkan perkhidmatannya kepada pelanggan-pelanggan Coopers & Lybrand seluruh Malaysia dan ASEAN, yang meliputi pelbagai bidang industri termasuk khidmat kewangan, pembinaan, hartanah, perkilangan, hospitaliti dan perkhidmatan. Beliau merupakan rakan kongsi Coopers & Lybrand, Malaysia dari 1974 dan bersara sebagai rakan kongsi kanan Coopers & Lybrand pada 1997.

Datuk Oh kini menyandang jawatan sebagai Pengerusi Alliance Financial Group Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah Bukan Eksekutif bagi beberapa syarikat awam seperti IJM Corporation Berhad, IJM Plantations Berhad, Kumpulan Europlus Berhad, Malayan Flour Mills Berhad, Dialog Group Berhad dan beberapa syarikat swasta yang lain.

Datuk Oh adalah ahli lantikan Kerajaan bagi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (1996). Beliau juga pemegang amanah bagi Yayasan Pendidikan UTAR (2002) dan ahli Majlis bagi Universiti Tunku Abdul Rahman. Pada tahun 2008, beliau dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Penyenaraian Bursa Malaysia.

Jawatan yang disandang sebelum ini termasuk ahli jawatankuasa lantikan Kerajaan di Bursa Saham Kuala Lumpur (1990-1996), ahli majlis (1981-2002) dan mantan Presiden (1994-1996) Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia, Pengurus Land & General Berhad (1999-2007), Pengarah Powertek Berhad (1997-2003), Kumpulan Rashid Hussain Berhad (1998-2003), Renong Berhad (2001-2003), Nanyang Press Holdings Berhad (2001-2005), Rohas-Euco Industries Berhad (2007-2008) dan Star Publications (M) Berhad (1987-2009), Pemegang Amanah Yayasan Huaren Education (1993-2009) dan ahli lembaga Piaianan Perakaunan Malaysia (2003-2009).

Datuk Oh ialah Pengerusi Jawatankuasa Audit dan ahli Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan Syarikat.

Datuk Oh menghadiri kesemua lima Mesyuarat Lembaga yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

Datuk Oh tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.

**James Richard Suttie**

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Warganegara Britain, 64 tahun

**Stephen James Rush**

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

(Pengarah Kewangan)

Warganegara Australia, 43 tahun

James Richard Suttie dilantik sebagai Pengarah di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada Mei 2002. Beliau menganggotai Institute of Chartered Accountants of Scotland dan juga seorang Ahli Bersekutu Chartered Institute of Taxation. Beliau menyertai Rothmans International p.l.c. sebagai Akauntan Perdagangan/Pengurus pada 1972 dan menyandang jawatan Pengarah Kewangan Carreras of Jamaica Limited pada 1982, Rothmans International Europe pada 1984 dan Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad pada 1992. Pada 1997, beliau telah dilantik sebagai Pengawal Kewangan Serantau bagi Rothmans International di Asia. Pada 1999, beliau telah dilantik sebagai Pengawal Kewangan Serantau, Afrika dan pada 2002 sebagai Pengawal Kewangan Serantau, Asia Pasifik, bagi British American Tobacco p.l.c. sehingga persaraan beliau daripada British American Tobacco p.l.c. pada 31 Disember 2006.

Beliau ialah ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan bagi Syarikat.

James Suttie menghadiri kesemua lima Mesyuarat Lembaga yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

James Suttie tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.

Stephen James Rush dilantik sebagai Pengarah di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada Mac 2008. Beliau lulusan Ijazah Sarjana Muda daripada University of Technology, Sydney dan merupakan seorang Fellow Institute of Chartered Accountants of Australia.

Stephen Rush mula menyertai British American Tobacco Group sebagai Juruaudit Dalaman bagi British American Tobacco Australia pada 1995 sebelum menyandang jawatan sebagai Pengurus Kewangan Operasi dan Pengurus Kewangan Pemasaran dari 1997 sehingga 2001. Pada April 2001, beliau dilantik sebagai Pengarah Kewangan di British American Tobacco Cambodia sebelum memikul tanggungjawab sebagai Pengarah Kewangan di British American Tobacco Poland.

Sebelum pelantikan beliau sebagai Pengarah Kewangan British American Tobacco (Malaysia) Berhad, Stephen Rush menyertai Pasukan Serantau Eropah sebagai Timbalan Pengawal Kewangan untuk British American Tobacco plc pada tahun 2004. Semasa memegang jawatan ini, tanggungjawab utama Stephen Rush adalah untuk menentukan prestasi kawasan Eropah Tengah dan Timur. Berkuat kuasa 15 November 2010, portfolio Stephen Rush telah diperluaskan untuk meliputi Strategi & Perancangan, Pejabat Pengurusan Projek dan Teknologi Maklumat di samping peranan beliau sebagai Pengarah Kewangan Syarikat.

Stephen Rush menghadiri kesemua lima Mesyuarat Lembaga yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

Stephen Rush tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.



Dato' Chan Choon Ngai

DSNS

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas
(Pengarah Operasi)
Warganegara Malaysia, 55 tahun

Dato' Chan Choon Ngai dilantik sebagai Pengarah Operasi Syarikat yang dahulunya dikenali sebagai Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad, kini dikenali sebagai British American Tobacco (Malaysia) Berhad, pada Oktober 1995. Dato' Chan Choon Ngai ialah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, University of Birmingham, United Kingdom. Beliau menyertai Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad pada 1979 sebagai Pelatih Pengurusan Pengeluaran dan telah menyandang beberapa jawatan penting dalam bahagian pengeluaran, antaranya Eksekutif Pengeluaran Pembuatan dan Pembungkusan (1980-1982), Penolong Peribadi kepada Pengarah Pengeluaran Dunia Rothmans International, Rothmans International United Kingdom (1982-1984), Pemangku Pengurus Kilang Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad (1984-1986), Pengurus Kilang Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad (1986-1994), dan Pengarah Pengeluaran (Bakal) Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad (1994-1995). Beliau juga merupakan Pengarah Tien Wah Press Holdings Berhad dari Mei 1997 sehingga Jun 2003.

Pada tahun 2000, Dato' Chan telah dilantik sebagai Pengarah Operasi British American Tobacco Malaysia. Mulai 15 November 2010, portfolio Dato' Chan telah diperluaskan untuk meliputi fungsi Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan di samping jawatannya sebagai Pengarah Operasi Syarikat. Dato' Chan bersara pada 31 Disember 2010 setelah mencapai usia 55 tahun. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Operasi British American Tobacco (Malaysia) Berhad berkuat kuasa 1 Februari 2011.

Dato' Chan menghadiri kesemua lima Mesyuarat Lembaga yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

Dato' Chan tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.



Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak

DPCM, DSIS, DSAP

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Warganegara Malaysia, 56 tahun

Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak dilantik sebagai Pengarah di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 5 Mac 2009. Dato' Ahmad Johari ialah pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, University of Kent, United Kingdom. Beliau telah diterima untuk menyertai Bar of England and Wales di Lincoln's Inn pada 1976 dan diterima sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada 1977. Beliau menjadi pengamal undang-undang di sebuah firma guaman pada 1979 dan kemudiannya menjadi rakan kongsi daripada 1981 sehingga 1994. Beliau menyertai semula firma ini sebagai rakan kongsi pada 1 Ogos 2007.

Dato' Ahmad Johari kini menyandang jawatan Pengerusi Ancom Berhad, Courts Mammoth Sdn Bhd dan Daiman Development Berhad dan Pengarah bagi Hong Leong Industries Berhad, Nylex (Malaysia) Berhad, Daiman Golf Berhad dan Deutsche Bank (Malaysia) Berhad. Beliau juga merupakan ahli beberapa Jawatankuasa Lembaga Pengarah di Hong Leong Industries Berhad, Ancom Berhad, Daiman Development Board dan Deutsche Bank (Malaysia) Berhad. Dalam bidang akademik, beliau merupakan Profesor Adjung di Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA.

Dato' Ahmad Johari ialah ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Audit bagi Syarikat.

Sejak perlantikan beliau ke dalam Lembaga Pengarah British American Tobacco (Malaysia) Berhad, Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak telah menghadiri lima Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

Dato' Ahmad Johari tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.

PROFIL AHLI KUMPULAN PENGURUSAN KANAN

1 William Toh Ah Wah

Pengarah Urusan

Warganegara Malaysia, 53 tahun

William Toh berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan daripada Universiti Concordia, Montreal, Kanada.

Beliau menyertai Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad pada 1981 sebagai pelatih pengurusan dan telah memegang pelbagai portfolio sepanjang perkhidmatannya termasuk sebagai Pengarah Urusan Greater China of Rothmans (Far East) Limited (1998-1999), Pengarah Pembangunan Perniagaan China untuk British American Tobacco Asia Pasifik Utara (1999-2003), Pengarah Urusan British American Tobacco Limited New Zealand (2003-2005), Pengarah Urusan Pakistan Tobacco Company Limited (2005-2008), Pengarah Kawasan Asia Selatan British American Tobacco (2007-2008) dan Pengarah Kawasan Kelompok Indonesia (meliputi pasaran Indonesia, Thailand dan Filipina) (2008-2009) dan merangkup Pengurus Projek Serantau British American Tobacco Limited Asia Pacific Region Limited (2008-2009).

William Toh merupakan ahli Lembaga Pengarah dan juga ahli Jawatankuasa Ganjaran Syarikat.

Butiran profil William Toh dipaparkan di halaman 38 Laporan Tahunan ini.

2 Cheryl Ann Wong Wai Leng

Pengarah Sumber Manusia

Warganegara Malaysia, 42 tahun

Cheryl Ann Wong Wai Leng menyertai British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 2004 sebagai Pengurus Pembangunan Bakat dan menyandang jawatan Ketua Pemasaran Sumber Manusia pada 2005. Beliau pernah bertugas di British American Tobacco Vietnam pada 2007 dan memegang dua jawatan sebagai Pengarah Sumber Manusia dan Ketua Sumber Manusia Kawasan Asia Timur British American Tobacco. Cheryl menerajui Program Kakitangan Kawasan bagi menumpukan usaha memenuhi saluran kakitangan yang berkesan untuk kerjaya di peringkat rendah dan pertengahan dalam keadaan pasaran baru yang mencabar, menyediakan peluang perkembangan yang mantap bagi kakitangan tempatan dan mula mewujudkan tempat kerja di mana pekerja dapat mencapai prestasi mereka yang terbaik, ke arah menyediakan organisasi menghadapi cabaran masa depan. Pada November 2008, Cheryl Wong dilantik sebagai Pengarah Sumber Manusia di British American Tobacco (Malaysia) Berhad. Sebelum menyertai Kumpulan British American Tobacco, beliau merupakan Pengurus Sumber Manusia Negara di Accenture Malaysia.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi khusus dalam bidang Pentadbiran Perniagaan, Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Heriot-Watt, Edinburgh.

3 Hendrik Stoel

Pengarah Pemasaran

Warganegara Belanda, 42 tahun

Hendrik Stoel telah dilantik sebagai Pengarah Pemasaran British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada Julai 2010. Beliau berkelulusan ijazah Pemasaran daripada Hanzehogeschool Groningen, Netherlands dan memegang Ijazah MBA daripada University of Northumbria, Newcastle, England.

Beliau menyertai Kumpulan British American Tobacco pada tahun 1995 sebagai Pengurus Jenama di Ukraine sebelum menyandang jawatan Pengurus Jenama Kumpulan pada tahun 1997. Selepas di mana beliau memegang pelbagai jawatan kepimpinan di Asia Tengah, Pakistan dan United Kingdom. Pada tahun 2006, beliau dilantik sebagai Pengarah Pemasaran Majlis Kerjasama Teluk British American Tobacco (yang meliputi pasaran Arab Saudi, UAE, Kuwait, Oman, Bahrain dan Qatar) dan selanjutnya sebagai Pengarah Pemasaran Kawasan Asia Timur pada tahun 2008 (meliputi pasaran Vietnam, Kemboja, Indonesia, Thailand, Filipina dan Mongolia). Akibat penyusunan semula, Hendrik meninggalkan Vietnam selepas tujuh bulan untuk menjadi Pengurus Jenama Kumpulan Serantau Asia Pasifik sebelum dilantik Pengarah Pemasaran British American Tobacco (Malaysia) Berhad.



profil ahli kumpulan pengurusan kanan

4 Stephen James Rush

Pengarah Kewangan

Warganegara Australia, 43 tahun

Dengan kerjayanya sebagai akauntan, Stephen James Rush menyertai Kumpulan British American Tobacco pada 1995. Sepanjang perkhidmatannya, beliau telah memegang beberapa portfolio termasuk Pengarah Kewangan British American Tobacco Cambodia, Pengarah Kewangan British American Tobacco Poland dan Timbalan Pengawal Kewangan, Eropah bagi British American Tobacco p.l.c.

Stephen Rush merupakan ahli Lembaga Pengarah dan juga ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa subsidiari Kumpulan.

Butiran profil Stephen Rush dipaparkan di halaman 40 Laporan Tahunan ini,

5 Dato' Chan Choon Ngai

DSNS

Pengarah Operasi

Warganegara Malaysia, 55 tahun

Dato' Chan Choon Ngai adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Birmingham, United Kingdom. Beliau menyertai Kumpulan sejak 1979. Beliau memegang beberapa jawatan penting di bahagian operasi Syarikat, iaitu sebagai Pengarah Operasi dan Pengarah Kilang.

Dato' Chan bersara pada 31 Disember 2010 setelah mencapai usia 55 tahun. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Operasi British American Tobacco (Malaysia) Berhad berkuat kuasa 1 Februari 2011. Dato' Chan adalah ahli Lembaga Pengarah dan juga ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa subsidiari Kumpulan.

Butiran profil Dato' Chan dipaparkan di halaman 41 Laporan Tahunan ini.

6 Christine Lee Oi Kuan

Pengarah Hal Ehwal Korporat dan

Perundangan

Warganegara Malaysia, 52 tahun

Christine Lee Oi Kuan dilantik ahli Kumpulan Pengurusan Kanan di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 1 Januari 2006 dan memegang jawatan sebagai Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 1 September 2006. Beliau telah berkhidmat dengan British American Tobacco (Malaysia) Berhad sejak 2001.

Christine Lee memulakan kerjayanya di British American Tobacco (Malaysia) Berhad sebagai Ketua Perundangan dan Setiausaha Syarikat. Sebelum ini beliau adalah Pengurus Perundangan dan Setiausaha Syarikat di dua buah syarikat tersenarai awam, Hong Leong Industries Berhad dan Malaysian Pacific Industries Berhad.

Berkelulusan ijazah undang-undang Universiti Malaya, Christine Lee pernah berkhidmat di Jabatan Peguam Negara, Malaysia daripada 1983-1993 di Bahagian Pendakwaan dan Bahagian Penasihat dan Undang-Undang Antarabangsa.

Kini sebagai Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan, Christine Lee bertanggungjawab dalam hal ehwal korporat dan kawal selia serta hal perundangan Kumpulan.

Christine Lee juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa subsidiari Kumpulan.

7 Lim Hun Chye @ Allen Lim

Pengarah Perkhidmatan


Pembangunan Perniagaan

Warganegara Malaysia, 54 tahun

Lim Hun Chye @ Allen Lim menyertai Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad, kini British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 1990, sebagai Akauntan Perdagangan. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Perdagangan, Universiti Melbourne dan MBA daripada Universiti Monash, Australia. Beliau menganggotai dua badan perakaunan Institute of Chartered Accountants di Australia dan Institut Akauntan Malaysia. Tambahan lagi, beliau juga ialah ahli Institut Setiausaha dan Pentadbiran Berkanun Malaysia (MAICSA). Beliau berkhidmat dalam pelbagai jawatan operasi yang merangkumi fungsi Teknologi Maklumat dan Kewangan. Selepas pengumuman penggabungan Rothmans of Pall Mall dan Malaysian Tobacco Company Berhad pada 1999, Allen Lim telah dilantik sebagai Pengurus Integrasi. Beliau kemudiannya berperanan sebagai Pengurus Kewangan Korporat selama dua tahun sebelum menjadi Ketua Kewangan Pemasaran Jenama pada 2004 dan selepas itu Ketua Kewangan Pemasaran pada 2005. Pada April 2006, Allen Lim menjalankan tugas sebagai Ketua Pembangunan Perniagaan Strategik dan pada September 2006, beliau dilantik sebagai Pengarah Pembangunan Perniagaan.

Allen Lim menyandang tugas sebagai Pengarah Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan daripada Disember 2008 sehingga 2010. Portfolio beliau termasuk Teknologi Maklumat, Pengurusan Program, Strategi dan Perancangan, Sekuriti Perniagaan dan Pembangunan Perniagaan.

Sesuai dengan pengalamannya yang berkaitan, beliau dilantik untuk menerajui Malaysia bagi projek penilaian pra-perintis yang melibatkan pelaksanaan pejabat pentadbiran sokongan yang bergabung sepenuhnya yang dicorak oleh Kumpulan British American Tobacco p.l.c. yang akan beroperasi di peringkat global.



profil ahli kumpulan pengurusan kanan

PERTUMBUHAN

ASAS PERTUMBUHAN YANG MAMPAH TERLETAK PADA SEMANGAT UNTUK MEMPERTINGKATKAN PORTFOLIO JENAMA UTAMA GLOBAL DAN MENYAMPAIKAN NILAI MELALUI MODEL PEMASARAN PERDAGANGAN DAN PENGEDARAN KAMI.



PERTUMBUHAN

Semangat mencapai pertumbuhan mampan

Dalam menghadapi persekitaran perniagaan yang mencabar pada tahun 2010, British American Tobacco Malaysia telah melakar strategi untuk mengembalikan perniagaan kami pada asasnya, dengan menyediakan portfolio jenama yang berkualiti kepada konsumer dewasa bagi memacu pertumbuhan yang mampan. Hasil daripada inisiatif strategik ini, Syarikat telah berjaya mencapai 60.0% penguasaan pasaran korporat sepenuh tahun.

Misi ini telah menganjurkan kami untuk meningkatkan portfolio jenama dan mengasah keupayaan pemasaran dan pengedaran kami demi mencatatkan pertumbuhan syer korporat buat kali pertama dalam tempoh sepuluh tahun, lantas mengukuhkan kedudukan kami sebagai peneraju pasaran.

Jenama Utama Global

Jenama Utama Global kami amat dititikberatkan demi memastikan kejayaan penambahbaikan produk dan strategi pemasaran perdagangan dan pengedaran. Strategi melengkapkan portfolio Jenama Utama Global bagi memperkuatkukuhkan lagi kedudukan kami dalam pasaran telah menghasilkan prestasi yang mantap bagi tahun 2010.

Pada tahun 2010, peningkatan portfolio jenama kami turut menyaksikan tumpuan diberi pada dua Jenama Utama Global kami yang terbesar, DUNHILL dan PALL MALL, manakala KENT terus utuh memacu segmen Premium Lights dan Menthol. Dalam segmen Nilai Untuk Wang (NUW), kami telah melancarkan PETER STUYVESANT pada Jun 2010 lalu sebagai saranan NUW kedua bagi konsumor dewasa. Pelancaran PETER STUYVESANT ini telah mendorong Syarikat melonjak mendekati sasaran untuk menerajui NUW, selaras dengan inisiatif-inisiatif jenama PALL MALL untuk menguasai segmen ini.



"Bagi saya, semangat adalah pemangkin yang mencetuskan kreativiti dan menganjak saya daripada kelaziman ke arah kecemerlangan dalam segala yang saya lakukan."

Michael Tan, Pengurus Pasaran Am

SOROTAN

40.5%

Bahagian pasaran dalam **segmen Premium Lights** untuk 2010, disumbang oleh DUNHILL Blue dan KENT 3TEK.




Memacu untuk menerajui Premium *Lights* dan Mentol

Pada tahun 2010, British American Tobacco Malaysia meneruskan momentumnya sejak 2009 untuk meningkatkan penguasaan pasaran dalam segmen Premium *Lights* dan Mentol. Prestasi kukuh yang dipacu bersama oleh DUNHILL dan KENT telah menghasilkan pertumbuhan volum dan penguasaan pasaran yang cukup mantap sehingga menjangkaui pertumbuhan industri dalam dua segmen strategik ini.


Pasaran Segmen Premium *Lights* British American Tobacco Malaysia

Sumber: Audit Runcit, dasar = Premium *Lights*



Pasaran Segmen Premium Mentol dan Mentol *Lights* British American Tobacco Malaysia

Sumber: Audit Runcit, dasar = Premium Mentol dan Mentol *Lights*



Produk ini mengandungi lebih 4,000 bahan kimia termasuk tar, nikotina dan karbon monoksida yang membahayakan kesihatan.



"Semangat adalah menyukai perkara yang anda lakukan dan melakukannya dengan penuh perasaan. Apabila di tahap ini, baru anda dikira sebagai orang yang bersemangat."

*Thomas Tan,
Eksekutif Dagangan*

DUNHILL

Berikut pelancaran pek Berpelekat Reloc DUNHILL pada tahun 2009, kesan kejayaannya dapat dirasai sepenuhnya pada tahun 2010, ketika mana jenama ini berkembang lebih utuh bagi memantapkan lagi kedudukannya sebagai peneraju pasaran yang tidak dinafikan di Malaysia. Melalui fungsi ciri Reloc yang memastikan produk tetap segar untuk tempoh yang lebih lama, DUNHILL terus menjadi penetap tanda aras dalam mentakrifkan semula taraf tawaran produk premium di dalam segmen ini.

1



KENT

Barisan jenama KENT, iaitu 3TEK (Teknologi Penapis Arang Ganda Tiga) dan MINTEK (Teknologi Rasa MINTEK) terus merintis teknologi transmisi citarasa demi memenuhi keperluan pengguna yang pelbagai.

2



- 1 Pelancaran pek berpelekat Reloc DUNHILL tahun lalu mentakrifkan semula taraf produk premium dan memantapkan kedudukan DUNHILL sebagai peneraju pasaran.

50

- 2 Barisan jenama KENT terus merintis teknologi transmisi citarasa pada 2010.

Produk ini mengandungi lebih 4,000 bahan kimia termasuk tar, nikotina dan karbon monoksida yang membahayakan kesihatan.


Memacu mendekati kedudukan peneraju dalam segmen Nilai Untuk Wang

Dalam usaha kami untuk menjadi peneraju dalam segmen Nilai Untuk Wang (NUW) pada tahun 2010, kami telah menyalurkan tumpuan sepenuhnya dalam pelbagai inisiatif jenama untuk PALL MALL serta pelancaran PETER STUYVESANT, sebagai saranan NUW kami yang kedua dalam usaha selanjutnya untuk memacu prestasi portfolio NUW kami.

Meraih momentum ke arah peneraju NUW pada tahun 2010:

PALL MALL dan PETER STUYVESANT lawan jenama saingan (%)

Sumber: Audit Runcit Malaysia Penuh Tahun 2010 lawan Penuh Tahun 2009
(Dasar: Rokok Putih)



PALL MALL

PALL MALL muncul berdaya tahan dalam usahanya ke arah menerajui segmen NUW, melalui inovasi yang berjaya dan tawaran jenama kualiti, nilai dan sifat berkemampuannya yang kukuh, meskipun dalam suasana perniagaan yang kurang menggalakkan. Pelancaran campuran baru PALL MALL Red dan Blue pada Mac 2010 menampilkan semangat kami untuk menawarkan jenama kualiti yang bernali untuk konsumen-konsumen kami.

PETER STUYVESANT


Pada Jun 2010, British American Tobacco Malaysia telah melancarkan barisan jenama PETER STUYVESANT, sebagai tawaran NUW kedua untuk mengukuhkan lagi kedudukan kami dalam segmen NUW. Sejak itu, tambahan terkini kepada portfolio jenama kami, diiringi oleh PALL MALL, mendorong kami mendekati sasaran untuk menerajui segmen NUW.

Produk ini mengandungi lebih 4,000 bahan kimia termasuk tar, nikotina dan karbon monoksida yang membahayakan kesihatan.

SOROTAN

9.9%

Kami mendekati kedudukan peneraju segmen NUW dengan bahagian pasaran 9.9% disumbang barisan jenama PALL MALL dan barisan jenama PETER STUYVESANT.



1 Campuran Baru PALL MALL Red dan Blue menawarkan jenama kualiti yang bernali untuk wang bagi para pengguna.

2 Pelancaran PETER STUYVESANT sebagai tawaran NUW kedua dalam usaha memacu sasaran untuk menerajui segmen NUW.

pertumbuhan

Semangat mencapai pengedaran cemerlang melalui keupayaan pemasaran perdagangan yang mantap

Iltizam untuk mewujudkan tapak pengedaran yang berkesan bagi menjamin perkembangan British American Tobacco Malaysia pada masa depan.



"Semangat ada berhubung kaitnya dengan meminati apa yang kita lakukan, melakukannya dengan setulus hati dan menikmati kepuasan dan penghargaan apabila keputusan dicapai."

*Thomas Lee,
Pengurus Jualan dan
Pengedaran*

Usaha penggabungan rangkaian pengedaran kami bermula pada tahun 2005 dengan tertubuhnya operasi Kedai Jualan Langsung (KJL) di Kuala Lumpur untuk membangunkan dan melaksanakan amalan terbaik bagi memastikan kemampunan sistem pemasaran perdagangan dan pengedaran kami. Kejayaan penubuhan operasi KJL di Kuala Lumpur berikutnya menggesakkan penubuhan KJL di Pulau Pinang dan Johor Bahru.

Di samping itu, untuk melengkapai usaha kami dalam menambah baik model pengedaran melalui penyediaan operasi KJL dan untuk mewujudkan perkongsian jangka panjang dengan rakan niaga kami, model Pengedar Eksklusif Cemerlang (PEC) turut dilaksanakan di Pantai Timur (Kelantan dan Terengganu) pada tahun 2008 dan kemudian di wilayah Utara (Alor Setar dan Kangar) pada tahun 2009.

Berikutan inisiatif British American Tobacco Malaysia untuk menggabungkan rangkaian pengedaran kami, tahun 2010 telah menyaksikan Syarikat melancarkan dua PEC berturut-turut, buat julung-julung kalinya. Operasi ini dilaksanakan di Johor Utara dan Melaka serta di Seremban. Dua pusat pengedaran juga turut digabungkan pada tahun 2010, justeru, meningkatkan lagi rangkaian pengedaran kami. Secara keseluruhan, sejumlah sepuluh pusat pengedaran telah digabungkan sejak pelancaran operasi PEC pada tahun 2008, justeru mewujudkan tapak pengedaran yang berkesan untuk menjamin perkembangan British American Tobacco Malaysia pada masa depan.

Selain daripada penggabungan fizikal rangkaian pengedaran, gabungan ini juga memastikan keselarasan dengan objektif perniagaan di antara British American Tobacco Malaysia dengan operasi PEC, demi memastikan pengurusan yang sistematik. Penunjuk Prestasi Utama operasi PEC ini dikongsi dan diukur, manakala kajian perniagaan yang tersusun dilaksanakan untuk membincangkan dan merumus tindakan untuk menangani sebarang penambahbaikan di antara kedua-dua pihak.

- 1 Majlis pembukaan rasmi satu daripada operasi Pengedar Eksklusif Cemerlang kita.
- 2 Prosedur pergudangan yang cekap dan sistematis dalam semua operasi Pengedar Eksklusif Cemerlang.





Sejak pelaksanaan, operasi PEC yang dijalankan oleh rakan perniagaan kami telah terbukti diri mereka sama efektif dengan operasi KJL dalam kami dalam aktiviti jualan dan pengedaran.

Mengoptimalkan kos pengedaran melalui Operasi Perseorangan (OP)

Di samping penggabungan rangkaian pada tahun 2010, Syarikat juga melaksanakan Operasi Perseorangan (OP) di kawasan-kawasan yang dikenal pasti setelah perancangan yang teliti dan kriteria pemilihan yang ketat dikendalikan, demi memastikan kualiti perkhidmatan pasaran yang terbaik. OP ialah istilah yang diberi kepada operasi van jualan yang dikendalikan secara berseorangan berbanding kebiasaannya dua orang sekumpulan bertujuan mengoptimalkan kos operasi. Hasil daripada kejayaan pelaksanaan inisiatif ini, sejumlah 211 operasi van kini beroperasi melalui OP.

Menyemarakkan semangat dan prestasi yang tinggi melalui sasaran insentif

Untuk menggalakkan tenaga kerja jualan untuk menyampaikan sasaran volum dan penguasaan pasaran Syarikat yang menjangkau, insentif penggalak turut diterapkan dalam usaha memacu semangat bekerja dan prestasi yang tinggi. Di samping insentif tambahan ini, kempen komunikasi yang teratur telah dianjurkan untuk mendorong tenaga kerja lapangan jualan kami mencapai sasaran.

"Semangat (PASSION) ialah:

- P – Proaktif dalam apa juu kita lakukan
- A – Menjangka untuk selangkah di hadapan
- S – Ikhlas terhadap semua pihak kepentingan
- S – Jelas mengenai strategi kita untuk mencapai matlamat
- I – Berusaha lebih daripada biasa
- O – Merancang untuk tindakan terbaik
- N – Jangan berputus asa

August Tham, Pengurus Jualan dan Pengedaran



SOROTAN

DUA Pengedar Eksklusif Cemerlang dilaksanakan di wilayah Utara Johor dan Melaka serta kawasan Seremban.

Keupayaan pemasaran perdagangan dan pengedaran kami ditakrifkan dengan baik demi menyampaikan perkhidmatan berkesan tinggi dan tekal kepada para pelanggan.

Operasi jualan van OP kami mengoptimalkan kos operasi.

1

53



PRODUKTIVITI

SEMANGAT UNTUK PRODUKTIVITI BERMAKSUD PEMACUAN UNTUK BEKERJA DENGAN LEBIH PANTAS, BAIK DAN BIJAK UNTUK MEMASTIKAN PELAKSANAAN YANG BERKESAN DAN CEKAP.

PRODUKTIVITI

Semangat untuk produktiviti cemerlang

Iltizam British American Tobacco Malaysia bagi tahun 2010 ialah untuk mencapai produktiviti yang cemerlang melalui usaha yang lebih pantas, baik dan lebih bijak.

Selaras dengan misi ini, tumpuan kami ialah untuk memacu inisiatif untuk mengoptimumkan sumber dan meningkatkan kecekapan serta keberkesan operasi kami secara keseluruhan. Inisiatif ini menjadi faktor dorongan kami ke arah mewujudkan model operasi perniagaan yang mampan.

Memacu Program *Breakthrough*

Breakthrough 4

Breakthrough 4 merupakan fasa keempat dalam usul *Breakthrough* yang bermula pada tahun 2002. Ia merupakan kesinambungan program *Breakthrough 1* (2002-2004) yang memberi tumpuan pada penambahbaikan prestasi kilang dan *Breakthrough 2+* (2005-2006) yang tertumpu pada rangkaian bekalan hujung ke hujung yang fokus kepada pelanggan. *Breakthrough 3* (2007-2008) tertumpu untuk menjadi Rangkaian Pembekal pilihan No. 1 bagi Asia Pasifik..

Matlamat *Breakthrough 4* kami digambarkan dalam rajah di bawah:

Rangkaian Pembekal No.1 British American Tobacco dari segi kualiti, penghantaran dan keberkesan kos



SOROTAN

Pencapaian Breakthrough 4 dari 2009 – 2010

27%

Peningkatan dalam produktiviti.

46%

Sasaran dilampaui sebanyak 46% untuk jumlah penjimatan kos produk.

14%

Sasaran dilampaui sebanyak 14% untuk kadar kepuasan pelanggan.

60%

Sasaran dilampaui sebanyak 60% untuk penjimatan kos pembungkusan tertier.

4%

Sasaran dilampaui sebanyak 4% untuk kecemerlangan dalam kualiti produk.

100%

Penyertaan pekerja dalam aktiviti Peningkatan Berterusan dan Breakthrough 4.

Rangka kerja dibangunkan untuk menggalakkan Rangkaian Bekalan Cemerlang dibentuk

Secara ringkas, program Breakthrough 4 yang bermula pada tahun 2009 telah mencapai manfaat berikut dalam tempoh dua tahun:

- Produktiviti meningkat sebanyak 27%.
- Taraf kepuasan pelanggan melampaui sasaran sebanyak 14%.
- Jumlah penjimatan kos produk melampaui sasaran sebanyak 46%.
- Penjimatan kos pembungkusan tertier melebihi sasaran sebanyak 60%.
- Kecemerlangan kualiti produk yang dikekalkan melebihi sasaran sebanyak 4%.
- 100% penyertaan pekerja dalam aktiviti Peningkatan Berterusan dan Breakthrough 4.
- Membangunkan rangka kerja untuk mengukuhkan prestasi individu dan kepimpinan demi menggalakkan profesionalisme rangkaian bekalan dan kepakaran pasukan.

Usul Breakthrough kami dari 2002 hingga 2010

Setelah terlaksananya empat program Breakthrough yang bermula pada tahun 2002 selepas penggabungan antara Malaysian Tobacco Company Berhad dengan Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad, dinamik dan fokus program telah berubah dari tumpuan kepada peningkatan prestasi kilang dan usaha mempertingkatkan keupayaan kakitangan kepada memberi tumpuan pada penambahbaikan kecemerlangan rangkaian bekalan melalui fokus kepada konsumen dari hujung ke hujung.

Hari ini, usul Breakthrough ini telah membantu kami mencapai kecemerlangan dalam proses rangkaian bekalan yang meletakkan kami setaraf dengan kemudahan perkilangan British American Tobacco lain yang bertaraf dunia. Kami telah membangunkan pasukan berprestasi tinggi yang berpandukan dan tertumpu pada konsumen dan pelanggan, serta komited ke arah mencapai masa depan yang kami inginkan sebagai Rangkaian Pembekal Pilihan Nombor 1 di Asia Pasifik.

Mengekalkan standard yang tinggi

Program Breakthrough merupakan kejayaan yang besar dalam mendorong strategi syarikat dalam menangani cabaran kerumitan perniagaan dan situasi ekonomi global yang sukar.

Dengan peningkatan operasi hampir sepuluh tahun, dan tumpuan yang jitu terhadap kecekapan dan keberkesanan produktiviti yang diterapkan di dalam budaya warga kerja kami, 2010 menandakan tahun terakhir bagi program Breakthrough yang amat berjaya. Kami membawa bersama kami amalan terbaik dan pengajaran yang kami peroleh demi mencapai wawasan untuk menjadi Rangkaian Pembekal British American Tobacco No. 1 dari segi kualiti, penghantaran dan keberkesanan kos.

SOROTAN

Pencapaian utama program Breakthrough dari 2002 – 2010:

200%

Peningkatan dalam produktiviti output kilang.

Kemajuan cemerlang dalam kualiti dan kecekapan penghantaran rangkaian pembekalan hujung ke hujung.

Memacu inisiatif produktiviti bagi mewujudkan persekitaran perniagaan mampan

Melalui inisiatif utama pasukan pemacu Produktiviti yang dikenal pasti dan dilaksanakan di seluruh Syarikat, dana yang dijana daripada pengoptimuman sumber dan kos disalurkan kembali ke Syarikat untuk dilabur ke dalam strategi utama untuk mencapai pertumbuhan syer pasaran dan mendorong kemampanan perniagaan.

Sorotan inisiatif utama pasukan pemacu Produktiviti utama digariskan di bawah:

- **Penggunaan petrol yang lebih keberkesanan kos**

Semua kenderaan Syarikat beralih daripada RON97 kepada RON95, yang menggunakan teknologi pembakaran yang lebih mesra alam dengan bahan tambahan yang lebih bersih. Semua kenderaan yang beralih dari RON 97 ke RON 95 menghasilkan penjimatan kos sebanyak 12%.

- **Mengoptimumkan cara penggunaan kenderaan syarikat**

Dengan memanfaatkan kemajuan dalam teknologi automotif dan ciri keselamatan yang dipertingkat dalam kenderaan, satu garis panduan gantian bagi semua kenderaan syarikat diperkenalkan untuk mengoptimumkan penggunaan di samping mengekalkan standard keselamatan dan perkhidmatan.

- **Meningkatkan kepantasan produk ke pasaran (*speed to market*)**

Menyemak cara untuk menyepadukan laluan penghantaran bagi pengedaran kami untuk menyingkatkan masa perjalanan dan menambahbaik matlamat kami untuk menyampaikan produk kepada pengedar sepenuhnya dan tepat pada masanya.

- **Mengurus kumpulan kenderaan syarikat**

Melaksanakan sistem pengurusan kumpulan kenderaan syarikat untuk menambahbaik proses dan usaha mendapatkan tawaran terbaik daripada pembekal perkhidmatan bagi kenderaan kami.

Lebih banyak lagi inisiatif pasukan pemacu Produktiviti untuk meningkatkan kemampanan perniagaan kami boleh didapati dalam bahagian tungggak Tanggungjawab.

SOROTAN

Memantapkan budaya Peningkatan Berterusan

Program Peningkatan Berterusan (*Continuous Improvement – CI*) Kaizen, yang diambil daripada perkataan *Kaizen*, mula dilancarkan pada tahun 2006. Program ini berasaskan sistem peningkatan berterusan. *Kaizen* bermaksud membuat perubahan yang boleh membawa kepada penambahbaikan, dan mematuhi falsafah untuk melaksanakan sesuatu dengan lebih baik, lebih pantas dan lebih bijak.

Pada 2010, Syarikat telah mencapai jumlah inisiatif CI-Kaizen sebanyak 1,463 yang tamat disempurnakan. Sejak permulaan program ini pada 2006, Syarikat telah menyaksikan 6,083 inisiatif CI-Kaizen yang telah disempurnakan.

Pasukan Operasi telah mengembangkan program CI-Kaizen untuk merangkumi penambahbaikan pasukan, berbanding fokusnya terdahulu pada penambahbaikan individu. Dikenali sebagai Lingkaran Kaizen, program ini memanfaatkan kaedah penyelesaian masalah yang lebih tersusun dan menerapkan modul yang disesuaikan untuk membimbing kakitangan Operasi dalam menggunakan prinsip Lingkaran Kaizen ini.

Program CI-Kaizen turut melalui proses penambahbaikannya sendiri dengan mengeluarkan kategori, "peringkasan kerja" daripada senarai kategori CI-Kaizen, justeru menghasilkan gugusan kategori CI-Kaizen yang lebih tepat bagi penambahbaikan penyampaian dan produktiviti, peningkatan kualiti, penjanaan pertumbuhan, penjimatkan kos, dan peningkatan persekitaran kerja kami.

Memantapkan budaya baik pulih berterusan:


1,463

Jumlah inisiatif CI-Kaizen disempurnakan pada tahun 2010.

6,083

Jumlah inisiatif CI-Kaizen disempurnakan sejak 2006.

Inisiatif CI-Kaizen seluruh Syarikat yang disempurnakan sejak 2006 hingga 2010



SOROTAN

Infrastruktur IT diperkemaskan pada tahun 2010 melalui inisiatif-inisiatif utama ini:

- Menaikkan taraf infrastruktur IT domestik dan antarabangsa.
- Menggabungkan pembekal perkhidmatan telekomunikasi mudah alih.
- Memperkemas server IT melalui teknologi maya.

Memanfaatkan teknologi untuk memacu produktiviti cemerlang

Penggabungan infrastruktur Teknologi Informasi (IT) untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian

Usaha penting dilaksanakan untuk menggabungkan dan memperkemas infrastruktur IT demi meningkatkan prestasi, mempercepatkan masa tindak balas dan meningkatkan produktiviti kami sepanjang tahun 2010. Beberapa usaha penting ini tersenarai di bawah:

- Infrastruktur IT domestik dan antarabangsa telah dinaik taraf untuk meningkatkan prestasi sistem aplikasi yang digunakan bagi sistem tugas yang kritikal. Usaha ini telah menghasilkan masa tindak balas yang lebih pantas dan produktiviti yang lebih tinggi. Sistem IT jualan kami, Swift, telah mencatatkan penambahbaikan masa tindak balas sebanyak 30 minit setiap hari di seluruh negara.
- Pembekal perkhidmatan telekomunikasi mudah alih kami telah digabungkan untuk memperoleh ekonomi skala sementara memperbaiki pengurusan pembekal dan kualiti perkhidmatan kepada pengguna kami di seluruh negara.
- Persekutaran server IT kami telah diperkemas melalui teknologi pemayaan dengan menggantikan 23 server fizikal dengan tiga server maya, menghasilkan pengurangan kos modal tunggal berjumlah RM450,000 di samping meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dengan mengurangkan jejak karbon.

Memperkemas pelaporan pengeluaran untuk menggalakkan produktiviti

Tahun ini, selaras dengan usaha kami untuk memperkemas proses demi meningkatkan kecekapan dan produktiviti secara keseluruhan dalam operasi kami, sebuah alat pemantauan sistematik telah diperkenalkan untuk menjelaki laporan Penunjuk Prestasi Utama (PPU) pengeluaran untuk Bahagian Perkilangan Sekunder, seperti masa gendala mesin, kecekapan peralatan dan output.

Melalui sistem ini, proses menjelak dan menghasilkan laporan PPU dapat diperkemaskan, yang sebelum ini dikendalikan secara manual dan memakan masa yang lama. Hasilnya telah membantu meningkatkan produktiviti melalui jejak laporan PPU yang cekap.



"Pekerjaan saya adalah mencari jalan untuk mempertingkatkan produktiviti rakan sekerja serta membantu mereka bekerja dengan lebih baik, bijak dan lebih pantas. Kejayaan melakukan perkara ini memberi saya semangat di tempat kerja."

Avinash Suresh,
Penganalisis Kanan Perniagaan, Rangkaian Bekalan

Penyelesaian aliran kerja berdasarkan jaringan untuk meningkatkan kecekapan

Pada tahun 2010, kami telah membangunkan sistem aliran kerja berdasarkan jaringan, BridgeNet, untuk menambahbaik proses kerja di antara unit operasi British American Tobacco di rantau Asia Pasifik dan rakan agensinya berdasarkan Garis Panduan Operasi Baru di antara British American Tobacco dengan agensi.

Penyelesaian baru ini menggantikan sistem pengendalian proses kerja di antara operasi British American Tobacco di Asia Pasifik dan rakan agensinya yang dilakukan melalui e-mel, di mana keseluruhan proses kerja tidak dapat dilihat oleh semua ahli pasukan.

BridgeNet mempermudah proses ini melalui pencapaian berikut:

- Pengurangan masa yang digunakan untuk menjelajah kerja secara manual.
- Meningkatkan kepantasan produk ke pasaran melalui kitaran kelulusan dan maklum balas yang pantas.
- Memperkenalkan penjejak versi untuk meningkatkan kualiti taklimat dan maklum balas bertujuan mengurangkan kerja semula.
- Seragamkan arahan tugas dan proses penutupan rasmi (*sign-off*) untuk memastikan kualiti.



"Setelah bekerja selama 13 tahun dengan Syarikat ini, saya boleh nyatakan secara jujur bahawa pekerjaan saya masih mendorong semangat saya. Saya sememangnya amat berminat dalam bidang mekanikal dan saya mendapat kepuasan diri apabila dapat menyelesaikan isu-isu teknikal dalam bidang kerja."

*Rafeezi,
Pemotong, Bahagian Perkilangan Primer*



"Semangat ialah apabila seseorang menjadi ahli sorak sendiri bagi menyokong pencapaian diri ke arah garisan penamat bagi cita-cita."

*Melissa Quah,
Pelatih Pengurusan*

TANGGUNGJAWAB

SEMANGAT KAMI TERHADAP TANGGUNGJAWAB MELIPUTI
TUMPUAN KAMI YANG TEGUH DALAM MENANGANI IMPAK
SOSIAL, ALAM SEKITAR DAN EKONOMI BERKAITAN DENGAN
PERNIAGAAN KAMI DENGAN CARA MEMBAWA NILAI
KEPADА SEMUA PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PEMEGANG
SAHAM KAMI.



TANGGUNGJAWAB

Menerapkan semangat dalam memacu kemampanan perniagaan

Tanggungjawab merupakan satu tunggak penting dalam strategi perniagaan Syarikat dan prasyarat yang mentakrifkan cara British American Tobacco Malaysia mengendalikan perniagaannya. Ini dipamerkan dengan jelas melalui perkembangan Syarikat daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) kepada Tanggungjawab Korporat (TK) dan tahun 2010, Kemampanan.

Seperti yang sewajarnya digariskan oleh Bursa Malaysia dalam Panduan Kemampanan, kemampanan membawa maksud yang berbeza-beza, dan bagi British American Tobacco Malaysia, ia menangani impak sosial, alam sekitar dan ekonomi utama yang berkaitan dengan perniagaan demi membina nilai pihak berkepentingan dan pemegang saham, dan ini meningkatkan kemampanan perniagaan. Langkah ke arah kemampanan didorong lebih-lebih lagi oleh kehendak pihak berkepentingan yang kian meningkat.

Namun kemampanan bukanlah sesuatu yang baru bagi British American Tobacco Malaysia, kerana pelbagai aspek kemampanan sudah pun diterapkan ke dalam operasi perniagaan kami yang sudah sekian lama bertapak di Malaysia. Kebanyakan inisiatif Syarikat, antara lain, seperti Program Penghutanan Semula untuk mengimbangi pengeluaran karbon Syarikat, membina kediaman untuk golongan miskin tegar dan program Persekutaran, Kesihatan & Keselamatan yang teguh bagi membuktikannya.

Kami benar-benar yakin bahawa komitmen kami terhadap TSK (memberi tumpuan pada inisiatif sosial) dan TK (memberi tumpuan pada tadbir urus korporat, penambahbaikan sosial dan pengurusan alam sekitar) adalah kunci kepada pembentukan agenda kemampanan Syarikat pada masa ini. Oleh sebab itu pada tahun 2010, inisiatif kami kekal berdasarkan rangka kerja Komuniti, Persekutaran, Tempat Kerja dan Pasaran, yang merupakan unsur penting yang selaras dengan kehendak pihak berkepentingan kami dalam melakar laluan pendekatan kemampanan yang holistik.

Pendekatan ini bukan satu proses yang boleh disempurnakan dalam masa yang singkat, tetapi dengan dedikasi warga kerja kami, dan komitmen Syarikat, ini merupakan satu perjalanan yang bakal menentukan kesinambungan kemampanan perniagaan kami.



Agenda kemampanan – komitmen dari pengurusan atasan

Sebagai mempamerkan komitmen dari pengurusan atasan, Kumpulan ditadbir oleh Jawatankuasa TSK yang terdiri daripada semua ahli pengarah fungsi British American Tobacco Malaysia yang dipengerusikan oleh Pengarah Urusan. Mereka juga dikenali sebagai Kumpulan Pengurusan Kanan.

Objektif Jawatankuasa TSK adalah seperti berikut:

- Pengenalpastian dan pengurusan isu sosial dan alam sekitar yang khusus;
- Penglibatan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan dengan inisiatif TK;
- Memantau kecekapan dan keberkesanan sistem pengurusan dan kawalan TK;
- Memastikan kewibawaan maklumat pengurusan prestasi sosial dan alam sekitar; dan
- Memantau keselarian dengan Penyata Prinsip Perniagaan Syarikat – Manfaat Bersama, Pentadbiran Produk secara Bertanggungjawab dan Perlakuan Korporat yang Baik bagi Syarikat.


Jawatankuasa TSK melaporkan inisiatif TK Syarikat dan yang lebih terkini, inisiatif kemampanan kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit dan bersidang sekurang-kurangnya dua kali setahun. Barisan pelaporan ini selanjutnya merangkumi Jawatankuasa TSK Serantau British American Tobacco, yang melaporkan kepada Jawatankuasa TSK Global British American Tobacco.

Satu pasukan TSK diserahkan tugas untuk menyelaras dan melaksanakan inisiatif TK. Pada tahun 2010, satu Pasukan Kemampanan, termasuk pasukan TSK dan kakitangan dari semua fungsi, telah ditubuhkan untuk mengenal pasti, melaksanakan dan memantau inisiatif kemampanan dalam Syarikat.

Rangka Kerja TK dan Kemampanan British American Tobacco Malaysia

Syarikat percaya bahawa tanggungjawab korporat bukan satu usaha yang patut dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Oleh itu, semua inisiatifnya selaras dengan rangka kerja TSK Bursa Malaysia yang dilancarkan sebagai garis panduan bagi syarikat yang tersenarai awam pada tahun 2007.

Berikutan perkembangan British American Tobacco Malaysia daripada TK kepada kemampanan, kami terus menggunakan rangka kerja ini. Kami percaya bahawa fokus kemampanan sesebuah syarikat bergantung pada impak perniagaan operasinya ke atas empat tunggak ini.



Rangka Kerja TK dan Kemampanan British American Tobacco Malaysia

Komuniti

Matlamat kami untuk menyumbang kembali kepada masyarakat dipacu oleh semangat dan komitmen kami untuk membawa satu kelainan kepada masyarakat tempat kami beroperasi dan pada tahun 2010, kami mengadakan pelbagai aktiviti untuk mencapai objektif ini melalui Yayasan British American Tobacco Malaysia.

SOROTAN

15 rumah

Dibina untuk masyarakat miskin tegar – satu inisiatif oleh Yayasan British American Tobacco Malaysia dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).

- 1 Dari kiri ke kanan – Dato' Ramzi bin Abdul Rahman, Pengurus KESEDAR, wakil Yayasan British American Tobacco Malaysia, Dato' Chan Choon Ngai, Christine Lee dan Encik Abdullah bin Embong dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah sama-sama meletakkan batu asas bagi rumah di Gua Musang.
- 2 Penerima bbiaswa Yayasan British American Tobacco Malaysia diraikan dalam majlis penganugerahan bbiaswa pada November 2010.



Membasmi kemiskinan tegar

Yayasan British American Tobacco Malaysia dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) bekerjasama buat pertama kali untuk membantu mengurangkan kemiskinan tegar dengan membina 15 rumah untuk masyarakat miskin tegar di Gua Musang, Kelantan. Inisiatif ini dianggarkan berjumlah RM495,000, merupakan sebahagian daripada Program Penempatan Masyarakat Setempat (PPMS) iaitu salah satu daripada pelbagai program yang diwujudkan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan membasmi kemiskinan dalam negara.

Majlis meletak batu asas telah diadakan pada 25 Februari 2010 bagi merasmikan usaha sama ini dan dihadiri oleh Gabenor Yayasan British American Tobacco Malaysia serta Pengurus KESEDAR dan Bahagian Kebajikan Rakyat daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Setiap rumah mempunyai keluasan binaan sekitar 600 kaki persegi yang dilengkapi tiga bilik tidur, ruang rehat dan dapur, dan boleh menempatkan keluarga yang sederhana besarnya dengan cukup selesa.

Membantu para pelajar yang layak

Yayasan British American Tobacco Malaysia berhasrat untuk memupuk, membangun dan meningkatkan peluang pendidikan bagi para pelajar yang layak.

Pada tahun ini, dalam mempamerkan semangat dan komitmen kami untuk membantu pendidikan para pelajar yang layak, Yayasan British American Tobacco Malaysia menyumbang sejumlah RM395,000 kepada 27 penerima untuk tempoh pengajian kursus mereka sepenuhnya. Para penerima ini terdiri daripada para pelajar daripada komuniti peruncit, komuniti penanam dan pengawet daun pengawet, kakitangan kami serta anak mereka.

Sehingga kini, Yayasan telah menganugerahkan bbiaswa kepada lebih daripada 2,000 rakyat Malaysia yang layak menerimanya, membawa jumlah pelaburan dalam bidang ini kepada lebih RM15 juta.

Meringankan beban perbelanjaan permulaan universiti

Pendidikan yang mantap membentuk asas masa depan yang lebih memuaskan. Dengan keyakinan ini, Yayasan British American Tobacco Malaysia serta Lembaga Kenaf dan Tembakau Kebangsaan telah bekerjasama untuk tahun kelapan berturut-turut untuk menaja program Pendahuluan Pendidikan Tinggi (PPT) dalam usaha meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh ramai pelajar dari komuniti penanam tembakau apabila mereka mula-mula menjelaki ke alam pendidikan tinggi.

Para pelajar yang menyertai kursus diploma menerima RM500, manakala mereka yang menyertai kursus ijazah sarjana muda pula menerima RM700. Dana ini membantu para pelajar ini membeli keperluan seperti buku, pakaian, penginapan dan pengangkutan. Tahun ini, sejumlah RM128,500 telah dianugerahkan kepada 217 penerima PPT.

Sejak kewujudannya pada tahun 2002, kami telah menganugerahkan lebih RM1.1 juta kepada lebih 2,000 penerima daripada komuniti penanaman dan pengawetan tembakau melalui program PPT.

Bantuan bencana alam

British American Tobacco Malaysia telah meningkatkan usaha sebagai sebahagian daripada pelaburan sosial korporat kami untuk meringankan bebanan mangsa bencana alam di seluruh dunia pada tahun 2010 melalui beberapa kutipan bantuan bencana. Pada tahun 2010, kami telah berjaya mengutip dana daripada kakitangan kami berserta sumbangan daripada Syarikat dalam bentuk Dana Bantuan Gempa Bumi Haiti untuk membantu dalam pembinaan rumah sementara bagi mangsa gempa bumi tersebut. Dana turut disumbangkan oleh kakitangan dan Syarikat untuk meringankan penderitaan mangsa yang terjejas oleh banjir yang telah melanda Pakistan pada bulan Julai 2010 dan letusan Gunung Merapi di Jawa, Indonesia.

Gabungan kutipan daripada kakitangan dan sumbangan daripada British American Tobacco Malaysia sebagai bantuan bencana di seluruh dunia bagi tahun 2010 berjumlah RM65,400.



SOROTAN

2,000 penerima

dari komuniti penanaman dan pengawetan tembakau menerima PPT sejak 2002.

Timbalan Menteri Perusahaan
Perladangan dan Komoditi Datuk
Hamzah Zainuddin menyampaikan
anugerah PPT kepada penerima PPT
diiringi Christine Lee dan
Dato' Chan Choon Ngai.

SOROTAN**144**

Kakitangan menyertai aktiviti Program Khidmat Sukarela Pekerja pada tahun 2010.

Memupuk budaya menyumbang kembali kepada masyarakat

Kami di British American Tobacco Malaysia berpegang teguh kepada prinsip bahawa budaya menyumbang kembali kepada masyarakat harus bermula dari dalam. Kakitangan kami menyumbangkan masa dan komitmen mereka dengan tekun dalam pelbagai aktiviti Program Khidmat Sukarela Pekerja (PKSP) sejak permulaannya lapan tahun yang lalu.

Pada tahun 2010, kami memulakan inisiatif yang menyaksikan peserta PKSP menyumbang masa berkualiti mereka dan dana untuk membawa senyuman di wajah mereka yang kurang bernasib baik. Pada tahun ini, PKSP kami turut menyambut musim-musim perayaan utama dengan membawa kemesraan dan keceriaan kepada mereka yang kurang bernasib baik dalam komuniti.

Sempena musim Tahun Baru Cina, dua PKSP telah diadakan pada bulan Februari 2010. PKSP ini menyaksikan kakitangan kami membawa kanak-kanak daripada House of Joy berkunjung ke IOI Mall, Puchong dan meluangkan masa dengan warga emas daripada Joy Garden, Semenyih. Sempena sambutan Hari Raya Puasa pada bulan September 2010, kakitangan kami telah membawa kanak-kanak daripada Rumah Amal Kasih Bestari melawat Petrosains, Suria KLCC. Untuk Deepavali pula, kakitangan kami menyumbangkan perabot, buku pendidikan dan permainan kepada Trinity Children's Home, Selangor. Di samping itu, kakitangan kami turut membawa keceriaan Deepavali kepada kanak-kanak Tara Bhavan sempena perayaan Deepavali dengan lawatan ke Taman Burung Kuala Lumpur.

Kejayaan kami menyempurnakan aktiviti ini telah meningkatkan jumlah penyertaan PKSP kami, daripada 92 sukarelawan tahun lalu kepada 144 pada tahun ini. Gabungan sumbangan berjumlah RM34,250 telah disumbangkan oleh para sukarelawan serta Syarikat kepada rumah-rumah ini.

- 1** Para pekerja menyebarkan keceriaan kepada kanak-kanak daripada Rumah Amal Kasih Bestari dengan lawatan sambil belajar ke Petrosains, KLCC.
- 2** Kakitangan kami membawa kanak-kanak daripada House of Joy, Puchong untuk lawatan sehari ke IOI Mall, Puchong.



Tempat Kerja

British American Tobacco Malaysia percaya bahawa pelaksanaan kaedah yang inovatif dan berkesan secara berterusan untuk mewujudkan pengalaman kerja yang menyemarakkan semangat dan keterujaan dalam setiap kakitangan adalah kunci kepada prestasi yang tinggi dan tenaga kerja yang lebih keterlibatan. Pengalaman kerja yang menambah nilai ini dipupuk melalui peningkatan kemudahan kerja, memberi usul yang menarik dan memberi lebih keutamaan kepada keselamatan dan kesejahteraan kakitangan.

Keterlibatan kakitangan

Kami berpendirian bahawa kakitangan yang terlibat, berlandaskan strategi komunikasi yang mantap, membawa kepada tenaga kerja yang berprestasi tinggi, dan penting dalam mencapai strategi dan prestasi perniagaan Syarikat. Oleh sebab itu, kami telah melaksanakan pelbagai saluran komunikasi, secara langsung (iaitu secara bersemuka) dan tidak langsung (iaitu melalui alat komunikasi) untuk memberi kakitangan kejelasan pada strategi dan objektif Syarikat demi memastikan peranan dan tanggungjawab kakitangan bersehaluan dan menyumbang kepada strategi dan objektif tersebut.

Saluran komunikasi yang digunakan diutarakan di bawah:

Komunikasi tidak langsung

Saluran komunikasi tidak langsung kami menyebarkan pengumuman penting, notis syarikat dan maklumat terkini penting mengenai projek dan program kepada semua kakitangan. Saluran komunikasi penting diutarakan di bawah:

- Intranet syarikat
- Papan kenyataan
- Senarai e-mel Syarikat

Komunikasi langsung

	Maklumat Terkini Perniagaan (Sesi Taklimat Kakitangan)	Sesi Taklimat Fungsian
Kekerapan	Tiga sesi	Enam sesi
Objektif	Untuk berkongsi maklumat terkini mengenai perniagaan global, rantau kami beroperasi (iaitu Asia Pasifik), serta perniagaan di Malaysia.	(Lihat objektif Maklumat Terkini Perniagaan) Di samping itu, maklumat terkini daripada fungsi individu juga dikongsi di seluruh syarikat
Kumpulan Sasaran	Kakitangan pengurusan	Semua kakitangan
Jurucakap	Pengarah Urusan, Kumpulan Pengurusan Kanan dan para pengurus kanan	Para pengurus kanan

Pengarah Urusan, Kumpulan Pengurusan Kanan dan para pengurus kanan berkongsi maklumat dengan semua kakitangan pengurusan melalui Maklumat Terkini Perniagaan.

Kakitangan diberi kejelasan mengenai strategi dan objektif Syarikat semasa sesi taklimat fungsian.



Menawarkan usul kikitangan yang menarik

British American Tobacco Malaysia terus meningkatkan semua bidang usulnya yang menarik untuk kikitangan demi memastikan kami membina organisasi yang cemerlang dengan saluran kikitangan yang mampan melalui inisiatif berikut:

- struktur ganjaran yang memberi bayaran yang kompetitif untuk prestasi;
- peluang pembangunan kerjaya yang kukuh;
- program pembangunan kikitangan yang teguh;
- persekitaran kerja yang hebat dan;
- memberi tumpuan pada keseimbangan kerja-kehidupan serta kesejahteraan kikitangan.

Ini kerana kami bersemangat dan penuh komited untuk membina reputasi yang kukuh dan jelas berlainan sebagai Majikan Terbaik di Malaysia.

Memberi keutamaan kepada keselamatan kikitangan di tempat kerja

Di British American Tobacco Malaysia, keselamatan kikitangan diletakkan sebagai keutamaan yang amat penting. Keakurran ketat kami terhadap garis panduan Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan telah membolehkan kami meraih anugerah Keselamatan bagi Kes Kehilangan Kerja Sifar di kalangan semua pejabat British American Tobacco.

Syarikat juga telah menganjurkan Program *Defensive Driving* untuk memastikan kikitangan pasukan jualan kami tahu mengendalikan kenderaan dengan berkesan dalam situasi kecemasan semasa di jalan raya. Pada tahun 2010 sahaja, kami telah menganjurkan 12 sesi Program *Defensive Driving* untuk 383 kikitangan di Pulau Pinang, Butterworth, Johor Bahru dan Lembah Klang.

Untuk meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya di kalangan pasukan pemasaran perdagangan kami, pelekat keselamatan kebakaran dilekatkan pada van jualan kami dan poster kesedaran keselamatan juga dipaparkan di pusat-pusat pengedaran kami pada tahun 2010.

- 1 Pelekat keselamatan kebakaran dilekatkan pada van jualan kami untuk meningkatkan kesedaran keselamatan.



Inisiatif untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan kikitangan

Di British American Tobacco Malaysia, kami percaya dalam budaya yang terbuka dan telus di mana kikitangan diberi hak bersuara. Peti maklum balas terbuka telah diperkenalkan di sekitar premis pejabat untuk memberi peluang kepada kikitangan memberi maklum balas tanpa nama pada bila-bila masa mengenai apa sahaja yang berkaitan dengan perniagaan, termasuk kebajikan kikitangan.

Kebanyakan maklum balas yang diterima daripada kikitangan adalah berkaitan dengan idea untuk menambah baik persekitaran kerja dan manfaat kikitangan, dan Syarikat telah bertindak balas terhadap maklum balas ini dengan melaksanakan inisiatif untuk menaiktarafkan perkara-perkara ini.

Di samping itu, langkah-langkah yang ketat telah diambil untuk melindungi kesihatan kikitangan untuk mengelakkan pandemik A(H1N1) yang melanda. Kikitangan telah diberi vaksinasi terhadap strain virus ini. Kami juga terus menitikberatkan pendidikan kesihatan melalui siri komunikasi kepada kikitangan mengenai langkah-langkah untuk mengelakkan diri daripada enggi dan A(H1N1).

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif kami di tempat kerja dan mengenai kebajikan kikitangan, sila rujuk pada seksyen Penunjuk Inisiatif Pelaporan Global dan Tunggak Organisasi Cemerlang.

Persekutaran

Tumpuan British American Tobacco Malaysia pada tahun 2010 adalah untuk mendukung komitmen kami ke arah pengurusan operasi yang bertanggungjawab dan meningkatkan amalan perniagaan kami ke arah pembangunan mampan.

Pengurusan operasi kami yang bertanggungjawab

Kami mengiktiraf bahawa kualiti, persekitaran, kesihatan dan keselamatan adalah penentu utama kemampuan operasi perniagaan kami.

Untuk mencapai matlamat ini, satu sistem pengurusan bersepadan telah dirumus dan dilaksanakan oleh subsidiari perkilangan milik penuh kami, Tobacco Importers and Manufacturers Sdn. Bhd. dalam memenuhi komitmen kami ke arah mencapai tahap produktiviti dan kualiti yang lebih tinggi di kalangan kakitangan tanpa mengabaikan prinsip persekitaran, kesihatan dan keselamatan.

Pada bulan Jun 2010, juruaudit luar, Lloyds' Register Quality Assurance mengekalkan pensijilan kami berikut untuk tahun kelapan berturut-turut membuktikan keakuran kami terhadap piawaian antarabangsa:

- ISO 9001: 2008, untuk sistem pengurusan berkualiti yang secara konsisten menyediakan dan meningkatkan produk yang memenuhi keperluan penguatkuasaan dan menyampaikan kepuasan pelanggan.
- ISO 14001: 2004, untuk melaksanakan, mengekalkan dan meningkatkan sistem pengurusan alam sekitar.
- OHSAS 18001: 2007, untuk pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan yang berkesan dalam mengurangkan risiko dan meningkatkan prestasi.

Audit serantau ke atas amalan Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan (PKK) juga dikendalikan setiap tiga tahun oleh juruaudit dalam daripada syarikat operasi Kumpulan British American Tobacco yang lain-lain. Audit persekitaran, kesihatan dan keselamatan serantau dikendalikan pada bulan Julai 2010 dan ini melibatkan prosedur audit yang lebih ketat berbanding audit dalam syarikat yang serupa. Keputusan dari audit ini telah mempamerkan peningkatan yang amat ketara dalam semua bidang operasi dan perniagaan jika dibandingkan dengan keputusan audit dalam syarikat pada awal 2010. Keputusan adalah seperti berikut:

	Audit dalaman Syarikat BAT Malaysia (Keputusan penuh = 4.00)	Audit EHS serantau 2010 (Keputusan Penuh = 4.00)
Operasi Topik pengurusan Topik teknikal	3.84 3.29	3.88 3.47
Perniagaan Topik pengurusan Topik teknikal	3.28 3.17	3.31 3.22



SOROTAN**433**

Inisiatif CI-Kaizen dilaksanakan dalam tahun 2010 bagi meningkatkan amalan alam sekitar, keselamatan dan penyelenggaraan yang baik.



“Semangat adalah percaya dengan apa yang kita lakukan dan merasakan bahawa tindakan kita menyumbang kepada matlamat yang lebih besar”

*Noh bin Moh,
Pengurus Jualan dan Pengedaran*

Meningkatkan amalan perniagaan kami ke arah pembangunan mampan

Sebagai bukti komitmen kami terhadap pembangunan mampan, kami sentiasa berusaha untuk meningkatkan dan menambah baik persekitaran pengurusan kami. Salah satu inisiatif berkenaan adalah sumbangan idea dalam peningkatan prosedur alam sekitar, kesihatan dan keselamatan kami melalui inisiatif Peningkatan Berterusan (CI – Kaizen) yang digariskan dalam seksyen Produktiviti. Pada tahun 2010 sahaja, sejumlah 433 inisiatif CI-Kaizen telah dilaksanakan bagi meningkatkan amalan alam sekitar, kesihatan dan penyelenggaraan yang baik.

Perlaksanaan inisiatif seperti meletakkan tong kitar semula di pantri pejabat dan pemasangan unit penjimat bagi dandang kami yang dilakukan sebelum ini dalam usaha menggalakkan pengurusan sisa dan tenaga yang cekap, menyumbang kepada pengurangan keseluruhan ini.

Dedikasi kami yang tekun terhadap pengurangan kesan alam sekitar kami telah memperlihatkan pengurusan alam sekitar yang cekap dan berkesan pada tahun 2010, menghasilkan pengurangan jumlah tenaga dan sisa, di samping pengurangan penggunaan gas asli dan air.

	2009	2010	Jumlah pengurangan
Gas asli (1000 m ³)	1,868.1	1,738.5	6.9%
Jumlah Tenaga (GJ)	256,818	236,012	8.1%
Air (m ³)	241,268	206,556	14.4%
Jumlah Sisa (tan)	1,949	1,642	15.8%

Go Green untuk melindungi alam sekitar

Tahun ini, sebagai sebahagian daripada inisiatif **Go Green** kami untuk menerapkan kesedaran alam sekitar dalam perniagaan, kami memulakan beberapa inisiatif untuk mengurangkan kesan alam sekitar dalam operasi harian kami. Inisiatif yang dikendalikan adalah seperti berikut:

- **Menerapkan budaya memulihara kertas**
Projek pemuliharaan kertas yang bermula pada bulan Jun 2009 untuk mengurangkan penggunaan kertas yang tidak perlu dan menerapkan budaya pengurusan kertas yang berkesan telah mengurangkan sejumlah 1.56 juta keping kertas (bersamaan saiz 190 padang bola sepak) sejak bermulanya projek ini.
- **Menggantikan air botol dengan unit dispenser air**
Pada bulan Mei 2010, unit dispenser air diletakkan dalam setiap bilik mesyuarat dan pantri Syarikat untuk menggantikan botol air mineral. Dengan anggaran 45,000 air botol yang diminum tahun lepas, kami dapat mengurangkan 630 kg sisa plastik setiap tahun berikutnya inisiatif ini.
- **Menggunakan bahan berasaskan kertas bagi Bahan Kelengkapan Jualan (POSM) dan papan tanda Larangan Jualan Rokok kepada Remaja**
Dalam mengurangkan kesan ke atas alam sekitar, British American Tobacco Malaysia telah menerapkan inisiatif penggunaan bahan berasaskan kertas bagi semua POSM dan papan tanda larangan jualan rokok kepada remaja. Ini untuk menggantikan penggunaan bahan akrilik yang tidak mesra alam.

SOROTAN

1.56 juta keping kertas

telah dijimatkan melalui Projek Pemuliharaan Kertas dari Jun 2009 hingga Julai 2010.

Positif Karbon sehingga 2024

anggaran berdasarkan operasi perniagaan semasa.

Komitmen ke arah melindungi biodiversiti

Pada bulan Ogos 2010, kakitangan kami, Te How Keat telah dipilih sebagai salah seorang peserta dalam *Earthwatch Employee Fellowship Programme* di Kawasan Pemuliharaan Lembah Danum dan Hutan Simpan Malua di Sabah untuk mempelajari lebih lanjut mengenai biodiversiti dan kesannya ke atas perniagaan kami. Beliau menyertai peserta-peserta daripada pusat operasi British American Tobacco yang lain dalam usaha menanam dan mengukur pokok dan juga bengkel biodiversiti sepanjang program ini. *Earthwatch Employee Fellowship Programme* merupakan program tahunan di bawah Perkongsian Biodiversiti British American Tobacco dan terbuka untuk penyertaan daripada kakitangan di seluruh Kumpulan British American Tobacco. Para peserta juga diberi peluang untuk mendapat geran berjumlah £1,500 untuk menganjurkan projek mereka dalam bidang yang mereka minati untuk mewujudkan lebih kesedaran terhadap melindungi biodiversiti.

Perniagaan positif karbon

British American Tobacco Malaysia komited untuk melindungi kemampunan alam sekitar jangka panjang dengan mengurangkan kesan karbonnya. Ini selaras dengan matlamat negara dalam mengurangkan 40% daripada pengeluaran karbon dioksida (CO_2) menjelang 2020 berbanding tahap pada tahun 2005.

British American Tobacco Malaysia sejak 2002, telah memulakan program penghutanan semula yang telah menyumbang kepada hampir 6,467 hektar pokok pelbagai spesies (bersamaan 8,858 padang bola sepak). Ditanam di Unit No.4 Pengurusan Hutan di Ulu Tungud, Sabah, program penghutanan semula telah mensekuester lebih 230,000 tan CO_2 setahun.

Semakan tahunan untuk mengesahkan jumlah hektar bersih pokok-pokok yang hidup dan kadar pertumbuhannya dikendalikan oleh juruaudit pihak ketiga, SGS Forestry. Di samping itu, rakan program penghutanan semula kami, TSH Resources Berhad mengendalikan pemantauan dan penyenggaraan pokok-pokok yang ditanam ini.

Pada tahun 2010, jumlah pengeluaran karbon British American Tobacco Malaysia berjumlah 28,370 tan dan unjuran semasa menunjukkan bahawa berdasarkan operasi perniagaan semasa, kami akan dapat mengekal positif karbon sehingga 2024.

Persekitaran, kesihatan dan keselamatan

Program Mentor Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan (PKK) adalah program tiga tahun yang telah dibangunkan pada tahun 2008 dengan objektif untuk menanda aras tahap PKK rakan niaga utama kami jika dibandingkan dengan tahap kami, dalam usaha berkongsi dengan mereka kepakaran perniagaan dan amalan persekitaran, kesihatan dan keselamatan kami yang terbaik. Buat masa ini, dalam fasa kedua program ini, dua rakan niaga utama kami – AMB Packaging dan TASCO sedang menjalani program ini yang akan membolehkan mereka meningkatkan tahap operasi persekitaran, kesihatan dan keselamatan mereka.



1



2

Pasaran

Masalah rokok tidak sah yang berleluasa masih menjadi kebimbangan utama bagi industri tembakau dan Kerajaan. Menurut Goldman Sachs dalam tahun 2010, Malaysia mencatatkan insiden perdagangan rokok tidak sah yang tertinggi di dunia. Tahap perdagangan rokok tidak sah yang begitu membimbangkan terus memberi tekanan kepada industri rokok sah dan Kerajaan.

Dalam menyokong usaha Kerajaan untuk membendung masalah ini, kami sentiasa komited untuk bekerjasama dengan syarikat seindustri lain dan pihak berkuasa berkaitan untuk memerangi masalah ini.

Memerangi rokok tidak sah dalam pasaran

Pada tahun 2010, Gabungan Pengilang-Pengilang Tembakau Malaysia (GPTM), yang mana British American Tobacco Malaysia adalah ahlinya, meneruskan kempen kesedaran perdagangan tidak sah ini kepada para peruncit dengan mengedarkan risalah maklumat dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina kepada lebih 80,000 peruncit di seluruh negara. Risalah ini memaklumkan aktiviti penguatkuasaan yang dikendalikan oleh agensi penguat kuasa, undang-undang dan denda yang berkaitan dengan perdagangan tembakau tidak sah dan tanda-tanda penting untuk membezakan rokok tidak sah dengan rokok sah.

GPTM turut memberi sokongan kepada Kastam Di Raja Malaysia (KDRM) berhubung kempen membendung perdagangan tidak sah mereka yang dipanggil OPS PACAK. OPS PACAK adalah kempen untuk meningkatkan kesedaran mengenai masalah perdagangan tidak sah di kalangan peruncit dan orang awam, di samping pencegahan ke atas keleluasaannya melalui aktiviti penguatkuasaan. Kempen OPS PACAK dijalankan pada bulan Jun dan Disember, masing-masing di Kuala Lumpur dan Selangor.

Terdapat juga jerayawara dan dialog peruncit yang dianjurkan oleh GPTM dengan kerjasama agensi penguat kuasa setempat dan Lembah Sari Sdn. Bhd. (pembekal dakwat keselamatan dan setem cukai pada pek rokok) yang melibatkan peruncit di kawasan utama penjualan rokok tidak sah untuk memberi maklumat mengenai pelbagai ciri keselamatan yang didapati pada pek rokok sah dan untuk menegaskan undang-undang dan denda bagi penjualan rokok tidak sah.



Dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai perdagangan rokok tidak sah dan mengenal pasti jenama haram utama di Malaysia, GPTM turut terlibat secara proaktif dengan pelbagai agensi penguatkuasa, termasuk KDRM, Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Kementerian Kesihatan melalui dialog.

Keterbukaan dan ketelusan dalam proses pemerolehan

Kami di British American Tobacco Malaysia benar-benar yakin dengan usaha menerapkan amalan ketelusan dan keterbukaan dalam semua aspek operasi kami, dan ini termasuk cara kami mengendalikan proses pemerolehan dengan pembekal perniagaan dari luar.

Dasar Pemerolehan Syarikat, yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, menggariskan proses dan prosedur yang terlibat dalam pemerolehan semua barang dan perkhidmatan dalam Syarikat dan merangkumi proses pemilihan pembekal. Dasar Pemerolehan ini turut menggariskan tanggungjawab semua fungsi dalam proses ini.

Dalam usaha memastikan kami mencapai nilai dan kualiti keseluruhan yang terbaik bagi semua perbelanjaan, penghantaran barang dan perkhidmatan yang tepat pada masanya, serta perhubungan jangka panjang yang saling memanfaatkan rakan niaga kami yang berdasarkan tahap etika yang tinggi dalam semua urus niaga, prosedur pemerolehan kami mematuhi piawaian yang ketat.

Semua urus niaga pemerolehan dikendalikan oleh pasukan pemerolehan kami yang memastikan semua pemerolehan barang dan perkhidmatan dalam Syarikat bukan sahaja menyampaikan nilai yang optimum, bahkan juga turut mematuhi Dasar Pemerolehan.

Perkembangan kawal selia dalam tahun 2010

British American Tobacco Malaysia mengiktiraf bahawa penggunaan tembakau sememangnya mempunyai risiko kesihatan, dengan itu, kami menyokong sepenuhnya kawal selia industri tembakau yang wajar, berkesan dan teratur di mana ia memenuhi keutamaan objektif masyarakat dan perniagaan.

Terdapat perkembangan kawal selia dalam bentuk pindaan kepada Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PKHT 2004), yang diumumkan sepanjang tahun 2009 dan 2010.

Keperluan kawal selia yang berkuat kuasa pada tahun 2010, adalah:

- **Larangan jualan pek rokok kurang daripada 20 batang**

Pada 1 Jun 2010, semua pek rokok yang kurang daripada 20 batang tidak lagi dibenarkan untuk dijual dalam pasaran.

SOROTAN

Keperluan kawal selia utama yang berkuat kuasa pada tahun 2010, adalah:

- Larangan jualan pek rokok kurang daripada 20 batang
- Perlaksanaan penetapan harga minimum rokok
- Kelulusan Harga Jualan Runcit produk tembakau

• Perlaksanaan penetapan harga minimum rokok

Tahun 2010 telah menyaksikan dua perkembangan dalam perlaksanaan penetapan harga minimum bagi pek rokok 20 batang.

Berkuat kuasa dari 1 Januari 2010, berikutan pindaan kepada PKHT 2004, harga minimum rokok sebanyak 32 sen sebatang telah diperkenalkan. Ini bermakna harga bagi pek rokok 20 batang ialah RM6.40.

Berkuat kuasa pada 1 Oktober 2010, Kementerian Kesihatan telah meningkatkan harga minimum rokok daripada 32 sen sebatang kepada 35 sen sebatang. Ini bermakna bagi pek rokok 20 batang, harga minimumnya kini mencecah RM7.00 satu pek. Harga rokok minimum baru ini telah dilaraskan berikutnya peningkatan eksais yang diumumkan pada 1 Oktober 2010.

• Kelulusan Harga Jualan Runcit (HJR) produk tembakau

Berikutan pindaan kepada PKHT 2004 pada tahun 2010, Kementerian Kesihatan telah menetapkan keperluan baru untuk meluluskan harga jualan runcit bagi produk tembakau seperti berikut:

- Semua pengilang dan pengimport perlu membuat permohonan bertulis kepada Kementerian Kesihatan untuk harga jualan runcit produk tembakau mereka, dalam tempoh 14 hari selepas tarikh kuat kuasa (27 Julai 2010) pindaan PKHT 2004. Permohonan bertulis ini perlu juga diserahkan kepada Kementerian Kesihatan bagi mana-mana produk tembakau baru yang diperkenalkan selepas tarikh tersebut.
- Kesemua pengilang dan pengimport hendaklah juga menyerahkan permohonan bertulis ini kepada Kementerian Kesihatan, setiap kali terdapat perubahan dalam harga jualan runcit bagi mana-mana produk tembakau.
- Kementerian boleh meluluskan atau menolak permohonan harga jualan runcit produk tembakau dan sekiranya Kementerian tidak memberi kelulusan, pihak Kementerian akan memaklumkan pengilang atau pengimport secara bertulis.

Sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab, British American Tobacco Malaysia mematuhi sepenuhnya perundungan yang digubal oleh Kerajaan yang mentadbir pengilangan, pemasaran dan penjualan produk kami.



"Menghadapi pelbagai isu dan cabaran dalam pekerjaan saya memberikan saya semangat untuk terus melaksanakan tugas saya, dan mengharungi cabaran sebaik yang termampu."

*Tan Chee Leong,
Pengurus Jabatan
Pengilangan Sekunder*



Penunjuk Inisiatif Pelaporan Global, (Global Reporting Initiative (GRI))

British American Tobacco Malaysia meyakini perlunya ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pelaporannya untuk menanda aras kecekapan organisasinya dalam aspek prestasi ekonomi, alam sekitar dan sosial.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, Syarikat menjadi perintis pada tahun 2009 yang memasukkan Penunjuk Inisiatif Pelaporan Global dalam Laporan Tahunannya. Dalam meneruskan inisiatif untuk menyediakan maklumat yang lebih komprehensif dan padat, Penunjuk Inisiatif Pelaporan Global juga turut dimasukkan dalam laporan ini, selaras dengan agenda kemampunan Syarikat.

British American Tobacco Malaysia benar-benar yakin bahawa menzahirkan Penunjuk Inisiatif Pelaporan Global akan mempamerkan komitmen Syarikat dalam melaksanakan apa yang dinyatakan sebagai warga korporat yang bertanggungjawab. Lanjutan daripada ini, Penunjuk Inisiatif Pelaporan Global membentuk bahagian yang melengkapi wawasan Inisiatif Pelaporan Global di mana Garis Panduan Pelaporan Inisiatif Pelaporan Global disarankan diguna oleh organisasi sebagai asas pelaporan tahunan mereka.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Inisiatif Pelaporan Global, sila layari www.globalreporting.org.

Kod GRI	Bidang Isu	Respons bagi 2010
EC1	Nilai ekonomi langsung yang dijana dan diagihkan, termasuk hasil, kos operasi, pampasan kakitangan, sumbangan dan pelaburan masyarakat lain, perolehan tertahan, dan pembayaran kepada pembekal modal dan Kerajaan	Nilai ekonomi langsung yang dijana (Hasil) – RM3,965 juta Nilai ekonomi yang diagihkan: Kos operasi – RM882 juta Upah dan manfaat kakitangan – RM148 juta Pembayaran kepada pembekal modal – RM710 juta Pembayaran kepada Kerajaan dalam bentuk cukai – RM2,174 juta Pelaburan masyarakat – RM2 juta Nilai ekonomi yang ditahan – RM49 juta
EC2	Implikasi kewangan dan risiko serta peluang lain bagi aktiviti organisasi akibat perubahan iklim	British American Tobacco Malaysia terus melaksanakan langkah untuk mengurangkan kesan alam sekitarnya dengan menerapkan pendekatan berbilang penjuru yang meliputi perubahan kelakuan kakitangan, pelaburan dalam teknologi baharu, meningkatkan reka bentuk produk dan mengamalkan pengimbangan karbon secara sukarela melalui Program Penghutanan Semula yang terletak di FMU No.4, di Ulu Tungud, Sabah.
EC3	Liputan kewajipan pelan manfaat tertakrif organisasi	British American Tobacco Malaysia menambah sumbangan caruman sebanyak 4% ke dalam akaun kakitangan, melebihi caruman 12% Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) majikan yang wajib. Jumlah keseluruhan, British American Tobacco Malaysia menyumbang sebanyak 16% kepada caruman KWSP kakitangan. Kakitangan mencarum 11% kepada KWSP.
EC6	Dasar, amalan, dan kadar perbelanjaan ke atas pembekal tempatan di lokasi operasi yang penting	British American Tobacco Malaysia memperoleh daripada pembekal paling berdaya saing yang menawarkan produk berkualiti terbaik, tanpa mengira pembekal tempatan atau luar negara. British American Tobacco Malaysia mengamalkan Alat Tinjauan Pendaya Perniagaan (ATTP) untuk memilih pembekalnya. 90% vendor (mengikut volum) teratas ditinjau menggunakan ATTP, yang meliputi dasar pengurusan seperti pendidikan dan latihan, peningkatan kecekapan dan teknologi, pematuhan keselamatan dan kawal selia, etika perniagaan dan tanggungjawab alam sekitar. Bahagian perbelanjaan ke atas pembekal setempat pada tahun 2010 adalah 75% berbanding 66% pada tahun 2009.

Kod GRI	Bidang Isu	Respons bagi 2010
EC7	Prosedur untuk pengambilan kakitangan tempatan dan nisbah pengurusan kanan yang diambil daripada komuniti setempat di lokasi operasi yang penting	British American Tobacco Malaysia mengambil kakitangan yang paling berbakat untuk bekerja tanpa mengira sama ada pekerja warga tempatan atau asing. Pihak pengurusan kanan, ditakrifkan sebagai "Kumpulan Pengurusan Kanan" merangkumi 67% bakat tempatan pada tahun 2010. Formula $(4 \div 6) \times 100\% = 67\%$
EC8	Pembangunan dan kesan pelaburan infrastruktur dan perkhidmatan yang disediakan terutamanya untuk manfaat umum melalui penglibatan perniagaan, selain tunai atau secara percuma	Sila rujuk halaman: 66 hingga 67 mengenai Yayasan British American Tobacco Malaysia yang meliputi usaha Mengurangkan Kemiskinan Tegar, Pendahuluan Pendidikan Tinggi (PPT), Biasiswa Yayasan dan Program Khidmat Sukarela Pekerja (PKSP).
EC9	Memahami dan menghuraikan kesan ekonomi tidak langsung utama, termasuk tahap kesannya	Sejumlah 20 penerima Biasiswa Yayasan British American Tobacco Malaysia telah menyempurnakan pendidikan tinggi mereka pada tahun 2010 dan sudah bersedia untuk menyertai tenaga kerja berkemahiran tinggi. Sebagai bandingan, sejumlah 21 penerima biasiswa Yayasan British American Tobacco Malaysia telah lulus pada 2009.
EN1	Bahan yang digunakan mengikut berat atau volum	Jumlah bahan: 25,068 tan Bahan tidak boleh diperbaharui: 4,087 tan (<i>Alat ganti, bahan api, bahan pencuci, bahan kimia dan alat batu pemprosesan</i>) Bahan langsung: 20,981 tan (<i>Daun, balutan, pembungkusan, tapis dan perisa</i>) Ternormal: 1.46 tan/juta rokok setara British American Tobacco Malaysia mencatatkan kenaikan jumlah bahan sebanyak 21% pada tahun 2010. Syarikat telah mengurangkan penggunaan bahan yang tidak boleh diperbaharui kepada 4,087 tan (dari 4,382 tan pada tahun 2009). Manakala penggunaan bahan langsung meningkat kepada 20,981 tan (dari 16,326 tan pada tahun 2009) kerana penambahan dalam output.
EN3	Penggunaan tenaga langsung oleh sumber tenaga utama	Jumlah: 226,830 Gigajoule Tidak boleh diperbaharui: 226,830 Gigajoule (<i>Pembelian tenaga elektrik, minyak diesel, gas asli dan gas petroleum cair</i>) Boleh diperbaharui: 0 Gigajoule Ternormal: 15.79 Gigajoule/juta rokok setara Pengurangan sebanyak 2.6% dalam penggunaan tenaga langsung dicatatkan pada tahun 2010 daripada 232,888 Gigajoule pada tahun 2009. Ini disebabkan pelbagai inisiatif pemuliharaan yang diambil oleh British American Tobacco Malaysia.

Kod GRI	Bidang Isu	Respons bagi 2010
EN4	Penggunaan tenaga tidak langsung oleh sumber utama	<p>Jumlah: 295,768 Gigajoule</p> <p>Tidak boleh diperbaharui: Elektrik – 287,251 Gigajoule</p> <p>Boleh diperbaharui: 8,517 Gigajoule</p> <p>Ternormal: 20.6 Gigajoule/juta rokok setara</p> <p>Terdapat penambahan kecil sebanyak 0.24% dalam penggunaan tenaga tidak langsung tercatat pada tahun 2010 daripada 295,053 Gigajoule pada tahun 2009. Ini kerana terdapat penggunaan tambahan di bangunan baru syarikat di Petaling Jaya bagi mewujudkan persekitaran selesa untuk kakitangan.</p>
EN6	Inisiatif menyediakan produk dan perkhidmatan berdasarkan kecekapan tenaga atau boleh diperbaharui, dan pengurangan keperluan tenaga hasil inisiatif ini	<p>Inisiatif British American Tobacco Malaysia:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penggantian Sulaman Pendingin di bangunan Bertingkat dan Kilang C (pada bulan Sept 2010) 2. Penggantian 4 AHU di bangunan Bertingkat – (pada bulan Jun 2010) 3. Automasi pam vakum (pada bulan Mei 2010) 4. Penggunaan penjimat (pada bulan Dis 2009) <p>Anggaran pengurangan yang dicatatkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penggantian sulaman bagi bangunan Bertingkat dan unit Pendingin Kilang C – penjimatan bulanan 5.18 Gigajoule/1,500 kWh setiap bulan 2. Bangunan BM AHU (4 unit) – penjimatan bulanan 20m³/bulan. 3. Automasi pam vakum – penjimatan bulanan 0.03 Gigajoule/MCE (6,300 kWh setiap bulan) 4. Penjimat (2 unit) – penjimatan bulanan 218.1 Gigajoule/490 mmbtu setiap bulan
EN7	Inisiatif mengurangkan penggunaan tenaga tidak langsung dan pengurangan yang dicapai	Sila rujuk GRI EN6.
EN8	Jumlah penyadapan air mengikut sumber	<p>Jumlah: 230,581 meter padu</p> <p>Ternormal: 16.05 meter padu/juta rokok setara</p> <p>British American Tobacco Malaysia mencatatkan pengurangan penggunaan dalam penyadapan air sebanyak 11.3% daripada tahun 2009 (260,237 meter padu) hasil daripada inisiatif kitar semula dan pemuliharaan air.</p>
EN9	Sumber air yang terjejas oleh penyadapan air	Kemudahan British American Tobacco Malaysia mendapatkan sumber air daripada pihak pembekal air yang diberi kuasa oleh Kerajaan. Penyadapan air tidak menjaskan mana-mana enam tapak yang disifatkan sebagai Senarai Tanah Lembab Ramsar Kepentingan Antarabangsa di Malaysia.
EN11	Lokasi dan saiz tanah yang dimiliki, dipajak, diurus, atau bersebelahan dengan, kawasan dilindungi dan kawasan yang tinggi nilai biodiversiti di luar kawasan yang dilindungi	Maklumat tidak dilaporkan kerana British American Tobacco Malaysia tidak beroperasi hampir dengan kawasan yang dilindungi atau kawasan yang tinggi nilai biodiversiti di luar kawasan yang dilindungi.
EN12	Huraian kesan aktiviti, produk, dan perkhidmatan ke atas bio-diversiti di kawasan perlindungan dan kawasan yang tinggi nilai biodiversiti di luar kawasan yang dilindungi	Maklumat tidak dilaporkan kerana British American Tobacco Malaysia tidak beroperasi hampir dengan kawasan yang dilindungi atau kawasan yang tinggi nilai bio-diversiti tinggi di luar kawasan yang dilindungi.

Kod GRI	Bidang Isu	Respons bagi 2010
EN13	Habitat yang dilindungi atau dipulihara	<p>British American Tobacco Malaysia menaja program penghutanan semula dalam Unit Pengurusan Hutan No. 4 yang terletak di Ulu Tungud, Sabah sejak 2002. Bagi tahun 2010, sejumlah 467 hektar pelbagai spesies pokok ditanam, membawa jumlah hektar yang ditanam setakat ini kepada 6,467 hektar – bersamaan dengan 8,859 padang bola sepak dan 246,845 tan karbon dioksida disekuester.</p> <p>*Saiz 1 padang bola sepak sekitar 0.73 hektar.</p> <p>Rakan kongsi projek bagi program penghutanan semula ini ialah TSH Resources Berhad.</p>
EN14	Strategi, tindakan semasa, dan rancangan masa depan untuk mengurus kesan ke atas biodiversiti	Sila rujuk halaman 73 tentang meningkatkan amalan perniagaan kami ke arah pembangunan mampan
EN15	Bilangan spesies Senarai Merah IUCN dan senarai spesies pemuliharaan kebangsaan dengan habitat di kawasan akibat operasi, mengikut paras risiko kepupusan	Maklumat tidak dilaporkan kerana British American Tobacco Malaysia tidak beroperasi hampir dengan kawasan yang dilindungi atau kawasan yang tinggi nilai biodiversiti di luar kawasan yang dilindungi
EN16	Jumlah pengeluaran gas rumah hijau langsung dan tidak langsung mengikut berat	<p>Jumlah: 28,370 tan karbon dioksida</p> <p>Ternormal: 1.97 tan/juta rokok setara</p> <p>Pengurangan sebanyak 5.24% dalam pengeluaran gas rumah-hijau secara langsung dan tidak langsung yang dicatatkan pada tahun 2010 daripada 29,940 tan karbon dioksida pada tahun 2009 hasil daripada pengurangan perjalanan berkaitan perniagaan.</p>
EN17	Pengeluaran gas rumah hijau tidak langsung lain mengikut berat	<p>Jumlah: 19,384 tan karbon dioksida</p> <p>Pengurangan sebanyak 5% dalam pengeluaran gas rumah-hijau tidak langsung yang dicatatkan pada tahun 2010 daripada 20,402 tan karbon dioksida pada tahun 2009 hasil daripada pengurangan perjalanan berkaitan perniagaan.</p>
EN18	Inisiatif untuk mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau dan pengurangan yang dicapai	Sila rujuk GRI EN6.
EN19	Pengeluaran bahan penyusut ozon mengikut berat	Semua peralatan penyaman udara British American Tobacco Malaysia adalah bebas klorofluorokarbon (CFC).
EN21	Jumlah air yang dilepaskan mengikut kualiti dan destinasi	<p>Kemudahan British American Tobacco Malaysia melepaskan air melalui laluan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Laluan air awam (24,025 meter padu) selepas air yang digunakan dalam operasi kilang dirawat di loji rawatan buangan menurut piawaian korporat yang ketat. 2. Sistem pembetungan, air yang telah digunakan untuk kemudahan, seperti tandas dan pantri pejabat (206,556 meter padu).

Kod GRI	Bidang Isu	Respons bagi 2010
EN22	Jumlah berat sisa mengikut jenis dan kaedah pelupusan	<p>2009 : Sisa Berbahaya – 34 tan : Sisa Tidak Berbahaya – 1,915 tan</p> <p>2010 : Sisa Berbahaya – 39 tan : Sisa Tidak Berbahaya – 1,603 tan</p> <p>Kesemua sisa berbahaya dihantar ke Kemudahan Kualiti Alam di Bukit Nanas, Negeri Sembilan untuk pelupusan sementara sebahagian besar sisa tidak berbahaya dihantar ke Recycle Energy Malaysia di Semenyih untuk ditukar menjadi pelet bahan api daripada sampah. Sisa tidak berbahaya selebihnya yang tidak dihantar ke Semenyih dikitar semula (contohnya kertas, plastik dan bahan logam).</p>
EN23	Jumlah bilangan dan volum tumpahan ketara	British American Tobacco Malaysia tidak mempunyai sebarang tumpahan ketara pada tahun 2010.
EN24	Berat sisa yang diangkut, diimport, dieksport, atau yang dirawat disifatkan sebagai berbahaya di bawah terma Konvensyen Basel Lampiran I, II, III, dan VIII, dan peratus sisa yang diangkut di peringkat antarabangsa	<p>Jumlah: 39 tan (34 tan pada 2009)</p> <p>Kesemua sisa berbahaya dihantar ke tapak yang diluluskan oleh Kerajaan (Kemudahan Kualiti Alam) untuk pelupusan.</p>
EN25	Mengenal pasti saiz, status perlindungan dan nilai biodiversiti dan habitat berkaitan yang banyak diakibatkan oleh laporan lepasan dan aliran air.	British American Tobacco Malaysia merawat air yang digunakan dalam operasi kilang demi memenuhi piawaian korporat yang ketat sebelum melepaskannya ke laluan air awam yang terletak di luar zon tadahan air dan kawasan yang dilindungi lain.
EN26	Inisiatif mengurangkan kesan alam sekitar produk dan perkhidmatan, dan tahap pengurangan kesan	<p>Program alam sekitar, kesihatan dan keselamatan British American Tobacco Malaysia yang komprehensif mencapai peningkatan dalam mengurangkan kesan alam sekitarnya sepanjang tahun ini melalui pelaksanaan inisiatif dalam bidang proses dan amalan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Penggunaan air dikurangkan sebanyak 11.4% daripada 260,237 meter padu pada tahun 2009 kepada 230,581 meter padu pada tahun 2010; b. Sisa yang dihasilkan berkurangan sebanyak 15.7% daripada 1,949 tan pada tahun 2009 kepada 1,642 tan pada tahun 2010; c. Jumlah penggunaan tenaga berkurangan daripada 256,818 Gigajoule pada tahun 2009 kepada 236,372 Gigajoule pada tahun 2010.
EN27	Peratusan produk yang dijual dan bahan pembungkusannya yang dipulih guna mengikut kategori	Maklumat yang tidak dilaporkan kerana kekurangan sistem data yang diperlukan untuk menjana maklumat yang dikehendaki. Pembangunan sistem data yang diperlukan akan dinilai.
EN28	Nilai kewangan denda ketara dan jumlah bilangan sekatan bukan kewangan bagi ketidakpatuhan undang-undang dan peraturan alam sekitar	British American Tobacco Malaysia mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar sepenuhnya.
EN29	Kesan alam sekitar yang ketara daripada pengangkutan produk dan barang dan bahan lain yang digunakan untuk operasi organisasi, dan mengangkut tenaga kerja	Tiada kesan alam sekitar yang ketara yang dicatatkan akibat pengangkutan produk dan barang dan bahan lain yang digunakan untuk operasi organisasi, dan pengangkutan tenaga kerja

Kod GRI	Bidang Isu	Respons bagi 2010
EN30	Jumlah perbelanjaan perlindungan alam sekitar dan pelaburan mengikut jenis	<p>Jumlah: RM191,000</p> <p>Sejumlah RM131,000 telah dibelanjakan untuk penggantian/penaikan taraf sistem penyaman udara untuk gudang dan kilang, sementara RM47,000 telah dibelanjakan untuk menggantikan media karbon untuk loji dan rawatan sisa dan RM13,000 untuk menggantikan tangki penyimpanan diesel set generator.</p>
LA1	Jumlah tenaga kerja mengikut jenis pekerjaan, kontrak pekerjaan dan rantau	<p>Jumlah Tenaga Kerja: 1,540</p> <p>Jenis pekerjaan</p> <p>Tetap/Sepenuh masa: 1,298</p> <ul style="list-style-type: none"> – Pengurusan 602 – Bukan Pengurusan 696 <p>Sementara/Jururunding/Kontrak: 242</p> <p>Tenaga kerja British American Tobacco Malaysia dipecahkan mengikut rantau:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Utara = 277 b. Selatan = 187 c. Pantai Timur = 105 d. Malaysia Timur = 127 e. KL Tengah = 844
LA2	Jumlah bilangan dan kadar pusing ganti kakitangan mengikut kumpulan usia, jantina, dan kawasan	<p>Pada 31 Disember 2010:</p> <p>Jumlah bilangan kakitangan yang berhenti bekerja pada tahun 2010 mengikut kumpulan umur:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. kurang daripada 30 tahun = 83 b. 30-50 tahun = 148 c. lebih daripada 50 tahun = 18 <p>Jumlah bilangan kakitangan yang berhenti bekerja pada tahun 2010 mengikut jantina:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Lelaki = 211 b. Perempuan = 38 <p>Jumlah bilangan kakitangan yang berhenti bekerja pada tahun 2010 mengikut rantau:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Pantai Timur = 3 b. Utara = 69 c. Selatan = 76 d. Malaysia Timur = 17 e. KL Tengah = 84
LA3	Manfaat yang disediakan untuk kakitangan sepenuh masa yang tidak disediakan untuk kakitangan sementara atau separuh masa, mengikut operasi utama	<p>Manfaat berikut disediakan untuk kakitangan pengurusan dan bukan pengurusan British American Tobacco Malaysia:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. manfaat perubatan b. catuan rokok c. makanan percuma d. cuti tahunan, bencana, belas ehsan, peperiksaan, kemasukan ke hospital, bersalin, paterniti, perkahwinan, sakit, belajar, sukan dan mengerjakan Haji e. bonus f. Insurans Kemalangan Peribadi Kumpulan g. Skim Insurans Tempoh Hayat Kumpulan h. kenderaan syarikat dan elaun tunai bulanan (bergantung pada gred) i. keahlian kelab korporat (bergantung pada gred) j. subsidi faedah pinjaman perumahan (bergantung pada gred) k. subsidi faedah pinjaman kereta (bergantung pada gred)

Kod GRI	Bidang Isu	Respons bagi 2010
LA4	Peratusan kakitangan yang dilindungi oleh perjanjian rundingan kolektif	<p>Peratusan jumlah kakitangan yang diliputi oleh perjanjian perundingan kolektif ialah 24%. Kesemua kakitangan yang layak berjumlah 698 bukan pengurusan dilindungi melalui Perjanjian Kolektif, berkuatkuasa 1 Julai 2004 hingga 30 Jun 2007. ("Perjanjian Kolektif")</p> <p>Pada bulan Oktober 2007, Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja (DGTU) Kementerian Sumber Manusia memutuskan bahawa Kesatuan Sekerja British American Tobacco (BATEU) hanya boleh mewakili kakitangan syarikat induk, British American Tobacco (Malaysia) Berhad. Bekas Setiausaha Agung BATEU sebelum ini (kakitangan Tobacco Importers and Manufacturers Sdn. Bhd. (TIM)) telah memfail kaji semula kehakiman atas nama BATEU di Mahkamah Tinggi mencabar keputusan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja. Pada bulan Julai 2010, Mahkamah Tinggi telah menepikan permohonan Semakan Kehakiman yang dibuat oleh BATEU dan BATEU telah membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan. Kini menunggu keputusan Mahkamah Rayuan.</p> <p>Sementara menunggu semakan kehakiman, keputusan DGTU masih berkuat kuasa. Dengan itu, kakitangan daripada subsidiari British American Tobacco Malaysia, TIM dan Commercial Marketers and Distributors Sdn. Bhd. (CMD) tidak boleh diwakili oleh BATEU dan perlu membentuk kesatuan sekerja mereka sendiri.</p> <p>Walaupun apa juga keputusan DGTU, semua terma dan syarat Perjanjian Kolektif yang sedia ada telah dipenuhi oleh British American Tobacco (Malaysia) Berhad dan telah disampaikan kepada kakitangan TIM dan CMD berdasarkan Persendirian Kepada Pemegang (PKP) sementara menunggu Perjanjian Kolektif baharu mereka masing-masing.</p>
LA5	Tempoh notis minimum berhubung perubahan operasi yang ketara, termasuk sama ada dinyatakan dalam perjanjian kolektif	<p>Tempoh notis minimum untuk pembuangan kerja tidak kurang daripada 3 bulan. Tempoh notis yang dinyatakan dalam Artikel 61 Perjanjian Kolektif di antara British American Tobacco Malaysia dengan Kesatuan Sekerja British American Tobacco (BATEU), berkuat kuasa 1 Julai 2004 hingga 30 Jun 2007.</p> <p>(Sila rujuk GRI LA4 berkaitan semakan kehakiman yang difailkan bagi pihak BATEU)</p>
LA6	Peratusan jumlah tenaga kerja yang diwakili dalam jawatankuasa kesihatan dan keselamatan gabungan rasmi pengurusan-pekerja yang membantu memantau dan menasihati program keselamatan dan kesihatan pekerjaan	<p>100% jumlah tenaga kerja telah diwakili oleh Pengurus Kanan yang mewakili setiap fungsi dalam Jawatankuasa Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan Korporat kami.</p> <p>Enam wakil (masing-masing daripada kakitangan pengurusan dan bukan pengurusan) menjadi ahli Jawatankuasa Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan Petaling Jaya. Jawatankuasa ini dipimpin oleh pengurus (Ketua Pengeluaran) dan turut merangkumi wakil daripada Kesihatan Pekerjaan, Keselamatan dan Setiausaha yang dilantik (Pengurus EHS).</p>
LA7	Kadar kecederaan, penyakit pekerjaan, hari yang hilang, dan ketidakhadiran, dan jumlah bilangan kematian berkaitan kerja mengikut wilayah	<p>Kadar kecederaan kes kehilangan hari kerja (LWCIR) BAT Malaysia bagi 2010 ialah dua kes kehilangan hari kerja bagi setiap 2,693,298 (Anggaran berdasarkan 11 bulan pada tahun 2010) jam pengkerjaan kakitangan.</p> <p>Dua hari kemalangan kes kehilangan hari kerja (LWC) yang dilaporkan sepanjang tahun ini merupakan kemalangan yang melibatkan kakitangan memandu kenderaan syarikat.</p> <p>Jika dibandingkan pada tahun 2009, terdapat tiga kes kehilangan hari kerja yang dilaporkan sepanjang tahun yang mana, dua daripadanya merupakan kemalangan yang melibatkan kakitangan memandu kenderaan Syarikat dan yang satu lagi kemalangan industri yang berlaku di kilang Petaling Jaya.</p>

Kod GRI	Bidang Isu	Respons bagi 2010								
			Latihan Pendidikan/		Kaunseling		Pencegahan/ Kawalan Risiko		Rawatan	
LA8	Pendidikan, latihan, kaunseling, pencegahan, dan program kawalan risiko yang diterapkan untuk membantu ahli tenaga kerja, keluarga mereka, atau ahli komuniti berkenaan penyakit serius		Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
		Penerima program	✓		✓		✓		✓	
		Pekerja		✓	✓		✓		✓	
		Keluarga pekerja		✓	✓		✓		✓	
		Ahli masyarakat		✓		✓		✓		
Untuk Kakitangan: Pendidikan/Latihan										
a. Latihan Pertolongan Cemas CPR										
b. Ergonomiks										
c. Program Pemuliharaan Hingar										
d. Etiket Batuk dan Kepentingan Membasuh Tangan										
Kaunseling										
a. Penyakit Tenat										
b. Ketidakhadiran kerana Sakit										
c. Perjalanan ke luar negara										
Pencegahan/Kawalan Risiko										
a. Pelalian										
b. Maklumat mengenai penyakit berjangkit dalam OPUS, Papan Notis, LN										
c. Program Kesihatan Wanita										
d. Kekerapan – Peperiksaan tahunan/2 tahun sekali pemeriksaan perubatan										
e. Penjagaan jantung										
f. Pemeriksaan Perubatan Statutori										
g. Kesedaran mengenai HIV/AIDS										
h. Suntikan mencegah Hepatitis A, Hepatitis B, Demam Selsema, Demam Kuning, Tetanus Toxoid, selsema bermusim										
i. Pengumuman terkini mengenai demam enggi dan amaran jerebu										
j. Penyediaan cecair sanitasi tangan dan topeng muka dan notis berjaga-jaga untuk perjalanan luar negara berkaitan wabak AH1N1										
k. Pengawasan Akta Peraturan Kimia Bahaya (CHRA)										
Rawatan										
a. Ubatan untuk Laporan Kesakitan Harian										
b. Ubatan untuk penyakit tenat										
c. Penyiasatan										
d. Rujukan kepada Pakar										
Untuk Keluarga Pekerja: Pendidikan/Latihan										
a. Pada dasar tidak dijadualkan										
Kaunseling										
a. Pada dasar tidak dijadualkan										
b. Pada dasar peribadi										
Kawalan Pencegahan/Risiko										
a. Suntikan mencegah H1N1										
b. Suntikan mencegah selsema bermusim										
Rawatan										
a. Klinik/Hospital										
b. Ubatan										

Kod GRI	Bidang Isu	Respons bagi 2010
LA9	Topik kesihatan dan keselamatan yang diliputi dalam perjanjian rasmi dengan kesatuan sekerja	<p>Topik alam sekitar, kesihatan dan keselamatan diliputi dalam perjanjian rasmi yang dijelaskan dalam pelbagai artikel yang terkandung dalam Perjanjian Kolektif di antara British American Tobacco Malaysia Berhad dan Kesatuan Sekerja British American Tobacco Malaysia (BATEU), yang berkuat kuasa Julai 2004 hingga 30 Jun 2007. ("Perjanjian Kolektif")</p> <p>Artikel 20-23 meliputi waktu kerja maksimum kakitangan, Artikel 27, 30-31 meliputi hak cuti kakitangan dan Artikel 40 meliputi hak kakitangan untuk peralatan perlindungan diri yang sesuai semasa bekerja. Artikel 54 menyatakan bahawa persekitaran kerja Syarikat hendaklah mematuhi peraturan yang berkaitan termasuk penyediaan pemeriksaan perubatan bagi kakitangan.</p>
LA10	Purata bilangan jam bagi latihan setahun setiap kakitangan mengikut kategori kakitangan	<p>Pengurusan 3.39 jam <u>Kehadiran Pengurusan</u> Program Pusat: 8.93 jam Program fungsian : Operasi – 1.94 jam Pemasaran – 0 jam</p> <p>Bukan pengurusan 8.91 jam <u>Kehadiran bukan pengurusan</u> Program pusat: 14 jam Program fungsian : Operasi – 8.71 jam Pemasaran – 14.61 jam</p> <p>Program berpusat di bawah pemantauan Jabatan Sumber Manusia British American Tobacco Malaysia dan meliputi semua fungsi lain dalam Syarikat kecuali Operasi dan Pemasaran, kerana kedua-dua fungsi ini mengendalikan program fungsian mereka sendiri.</p> <p>Walau bagaimanapun, program kakitangan pengurusan Pemasaran dikendalikan di peringkat pusat pada tahun 2010 dan sebaliknya bukan di peringkat fungsian, maka mencatatkan sifar untuk kakitangan pengurusan Pemasaran.</p>
LA11	Program untuk pengurusan kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat yang menyokong kebolehambilan bekerja yang berterusan buat kakitangan dan membantu mereka dalam mengurus keakhiran kerjaya.	British American Tobacco Malaysia menyediakan bantuan kepada kakitangan yang telah diberhentikan melalui program peralihan kerjaya atau penempatan keluar. Rancangan penyusunan semula disampaikan kepada Pihak Berkusa Pekerja (iaitu Ketua Pengarah Perhubungan Perindustrian dan Ketua Pengarah Buruh) yang berkaitan dan sesi taklimat dikendalikan untuk kakitangan bagi menyampaikan rasional perniagaan untuk penyusunan semula dan butiran program penempatan luar itu sendiri. Program ini adalah usaha sama antara British American Tobacco Malaysia dengan CareerSolutions Asia Sdn. Bhd., yang menyediakan kaunseling kepada kakitangan yang terjejas dan mengendalikan program kemahiran peralihan.
LA12	Peratusan kakitangan yang kerap menerima kajian prestasi dan pembangunan kerjaya	100% kakitangan, kedua-dua kakitangan pengurusan dan bukan pengurusan, menerima penilaian dan kajian prestasi rasmi semasa tempoh pelaporan.

Kod GRI	Bidang Isu	Respons bagi 2010
LA13	Komposisi badan tadbir urus dan pecahan kakitangan setiap kategori mengikut gender, kumpulan usia, keahlian kumpulan minoriti, dan lain-lain penunjuk kepelbagaian	<p>Peratusan Lembaga Pengarah British American Tobacco Malaysia mengikut gender: Lelaki = 100% Perempuan = 0%</p> <p>Peratusan Lembaga Pengarah British American Tobacco Malaysia mengikut kumpulan usia: Bawah 30 tahun = 0% 30-50 tahun = 14% Lebih 50 tahun = 86%</p> <p>Peratusan kakitangan British American Tobacco Malaysia mengikut gender: Lelaki = 86% Perempuan = 14%</p> <p>Peratusan kakitangan British American Tobacco Malaysia mengikut kumpulan usia: Bawah 30 tahun = 23% 30-50 tahun = 66% Lebih 50 tahun = 11%</p>
LA14	Nisbah gaji pokok lelaki dan perempuan mengikut kategori kakitangan	<p>Kakitangan lelaki dan perempuan gred yang sama berkongsi skala gaji yang sama, tetapi gaji permulaan mereka berbeza mengikut bakat, pengalaman dan set kemahiran.</p> <p>Pelatih Pengurusan lelaki dan perempuan dibayar gaji pokok yang sama.</p>
HR1	Peratusan dan jumlah bilangan perjanjian pelaburan utama yang merangkumi klausa hak asasi manusia atau yang telah melalui saringan hak asasi manusia	<p>Pelaburan ketara British American Tobacco Malaysia adalah dengan pembekalnya. Falsafah kami mengenai perkongsian dengan pembekal bukan sahaja mengenai pemerolehan malahan mengenai bagaimana kami boleh menambah nilai dalam rangkaian bekalan. Kami menggunakan Alat Tinjauan Pendaya Perniagaan (ATPP) untuk memilih pembekal terbaik berdasarkan tahap operasi yang tinggi termasuk pertimbangan aspek hak asasi manusia seperti persekitaran kerja yang selamat, perhubungan pekerja yang baik, penyediaan pendidikan dan latihan, pematuhan kawal selia, etika perniagaan dan alam sekitar, tanggungjawab kesihatan dan keselamatan. 90% vendor teratas (mengikut volum) semuanya ditinjau menggunakan ATPP.</p> <p>Pelaburan ketara lain turut merangkumi kontrak yang kami ada dengan peladang daun tembakau. Kontrak kami meliputi amalan pertanian yang baik, penggunaan agrokimia, alam sekitar, kesihatan dan keselamatan pekerjaan dan penamatan kontrak sekiranya peladang tersebut menggajikan buruh kanak-kanak.</p>
HR2	Peratusan pembekal dan kontraktor utama yang telah melalui penyaringan hak asasi manusia dan tindakan yang diambil	Sila rujuk GRI HR1.
HR4	Jumlah bilangan insiden diskriminasi dan tindakan yang diambil	<p>Tiada insiden diskriminasi dilaporkan untuk British American Tobacco Malaysia. Kami juga mempunyai prosedur rungutan di bawah Artikel 5 Perjanjian Kolektif di antara British American Tobacco Malaysia Berhad dengan Kesatuan Sekerja British American Tobacco Malaysia (BATEU), yang berkuat kuasa 1 Julai 2004 hingga 30 Jun 2007, bagi kakitangan bukan pengurusan untuk mengajukan hal ehwal diskriminasi kepada pihak pengurusan kanan.</p> <p>Di samping itu, Piawaian Perlakuan Perniagaan kami menyediakan prosedur pemberi maklumat yang komprehensif yang membolehkan kakitangan membangkitkan sebarang kebimbangan termasuk perihal diskriminasi. Kod amalan kami mengenai gangguan seksual melindungi kakitangan daripada diskriminasi gender.</p>

Kod GRI	Bidang Isu	Respons bagi 2010
HR5	Operasi mengenal pasti, di mana hak untuk mengamalkan kebebasan berpersatuan atau rundingan kolektif mungkin menghadapi risiko ketara dan tindakan diambil untuk menyokong hak ini	<p>Pada tahun 2010, Kongres Kesatuan Perdagangan Malaysia membuat laporan bagi pihak Kesatuan Pekerja British American Tobacco Malaysia kepada OECD National Contact Print UK (UK NCP), atas tuduhan mengklasifikasi semula jawatan bagi meyusut keahlian kesatuan dan kemudian tidak berunding secukupnya terlebih dahulu dengan Kesatuan mengenai pengklasifikasi semula tersebut.</p> <p>Pada Disember 2010, UK NCP menyatakan bahawa ia tidak akan selidik atas tuduhan pengklasifikasian semula jawatan untuk menyusut keahlian tersebut kerana ia tidak dapat selidik perintah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan mengenai perkara tersebut di bawah undang-undang Malaysia tanpa menyatakan pandangannya atas kewajaran undang-undang terhadap tuduhan tindakan tersebut. Risiko penyelesaian yang berbeza daripada yang diputuskan oleh pihak berkuasa Malaysia yang berkaitan akan mengakibatkan seperti bertujuan menolak undang-undang Malaysia atau meletakkan dalam situasi dimana akan menghadapi percanggahan antara keperluan pemutusan UK NCP dan perundangan Malaysia.</p> <p>Walau bagaimanpun ia telah menyelidik tuduhan selanjutnya bahawa tidak berunding terlebih dahulu secukupnya mengenai pengklasifikasi semula tersebut dan berpendapat bahawa British American Tobacco Malaysia tidak memenuhi secukupnya dasar pengambilan bekerja OECD di bawah Bab IV (8) Panduan untuk Perniagaan Berbilang Bangsa OECD.</p> <p>UK NCP mencadangkan British American Tobacco Malaysia menyemak semula polisi dan amalan untuk merangkumi proses perundingan dan memaklumkan kakitangannya mengenai perkara-perkara yang saling berkaitan sebelum membuat keputusan penting terhadap perkara-perkara tersebut dan mengemaskini NCP UK sebelum Mei 2011.</p> <p>Berkaitan tuduhan-tuduhan tersebut di atas, Syarikat sentiasa mematuhi semua keperluan undang-undang berkaitan yang merangkumi perkara-perkara tersebut dan mempamerkan komitmennya terhadap amalan pengambilan bekerja yang berhemah.</p>
HR6	Operasi mengenal pasti sebagai mempunyai risiko yang ketara bagi insiden buruh kanak-kanak, dan langkah yang diambil bagi mencegah buruh kanak-kanak	<p>British American Tobacco Malaysia telah mengenal pasti pembekal daunya sebagai terdedah pada risiko insiden buruh kanak-kanak, kerana ini bukan di bawah pengambilan bekerja langsungnya.</p> <p>Untuk mengurangkan risiko ini, Syarikat telah menyertai perjanjian dengan pembekal daun setempat sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial dalam Pengeluaran Tembakau untuk memastikan tiada buruh kanak-kanak digunakan untuk melaksanakan aktiviti berkaitan pengeluaran tembakau. Sebarang pelanggaran terma dan syarat perjanjian akan mengakibatkan penamatkan pembekalan kepada Syarikat.</p>
HR7	Operasi mengenal pasti sebagai mempunyai risiko yang ketara bagi insiden buruh secara dipaksa atau diwajibkan dan langkah yang diambil bagi mencegah buruh yang dipaksa atau diwajibkan.	Sila rujuk GRI HR6.
HR8	Peratusan kakitangan keselamatan yang dilatih mengenal dasar atau prosedur organisasi berkenaan hak asasi manusia yang ada kaitan dengan operasi	Tiada latihan rasmi yang khusus untuk isu hak asasi manusia yang disediakan kepada kakitangan keselamatan. Tumpuan tanggungjawab mereka adalah untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat dan terlindung bagi kakitangan dan keperluan teras untuk melayan setiap individu dengan hormat dalam pelaksanaan tugas mereka.

Kod GRI	Bidang Isu	Respons bagi 2010
HR9	Jumlah bilangan insiden pelanggaran yang melibatkan hak warga asli dan tindakan yang diambil	<p>British American Tobacco Malaysia telah mengenal pasti bekalan daunnya sebagai terdedah pada risiko insiden buruh kanak-kanak, kerana ini bukan di bawah pengambilan bekerja langsungnya.</p> <p>Untuk mengurangkan risiko ini, Prinsip Pengambilan Bekerja British American Tobacco Malaysia dibina di atas komitmen untuk memastikan amalan pekerjaan dan hak asasi manusia berkaitan dengan tempat kerja yang baik. Ia menetapkan pendekatan yang lazim terhadap pembangunan dasar dan prosedur, sementara mengiktiraf bahawa kami perlu mengambil kira undang-undang dan amalan buruh setempat serta keadaan politik, ekonomi dan budaya. Topik yang diliputi oleh Prinsip Pekerjaan kami termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. peluang yang saksama dan tidak mendiskriminasikan; b. komunikasi dalaman dan aliran idea tanpa had; c. perwakilan pekerja dan kebebasan berpersatuan; d. kesaksamaan di tempat kerja dan menolak sebarang gangguan dan membuli; e. tidak akan membiarkan berlaku atau menggunakan buruh kanak-kanak; f. buruh paksa atau terikat tidak boleh diterima sama sekali; g. tanggungjawab prestasi; h. tanggungjawab, kesihatan, keselamatan dan alam sekitar; i. sumbangan komuniti dan pembangunan kemahiran bagi kakitangan dan masyarakat dalam pasaran di tempat kami beroperasi; j. pembangunan dan pembelajaran diri; k. waktu bekerja yang munasabah dan dasar mesra keluarga; l. saraan dan manfaat yang saksama, jelas dan bersaingan.
SO1	Sifat, skop, dan keberkesanannya sebarang program dan amalan yang menilai dan mengurus kesan operasi ke atas komuniti, termasuk kemasukan, operasi, dan pengeluaran	British American Tobacco Malaysia bertujuan untuk menangani isu sosial dan alam sekitar yang berkaitan dengan penanaman dan pemprosesan tembakau dengan mendidik para peladang tembakau mengenai amalan pertanian yang baik, penggunaan agrokimia yang sewajarnya dan mempertimbangkan alam sekitar isu kesihatan dan keselamatan pekerjaan. Kami juga aktif membentera eksplorasi buruh kanak-kanak dan menggalakkan inisiatif penghutanan semula.
SO2	Peratusan dan jumlah bilangan unit perniagaan yang dianalisis untuk risiko berkaitan rasuah	Sila rujuk halaman 92 mengenai Piawaian Perlakuan Perniagaan.
SO3	Peratusan kakitangan yang dilatih dalam dasar dan prosedur anti rasuah organisasi	30 kakitangan melalui program induksi sepanjang 2010 dan telah dimaklumkan mengenai Piawaian Perlakuan Perniagaan British American Tobacco Malaysia yang merangkumi maklumat mengenai anti rasuah dan sogokan.
SO4	Tindakan yang diambil sebagai terhadap insiden rasuah	Tiada insiden rasuah dilaporkan kepada British American Tobacco Malaysia.

Kod GRI	Bidang Isu	Respons bagi 2010
SO5	Kedudukan dasar awam dan penyertaan dalam pembangunan dasar awam dan melobi	<p>Sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab, British American Tobacco Malaysia meyakini bahawa kami boleh menyumbang, melalui maklumat dan idea untuk membantu pengawal selia menangani isu utama berkaitan produk kami.</p> <p>Pada tahun 2010, kami mengendalikan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengedaran risalah maklumat dalam Bahasa Malaysia dan Cina kepada sekitar 80,000 peruncit di seluruh negara bagi menjelaskan jenis-jenis rokok tidak sah, undang-undang dan denda berkaitan perdagangan tembakau tidak sah serta penunjuk utama rokok sah. • Pengedaran risalah maklumat dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina kepada sekitar 80,000 peruncit mengenai harga minimum rokok dan penarikan balik pek rokok kurang daripada 20 batang. • Pembentangan kepada Pasukan Petugas Antara Kementerian dan agensi Kerajaan seperti Kastam Di Raja Malaysia mengenai hasil Tinjauan Rokok Tidak Sah di Malaysia dan isu yang menjelaskan industri ini. • Perbincangan dengan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara mengenai isu daun, yang mana Ketua Bahagian Daun Syarikat adalah seorang ahli. <p>Di peringkat global, isu ini dan lain-lain serta kedudukan teras berkaitan perkembangan dasar awam boleh didapati di www.bat.com</p>
SO7	Jumlah bilangan tindakan undang-undang terhadap kelakuan anti persaingan, anti-trust, dan amalan monopoli dan akibatnya	<p>Tiada tindakan guaman terhadap British American Tobacco Malaysia untuk kelakuan anti-persaingan, anti-trust, dan amalan monopoli.</p> <p>Piawaian Perlakuan Perniagaan British American Tobacco Malaysia menerapkan prinsip peraturan persaingan yang saksama dalam mengendalikan perniagaan kami. Di samping itu, Garis Panduan Persaingan British American Tobacco Malaysia yang diperkenalkan di seluruh Syarikat pada 18 Jun 2009 turut memastikan bahawa aktiviti perniagaan kami bukan tidak secara mana pun bersifat anti persaingan. Latihan dalaman mengenai Garis Panduan Persaingan telah dikendalikan pada Julai 2009 kepada semua pengurus dalam syarikat dan dilanjutkan kepada tenaga jualan pada 22-25 Februari 2010</p> <p>Lembaga pengarah dan pegawai undang-undang Syarikat turut melalui bengkel latihan luar mengenai Akta Persaingan Malaysia 2010 untuk menegaskan bahawa Garis Panduan British American Tobacco Malaysia tekal dengan keperluan undang-undang.</p>
SO8	Nilai kewangan denda ketara dan jumlah bilangan sekatan bukan kewangan bagi ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan	<p>Tiada denda yang ketara atau sebarang sekatan bukan kewangan yang dikenakan ke atas British American Tobacco Malaysia.</p>
PR1	Peringkat kitaran hayat di mana kesan dan perkhidmatan produk ke atas kesihatan dan keselamatan dinilai untuk penambahbaikan, dan peratusan kategori produk dan perkhidmatan yang ketara tertakluk pada prosedur ini	<p>Sila rujuk maklumat mengenai merokok dan kesihatan yang boleh didapati di laman web kami di www.bat.com. Maklumat mengenai bahan tembakau boleh didapati di www.bat-ingredients.com.</p> <p>Produk British American Tobacco Malaysia mematuhi sepenuhnya Peraturan Kawalan Produk Tembakau 2004.</p> <p>Syarikat juga menyertai perjanjian dengan pembekal daun tempatan sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial dalam Pengeluaran Tembakau untuk memastikan bahawa agrokimia digunakan dengan sewajarnya yang berkaitan dengan alam sekitar dan keselamatan pengendali. Dengan itu, di mana agrokimia dirasakan, pilihan dan penggunaan hendaklah mematuhi Prosedur Agrokimia British American Tobacco yang berkenaan yang merangkumi pilihan kimia yang diluluskan.</p>

Kod GRI	Bidang Isu	Respons bagi 2010																										
PR2	Jumlah bilangan insiden ketidakpatuhan terhadap peraturan dan kod sukarela berkaitan kesan dan perkhidmatan produk terhadap kesihatan dan keselamatan semasa kitaran hayatnya, mengikut jenis akibat	Produk British American Tobacco Malaysia mematuhi sepenuhnya Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.																										
PR3	Jenis maklumat produk dan perkhidmatan yang diperlukan oleh prosedur, dan peratusan produk dan perkhidmatan yang ketara tertakluk pada keperluan maklumat ini	<table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="2"></th> <th colspan="2">2010</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pencarian sumber komponen bagi produk dan perkhidmatan</td> <td>Ya</td> <td>Tidak</td> <td style="text-align: center;">✓</td> </tr> <tr> <td>Kandungan, terutamanya berkaitan bahan yang mungkin menghasilkan kesan alam sekitar atau sosial</td> <td style="text-align: center;">✓</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Penggunaan produk atau perkhidmatan secara selamat</td> <td style="text-align: center;">✓</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Pelupusan produk dan kesan alam sekitar/sosial</td> <td></td> <td style="text-align: center;">✓</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Lain-lain (jelaskan)</td> <td>Tiada</td> <td>Tiada</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>			2010		Pencarian sumber komponen bagi produk dan perkhidmatan	Ya	Tidak	✓	Kandungan, terutamanya berkaitan bahan yang mungkin menghasilkan kesan alam sekitar atau sosial	✓			Penggunaan produk atau perkhidmatan secara selamat	✓			Pelupusan produk dan kesan alam sekitar/sosial		✓		Lain-lain (jelaskan)	Tiada	Tiada			
		2010																										
Pencarian sumber komponen bagi produk dan perkhidmatan	Ya	Tidak	✓																									
Kandungan, terutamanya berkaitan bahan yang mungkin menghasilkan kesan alam sekitar atau sosial	✓																											
Penggunaan produk atau perkhidmatan secara selamat	✓																											
Pelupusan produk dan kesan alam sekitar/sosial		✓																										
Lain-lain (jelaskan)	Tiada	Tiada																										
PR4	Jumlah bilangan insiden ketidakpatuhan terhadap peraturan kod sukarela berkaitan maklumat produk dan perkhidmatan dan pelabelan mengikut jenis akibat	Pada tahun 2010, British American Tobacco Malaysia mematuhi sepenuhnya Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 yang memerlukan setiap pek rokok mempunyai amaran kesihatan dan selanjutnya keperluan amaran teks dan/atau pelabelan.																										
PR6	Program untuk pematuhan undang-undang, piawaian, dan kod sukarela yang berkaitan dengan komunikasi pemasaran, termasuk pengiklanan, promosi dan penajaan	<p>Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PKHT) 2004 mengawal selia industri tembakau dari segi, antara lain larangan pengiklanan produk tembakau, peraturan mengenai jualan produk tembakau, keperluan pelabelan dan pembungkusan.</p> <p>Pematuhan terhadap peraturan ini dipertingkatkan lagi dengan kepatuhan British American Tobacco Malaysia kepada Piawaian Pemasaran Antarabangsa British American Tobacco (IMS) yang merangkumi secara terperinci komitmen kami terhadap pemasaran secara berhemah dan hanya kepada perokok dewasa. Piawaian ini bertujuan untuk 'menaikkan tahap' dengan mewujudkan penanda aras bagi industri di seluruh dunia dan di sesetengah negara piawaian lebih ketat berbanding undang-undang setempat.</p> <p>Piawaian Pemasaran Produk Tembakau Antarabangsa British American Tobacco dikemas kini pada 1 Julai 2007 (kini IMS 2) dan kursus ulang kaji tahunan dikendalikan untuk memberi taklimat kepada Jabatan Pemasaran dan agensi berkaitan mengenai Piawaian.</p>																										
PR7	Jumlah bilangan insiden ketidakpatuhan terhadap peraturan dan kod sukarela berkaitan komunikasi pemasaran, termasuk pengiklanan, promosi, dan penajaan mengikut jenis akibat	Tidak terdapat insiden ketidakpatuhan terhadap peraturan yang berkaitan dengan komunikasi pemasaran.																										

Kod GRI	Bidang Isu	Respons bagi 2010
PR8	Tidak terdapat insiden ketidakpatuhan terhadap peraturan berkaitan komunikasi pemasaran	<p>Tiada aduan diterima.</p> <p>British American Tobacco Malaysia bekerjasama dengan rakan niaga penyelidikan pasaran yang berwibawa yang mematuhi kod perlakuan ESOMAR*, yang mana rahsia maklumat responden dilindungi secara ketat. Ini ditetapkan dalam Artikel 7 Kod Antarabangsa Penyelidikan Pasaran dan Sosial ICC/ESOMAR.</p> <p>* <i>ESOMAR merupakan piawaian industri dalam pengendalian penyelidikan pasaran.</i></p>
PR9	Nilai kewangan denda kerana ketidakpatuhan undang-undang dan peraturan berkaitan penyediaan dan penggunaan produk dan perkhidmatan	Produk British American Tobacco Malaysia mematuhi sepenuhnya Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

PIAWAIAN PERLAKUAN PERNIAGAAN

Kakitangan Kumpulan kami mematuhi Piawaian Perlakuan Perniagaan (Piawaian) yang membentuk sebahagian penting daripada tadbir urus korporat Kumpulan. Seiringan dengan Penyata Prinsip Perniagaan, ia terus mengukuhkan komitmen kami terhadap taraf tanggungjawab korporat yang lebih tinggi.

Piawaian ini memerlukan keazaman semua kakitangan untuk beroperasi dengan taraf keutuhan yang tinggi dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Kakitangan hendaklah mengamalkan semangat kejujuran, bermatlamat dan ketekunan dalam melaksanakan tugas mereka dan hendaklah memastikan bahawa Piawaian ini tidak dikorbankan demi hasil yang dikehendaki.

Piawaian ini merupakan sebahagian penting daripada prinsip tadbir urus korporat dan direka untuk:

- a. memastikan bahawa keputusan dan pertimbangan yang dibuat oleh kakitangan sah di sisi undang-undang dan mematuhi piawaian etika yang tinggi;
- b. menetapkan nada dan budaya bagi organisasi yang membolehkannya disifatkan sebagai warga korporat yang baik;
- c. membantu kakitangan yang menghadapi kesukaran dalam membuat pertimbangan semasa melakukan tugas mereka; dan
- d. memberi jaminan kepada pihak berkepentingan yang berurusniaga dengan Kumpulan.

Bidang yang diliputi oleh Piawaian ini termasuk:

- Konflik kepentingan
- Maklumat Dalaman dan Peluang Korporat
- Kepentingan dalam Perniagaan yang Bersaing
- Urus niaga Orang Dalam dan Salah Guna Pasaran
- Rasuah dan Sogokan
- Sumbangan Politik
- Sumbangan Amal
- Undang-undang Persaingan
- Maklumat Sensitif Harga
- Urus niaga dalam Produk Kumpulan
- Pelaburan Wang Haram
- Sekatan
- Lapor Salah Laku
- Kerahsiaan dan Keselamatan Maklumat
- Keraian dan Cenderahati
- Garis Panduan Eksport Am
- Pembayaran Komisen
- Aktiviti Luar
- Perlindungan Aset Korporat dan Penyalahgunaan Sumber
- Perakaunan Yang Tepat dan Penyimpanan Rekod

Pematuhan terhadap Piawaian ini sentiasa dipantau oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit Syarikat.

Jabatan Perundangan/Setiausaha Syarikat Kumpulan dipertanggungjawabkan dengan tugas untuk melapor kepada Lembaga Pengarah setiap tahun mengenai pematuhan Kumpulan dan kakitangannya terhadap Piawaian ini.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Syarikat dan Lembaga Pengarahnya ("Lembaga Pengarah") mengiktiraf kepentingan meningkatkan nilai pemegang saham melalui perniagaan yang mampu dengan mengekalkan dan menerapkan tadbir urus korporat bertaraf tinggi di seluruh Kumpulan sambil melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab mengurus perniagaan dan hal ehwal Kumpulan.

Sepanjang beberapa tahun yang lalu, Syarikat dan Lembaga Pengarah komited dalam memastikan bahawa perniagaan dan hal ehwal Kumpulan mematuhi doktrin dan prinsip tadbir urus korporat yang berhemah seperti integriti, ketelusan, kebertanggungjawaban, dan perlakuan perniagaan yang bertanggungjawab. Ini jelas diamalkan di dalam piawaian, proses, garis panduan dan sistem dalaman, yang selaras dengan doktrin dan prinsip tadbir urus korporat yang dinyatakan sebelum ini.

Syarikat dan Lembaga Pengarahnnya menyedari bahawa tadbir urus yang lemah menghakis integriti korporat dan berpotensi untuk mengakibatkan insiden penipuan, dengan itu mendedahkan Syarikat kepada risiko. Dengan itu, Lembaga Pengarah akan terus menyemak dan meningkatkan amalan tadbir urus Syarikat yang sewajarnya demi memelihara kepentingan pemegang saham dan pihak berkepentingan.

Struktur tadbir urus korporat Syarikat telah dibina dan dipertingkatkan berdasarkan prinsip dan amalan terbaik berikut:

- (i) Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Disemak 2007) (Kod Malaysia);
- (ii) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Keperluan Penyenaraian);
- (iii) Panduan Tadir Urus Korporat: Menuju Kecemerlangan Bilik Lembaga oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (Panduan TUK);
- (iv) Kod Tadir Urus Korporat British American Tobacco Malaysia (Kod BATM);
- (v) Piawaian Perlakuan Perniagaan (Piawaian);
- (vi) Penyata Prinsip Perniagaan (Prinsip Perniagaan); dan
- (vii) Penyata Delegasi Kuasa.

Di samping perkara yang dinyatakan di atas, Syarikat juga menanda aras amalan tadbir urus korporatnya berbanding dengan Kad Skor Tadbir Urus Korporat Kumpulan *Minority Shareholders Watchdog* ("MSWG") untuk memastikan bahawa amalannya selaras dengan amalan terbaik dan mampu memenuhi cabaran masa depan.

Kod BATM dibangunkan berdasarkan prinsip dan amalan terbaik yang ditetapkan di dalam Kod Malaysia dan amalan tadbir urus terbaik yang diiktiraf di peringkat global dan prinsip tersebut diterapkan di seluruh Kumpulan.

Piawaian pula mentadbir perlakuan semua kakitangan Syarikat termasuk Lembaga Pengarah. Contoh peruntukan dalam Piawaian adalah, mengelakkan situasi percanggahan kepentingan, kepentingan dalam perniagaan bersaing, larangan penggunaan maklumat dalaman, peluang korporat, dagangan orang dalaman, pemberian maklumat dan tiada rasuah. Piawaian ini sentiasa disemak oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa demi memastikan Piawaian ini kekal diutamakan dalam amalan perniagaan terbaik. Kumpulan dan setiap kakitangan termasuk para Pengarah diperlukan mematuhi Piawaian dan dikehendaki mengesahkan komitmen dan kepatuhan mereka dengan melaksanakan pengisytiharan pematuhan setiap tahun.

Di samping Piawaian dan Kod BATM, Syarikat dan Lembaga Pengarah juga dipandu oleh Prinsip Perniagaan Kumpulan. Prinsip Perniagaan meliputi isu penting yang mendokong Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) bagi perniagaan multinasional dan terutamanya, ciri unik perniagaan tembakau. Tiga prinsip Perniagaan adalah Manfaat Bersama, Pentadbiran Produk secara Bertanggungjawab dan Perlakuan Korporat yang Baik, setiap satunya disokong oleh kepercayaan teras yang menjelaskan dan menyokong Prinsip Perniagaan.

Kedua-dua Piawaian and Prinsip Perniagaan disediakan kepada kakitangan dan Pengarah pada intranet Syarikat dan laman web korporat kami di www.batmalaysia.com. Piawaian ini boleh didapati daripada Setiausaha Syarikat kami.

Penyata Penugasan Kuasa Syarikat turut menyokong tadbir urus korporat yang baik, mengawal dan mengurus risiko dan pelaburan yang berhemat. Dalam Penyata Penugasan Kuasa Syarikat, Lembaga Pengarah telah memperuntukkan khususnya perkara mengenai penubuhan perniagaan atau kilang baharu, rancangan strategik tahunan, kelulusan perbelanjaan modal yang besar, pengambilahan dan penjualan perniagaan atau ekuiti, peminjaman dan sebarang penyusunan semula korporat untuk pemutusannya.

Selain daripada Prinsip Perniagaan dan Piawaian, Syarikat turut menerapkan dasar dan garis panduan dalaman demi memastikan tadbir urus korporat yang baik. Dasar, piawaian dan garis panduan dalaman tersebut, termasuk antara lain Polisi Pemerolehan Tidak Langsung (Polisi Pemerolehan) dan Kod Gangguan Seksual. (Kod Gangguan Seksual BATM).

Dasar Pemerolehan menetapkan rangka kerja untuk pemerolehan tidak langsung oleh Syarikat dan menggariskan proses untuk mendapatkan nilai dan kualiti keseluruhan yang terbaik bagi setiap amaun yang dibelanjakan dan memastikan penghantaran barang dan perkhidmatan dilaksanakan pada masa yang ditetapkan demi memenuhi keperluan perniagaan Kumpulan. Jawatankuasa Tender Syarikat termasuk Pengarah Eksekutif dalam Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan kanan, menyemak saranan pihak berkepentingan dan meluluskan tender yang diserahkan setelah mempertimbangkannya dengan sewajarnya. Polisi Pemerolehan juga boleh didapati oleh kakitangan dan para Pengarah dalam intranet Syarikat.

Syarikat telah memperkenalkan Kod Gangguan Seksual pada 2004 sebagai sebahagian daripada komitmen Syarikat dalam menyediakan persekitaran kerja yang menggalakkan kreativiti, produktiviti dan pembangunan sumber insannya yang berbilang sepenuhnya dalam Prinsip Panduannya.

Syarikat menerapkan dasar demi memastikan bahawa semua kakitangan dihormati berdasarkan status jantina mereka. Syarikat tidak akan bertolak ansur atas sebarang bentuk gangguan seksual yang menggugat atau mengganggu prestasi kerja atau maruah seseorang. Polisi ini merangkumi kakitangan lelaki dan perempuan Kumpulan kedua-duanya. Polisi ini selaras dengan amalan terbaik yang dibentangkan dalam Kod Amalan Pencegahan dan Penghapusan Gangguan Seksual di Tempat Kerja, yang ditubuhkan oleh Kementerian Sumber Manusia, Malaysia dan pindaan terbaru pada Akta Pekerja 1955 perlu dimasukkan Bahagian XVA yang baru

memperuntukkan bagi penubuhan proses untuk mengendalikan aduan mengenai gangguan seksual dan siasatan ke atas aduan tersebut. Kod Gangguan Seksual juga boleh didapati oleh kakitangan dan para Pengarah Syarikat dalam intranet Syarikat.

Selain itu, sebagai sebahagian daripada inisiatif Syarikat untuk meningkatkan lagi amalan Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan dan untuk menyingsirkan atau meminimumkan kadar kemalangan untuk melindungi modal insan dan aset Syarikat, Syarikat telah membangunkan dan melaksanakan Prosedur Pelaporan Kemalangan dan Kecurian Kenderaan Syarikat. Prosedur ini menyatakan secara jelas prosedur pelaporan termasuk peranan dan tanggungjawab pihak berkaitan dalam Syarikat setelah berlaku sebarang insiden yang melibatkan kenderaan syarikat. Prosedur ini juga boleh didapati oleh kakitangan dan para Pengarah Syarikat dalam intranet Syarikat.

Di samping polisi dan prosedur yang dinyatakan di atas polisi kawalan dalaman, piawaian dan garis panduan seperti Piawaian Pemasaran Antarabangsa British American Tobacco, Prinsip Pekerjaan, dan Polisi Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan yang dipatuhi Syarikat dalam melaksanakan perniagaannya juga boleh didapati daripada laman web korporat kami.

Komitmen dan dedikasi Kumpulan dalam mengurus perniagaannya secara bertanggungjawab di tengah-tengah persekitaran yang mencabar bagi industri tembakau terbukti melalui anugerah dan pengiktirafan yang diterima Syarikat seperti berikut:

Pelaporan Tahunan

- **Kategori Produk Pengguna dalam Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA)**
Syarikat telah menerima buat kali kesembilan berturut-turut (2002 hingga 2010), Anugerah Industri Cemerlang dalam kategori Produk Pengguna.
- **Anugerah Perak untuk Kategori Reka Bentuk Laporan Tahunan Terbaik bagi NACRA 2009**
Syarikat juga menerima Anugerah Perak bagi kategori Reka Bentuk Laporan Tahunan Terbaik.

Tanggungjawab Sosial Korporat

- Asian Sustainability Rating**

Syarikat menduduki tangga ke-17 Syarikat Terbaik di Asia dalam Asian Sustainability Rating bagi Penzahiran Kemampunan yang dianjurkan oleh CSR Asia. Syarikat ditarafkan di antara 542 buah syarikat di sepuluh negara yang ditinjau di Asia dan merupakan salah satu daripada empat syarikat Malaysia yang termasuk dalam penarafan ini yang berdasarkan pada satu gugusan yang mengandungi 100 penunjuk kemampunan. Penunjuk ini dipecahkan kepada empat kategori: Am, Persekutaran, Sosial dan Tadbir Urus.

- Anugerah Pengundian FinanceAsia 2009**

Syarikat menduduki tempat ketiga bagi Tanggungjawab Korporat Sosial Terbaik dalam Anugerah Pengundian FinanceAsia pada tahun 2009. FinanceAsia menilai syarikat-syarikat di Asian berdasarkan pengurusan, tadbir urus korporat, perhubungan pelabur dan komitmen terhadap pembayaran dividen yang teguh secara keseluruhan. Ini kali pertama Syarikat diberi pengiktirafan ini.

Tadbir Urus Korporat

- Anugerah Cemerlang bagi Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia MSWG 2010**

Syarikat menerima pengiktirafan Anugerah Cemerlang untuk tadbir urus korporatnya yang bertaraf tinggi. Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia MSWG 2010 telah menarafkan 100 syarikat tersenarai awam terunggul dari segi amalan tadbir urus korporat termasuk kod amalan terbaik antarabangsa. Syarikat sentiasa ditarafkan di kalangan sepuluh syarikat terbaik selama tiga tahun berturut-turut dari 2007 hingga 2009.

- Anugerah Tadbir Urus Korporat The Asset 2010**

Syarikat meraih Anugerah Emas bagi Alam Sekitar dan Perhubungan Pelabur dua tahun berturut-turut dari 2009 hingga 2010 dalam Anugerah Tadbir Urus Korporat The Asset 2010. The Asset adalah majalah perniagaan bagi industri kewangan di Asia dengan kadar pengedaran di kalangan komuniti pihak pembuat keputusan korporat dan kewangan yang terunggul di Asia.

- Anugerah Pengundian FinanceAsia 2009**

Syarikat menduduki tangga ketiga bagi Tadbir Urus Korporat Terbaik, peningkatan daripada kedudukannya yang keenam dalam Anugerah Pengundian FinanceAsia

2008. Selanjutnya, Syarikat menduduki tempat keempat bagi Syarikat Urusan Terbaik dalam pengundian anugerah yang sama. FinanceAsia menilai Syarikat-syarikat Asia berdasarkan pada pengurusan, tadbir urus korporat, perhubungan pelabur dan komitmen terhadap pembayaran dividen yang teguh secara keseluruhan.

Nilai Pemegang Saham

- Anugerah Nilai Pemegang Saham KPMG 2010**

Syarikat telah dinamakan sebagai Pemenang Anugerah Keseluruhan dan juga Pemenang Anugerah Sektor Pasaran Pengguna bagi Anugerah Nilai Pemegang Saham KPMG 2010 buat kali kelapan berturut-turut sejak permulaan anugerah ini pada tahun 2002. Selain daripada British American Tobacco Malaysia, tiada syarikat lain yang pernah dinamakan sebagai Pemenang Anugerah Keseluruhan. Ini benar-benar mengiktirafkan komitmen Syarikat untuk memaksimumkan dan menyampaikan nilai pemegang saham jangka panjang.

- Anugerah Pengundian FinanceAsia 2009**

Syarikat menduduki tangga kedua dalam kategori Paling Komited terhadap Dasar Dividen Kukuh dan di tempat keempat dalam Perhubungan Pelabur Terbaik dalam Anugerah Pengundian FinanceAsia 2009.

- Anugerah Korporat The Edge Billion Ringgit Club 2010**

Syarikat telah diterima sebagai ahli dalam The Edge Billion Ringgit Club (BRC) dan telah diiktiraf atas prestasi pencapaian pulangan ekuiti tertinggi pemegang saham dalam sektor produk pengguna. Anugerah The Edge BRC adalah untuk mengiktiraf syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia dengan sekurang-kurangnya RM1 bilion dalam permodalan pasaran atau perolehan tahunan sekurang-kurangnya RM1 bilion bagi tahun kewangan 2009.

Syarikat dan Lembaga Pengarah akan terus mengukuhkan dan meningkatkan prinsip dan amalan terbaik tadbir urus korporat demi menjaga kepentingan pemegang saham dan pihak berkepentingan lain. Syarikat telah mematuhi sepenuhnya prinsip dan amalan terbaik tadbir urus korporat yang dinyatakan di atas. Penyata ini bersama Penyata Kawalan Dalaman serta Laporan Pengurusan Risiko Korporat menetapkan cara mana Syarikat menggunakan prinsip dan amalan terbaik tadbir urus korporat Syarikat.

Lembaga Pengarah

Komposisi Lembaga Pengarah

Komposisi Lembaga Pengarah mematuhi keperluan yang diwajibkan oleh Keperluan Penyenaraian dan seperti yang ditetapkan oleh prinsip dan amalan terbaik Kod Malaysia. Pada tarikh Penyata ini, saiz dan komposisi Lembaga Pengarah terimbang dengan baik berdasarkan perlumbagaannya dalam usaha mengendalikan sebarang cabaran perniagaan dan untuk memacu perniagaan ke tahap yang lebih tinggi.

Lembaga Pengarah merangkumi gabungan Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif daripada pelbagai latar belakang profesional yang kaya dengan pengalaman, kemahiran dan kepakaran. Pada 31 Disember 2010, Lembaga Pengarah terdiri daripada tujuh ahli. Empat daripadanya adalah Pengarah Bukan Eksekutif (termasuk Pengerusi) dan tiga yang selebihnya adalah Pengarah Eksekutif. Tiga daripada empat Pengarah Bukan Eksekutif adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

Pada 31 Disember 2010, ahli Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

Tan Sri Abu Talib bin Othman

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
(Pengerusi)

Datuk Oh Chong Peng

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

James Richard Suttie

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

William Toh Ah Wah

Pengarah Eksekutif
(Pengarah Urusan)

Stephen James Rush

Pengarah Eksekutif
(Pengarah Kewangan)

Dato' Chan Choon Ngai

Pengarah Eksekutif
(Pengarah Operasi)
(Bersara pada 31 Disember 2010 dan selanjutnya dilantik pada 1 Februari 2011)

Nisbah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dua pertiga) memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Keperluan Penyenaraian.

Pengerusi Lembaga Pengarah, Tan Sri Abu Talib telah berkhidmat dengan Kerajaan selama lebih 30 tahun dan memegang pelbagai jawatan termasuk jawatan Peguam Negara Malaysia. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) dari tahun 2002 hingga 2010, sebuah suruhanjaya hak asasi manusia di Malaysia untuk menggalakkan kesedaran dan memberi pendidikan mengenai hak asasi manusia. Pengalaman dan pengetahuan beliau yang luas telah meningkatkan peranan beliau sebagai Pengerusi Syarikat untuk menyediakan maklumat dan pendekatan yang jelas dalam menangani isu industri tembakau yang mencabar dan isu perniagaan penting demi memastikan bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah mengambil kira kepentingan Kumpulan dan pihak berkepentingannya.

Datuk Oh Chong Peng, Pengerusi Jawatankuasa Audit dan juga Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan Syarikat mempunyai latar belakang perakaunan lebih daripada 40 tahun dan amat dikenali dalam sektor perakaunan dan audit. Datuk Oh Chong Peng jika perlu, akan mempengaruhi mesyuarat Lembaga Pengarah dan pemegang saham sekiranya ketidaaan Pengerusi. Beliau bersedia, jika perlu, di mana terdapat keperluan untuk menyampaikan sebarang hal kepada Lembaga Pengarah selain daripada melalui Pengerusi, Pengarah Urusan atau Setiausaha Syarikat.

Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak, adalah rakan kongsi sebuah firma guaman dan memiliki lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang undang-undang. Dalam bidang akademik, beliau merupakan Profesor Adjung di Fakulti Undang-undang, Universiti Teknologi MARA.

Butiran mengenai profil Pengarah dan keahlian masing-masing disediakan di halaman 38 hingga 41 Laporan Tahunan ini.

Struktur semasa Lembaga Pengarah memastikan bahawa tiada seorang individu mahu pun kumpulan yang menguasai proses membuat keputusan. Selanjutnya, peranan Pengerusi dan Pengarah Urusan dipegang secara berasingan, dan pembahagian tanggungjawab mereka dinyatakan secara jelas, dengan setiap seorang mempunyai kuasa dan tanggungjawab yang berbeza dan diuraikan dengan jelas. Tugas dan tanggungjawab Pengerusi dan Pengarah urusan digariskan dengan jelas dalam Kod BATM. Pembahagian peranan dan tanggungjawab memastikan keseimbangan kuasa dan pengaruh supaya tiada kuasa yang berlebihan tertumpu pada Pengerusi atau Pengarah Urusan.

Pengerusi bertanggungjawab untuk kepimpinan Lembaga Pengarah, memastikan keberkesanannya dan menetapkan agenda mesyuarat Lembaga Pengarah. Sebaik sahaja objektif dan strategi telah disemak dan diterima pakai oleh Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Pengarah Urusan bertanggungjawab untuk memastikan penyampaian objektif dan strategi tersebut dalam ruang lingkup had kuasa yang ditugaskan oleh Lembaga Pengarah. Pengarah Urusan bertanggungjawab untuk pengawasan aset Kumpulan dan pengurusan sehari-harian Syarikat.

Pengarah Urusan berkewajipan untuk bekerjasama dengan pengurusan kanan Kumpulan yang lain, untuk mengurus perniagaan Kumpulan dalam cara yang konsisten dengan Piawaian, Prinsip Perniagaan dan menurut sebarang rancangan, arahan dan hala tuju khusus Lembaga Pengarah.

Ahli Lembaga Pengarah merupakan ahli profesional yang berkaliber dan berintegriti tinggi dan mereka memiliki pengetahuan dan pengalaman yang mendalam berhubung perniagaan tembakau untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas mereka secara berkesan.

Tanggungjawab Utama Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah memberi hala tuju mengenai penilaian risiko, perancangan strategik, perancangan penggantian dan pengurusan kewangan dan operasi Kumpulan demi memastikan bahawa obligasi kepada pemegang saham dan pihak berkepentingan lain difahami dan dipenuhi. Lembaga Pengarah menyediakan kepimpinan yang perlu untuk membolehkan objektif perniagaan Kumpulan dicapai dalam rangkuman rangka kerja kawalan dalaman seperti yang diuraikan dalam Penyata ini. Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menentukan semua dasar utama,

menyemak sistem kawalan dalaman, memastikan keberkesanannya strategi dan pengurusan diterapkan, untuk menilai prestasi Kumpulan dan pengurusan kanannya.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah dipandu oleh kod etika dan prinsip yang terkandung dalam Kod Malaysia, Keperluan Penyenaraian, Panduan TUK, Kod BATM, Piawaian dan Prinsip Perniagaan dan Penyata Delegasi Kuasa. Piawaian Kumpulan dan Kod BATM menggariskan perlakuan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Pengerusi dan Pengarah Urusan. Lembaga Pengarah memastikan bahawa pematuhan dengan Piawaian Kumpulan dipantau melalui proses di mana pengisytiharan diperoleh daripada semua Pengarah dan pihak pengurusan mengenai pematuhan mereka dan ini merangkumi penzahiran sebarang situasi bercanggahan kepentingan.

Antara tugas utama yang dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Pengarah termasuk, mengenal pasti risiko utama dan memastikan perlaksanaan sistem yang sewajarnya untuk mengurus risiko ini, menyemak dan menerima pakai rancangan strategik bagi Kumpulan, menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan, termasuk sistem pematuhan terhadap undang-undang, kawal selia, peraturan, arahan dan garis panduan yang berkuatkuasa.

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab kolektif untuk pengurusan Kumpulan. Pengarah Eksekutif mempunyai tanggungjawab langsung ke atas operasi perniagaan dan Pengarah Bukan Eksekutif bertanggungjawab untuk memberi pertimbangan bebas dan meneliti pemutusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah dan mengajukan cabaran yang objektif kepada pihak pengurusan.

Pengarah Bukan Eksekutif tidak terlibat dalam pengurusan hari ke hari Syarikat dan tidak terlibat dalam urus niaga atau perhubungan lain dengan Syarikat demi memastikan bahawa mereka mampu membuat pertimbangan secara objektif dan bertindak sewajarnya demi kepentingan Syarikat, pemegang sahamnya dan pemegang saham minoriti.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk mengisyiharkan dividen dan meluluskan pernyataan kewangan dan dasar perakaunan Kumpulan. Kewajipan lain Lembaga Pengarah adalah untuk mempertimbangkan rancangan penggantian, termasuk melantik, melatih, menetapkan pampasan dan di mana sesuai, menggantikan kakitangan pengurusan kanan.

Selanjutnya, menurut Penyata Penugasan Kuasa Syarikat, Lembaga Pengarah dipertanggungjawabkan untuk memutuskan urus niaga dan aktiviti perniagaan berikut:

- Pengambilalihan, penjualan atau penutupan perniagaan;
- Penubuhan perniagaan baru;
- Rancangan strategik tahunan;
- Pelaburan modal dan penjualan aset ketara daripada perniagaan sedia ada kepada pihak ketiga;
- Pembelian atau penjualan tanda dagangan;
- Cadangan peminjaman;
- Jaminan dan Surat Kepastian;
- Cadangan peminjaman atau pemberian kemudahan kredit oleh subsidiari yang beroperasi daripada syarikat kumpulan lain;
- Penambahan atau pengurangan modal yang dibenarkan atau yang diterbitkan oleh subsidiari yang beroperasi;
- Penebusan luar bajet atau pembayaran balik awal pinjaman;
- Sebarang penyusunan semula korporat yang tidak diliputi oleh sebarang perenggan di atas; dan
- Perubahan nama pada mana-mana syarikat kumpulan dan penubuhan sebarang syarikat baru.

Kumpulan Pengurusan Kanan

Dalam melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan yang dinyatakan di atas, Lembaga Pengarah dibantu oleh pengurusan kanan Syarikat, iaitu Kumpulan Pengurusan Kanan yang merangkumi para pegawai kanan yang memegang jawatan berikut:

- (i) Pengarah Urusan;
- (ii) Pengarah Kewangan;
- (iii) Pengarah Pemasaran;
- (iv) Pengarah Operasi;
- (v) Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan;
- (vi) Pengarah Sumber Manusia; dan
- (vii) Pengarah Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan.

Butiran setiap ahli Kumpulan Pengurusan Kanan disediakan di halaman 42 hingga 45 Laporan Tahunan ini.

Amat penting bagi peranan Lembaga Pengarah dan Kumpulan Pengurusan Kanan saling melengkapi. Dengan itu, tanggungjawab dan kuasa Kumpulan Pengurusan Kanan dihuraikan secara jelas di dalam Had Kuasa Korporat Syarikat yang dibaca seiringan dengan Penyata Penugasan Kuasa. Kumpulan Pengurusan Kanan dipertanggungjawabkan dengan tugas melaksanakan dasar dan keputusan Lembaga Pengarah, mengawasi operasi serta membangunkan, menyelaraskan dan melaksanakan strategi perniagaan dan korporat.

Dari semasa ke semasa, apabila Lembaga Pengarah memerlukan maklumat penting atau maklumat terkini daripada mana-mana ahli Kumpulan Pengurusan Kanan, ahli berkaitan akan dijemput untuk menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah dengan sebarang maklumat penting atau yang terkini.

Setiausaha Syarikat

Di samping Kumpulan Pengurusan Kanan, Setiausaha Syarikat memberi sokongan kepada Pengerusi Syarikat untuk memastikan keberkesanan fungsi Lembaga Pengarah. Setiausaha Syarikat menyusun dan menghadiri semua mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan memastikan bahawa pertimbangan isu yang dibincangkan, keputusan dan kesimpulan dicatatkan dengan tepat dan betul.

Setiausaha Syarikat mencatat, menyedia dan mengedar minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan memastikan bahawa minit ini disimpan di pejabat berdaftar Syarikat dan dikemukakan untuk pemeriksaan, jika perlu.

Di samping itu, Setiausaha Syarikat juga kerap memberikan kemas kini kepada Lembaga Pengarah mengenai pindaan Keperluan Penyenaraian, nota amalan dan panduan, pekeliling daripada Bursa Malaysia Securities Berhad, perkembangan undang-undang dan kawal selia dan kesannya, jika ada, kepada Kumpulan dan perniagaannya. Semua Pengarah mempunyai akses pada khidmat nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat. Setiausaha Syarikat dilantik dan boleh dilucutkan oleh Lembaga Pengarah.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah menjadualkan sekurang-kurangnya empat mesyuarat setahun untuk mempertimbangkan semua perkara yang berkaitan dengan kawalan keseluruhan, prestasi perniagaan dan strategi Syarikat. Mesyuarat tambahan akan diadakan apabila dan jika perlu.

Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dijadualkan dalam suku ketiga tahun sebelumnya supaya para Pengarah boleh merancang dan memastikan mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini dicatatkan dalam jadual para Pengarah berkenaan.

Sepanjang 12 bulan berakhir 31 Disember 2010, lima Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan.

Jadual berikut membentangkan kehadiran Pengarah dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun 2010:

	Kehadiran dalam Mesyuarat
Tan Sri Abu Talib bin Othman Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (Pengerusi)	5/5
Datuk Oh Chong Peng Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	5/5
Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	5/5
James Richard Suttie Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	5/5
William Toh Ah Wah Pengarah Eksekutif Bukan Bebas (Pengarah Urusan)	4/5
Stephen James Rush Pengarah Eksekutif Bukan Bebas (Pengarah Kewangan)	5/5
Dato' Chan Choon Ngai¹ Pengarah Eksekutif Bukan Bebas (Pengarah Operasi)	5/5

Nota:

1. Dato' Chan Choon Ngai bersara pada 31 Disember 2010 menurut dasar persaraan Syarikat selepas mencapai usia 55 tahun dan selanjutnya dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas Syarikat pada 1 Februari 2011.

Di mana terdapat sebarang arahan atau keputusan yang diperlukan segera dan penting daripada Lembaga Pengarah dalam tempoh masa di luar jangkaan mesyuarat yang telah ditetapkan, mesyuarat Lembaga Pengarah khas akan diadakan oleh Setiausaha Syarikat, setelah berunding dengan Pengerusi. Agenda mesyuarat Lembaga Pengarah ditetapkan oleh Pengerusi setelah dirunding bersama Pengarah Urusan dan Setiausaha Syarikat.

Keputusan Lembaga Pengarah dibuat secara sebulat suara atau melalui konsensus. Di mana sesuai, keputusan dibuat melalui Resolusi Pekeliling Pengarah, pada masa antara mesyuarat yang dijadualkan dan mesyuarat khas. Pada tahun 2010, sepuluh resolusi telah diluluskan oleh Pengarah melalui Resolusi Pekeliling.

Lembaga Pengarah mempunyai jadual yang tetap bagi perkara yang terdapat dalam agenda dan menyemaknya sepanjang tahun, antara lain, Laporan Suku Tahun Pengarah Urusan, Gabungan Keputusan Suku Tahunan Tidak Teraudit serta cadangan yang dibuat dalam minit Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan.

Pada tahun 2010, antara isu penting yang dibentangkan untuk dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah adalah:

- (i) Laporan Suku Tahun Pengarah Urusan;
- (ii) Gabungan Keputusan Suku Tahunan Tidak Teraudit;
- (iii) Perancangan Syarikat bagi 2009-2010;
- (iv) Laporan Suku Tahunan Urusniaga Berulang Pihak Berkaitan;
- (v) Pindaan kepada Bidang Rujukan Jawatankuasa Pampasan Eksekutif;
- (vi) Ulasan Prestasi Pengarah 2009;
- (vii) Pengumuman yang dikeluarkan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad;
- (viii) Aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat Syarikat;
- (ix) Program Pengurusan Risiko Perniagaan Syarikat;
- (x) Laporan Tahunan Syarikat (yang merangkumi Penyata Tadbir Urus Korporat, Penyata Kawalan Dalaman, Laporan Jawatankuasa Audit dan Penyata Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat); dan
- (xi) Penyata Kewangan Teraudit Syarikat;

Kakitangan pengurusan atau penasihat luar dijemput untuk menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah untuk membuat perbentangan kepada ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan menyediakan maklumat dan penjelasan kepada ahli bila dan apabila perlu mengenai perkara dalam agenda yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah untuk membolehkan mereka membuat keputusan sewajarnya.

Semua isu dibincangkan secara teliti sebelum keputusan dan kesimpulan dibuat dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan keputusan dan pemutusan ini dicatatkan dalam minit Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah masing-masing.

Sekira mana Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah mempertimbangkan perkara jika mana seseorang Pengarah mempunyai kepentingan dalam hal yang dipertimbangkan, Pengarah tersebut mengecualikan diri daripada perbincangan dan pengundian mengenai perkara tersebut. Minit Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah diedarkan kepada semua Lembaga Pengarah untuk disemak dan disahkan. Para Pengarah boleh meminta penjelasan atau mengemukakan komen mengenai minit sebelum pengesahan minit tersebut.

Jawatankuasa dan Jawatankuasa Kecil Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah mewujudkan tiga Jawatankuasa Lembaga Pengarah utama yang ditugaskan dengan tanggungjawab tertentu. Jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran. Kedua-dua Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Ganjaran mempunyai jawatankuasa kecil yang melapor kepada mereka. Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat dan Pasukan Pengurusan Risiko melapor kepada Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Pampasan Eksekutif melapor kepada Jawatankuasa Ganjaran. Ahli jawatankuasa kecil terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Kanan dan para pengurus kanan Syarikat.

Untuk menggalakkan kelancaran Jawatankuasa Lembaga Pengarah, setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah perlu akur pada bidang rujukan yang jelas yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan dibentangkan dalam kod BATM. Semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah mempunyai peranan/fungsi, bidang rujukan yang bertulis, prosedur operasi dan kuasa yang ditakrifkan dengan jelas. Lembaga Pengarah menyemak bidang kuasa Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan bidang rujukan dari masa ke semasa. Pada bulan April 2010, setelah menerima usul daripada Jawatankuasa Ganjaran, Lembaga Pengarah mempertimbangkan dan meluluskan pindaan pada bidang rujukan Jawatankuasa Pampasan Eksekutif (JPE) untuk mengulang kaji komposisi JPE dan untuk memberi penjelasan lebih lanjut mengenai peranan dan tanggungjawab jawatankuasa ini. Komposisi JPE dipinda untuk merangkumi pelantikan Pengarah Bukan Eksekutif sebagai Pengerusi JPE. Sebelum ini Pengerusi JPE ialah Pengarah Urusan Syarikat. Berikutan pindaan ini, Pengerusi Syarikat yang merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas telah dilantik sebagai Pengerusi JPE pada tahun 2010.

Setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah perlu mengemukakan laporan kepada Lembaga Pengarah mengenai perbincangan dan usul masing-masing dan semua perbincangan dan pemutusan yang telah dibuat perlu diminti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Lembaga Pengarah serta disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Pengarah pada mesyuarat Lembaga Pengarah yang berikutnya.

Komposisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah pada 31 Disember 2010 dan kehadiran Ahli pada mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah tahun 2010 adalah seperti berikut:

Ahli		Kehadiran		
		Mesyuarat Jawatankuasa Audit	Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan	Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran
Jawatankuasa Audit				
1. Datuk Oh Chong Peng (<i>Pengerusi</i>) Pengarah Bukan Eksekutif Bebas		4/4	—	—
2. Tan Sri Abu Talib bin Othman Pengarah Bukan Eksekutif Bebas		4/4	—	—
3. Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak Pengarah Bukan Eksekutif Bebas		4/4	—	—
4. James Richard Suttie Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas		4/4	—	—
Jawatankuasa Pencalonan				
1. Tan Sri Abu Talib bin Othman (<i>Pengerusi</i>) Pengarah Bukan Eksekutif Bebas		—	1/1	—
2. Datuk Oh Chong Peng Pengarah Bukan Eksekutif Bebas		—	1/1	—
3. Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak Pengarah Bukan Eksekutif Bebas		—	1/1	—
4. James Richard Suttie Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas		—	1/1	—
Jawatankuasa Saran				
1. Tan Sri Abu Talib bin Othman (<i>Pengerusi</i>) Pengarah Bukan Eksekutif Bebas		—	—	3/3
2. Datuk Oh Chong Peng Pengarah Bukan Eksekutif Bebas		—	—	3/3
3. James Richard Suttie Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas		—	—	3/3
4. William Toh Ah Wah Pengarah Eksekutif Bukan Bebas		—	—	3/3

Lembaga Pengarah memikul tanggungjawab penuh untuk menentukan hala tuju dan kawalan Kumpulan. Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Lembaga Pengarah diuraikan secara terperinci di bawah.

Jawatankuasa Lembaga Pengarah

1. Jawatankuasa Audit

Kewajipan Lembaga Pengarah untuk mewujudkan penyediaan rasmi dan telus dalam mempertimbangkan cara untuk menerapkan prinsip laporan kewangan dan kawalan dalaman, dan mengekalkan perhubungan yang sewajarnya dengan juruaudit luar Syarikat, PricewaterhouseCoopers Malaysia dilunaskan oleh Jawatankuasa ini.

Pada tarikh Penyata ini dibuat, Jawatankuasa Audit terdiri daripada empat Pengarah. Semua Ahli Jawatankuasa Audit adalah Pengarah Bukan Eksekutif dan tiga daripada empat Ahli merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

Semua Ahli Jawatankuasa Audit mahir dalam bidang kewangan seperti yang ditakrifkan oleh Kod Malaysia dan Pengerusinya, Datuk Oh Chong Peng memenuhi prasyarat kepakaran kewangan menurut takrifan yang digariskan dalam Keperluan Penyenaraian. Datuk Oh Chong Peng merupakan Akauntan Berkanun yang bertauliah dan seorang Fellow Institute of Chartered Accountants, England and Wales.

a. Kuasa

Jawatankuasa Audit membantu Lembaga Pengarah dalam menyemak keberkesanan kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses tadbir urus Syarikat yang merangkumi penyemakan penyata kewangan dan proses pelaporan Syarikat.

Jawatankuasa Audit telah bersidang dengan pihak pengurusan dan juruaudit dalaman dan luar untuk menyemak keberkesanan kawalan dalaman dan pengurusan risiko perniagaan, dan menerima laporan daripada Jawatankuasa Audit Serantau Kumpulan. Jawatankuasa ini telah menyemak pematuhan kepada Piawaian dan prosedur yang diterapkan dalam Kumpulan untuk pengurusan dasar perniagaannya. Jawatankuasa Audit telah memberi pertimbangan terperinci terhadap risiko perniagaan yang berpunca daripada operasi perpendaharaan, sistem teknologi maklumat dan ancaman kepada perniagaan Kumpulan akibat perdagangan tidak sah, dan menyemak kawalan khusus yang diterapkan dalam Kumpulan untuk menangani risiko seperti ini. Jawatankuasa

Audit telah berpuas hati bahawa melalui langkah-langkah ini sistem kawalan dalaman yang sewajarnya dan memuaskan telah diterapkan untuk mengenal pasti dan membendung risiko perniagaan, dan bahawa perniagaan Kumpulan dikendalikan dalam cara yang berpatutan dan berhemah.

Jawatankuasa Audit juga bertanggungjawab untuk meluluskan audit, perkhidmatan berkaitan audit yang berulang dan perkhidmatan yang tidak berkaitan dengan audit oleh juruaudit luar dan dalam melaksanakan tugas mereka, Jawatankuasa Audit memastikan bahawa kebebasan dan objektiviti juruaudit luar tidak dikompromi.

Jawatankuasa Audit telah menyemak dan membincangkan Penyata Kewangan Teraudit pada 31 Disember 2010 yang diaudit oleh PricewaterhouseCoopers Malaysia dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pada 22 Februari 2011, supaya Penyata Kewangan Teraudit pada 31 Disember 2010 akan dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan 2010 Syarikat.

Pada 22 Februari 2011 Lembaga Pengarah telah meluluskan Penyata Kewangan Teraudit yang dinyatakan tersebut untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan 2010 Syarikat dan difailkan dengan Bursa Malaysia Securities Berhad, Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

b. Mesyuarat

Pengarah Urusan, Pengarah Kewangan, Pengurus Audit Dalaman dan wakil juruaudit luar menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit telah bersidang empat kali sepanjang 2010 dan dua kali pada tahun 2010 bersama Juruaudit Luar, tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif atau pihak pengurusan.

Ahli Jawatankuasa Audit, melainkan dan kecuali Pengerusi Jawatankuasa Audit, tidak menerima sebarang pembayaran pada tahun 2010 daripada Kumpulan selain daripada bayaran yang telah diterima sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Syarikat dan elaun untuk menghadiri mesyuarat. Pengerusi Jawatankuasa Audit menerima bayaran tetap tahunan untuk jawatan pengerusi Jawatankuasa Audit yang dipegangnya.

Fungsi, komposisi, keahlian dan ringkasan aktiviti bagi Jawatankuasa Audit bagi tahun 2010 diuraikan di halaman 122 hingga 125 Laporan Tahunan ini.

2. Jawatankuasa Pencalonan

Semua Ahli Jawatankuasa Audit terdiri khususnya daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan dua daripada tiga Ahli adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

Jawatankuasa Pencalonan diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk, antara lain, mencadangkan kepada Lembaga Pengarah calon yang sesuai untuk dilantik menjadi Pengarah, memastikan Lembaga Pengarah mempunyai imbalan kemahiran, kepakaran, ciri dan kecekapan teras yang sewajarnya daripada ahlinya dan menyemak profil kemahiran, kepakaran, ciri dan kecekapan teras untuk diterima sebagai ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Pengarah yang ingin dipilih semula atau dilantik semula akan mengecualikan diri daripada perbincangan berkenaan pemilihan dan pelantikannya semula untuk menjadi ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan diadakan sekurang-kurangnya setahun sekali dan bila dan apabila diperlukan. Jawatankuasa Pencalonan bersidang sekali dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

Kuasa dan bidang rujukan Jawatankuasa Pencalonan adalah seperti berikut:

a. Kuasa

Jawatankuasa Pencalonan diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk bertindak seperti berikut:

- Untuk membuat usul kepada Lembaga Pengarah mengenai calon yang sesuai untuk dilantik sebagai Pengarah;
- Untuk memastikan bahawa Lembaga Pengarah mempunyai imbalan kemahiran, kepakaran, ciri dan kecekapan teras yang sewajarnya daripada ahlinya;
- Untuk menyemak profil kemahiran, kepakaran, ciri dan kecekapan teras yang diperlukan untuk diterima sebagai ahli Lembaga Pengarah;
- Untuk menyemak rancangan penggantian bagi ahli Lembaga Pengarah;
- Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, Pengarah yang bakal memenuhi kekosongan dalam Jawatankuasa Lembaga Pengarah; dan
- Untuk menilai keberkesanan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah setiap tahun dan sumbangan setiap individu Pengarah.

b. Mesyuarat

- Jawatankuasa Pencalonan hendaklah bersidang setahun sekali atau apabila diminta oleh mana-mana ahlinya.
- Sebahagian besar ahli yang hadir bagi mesyuarat hendaklah terdiri daripada Pengarah Bebas untuk membentuk kuorum mesyuarat.
- Setiausaha Syarikat hendaklah mencatatkan, menyedia dan mengedarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan memastikan bahawa minit disimpan dengan rapi dan dikemukakan untuk pemeriksaan jika perlu.
- Jawatankuasa Pencalonan hendaklah melaporkan kepada Lembaga Pengarah dan minitnya dibentangkan dan sedia maklum oleh Lembaga Pengarah.

Menurut Tataurusan Pertubuhan Syarikat (Tataurusan), sekurang-kurangnya satu pertiga Pengarah hendaklah bersara daripada jawatan mereka pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan. Pengarah yang bersara boleh menawarkan diri untuk dipilih semula. Pada bulan Februari 2010, Jawatankuasa Pencalonan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk melantik semula En. Stephen James Rush dan Dato' Chan Choon Ngai, yang selanjutnya dipilih semula sebagai Pengarah Syarikat semasa Mesyuarat Agung Tahunan pada 20 April 2010.

Selanjutnya, Jawatankuasa Pencalonan juga mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk melantik semula Tan Sri Abu Talib Bin Othman yang bersara menurut Seksyen 129(2) Akta Syarikat, 1965. Tan Sri Abu Talib Bin Othman selanjutnya dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat semasa Mesyuarat Agung Tahunan pada 20 April 2010.

3. Jawatankuasa Ganjaran

Jawatankuasa Ganjaran terdiri daripada empat Pengarah yang sebahagian besarnya Pengarah Bukan Eksekutif. Dua daripada tiga Pengarah Bukan Eksekutif dalam Jawatankuasa Ganjaran adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Pengarah Urusan merupakan salah satu daripada empat Pengarah dalam Jawatankuasa Ganjaran. Kehadiran Pengarah Urusan dalam Jawatankuasa Ganjaran diperlukan kerana beliau setelah berunding dengan Pengerusi Syarikat dihendaki mencadangkan kepada Lembaga Pengarah bayaran yang perlu dibayar kepada pengarah bukan eksekutif seperti yang ditetapkan dalam Kod BATM.

Pengarah yang pakej ganjarannya sedang dipertimbangkan akan mengecualikan diri daripada perbincangan dan mengundi mengenai saranan pakej Ganjaran Pengarah berkenaan. Pengarah Urusan, yang merupakan ahli Jawatankuasa Ganjaran, membuat pembentangan kepada Jawatankuasa Ganjaran mengenai ganjaran, pembayaran pampasan, bonus tahunan dan kenaikan gaji Pengarah Eksekutif dan ahli Kumpulan Pengurusan Kanan.

Objektif Jawatankuasa Ganjaran dalam menentukan paras dan komponen pakej ganjaran adalah untuk merekrut, memotivasi dan mengekalkan para Pengarah Eksekutif dan Kumpulan Pengurusan Kanan yang berbakat dan penuh berdedikasi. Dalam membuat keputusan, Jawatankuasa Ganjaran mempertimbangkan tahap ganjaran yang setanding dengan pengurusan kanan utama syarikat lain sebagai penanda aras. Untuk kakitangan lain dalam Kumpulan, Lembaga Pengarah telah menugaskan dan memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pampasan Eksekutif untuk memastikan pakej ganjaran yang mampu merekrut, mendorong dan mengekalkan kakitangan yang berbakat dan berdedikasi, sekurang-kurangnya setanding dengan kakitangan syarikat lain yang ditanda araskan.

Jawatankuasa Ganjaran bersidang sekurang-kurangnya setahun sekali dan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, Jawatankuasa Ganjaran bersidang sebanyak tiga kali. Antara perkara yang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Ganjaran pada tahun 2010 adalah bonus dan kenaikan gaji tahunan bagi Pengarah Eksekutif dan Kumpulan Pengurusan Kanan, pindaan kepada Polisi Sumber Manusia Syarikat, pakej ganjaran Pengarah Pemasaran yang baru dan pindaan kepada Bidang Rujukan Jawatankuasa Pampasan Eksekutif.

a. Kuasa

Jawatankuasa Ganjaran diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk bertindak seperti berikut:

- Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah rangka kerja dasar Syarikat berhubung syarat pekerjaan bagi Pengarah Eksekutif dan ahli Kumpulan Pengurusan Kanan;
- Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah semua unsur ganjaran dan bayaran pampasan Pengarah Eksekutif dan ahli Kumpulan Pengurusan Kanan;
- Untuk menyemak dan meluluskan bonus dan kenaikan gaji tahunan bagi Pengarah Eksekutif dan ahli Kumpulan Pengurusan Kanan; dan

- Untuk menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah ganjaran bagi Pengarah Bukan Eksekutif.

b. Mesyuarat dan Minit

- Jawatankuasa Ganjaran hendaklah bersidang sekurang-kurangnya setahun sekali, atau sebaliknya apabila diputuskan.
- Sebahagian besar ahli yang hadir bagi mesyuarat hendaklah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif untuk membentuk kuorum mesyuarat.
- Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif hendaklah mengecualikan diri daripada perbincangan dan pemutusan pengundian bagi ganjaran mereka masing-masing sama ada di peringkat Jawatankuasa Ganjaran atau Lembaga Pengarah mengikut mana yang berkenaan.
- Jawatankuasa Ganjaran hendaklah berhak untuk menghubungi Jabatan Sumber Manusia dalaman atau sumber luar, untuk khidmat nasihat, jika perlu.
- Setiausaha Syarikat hendaklah mencatat, menyedia dan mengedarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan memastikan bahawa minit disimpan dengan betul dan dikemukakan untuk pemeriksaan jika perlu.
- Jawatankuasa Ganjaran hendaklah melaporkan kepada Lembaga Pengarah dan minit mesyuarat Jawatankuasa ini hendaklah dibentangkan dan diambil perhatian oleh Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Kecil

1. Jawatankuasa Pampasan Eksekutif (JPE)

JPE terdiri daripada berikut:-

- (i) Pengarah Bukan Eksekutif Syarikat;
- (ii) Pengarah Serantau Asia Pasifik British American Tobacco p.l.c atau Ketua Sumber Manusia Serantau Asia Pasifik British American Tobacco p.l.c;
- (iii) Ketua Ganjaran Rantau Asia Pasifik British American Tobacco p.l.c;
- (iv) Pengarah Urusan Syarikat; dan
- (v) Pengarah Kewangan Syarikat.

Pengarah Bukan Eksekutif Syarikat adalah Pengerusi JPE dan Pengarah Sumber Manusia Syarikat bertindak sebagai Setiausaha JPE.

JPE melapor kepada Jawatankuasa Ganjaran dan minit mesyuarat JPE dibentangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran dan Lembaga Pengarah.

Kuasa dan bidang rujukan JPE adalah seperti berikut:

a. Kuasa

JPE diberi kuasa untuk melaksanakan, bagi semua kakitangan (kecuali ahli Kumpulan Pengurus Kanan) Kumpulan, tugas berikut:

- untuk menyemak dan meluluskan semua unsur ganjaran, pembayaran pampasan, bonus dan manfaat yang termasuk antara lain unsur yang dinyatakan di bawah, kecuali dan melainkan gaji kakitangan dalam Kumpulan yang disemak dan diluluskan oleh Ketua Fungsi yang berkaitan dengan Pengarah Sumber Manusia:-
- (i) Untuk memastikan bahawa sistem ganjaran Kumpulan menawarkan peluang ganjaran yang cemerlang bagi prestasi terpuji;
- (ii) Untuk memeriksa pakej ganjaran secara menyeluruh, dengan berusaha mencapai daya saing bagi keseluruhan daripada membuat perbandingan satu persatu berdasarkan pasaran dan kemampuan;
- (iii) Untuk menyemak setiap satu komponen jumlah pakej ganjaran keseluruhan demi menentukan, melalui trend kakitangan dan pasaran, nilai manfaat bagi setiap unsur dan mlaraskan pakej untuk mencapai nilai yang disifatkan tertinggi berbanding kos;
- (iv) Untuk mewujudkan pasaran pembanding yang sewajarnya dari segi jenis organisasi yang menjadi pesaing langsung bagi kaliber kakitangan yang diperlukan berbanding di mana Kumpulan secara biasa perlu direkrut dalam persekitaran perniagaan ini;
- (v) Untuk memastikan penyediaan dibuat untuk meninjau ganjaran dan manfaat sekerapnya, dengan contoh syarikat pembanding yang memadai untuk mendapatkan ukuran pasaran yang meyakinkan. Ini dilaksanakan melalui penyertaan dalam tinjauan syarikat lain atau menugaskan tinjauan dibuat oleh juru runding tempatan yang sesuai;

(vi) Untuk memastikan bahawa pakej ganjaran sentiasa mematuhi keperluan cukai dan undang-undang setempat, sementara memaksimumkan kelebihan komersil yang sah;

- untuk menyemak dan meluluskan mandat perjanjian kolektif;
- untuk menyemak, meluluskan dan meminda, menurut keadaan, bentuk dan terma skim saham eksekutif;
- untuk menyemak dan meluluskan skim pemisahan sukarela; dan
- untuk meluluskan kenaikan pangkat Gred 36 kepada 38.

b. Mesyuarat dan Minit

- JPE hendaklah bersidang dua kali setahun atau lebih kerap, jika perlu.
- Kuorum bagi JPE hendaklah sekurang-kurangnya kehadiran tiga ahli, termasuk Pengurus, Pengarah Serantau Asia Pasifik BAT p.l.c. atau Ketua Serantau Asia Pasifik Sumber Manusia British American Tobacco p.l.c. dan Pengarah Urusan.
- Setiausaha hendaklah mencatat dan mengedarkan minit mesyuarat.
- JPE hendaklah melaporkan kepada Jawatankuasa Saran dan minitnya dibentangkan dan sedia maklum oleh Lembaga Pengarah.

Pada tahun 2010, JPE bersidang dua kali untuk mempertimbangkan perkara seperti bajet untuk kenaikan gaji, garis panduan kenaikan gaji, pembayaran bonus dan kajian semula manfaat.

2. Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK)

Jawatankuasa TSK terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Kanan Syarikat dengan Pengurus Hal Ehwal Korporat sebagai Setiausaha Jawatankuasa TSK. Jawatankuasa TSK melapor kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit.

Bidang rujukan Jawatankuasa TSK dibentangkan di bawah:

a. Tujuan

Jawatankuasa TSK menyemak pengurusan rancangan tanggungjawab korporat Syarikat termasuk mengawasi penyelarasannya dengan Prinsip Perniagaan.

Jawatankuasa TSK berusaha untuk memberi tumpuan pada prestasi sosial dan persekitaran Syarikat di mana isu dan risiko sosial dan persekitaran dikenal pasti dan tindakan yang sewajarnya dan tepat pada masanya diambil untuk menangani isu yang dikenal pasti. Jawatankuasa TSK juga berfungsi sebagai forum yang mempamerkan bahawa prinsip tanggungjawab korporat diterapkan secara berkesan di seluruh Syarikat.

b. Kuasa

Jawatankuasa TSK diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyemak aktiviti dalam Syarikat, yang termasuk dalam ruang lingkup pengurusan tanggungjawab sosial korporat Syarikat. Dalam melaksanakan fungsinya, Jawatankuasa TSK juga diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan khidmat nasihat profesional bebas dari luar dan kehadiran pihak ketiga yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran yang berkaitan, serta pihak-pihak dari dalam Syarikat.

Jawatankuasa TSK akan bersidang sekurang-kurangnya dua kali setahun.

c. Objektif

Objektif khusus Jawatankuasa TSK adalah:

- Pengenalpastian dan pengurusan isu utama sosial dan alam sekitar;
- Pengenalpastian dan penglibatan dengan pihak berkepentingan utama;
- Memantau kecekapan dan keberkesanan sistem dan kawalan pengurusan tanggungjawab sosial korporat;
- Memastikan kewibawaan maklumat pengurusan prestasi sosial dan alam sekitar; dan
- Memantau penyelarasan dengan Prinsip Perniagaan Syarikat.

d. Perhubungan dengan Audit Dalaman

Wakil daripada audit dalaman dijemput untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa TSK dan dimaklumkan mengenai sebarang perkara berkaitan tanggungjawab korporat yang mempengaruhi Syarikat. Audit dalaman mempunyai akses langsung kepada Pengerusi Jawatankuasa TSK mengenai segala perkara berkaitan tanggungjawab korporat.

Jawatankuasa TSK bersidang dua kali dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 dan berbincang mengenai perkara seperti usul untuk

berubah daripada inisiatif tanggungjawab korporat kepada inisiatif kemampunan melalui pelantikan Pasukan Kemampunan, meningkatkan sumbangan ke arah usaha menghapuskan kemiskinan menjelang 2010, membina dan memupuk kesedaran tanggungjawab korporat di kalangan kakitangan, penganugerahan biasiswa dan kaedah terbaik seterusnya bagi Program Khidmat Sukarela Pekerja Syarikat.

Butiran aktiviti tanggungjawab korporat disediakan di halaman 64 hingga 76 Laporan Tahunan.

3. Pasukan Pengurusan Risiko (PPR)

Syarikat telah menujuhkan Pasukan Pengurusan Risiko (PPR) yang melapor kepada Jawatankuasa Audit. Pasukan Pengurusan Risiko ini terdiri daripada para pengurus kanan daripada semua fungsi Syarikat dan dipimpin oleh Pengarah Kewangan.

Bidang rujukan Jawatankuasa TSK dibentangkan di bawah:

a. Objektif

Objektif PPR adalah untuk:

- Melindungi aset korporat Kumpulan dan keupayaannya untuk memenuhi atau melampaui objektif perniagaan strategik secara tekal;
- Meminimumkan jumlah kos risiko; dan
- Mematuhi Kod Malaysia dan garis panduan berhubung pengurusan risiko yang ditetapkan oleh syarikat induk muktamad Syarikat, British American Tobacco p.l.c.

b. Kuasa

PPR diberi kuasa untuk:

- Menyemak dan memberi maklumat terkini kepada Kumpulan Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Audit mengenai program Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan;
- Menyemak dan mencadangkan risiko utama Kumpulan kepada Kumpulan Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Audit;
- Menyemak dan memberi maklumat terkini mengenai status langkah respons risiko penting yang berterusan kepada Kumpulan Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Audit; dan
- Menyemak dan memberi maklumat terkini mengenai status Prinsip Perniagaan Syarikat kepada Kumpulan Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Audit.

Pasukan Pengurusan Risiko bersidang dua kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 untuk mempertimbangkan perkara yang dinyatakan di atas.

c. Perhubungan dengan Audit Dalaman

Wakil daripada Audit Dalaman menyertai mesyuarat PPR sebagai penasihat mengenai keberkesanan proses pengurusan risiko. Wakil ini juga menyemak keberkesanan kawalan dalaman dan rancangan pengurangan risiko yang diterapkan untuk risiko perniagaan utama yang dikenal pasti. Audit Dalaman berperanan memudahkan hal risiko pasaran utama – risiko serantau dan global yang telah dikenal pasti oleh pihak berkaitan.

Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit menyemak keberkesanan program Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan setiap dua kali setahun. Butiran Program Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan disediakan di halaman 126 hingga 129 Laporan Tahunan ini.

Proses Pelantikan dan Pemilihan Semula Pengarah

Proses pelantikan

Lembaga Pengarah melantik ahli melalui proses rasmi yang konsisten dengan Tataurusan Pertubuhan Syarikat (Tataurusan). Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Pencalonan untuk memberi cadangan mengenai calon yang sesuai untuk dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah, dan memastikan bahawa Lembaga Pengarah mempunyai imbalan kepakaran dan keupayaan yang sewajarnya. Jawatankuasa Pencalonan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa prosedur untuk melantik Pengarah baru adalah telus dan rapi dan bahawa pelantikan dibuat berdasarkan merit dan dibandingkan dengan kriteria bagi tujuan ini. Proses ini termasuk penilaian kemahiran dan pengalaman calon berkenaan. Proses ini juga diguna pakai untuk Pengarah yang menawar untuk dipilih atau dilantik semula semasa Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat.

Dalam menilai kesesuaian seseorang untuk menjadi ahli Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pencalonan mempertimbangkan pelbagai faktor, termasuk sama

ada individu tersebut memenuhi keperluan kebebasan yang ditakrifkan dalam Keperluan Penyenaraian, kefahaman am individu tersebut mengenai perniagaan dan pasaran Syarikat, kepakaran profesional dan latar belakang pendidikan individu tersebut dan faktor lain yang menggalakkan kepelbagaian pandangan dan pengalaman. Selanjutnya, individu tersebut boleh memegang sehingga sepuluh jawatan pengarah dalam syarikat tersenarai dan sehingga 15 dalam syarikat tidak tersenarai (kedua-dua syarikat tidak tersenarai dan persendirian).

Proses pemilihan atau pelantikan semula

Syarikat tidak mempunyai sebarang had tempoh bagi kedua-dua Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bebas kerana Lembaga Pengarah meyakini bahawa sumbangan yang berterusan memberi manfaat kepada Lembaga Pengarah dan Kumpulan secara keseluruhan. Selanjutnya, Syarikat yakin dan benar-benar percaya bahawa individu yang terpilih dan dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah, merupakan individu yang berkaliber dan berintegriti tinggi dan boleh ditugaskan untuk melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab mereka secara bebas dan berkesan.

Walau apa pun yang dinyatakan di atas, para Pengarah Syarikat tetap bersama menurut Tataurusan.

Artikel 97(1) dan (2) Tataurusan memperuntukkan supaya sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Lembaga Pengarah tertakluk pada persaraan mengikut giliran pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan. Para Pengarah yang bersara setiap tahun adalah mereka yang telah memegang jawatan dalam tempoh paling lama sejak pemilihan atau pelantikan mereka.

Lembaga Pengarah akan mengusulkan kepada para pemegang saham supaya Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif dicadangkan untuk dipilih semula atau dilantik semula semasa Mesyuarat Agung Tahunan, menurut Tataurusan dan atas cadangan Jawatankuasa Pencalonan setelah menilai prestasi Pengarah individu.

Perubahan dalam Lembaga Pengarah dan pelantikan semula para Pengarah pada tahun 2010 adalah seperti berikut:

Nama	Jawatan	Sifat perubahan semasa Mesyuarat Agung Tahunan 2010
Tan Sri Abu Talib bin Othman	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	Dilantik semula
Stephen James Rush	Pengarah Eksekutif Bukan Bebas	Dipilih semula
Dato' Chan Choon Ngai	Pengarah Eksekutif Bukan Bebas	Dipilih semula

Toh Ah Wah, Pengarah Eksekutif Bukan Bebas dan James Richard Suttie, Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas, akan bersara menurut Artikel 97(1) dan (2) pada Mesyuarat Agung Tahunan pada 19 April 2011 dan akan dicadangkan untuk pemilihan semula dan pelantikan semula oleh Lembaga Pengarah menurut Tataurusan.

Artikel 103 Tataurusan memperuntukkan bahawa Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa hendaklah memegang jawatan hanya sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya dan akan layak untuk dipilih semula.

Dato' Chan Choon Ngai, Pengarah Eksekutif Bukan Bebas bersara pada 31 Disember 2010 menurut dasar persaraan Syarikat selepas mencapai usia 55 tahun dan selanjutnya dilantik pada 1 Februari 2011, akan bersara menurut Artikel 103 dan tertakluk pada pemilihan semula semasa Mesyuarat Agung Tahunan akan datang.

Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965 memperuntukkan bahawa individu yang berusia 70 tahun atau lebih boleh dilantik atau dilantik semula sebagai pengarah oleh para pemegang saham Syarikat untuk memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya. Pengerusi Syarikat, Tan Sri Abu Talib bin Othman, yang telah mencapai usia 70 tahun, akan bersara menurut seksyen yang dinyatakan tersebut dan telah menawarkan diri untuk dipilih semula dan dilantik semula oleh Lembaga Pengarah menurut Tataurusan.

Dalam menentukan sama ada seseorang Pengarah akan dicadangkan untuk dipilih semula atau dilantik semula, sekiranya kehadiran mesyuarat, penyertaan dan sumbangan Pengarah tersebut kepada aktiviti Lembaga Pengarah yang lepas diberi pertimbangan sewajarnya oleh Jawatankuasa Pencalonan.

Jawatankuasa Pencalonan berpuas hati bahawa Tan Sri Abu Talib bin Othman, Toh Ah Wah, James Richard Suttie dan Dato' Chan Choon Ngai telah memenuhi keperluan yang dinyatakan di atas dan mencadangkan pemilihan semula dan pelantikan semula mereka ke Lembaga Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan pada 19 April 2011.

Para Pengarah yang dinyatakan di atas yang tertakluk pada pemilihan semula dan pelantikan semula telah menerima cadangan tersebut dan bersetuju untuk berkhidmat sebagai Pengarah jika dipilih oleh para pemegang saham semasa Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

Ganjaran Para Pengarah

Dasar bagi ganjaran Pengarah adalah untuk menyediakan pakej ganjaran yang boleh merekrut, mengekalkan dan memotivasi para Pengarah yang memiliki kualiti yang diperlukan untuk mengurus perniagaan Kumpulan.

Bagi Pengarah Eksekutif Kumpulan, prestasi korporat dan individu diberi ganjaran melalui penggunaan manfaat gaji dan struktur bonus bersepudu serta mencerminkan sifat berdaya saing operasi Syarikat dalam usaha menyumbang kepada strategi Organisasi Cemerlang Kumpulan. Pengarah Eksekutif yang merupakan kakitangan sepenuh masa Syarikat tidak menerima pampasan tambahan untuk perkhidmatan mereka sebagai ahli Lembaga Pengarah. Setiap tahun, Jawatankuasa Ganjaran mempertimbangkan daya saing pasaran, keputusan perniagaan dan prestasi individu dalam penilaian ganjaran Pengarah Eksekutif.

Dalam usaha menilai ganjaran Pengarah Urusan, Jawatankuasa Ganjaran turut mengambil kira prestasi korporat dan individu, serta prestasi berhubung pelbagai faktor lain, termasuk pencapaian matlamat strategik serta prestasi korporat serantau dan global.

Jawatankuasa Ganjaran mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pakej ganjaran bagi Pengarah Eksekutif dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan untuk meluluskan pakej ganjaran bagi para Pengarah Eksekutif.

Pakej ganjaran Pengarah Eksekutif merangkumi unsur berikut:

- **Gaji Pokok**

Gaji pokok bagi Pengarah Eksekutif dicadangkan oleh Jawatankuasa Ganjaran untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

- **Manfaat Barang**

Manfaat lazim seperti peruntukan sewaan kediaman, kenderaan bermotor, keahlian kelab dan perbelanjaan peribadi disediakan untuk Pengarah Eksekutif dan Pengerusi Syarikat menurut dasar Kumpulan.

• Emolumen

Emolumen seperti bonus, manfaat persaraan, peruntukan cuti, elaun tetap, caruman berkanun dan insentif dalam bentuk saham/opsyen saham dalam British American Tobacco p.l.c. berlandaskan skim saham British American Tobacco p.l.c.

Bagi Pengarah Bukan Eksekutif, jumlah ganjaran berbeza mengikut tahap tanggungjawab yang dipikul oleh Pengarah Bukan Eksekutif tersebut.

Bayaran yang perlu dibayar kepada setiap Pengarah Bukan Eksekutif ditentukan oleh Lembaga Pengarah seperti yang dibenarkan oleh para pemegang saham Syarikat.

Kesemua Pengarah Bukan Eksekutif dibayar bayaran tahunan pengarah tetap sebagai ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Di samping bayaran pengarah tahunan tetap, semua Pengarah Bukan Eksekutif, kecuali Pengerusi Lembaga Pengarah, dibayar elaun kehadiran bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa yang dihadiri. Sebagai mengiktiraf masa dan komitmen tambahan yang diperlukan, Pengerusi Jawatankuasa Audit juga menerima bayaran tahunan tetap selaku pengerusi Jawatankuasa Audit.

Maklumat yang disediakan oleh perunding bebas dan data kaji selidik mengenai amalan ganjaran syarikat yang setanding, dipertimbangkan dalam menetapkan pakej ganjaran bagi para Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif.

Maklumat ganjaran Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

Pengarah	Fi (RM)	Gaji (RM)	Emolumen lain* (RM)	Manfaat barangan** (RM)	Jumlah (RM)
Tan Sri Abu Talib bin Othman Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (Pengerusi)	337,000***	—	2,910	44,716	384,626
Datuk Oh Chong Peng Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	60,000	—	28,000	—	88,000
James Richard Suttie Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	60,000	—	8,000	—	68,000
Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	60,000	—	5,000	—	65,000
William Toh Ah Wah Pengarah Eksekutif Bukan Bebas (Pengarah Urusan)	—	1,814,190	1,577,007	44,287	3,435,484
Dato' Chan Choon Ngai¹ Pengarah Eksekutif Bukan Bebas (Pengarah Operasi)	—	957,225	1,012,820	127,694	2,097,739
Stephen James Rush Pengarah Eksekutif Bukan Bebas (Pengarah Kewangan)	—	736,011	1,146,522	201,114	2,083,647

* Emolumen seperti bonus, manfaat persaraan, peruntukan cuti, elaun tetap, caruman statutori dan insentif dalam bentuk saham/opsyen saham dalam British American Tobacco p.l.c. berlandaskan skim saham British American Tobacco p.l.c.

** Manfaat Barang termasuk peruntukan sewaan kediaman, kenderaan bermotor, keahlian kelab dan perbelanjaan peribadi.

*** Bayaran untuk Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Pengarah berkaitan.

¹ Bersara pada 31 Disember 2010 setelah mencapai usia 55 dan selanjutnya dilantik pada 1 Februari 2011.

Penilaian Prestasi Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mengendalikan penilaian aktivitinya setiap tahun. Lembaga Pengarah menilai prestasi keseluruhan Lembaga Pengarah dibandingkan dengan kriteria yang disifatkan sebagai penting untuk kejayaannya. Ini termasuk komposisi, komunikasi, keberkesan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah. Setiausaha Syarikat mengedarkan kepada para Pengarah soal selidik tinjauan untuk menentukan pandangan mereka mengenai prestasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang kemudiannya disusun sebagai laporan untuk Pengerusi. Laporan ini dibentangkan kepada Jawatankuasa Ganjaran dan kemudian kepada Lembaga Pengarah untuk penilaian dan pertimbangan.

Proses penilaian prestasi pada tahun 2010 melaporkan bahawa Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah telah kekal beroperasi secara berkesan dalam melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab mereka. Secara keseluruhannya, para Pengarah berpendapat bahawa mereka telah memenuhi tanggungjawab sebagai ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan berpuas hati dengan hala tuju, strategi, proses perancangan dan bajet serta tahap sumbangan mereka dalam perkara ini.

Semua Pengarah mengesahkan bahawa mereka mempunyai akses yang memadai kepada Pengerusi. Para Pengarah bersetuju bahawa Pengarah Urusan dan pihak pengurusan kanan bersikap responsif terhadap soalan dan isu yang dikemukakan oleh Lembaga Pengarah dan Pengarah Urusan dan pihak pengurusan kanan berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah secara terbuka, terus terang dan tepat pada masa yang ditentukan. Lembaga Pengarah juga bersetuju bahawa Syarikat telah menerapkan prosedur pengurusan risiko yang memadai dan matlamat, objektif, jangkaan dan keimbangan Lembaga Pengarah dapat disampaikan dengan berkesan kepada Pengarah Urusan dan pihak pengurusan kanan untuk tindakan.

Latihan Pengarah

Dalam usaha memastikan bahawa Pengarah dilengkapi secukupnya untuk melaksanakan tanggungjawab mereka, para Pengarah yang baru dilantik akan melalui proses induksi setelah menyertai Lembaga Pengarah, yang merangkumi taklimat mengenai semua bidang perniagaan Kumpulan.

Semua Pengarah Syarikat telah menghadiri Program Akreditasi Mandatori (PAM). Mana-mana Pengarah yang dilantik untuk menjadi ahli Lembaga Pengarah perlu menghadiri PAM dalam tempoh empat bulan dari tarikh pelantikan. Berikutnya pemansuhan keperluan Program Pembelajaran Berterusan (PPB) yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad yang berkuat kuasa dari 1 Januari 2005, Lembaga Pengarah kekal menilai dan menentukan keperluan latihan para Pengarahnnya demi memastikan kesinambungan pembelajaran untuk membantu mereka melaksanakan tugas sebagai Pengarah.

Semua Pengarah yang dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah, selain daripada menghadiri PAM, turut menyertai program latihan yang berkaitan lain untuk mempertingkatkan lagi kemahiran niaga serta profesionalisme mereka dalam usaha melaksanakan kewajipan mereka kepada Kumpulan. Menurut perenggan 15.08(2) dan Lampiran 9C (Bahagian A, Perenggan 28) Keperluan Penyenaraian, sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, para Pengarah telah menjalani program latihan dalam bidang kepimpinan, tadbir urus korporat, kewangan, perkembangan kawal selia, tanggungjawab sosial korporat, keselamatan maklumat dan risikan perniagaan.

Untuk meningkatkan pengetahuan para Pengarah dengan lebih lanjut dalam bidang perniagaan Kumpulan, para Pengarah telah melawat kilang, kawasan penanaman daun tembakau dan pusat pemasaran perdagangan dan pengedaran Kumpulan. Semasa lawatan seperti ini, para Pengarah dapat memahami secara langsung operasi perniagaan dan cabaran yang dihadapi oleh Kumpulan.

Pada tahun 2010, semua Pengarah telah menghadiri program pendidikan dalam dan memperoleh maklumat yang komprehensif mengenai Akta Persaingan, 2010, yang baru digubal, mengurus risiko merentasi perniagaan, keperluan Penyenaraian terkini dan isu pemegang saham dan isu media sosial serta kesannya ke atas perniagaan. Program dalam yang diadakan ini dijalankan oleh pakar rundingan dan profesional dengan pengalaman undang-undang, kewangan dan lembaga pengarah yang bersesuaian.

Para Pengarah juga digalakkan untuk menghadiri latihan luaran yang sesuai dan di mana perlu, kos program dibiayai Syarikat.

Butiran program latihan yang dihadiri para Pengarah setakat 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Pengarah	Program Latihan	Butiran Program
1.	Tan Sri Abu Talib bin Othman	Latihan PPB Pengarah 2010 (Latihan dalaman)	<ul style="list-style-type: none"> - Akta Persaingan 2010 - Mengurus Risiko Merentasi Perniagaan-'Seni Peperangan' - Isu Keperluan Penyenaraian & Isu Pemegang Saham Terkini - Media Sosial & Kesannya Ke Atas Perniagaan
		Siri Pembangunan Pengarah Bukan Eksekutif (oleh Securities Industry Development Corporation)	<ul style="list-style-type: none"> - 'Anatomi Tadbir Urus Korporat' - Kuasa Lembaga Pengarah - 'Apabila Anda Tidak Akur' - 'Kronikal Bencana' - 'Pastikan Tepat' (Getting it Right)
		Bajet dan Piawai Perakaunan 2011 Terkini (oleh PricewaterhouseCoopers)	<ul style="list-style-type: none"> - Isu penting mengenai Bajet 2011 dan pengiktirafan Standard Laporan Kewangan 139
2.	William Toh Ah Wah	Program Latihan PPB Pengarah 2010 (Latihan dalaman)	<ul style="list-style-type: none"> - Akta Persaingan 2010 - Mengurus Risiko Merentasi Perniagaan-'Seni Peperangan' - Isu Keperluan Penyenaraian & Isu Pemegang Saham Terkini - Media Sosial & Kesannya Ke Atas Perniagaan
3.	Datuk Oh Chong Peng	Program Latihan PPB Pengarah 2010 (Latihan dalaman)	<ul style="list-style-type: none"> - Akta Persaingan 2010 - Mengurus Risiko Merentasi Perniagaan-Seni Peperangan - Isu Keperluan Penyenaraian & Isu Pemegang Saham Terkini - Media Sosial & Kesannya Ke Atas Perniagaan
		Simposium Antarabangsa Cambridge Serantau mengenai Jenayah Ekonomi – "Mencapai Kedayaahanan Korporat melalui Tadbir Urus & Integriti" (oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia)	<ul style="list-style-type: none"> - Krisis Kewangan dan Pengawasan Kekayaan orang; - Tanggungjawab Pengarah dalam Pandangan Moden: Mengurangkan Kegagalan Tadbir Urus; - Misfeasans & Keber tanggungjawaban Korporat; - Orang Dalaman dan Konflik Tugas Fidusiari; - Rasuah dan Urus Niaga Diri; - Integriti Pelaporan Kewangan Korporat dan Maklumat Korporat Lain; - Kawalan Penipuan dan Merungkai Jenayah Korporat; - Menguatkuasakan Integriti dan Mengukuhkan Rangka Kerja Undang-undang Korporat
4.	James Richard Suttie	Kecemerlangan Bilik Lembaga (oleh SMART Business Consulting)	<ul style="list-style-type: none"> - Proses tadbir urus korporat yang baik - Kepimpinan dan strategi

Bil.	Nama Pengarah	Program Latihan	Butiran Program
5.	Dato' Chan Choon Ngai	Program Latihan PPB Pengarah 2010 (Latihan dalaman)	<ul style="list-style-type: none"> - Akta Persaingan 2010 - Mengurus Risiko Merentasi Perniagaan-'Seni Peperangan' - Isu Keperluan Penyenaraian & Isu Pemegang Saham Terkini - Media Sosial & Kesannya Ke Atas Perniagaan
		Kelajuan Kepercayaan – Memacu Nilai Ekonomi Melalui Kepercayaan (oleh Stephen Covey)	<ul style="list-style-type: none"> - 'Melakukan perniagaan pada kelajuan kepercayaan'
6.	Stephen James Rush	Program Latihan PPB Pengarah 2010 (Latihan dalaman)	<ul style="list-style-type: none"> - Akta Persaingan 2010 - Mengurus Risiko Merentasi Perniagaan-Seni Peperangan - Isu Keperluan Penyenaraian & Isu Pemegang Saham Terkini - Media Sosial & Kesannya Ke Atas Perniagaan
		Kelajuan Kepercayaan – Memacu Nilai Ekonomi Melalui Kepercayaan (oleh Stephen Covey)	<ul style="list-style-type: none"> - 'Melakukan perniagaan pada kelajuan kepercayaan'
7.	Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak	Program Latihan PPB Pengarah 2010 (Latihan dalaman)	<ul style="list-style-type: none"> - Akta Persaingan 2010 - Mengurus Risiko Merentasi Perniagaan-'Seni Peperangan' - Isu Keperluan Penyenaraian & Isu Pemegang Saham Terkini - Media Sosial & Kesannya Ke Atas Perniagaan

Kualiti dan Akses kepada Maklumat dan Nasihat Bebas

Lembaga Pengarah mempunyai akses langsung dan tanpa had kepada semua maklumat dalam Syarikat dan boleh mendapatkan khidmat nasihat profesional bebas biayaan Syarikat, jika perlu. Dalam melaksanakan tugas mereka, Lembaga Pengarah mempunyai akses langsung dan tanpa had kepada pihak pengurusan Syarikat dan akses masing-masing kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat.

Setiausaha Syarikat menghadiri semua mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa, kecuali Jawatankuasa Pampasan Eksekutif dan Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat. Pengarah Urusan menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Ganjaran kecuali di mana mesyuarat diadakan hanya untuk Jawatankuasa Audit dan juruaudit luar, Pengarah Sumber Manusia menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Pampasan Eksekutif, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran dan kecuali di mana mesyuarat

diadakan hanya untuk Jawatankuasa Audit dan juruaudit luar Pengarah Kewangan menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit.

Bekalan Maklumat

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah menerima maklumat terkini supaya boleh membuat semakan tepat pada masanya dan sebelum setiap mesyuarat diadakan, dan Setiausaha Syarikat, di bawah arahan Pengerusi, memastikan kelancaran pemberian maklumat kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Setiausaha Syarikat bertanggungjawab untuk memberi nasihat kepada Lembaga Pengarah, melalui Pengerusi mengenai semua hal ehwal tadbir urus. Sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, agenda rasmi dan tersusun bersama kertas mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang mengandungi maklumat berkaitan perkara yang akan dibincangkan dimajukan kepada

semua Pengarah sekurang-kurangnya lima hari sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah bersidang. Ini akan membolehkan para Pengarah mengkaji, mempertimbangkan, dan jika perlu, mendapatkan maklumat lebih lanjut atau menyelidik perkara yang akan dibincangkan supaya lebih bersedia pada mesyuarat tersebut. Kertas mesyuarat dibentangkan dalam cara yang padat dan merangkumi antara lain, laporan pengurusan komprehensif, minit mesyuarat, cadangan projek dan dokumen sokongan.

Pembentangan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah disediakan dan disampaikan dalam cara yang memastikan pembentangan yang jelas dan memadai mengenai sesuatu perkara. Di samping itu, bahan bacaan mengenai perkara yang dibincangkan disediakan dan diedarkan sebelum mesyuarat untuk membantu para Pengarah memahami perkara tersebut.

Lembaga Pengarah mengiktiraf bahawa proses membuat keputusan amat bergantung pada kualiti maklumat yang disediakan. Untuk mencapai matlamat ini, setiap Pengarah mempunyai akses tanpa sekat kepada semua maklumat dalam Syarikat. Lembaga Pengarah menggalakkan kehadiran pihak pengurusan kanan serta para pegawai Syarikat dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah demi menambah kefahaman Lembaga Pengarah mengenai operasi Syarikat dan memberi para Pengarah akses kepada pihak pengurusan kanan.

Para Pengarah sentiasa dikemas kini dengan maklumat mengenai keperluan berkanun dan kawal selia baru yang berkaitan dengan kewajipan dan tanggungjawab para Pengarah dan kesan serta implikasinya terhadap Syarikat dan Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawab fidusiar mereka. Lembaga Pengarah juga telah meluluskan prosedur rasmi, berkaitan usaha mendapatkan khidmat nasihat profesional bebas, apabila perlu, biayaan Syarikat, sama ada bertindak selaku Lembaga Pengarah penuh atau dalam keupayaan individu. Sebelum melibatkan penasihat bebas, kelulusan perlu diperoleh daripada Pengerusi Lembaga Pengarah dan, sekiranya perlu, Pengerusi akan mengedarkan makluman tersebut kepada Lembaga Pengarah.

Perhubungan dengan Pihak Berkepentingan

Lembaga Pengarah meyakini bahawa mereka bukan sahaja bertanggungjawab kepada para pemegang saham, bahkan juga bertanggungjawab untuk mengurus perhubungan yang erat dengan pihak berkepentingan Syarikat dengan jaya dan berproduktif.

Pemegang Saham

Kumpulan mengiktiraf kepentingan mengekalkan ketelusan dan kebertanggungjawaban kepada para pemegang saham. Lembaga Pengarah memastikan bahawa semua pemegang saham Syarikat dilayan dengan saksama dan memastikan hak semua pelabur termasuk para pemegang saham minoriti dilindungi.

Hubungan utama Kumpulan dengan para pemegang saham adalah melalui Pengerusi, Pengarah Urusan, Pengarah Kewangan dan Setiausaha Syarikat. Semua pertanyaan yang diajukan oleh para pemegang saham akan diterima oleh Setiausaha Syarikat. Setiausaha Syarikat akan memberi maklum balas dan respons kepada para pemegang saham dan di mana sebarang maklumat yang mungkin disifatkan sebagai maklumat Syarikat yang tidak dizahirkan, maka maklumat tersebut tidak akan dikemukakan kepada pemegang saham kecuali maklumat tersebut sudah dimaklumkan untuk pengetahuan.

Mesyuarat Agung Tahunan (MAT)

MAT merupakan peluang utama untuk Lembaga Pengarah bertemu para pemegang saham Syarikat dan untuk Pengerusi memberi makluman mengenai kemajuan Syarikat dan menerima soalan daripada para pemegang saham. Pada MAT, para pemegang saham mempertimbangkan resolusi yang diusulkan atau mengenal operasi Kumpulan secara am. Pada setiap MAT, kaunter bantuan akan disediakan sebagai tempat mengadu para pemegang saham.

MAT 2010 telah diadakan pada 20 April 2010 di Hotel Hilton di Petaling Jaya, Selangor. Bilangan pemegang saham yang menghadiri MAT pada tahun 2010 telah meningkat dan ini menandakan kadar penglibatan dengan para pemegang saham di tahap yang tinggi. Semua resolusi diluluskan dan semua Pengarah kecuali Pengarah Urusan termasuk Setiausaha Syarikat menghadiri mesyuarat ini. Pengarah Urusan, En. Toh Ah Wah tidak dapat menghadiri MAT oleh kerana ketiadaan penerbangan keluar dari London akibat insiden abu gunung berapi Iceland. Lembaga Pengarah, pihak pengurusan kanan dan penasihat undang-undang dan juruaudit luar Syarikat, PricewaterhouseCoopers Malaysia turut hadir untuk menjawab soalan yang diajukan dan memberi penjelasan yang diperlukan oleh para pemegang saham. Sidang akhbar diadakan sejurus selepas MAT di mana Pengerusi dan Pengarah Kewangan memberi maklumat terkini kepada wakil media mengenai resolusi yang diluluskan dan menjawab soalan mengenai hal ehwal yang berkaitan dengan Kumpulan.

MAT 2011 akan diadakan pada 19 April 2011 di Hotel Hilton di Petaling Jaya, Selangor. Notis MAT dan Borang Proksi dilampirkan bersama laporan tahunan ringkas. Keputusan semua resolusi yang diusulkan akan disediakan di laman web Syarikat dan Bursa Malaysia Securities Berhad pada 19 April 2011.

Laporan Tahunan

Satu lagi saluran utama yang digunakan oleh Lembaga Pengarah untuk membekalkan maklumat mengenai aktiviti perniagaan, kewangan dan aktiviti lain kepada pemegang saham dan pelabur ialah melalui Laporan Tahunan Syarikat, yang kandungannya sentiasa diperingkatkan untuk mengambil kira perkembangan, antara lain, dalam tadbir urus korporat.

Lembaga Pengarah bertujuan untuk menyediakan dan membentangkan penzahiran penilaian yang jelas dan komprehensif dalam Laporan Tahunan kepada pemegang saham. Dalam menzahirkan maklumat dalam Laporan Tahunan, Lembaga Pengarah dipandu oleh prinsip yang ditetapkan dalam Keperluan Penyenaraian dan Kod BATM.

Syarikat telah menerapkan rangka kerja dalaman demi memastikan ketepatan maklumat berkenaan kecemerlangan operasi, penguasaan pasaran dan pertumbuhan (termasuk masalah rokok tidak sah di Malaysia) serta inisiatif tanggungjawab sosial korporat. Bidang ini ditadbir oleh lembaga projek yang ditubuhkan berlandaskan PRINCE 2 (*PRojects IN Controlled Environments*) yang merupakan kaedah tadbir urus berasaskan proses untuk pengurusan projek yang

berkesan dan merangkumi pasukan silang fungsi yang terdiri daripada ahli Kumpulan Pengurusan Kanan dan para pengurus kanan Syarikat.

Penyata Tadbir Urus Korporat, Penyata Kawalan Dalaman, Penyata Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat, Piawaian Perlakuan Perniagaan dan Laporan Jawatankuasa Audit membentuk sebahagian daripada Laporan Tahunan 2010. Penyata dan laporan ini dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk maklum balasnya dan cadangan dibuat kepada Lembaga Pengarah untuk semakan dan pertimbangan sebelum dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan.

Aspek penting dasar komunikasi yang aktif dan membina adalah dengan penyebaran maklumat kepada pemegang saham dan pelabur dengan kadar segera. Syarikat menghantar Notis Mesyuarat Agung Tahunan dan pekeliling yang berkaitan kepada pemegang saham sekurang-kurangnya 21 hari sebelum mesyuarat menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 untuk memberi kefahaman dan penilaian mengenai isu yang terlibat. Di mana terdapat perkara urusan khas dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan, penjelasan lengkap disediakan kepada pemegang saham mengenai kesan resolusi yang dicadangkan berkaitan perkara urusan khas tersebut.

Pengeluaran keputusan kewangan yang segera dan tepat pada masanya setiap suku tahun membolehkan pemegang saham mendapat gambaran keseluruhan prestasi dan operasi Kumpulan dan membuat keputusan pelaburan berdasarkan maklumat.

Penerbitan Laporan Tahunan

	Tarikh Pengeluaran/ Penerbitan	Tarikh Akhir Bursa Securities	Bilangan hari selepas akhir tahun
Laporan Tahunan 2010	25 Mac 2011	30 Jun 2011	84
Laporan Tahunan 2009	23 Mac 2010	30 Jun 2010	82

Keputuan Kewangan Suku Tahunan Dikeluarkan

2010 Keputusan Suku Tahunan	Tarikh Pengeluaran/ Penerbitan	Tarikh Akhir Bursa Securities	Bilangan Hari selepas akhir Suku tahun
Suku Pertama	22 April 2010	31 Mei 2010	22
Suku Kedua	22 Julai 2010	31 Ogos 2010	22
Suku Ketiga	20 Oktober 2010	30 November 2010	20
Suku Keempat	22 Februari 2011	28 Februari 2011	53

Perhubungan Pelabur

Taklimat Suku Tahunan dan bentuk komunikasi lain

Syarikat mengadakan taklimat setiap suku tahun untuk pengurus dana, pelabur institusi dan penganalisis pelaburan serta media selepas setiap pengumuman keputusan suku tahun kepada Bursa Malaysia Securities Berhad.

Taklimat setiap suku tahun bertujuan bukan sahaja untuk menggalakkan penyebaran keputusan kewangan Kumpulan pelabur, pemegang saham dan media yang seluas mungkin, bahkan juga untuk memastikan khalayak awam yang melabur dan pihak berkepentingan lain diberi maklumat terkini mengenai kemajuan dan perkembangan perniagaan Kumpulan.

Taklimat setiap suku tahun ini dihadiri oleh Pengarah Urusan, Pengarah Kewangan dan Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan Syarikat.

Pada tahun 2010, Syarikat mengadakan empat taklimat suku tahunan, 17 pertemuan satu dengan satu, dua jerawayara, dan menjadi hos kepada dua telepersidangan dengan pengurus dana, pelabur institusi dan penganalisis pelaburan.

Laman Web Syarikat

Untuk mengekalkan tahap ketelusan yang setinggi mungkin, Kumpulan telah mewujudkan laman webnya di www.batmalaysia.com di mana para pemegang saham boleh mendapatkan maklumat daripada pautan 'Pelabur' yang meliputi maklumat korporat, laporan tahunan terkini, siaran akhbar terkini, keputusan kewangan terkini, harga saham, pengumuman Bursa Malaysia Securities Berhad, perhubungan dan taklimat pelabur, inisiatif dasar Kumpulan dan taraf tanggungjawab sosial Kumpulan, isu tembakau, bahkan juga peluang kerjaya.

Pegawai Kanan

Para pemegang saham dan pihak lain yang berminat boleh menghubungi Pengarah Bebas Kanan, Datuk Oh Chong Peng untuk mengajukan sebarang kemosyikilan dengan menghantar surat atau melalui telefon, faksimili atau mel elektronik seperti berikut:-

Tel: +60 (3)7956 6899

Faks: +60 (3)7491 3772

E-mel: ocpeng@bat.com

Alamat Surat Menyurat: Virginia Park, Jalan Universiti, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Hubungan utama bagi perhubungan pelabur:-

Pengarah Kewangan

Sila Hubungi

Tel: +60 (3)7491 7328

E-mel: fdoffice_malaysia@bat.com

Alamat Surat Menyurat: Virginia Park, Jalan Universiti, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Membalas surat, panggilan telefon dan pertanyaan melalui e-mel pemegang saham sudah menjadi amalan Syarikat. Setiap surat atau mel elektronik yang diterima, jika memerlukan perhatian Lembaga Pengarah, akan disemak oleh Setiausaha Syarikat sebelum dimajukan kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan.

Meskipun Syarikat berusaha menyediakan sebanyak mungkin maklumat kepada para pemegang saham dan pihak berkepentingannya, syarikat sentiasa prihatin terhadap rangka kerja undang-undang dan kawal selia yang mentadbir penyampaian maklumat penting dan sensitif harga. Sebarang maklumat yang mungkin disifatkan sebagai bahan yang tidak dapat dizahirkan mengenai Kumpulan tidak akan didedahkan kepada awam.

Kakitangan

Syarikat sentiasa menggalakkan tahap perlakuan yang tinggi dan untuk memastikan para pekerja terus mendukung perlakuan sedemikian dalam pelaksanaan tugas mereka, mereka dipandu oleh sistem empat nilai, iaitu Prinsip Panduan, Prinsip Pekerjaan, Prinsip Perniagaan dan Piawaian Perlakuan Perniagaan Tataniaga (Sistem Nilai).

Prinsip Panduan berasaskan empat nilai berikut, iaitu, Keteguhan daripada Kepelbagai, Minda Terbuka, Kebebasan Menerusi Tanggungjawab dan Semangat Perusahaan Yang Menerap Budaya Syarikat, dan menjadi sahsiah organisasi yang memandu cara kakitangan berpergi laku. Prinsip Pekerjaan memberi tumpuan pada amalan dan etika tempat kerja, perhubungan kakitangan dan hak asasi manusia kakitangan. Prinsip ini memberi pendekatan lazim kepada pembangunan dasar dan prosedur dengan mengambil kira undang-undang dan amalan pekerja serta pendekatan politik, ekonomi dan budaya. Prinsip Perniagaan menghuraikan bagaimana Syarikat harus dikendalikan dari segi tanggungjawab dan Piawaian menghuraikan tahap integriti perniagaan dan tataetika yang tinggi yang memandu kelakuan para pekerja.

Untuk memastikan pematuhan, kesemua kakitangan pengurusan, termasuk Lembaga Pengarah dan pembekal serta pembekal perkhidmatan Kumpulan perlu mengisyiharkan pematuhan mereka terhadap Piawaian dan menzahirkan sebarang percanggahan kepentingan setiap tahun. Daftar pengisyiharan kepentingan disimpan oleh Setiausaha Syarikat. Semua pengisyiharan kepentingan dibentangkan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan. Pada 2010, terdapat sembilan pengisyiharan yang dibuat oleh kakitangan Syarikat.

Syarikat juga mengendalikan Minggu Kesedaran Undang-undang yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai dasar dan prosedur yang baru dilaksanakan oleh Syarikat seperti Prosedur Pelaporan dan Penyiasatan Insiden, Prosedur Kemalangan Kenderaan Bermotor, Peraturan mengenai Penggunaan Internet dan Garis Panduan Merokok. Klinik undang-undang juga diadakan semasa Minggu Kesedaran Undang-undang di mana kakitangan diberi peluang untuk mendapatkan nasihat guaman percuma daripada pegum luar mengenai isu undang-undang tertentu.

Butiran Sistem Nilai Syarikat disediakan di laman web Syarikat di www.batmalaysia.com.

Pengguna

Berpandukan Prinsip Pentadbiran Produk secara Bertanggungjawab, produk dan jenama Syarikat dirumus, dikelang dan dipasarkan secara bertanggungjawab. Untuk mencapai visi kualiti terunggul Syarikat, pada tahun 2008 sebuah talian khidmat pelanggan telah dilancarkan untuk Dunhill, jenama rokok terlaris Syarikat dengan objektif untuk mendapatkan aduan, maklum balas dan tindak balas kepada aduan dalam kadar segera.

Pembekal dan Pembekal Perkhidmatan

Piawaian yang diguna pakai oleh kakitangan Syarikat turut juga mengikat pembekal dan pembekal perkhidmatan Syarikat untuk memastikan standard etika niaga yang tertinggi di kalangan pembekal dan pembekal perkhidmatan Syarikat termasuk lain-lain syarikat mereka yang berkaitan. Piawaian ini diterapkan dalam kontrak dengan pembekal dan pembekal perkhidmatan yang berkaitan. Dalam perjanjian dengan pembekal dan pembekal perkhidmatan, dijelaskan bahawa pelanggaran sebarang peruntukan dalam Piawaian yang termaklum oleh pembekal atau pembekal perkhidmatan, boleh membawa kepada penamatkan kontrak pembekal atau pembekal perkhidmatan tersebut.

Kebertanggungjawaban dan Audit

Pelaporan kewangan

Lembaga Pengarah bertujuan untuk menyediakan dan membentangkan penilaian prestasi kewangan yang jelas, seimbang dan komprehensif serta prospek pada hujung tahun kewangan, terutamanya melalui penyata kewangan tahunan, pengumuman keputusan suku tahunan dan separuh tahunan kepada para pemegang saham serta pernyataan dan ulasan Pengerusi mengenai operasi dalam laporan tahunan. Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Audit yang memantau proses pelaporan kewangan Kumpulan serta kualiti pelaporan kewangannya.

Pernyataan tanggungjawab Pengarah berkaitan penyediaan Penyata Kewangan Teraudit

Lembaga Pengarah memastikan bahawa penyata kewangan Syarikat memberi gambaran yang sebenar dan saksama mengenai keadaan Kumpulan dan Syarikat pada penghujung tempoh perakaunan dan untung rugi dan aliran tunai bagi tempoh yang berakhir pada tarikh yang sama. Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah memastikan bahawa standard perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 telah dipatuhi dan pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat telah dibuat. Para Pengarah juga mempunyai tanggungjawab keseluruhan untuk mengambil langkah demikian yang munasabah untuk melindungi aset Kumpulan dan untuk melaksanakan dan meneruskan operasi perakaunan dan sistem kawalan dalaman yang memadai untuk mencegah penipuan dan ketidaktetapan lain.

Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa telah memenuhi kewajipannya untuk membentangkan penilaian kedudukan dan prospek Syarikat yang seimbang dan boleh difahami dalam Laporan Pengarah di halaman 141 hingga 146 dan Penyata Kewangan dari halaman 141 hingga 214 Laporan Tahunan ini.

Kawalan dalaman

Perlu ditekankan bahawa tanggungjawab muktamad dalam memastikan sistem kawalan dalaman yang mantap dan menyemak keberkesanannya terletak di atas bahu Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah menetapkan dasar dan prosedur kawalan dalaman dan memastikan bahawa sistem kawalan dalaman ini dilaksanakan dengan sewajarnya oleh pihak pengurusan. Syarikat telah mewujudkan proses untuk memantau dan mengurus risiko.

Butiran proses ini dibentangkan di halaman 120 hingga 124 Laporan Tahunan ini.

Syarikat telah menerapkan Dasar Teknologi Maklumat yang menggariskan proses yang harus diikuti untuk mewujudkan dasar, amalan terbaik, piawaian dan penggunaan teknologi maklumat sokongan. Syarikat sentiasa menyedari risiko tindakan undang-undang jika sistem teknologi atau maklumat disalah guna dalam cara yang melanggar perundangan. Syarikat dengan ini memastikan bahawa semua perisian yang digunakan oleh Kumpulan adalah salinan berlesen.

Menurut Panduan Pengarah Syarikat Tersenarai Awam, semakan oleh Lembaga Pengarah dijalankan sekurang-kurangnya setahun sekali, meliputi semua kawalan penting, termasuk kewangan, operasi dan kawalan pematuhan serta sistem pengurusan risiko. Lembaga Pengarah memperoleh jaminan yang munasabah daripada laporan yang diserahkan oleh jawatankuasa berkaitan mengenai pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

Butiran mengenai fungsi audit dalaman terdapat di halaman 125 Laporan Tahunan ini.

Dasar pemberi maklumat

Salah satu daripada peruntukan utama dalam Piawaian ini adalah mengenai pemberi maklumat. Kumpulan mengiktiraf bahawa salah laku dalam mana-mana syarikat seperti pelanggaran undang-undang, peraturan, kawal selia, kesilapan pengeluaran, penipuan, pelanggaran kesihatan dan keselamatan atau rasuah diketahui terlebih dahulu oleh mereka yang bekerja dalam atau dengan Kumpulan.

Sistem amaran awal seperti prosedur pemberi maklumat boleh membantu Kumpulan mengesan salah laku dan memberi amaran kepada Kumpulan supaya mengambil tindakan pembetulan sebelum masalah menjadi krisis. Sistem pemberi maklumat mengukuhkan, menyokong pengurusan berhemah dan pada masa yang sama memperkenan kebertanggungjawaban, menyediakan pengurusan risiko yang baik dan amalan tadbir urus korporat yang mantap. Lembaga Pengarah meyakini bahawa dengan adanya sistem pemberi maklumat akan meningkatkan keyakinan pelabur dalam Kumpulan dan selaras dengan amalan tadbir urus korporat Kumpulan yang teguh.

Prosedur pemberi maklumat dalaman Syarikat diwujudkan pada tahun 2004 berlandaskan Piawaian dan sentiasa dikaji oleh Syarikat untuk penambahbaikan dari semasa ke semasa. Prosedur pemberi maklumat membolehkan kakitangan menyuarakan kebimbangan mereka tanpa gentar mengenai tindakan balas dan menyakini bahawa tindakan akan diambil atas aduan mereka dan identiti mereka pasti dirahsiakan. Kebimbangan juga boleh diajukan tanpa nama.

Untuk meningkatkan lagi rangka kerja prosedur pemberi maklumat, Syarikat telah menerapkan Prosedur mengenai Pelaporan dan Penyiasatan Insiden (Prosedur Insiden). Prosedur Insiden menetapkan secara formal proses dan prosedur untuk pelaporan, penyiasatan dan penilaian sebarang keraguan mengenai salah laku atau pelanggaran tatalaku oleh mana-mana kakitangan Kumpulan dan individu yang bukan kakitangan yang merupakan rakan niaga/pembekal perkhidmatan Kumpulan. Ini termasuk tindakan yang melanggar mana-mana piawaian, dasar atau garis panduan Syarikat dan apa-apa tindakan kesalahan jenayah.

Prosedur Insiden ini disediakan kepada semua kakitangan melalui intranet Kumpulan.

Prosedur Insiden dipertingkatkan lagi pada tahun 2010 di mana komposisi jawatankuasa penilaian (Jawatankuasa Penilaian) dikaji semula merangkumi berikut:

- (i) Pengarah Urusan;
- (ii) Pengarah Pemasaran;
- (iii) Pengarah Kewangan;
- (iv) Pengarah Operasi dan
- (v) Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan.

Jawatankuasa Penilaian ditugaskan untuk menilai secara berkesan penyiasatan sebarang insiden yang dilaporkan dan untuk memutuskan tindakan yang sewajarnya yang perlu diambil hasil penyiasatan ini.

Jawatankuasa Penilaian dipandu dalam mengkaji semua penyiasatan insiden yang dilaporkan oleh tatacara pengendalian piawai (TPP Jawatankuasa Penilaian). TPP Jawatankuasa Penilaian antara lain menetapkan secara jelas peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Penilaian, Ketua Penyiasatan, Ketua Undang-undang dan garis masa untuk kajian dilengkapkan demi memastikan tindakan yang segera diambil selepas insiden dilaporkan.

Semua insiden yang dilaporkan disiasat oleh pasukan penyiasatan yang merangkumi para pengurus kanan yang bekerja rapat dengan Jawatankuasa Penilaian demi memastikan tindakan yang berkesan diambil ke atas semua kes yang dilaporkan atau dikesan. Hasil penyiasatan disemak oleh Jawatankuasa Penilaian dan sekiranya wajar bagi kes tersebut, laporan polis akan dibuat, siasatan domestik akan dikendalikan dan tindakan disiplin yang sewajarnya termasuk membekukan kenaikan gaji, pengeluaran amaran yang ketat dan pemecatan akan diambil.

Jika sebarang kelemahan kawalan dikenal pasti oleh pasukan penyiasatan, kelemahan tersebut akan diperbetulkan untuk mencegah kejadian tersebut berulang pada masa depan.

Hasil penyiasatan dan tindakan yang diambil oleh Syarikat akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Syarikat dan selanjutnya diserahkan kepada Jawatankuasa Audit Serantau untuk Jawatan Kuasa Audit Lembaga Pengarah Utama British American Tobacco p.l.c.

Syarikat menyimpan daftar semua insiden pemberi maklumat/pelanggaran Piawaian.

Pada tahun 2010, menurut prosedur pemberi maklumat Syarikat dan Prosedur Insiden, Syarikat telah mengendalikan 22 insiden yang dilaporkan yang meliputi insiden seperti penggelapan aset Syarikat, penipuan dan percanggahan kepentingan yang melibatkan kerugian kasar sekitar RM1.3 juta kepada Syarikat.

Penyata Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman yang dibentangkan di halaman 120 hingga 121 Laporan Tahunan memberi gambaran keseluruhan mengenai keadaan kawalan dalam Kumpulan.

Urus niaga Pihak Berkaitan

Rangka kerja dalaman wujud untuk memastikan bahawa Kumpulan memenuhi obligasi di bawah Keperluan Penyenaraian termasuk yang berkaitan dengan urus niaga berulang pihak berkaitan. Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit, menyemak semua urus niaga berulang pihak berkaitan yang terlibat. Pengarah yang mempunyai kepentingan dalam sesuatu urus niaga berulang hendaklah mengecualikan diri daripada perbincangan dan mengundi untuk resolusi yang berkaitan dengan urus niaga berulang tersebut dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan mana-mana mesyuarat am yang bersidang untuk mempertimbangkan perkara ini.

Terdapat prosedur yang ditetapkan oleh Syarikat untuk memastikan bahawa semua urus niaga pihak berkaitan dikendalikan berdasarkan urus niaga tulus dan atas terma perniagaan biasa, yang teknal dengan amalan dan dasar perniagaan biasa Syarikat, yang secara amnya tidak lebih memanfaatkan berbanding yang disediakan secara am kepada pihak awam dan pembekal lain dan tidak menjelaskan pemegang saham minoriti.

Rangka kerja dalaman yang berkaitan dengan tadbir urus urus niaga berulang pihak berkaitan diringkaskan seperti berikut:

- Satu senarai pihak yang berkaitan bagi Syarikat akan diedarkan kepada Pengarah dan pengurusan Syarikat dan subsidiarinya untuk memaklumkan bahawa semua urus niaga pihak berkaitan perlu dikendalikan secara tulus dan atas terma perniagaan biasa dan tidak lebih memanfaatkan berbanding yang disediakan secara amnya kepada pihak awam dan pembekal lain dan tidak menjelaskan pemegang saham minoriti;
- Semua urus niaga pihak berkaitan akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Syarikat. Mana-mana ahli Jawatankuasa Audit Syarikat boleh jika dirasakan patut, meminta maklumat tambahan berkenaan urus niaga tersebut termasuk daripada sumber atau penasihat bebas;
- Kesemua urus niaga berulang pihak berkaitan akan dicatatkan oleh Syarikat dalam daftar atau rekod yang disimpan oleh Syarikat;

- Semua urus niaga berulang pihak berkaitan yang dimeterai menurut mandat pemegang saham hendaklah disemak oleh Audit Dalaman dan dimasukkan ke dalam laporan Audit Dalaman untuk memastikan kelulusan yang sewajarnya telah diperoleh dan prosedur bagi urus niaga tersebut disemak untuk memastikan kepatuhannya; dan
- Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit hendaklah menyemak laporan tahunan Audit Dalaman untuk memastikan bahawa prosedur semakan yang telah diwujudkan untuk memantau urus niaga berulang pihak berkaitan telah dipatuhi.
- Pihak Pengurusan mengemas kini Lembaga Pengarah setiap suku tahun mengenai semua urus niaga berulang pihak berkaitan dan sekiranya terdapat percanggahan atau kemosyikilan, Jawatankuasa Audit hendaklah mengarahkan Audit Dalaman menjalankan penyiasatan berkaitan percanggahan atau kemosyikilan tersebut.

Urus niaga Berulang Pihak Berkaitan yang dimeterai oleh Kumpulan dengan pihak berkaitan pada tahun 2010 adalah untuk pembelian dan jualan rokok dan produk tembakau, pembelian daun, bahan pembungkusan rokok dan produk tembakau, pemerolehan perkhidmatan teknologi maklumat, pembayaran royalti, pembayaran untuk perkhidmatan teknikal dan khidmat nasihat sokongan, penyediaan perkhidmatan teknikal dan nasihat dan pembelian dan jualan peralatan.

Butiran transaksi ini dibentangkan di halaman 199 hingga 204 Laporan Tahunan ini.

Perhubungan dengan Juruaudit Luar

Jawatankuasa Audit berbincang dengan juruaudit luar mengenai sifat dan skop audit dan obligasi laporan sebelum audit bermula. Jawatankuasa Audit memastikan bahawa pengurusan akan memberi respons yang tepat pada masanya mengenai sebarang pertanyaan penting yang diajukan oleh juruaudit luar selepas menjalankan audit pengurusan, berkenaan rekod perakaunan, akaun kewangan dan sistem kawalan.

Jawatankuasa Audit menjalin kerjasama erat dengan rakan kongsi audit kanan yang ditugaskan oleh PricewaterhouseCoopers Malaysia kepada Syarikat, untuk bertindak sebagai wakil utama untuk mengawasi perhubungan

Syarikat dengan juruaudit luar. Sebagai mematuhi Institut Akauntan Malaysia, Syarikat menggilirkan rakan kongsi audit setiap lima tahun dalam usaha memastikan objektiviti, kebebasan dan kewibawaan pandangan audit.

Jawatankuasa Audit turut bersidang dengan juruaudit luar untuk menyemak kemunasabahan pertimbangan penting, prinsip perakaunan dan keberkesanan kawalan dalaman dan pengurusan risiko perniagaan.


Jawatankuasa Audit bersidang dengan juruaudit luar dua kali pada tahun 2010 tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif atau pihak pengurusan.

Jawatankuasa Audit diamanahkan kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyemak sebarang perkara yang berkaitan dengan pelantikan dan pelantikan semula, bayaran audit, peletakan jawatan atau pemecatan juruaudit luar dan menyemak dan menilai faktor yang berkaitan dengan kebebasan juruaudit luar dan membantu mereka mengekalkan kebebasan ini.

Pematuhan terhadap Kod

Lembaga Pengarah telah mempertimbangkan, menyemak dan meluluskan Penyata Tadbir Urus Korporat. Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa Penyata Tadbir Urus Korporat ini telah memberi maklumat yang diperlukan untuk membolehkan para pemegang saham menilai bagaimana Kod Malaysia telah diguna pakai dan bahawa Syarikat telah memenuhi obligasinya di bawah Kod BATM, Kod Malaysia, Keperluan Penyenaraian dan semua undang-undang dan kawal selia yang berkuat kuasa sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi pekeliling Lembaga Pengarah yang bertarikh 25 Februari 2011.



TAN SRI ABU TALIB BIN OTHMAN
Pengerusi

PENYATA KAWALAN DALAMAN

Tanggungjawab

Lembaga Pengarah mengiktiraf kepentingan amalan kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang mantap untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan. Lembaga Pengarah akui tanggungjawab keseluruhan mereka terhadap sistem kawalan dalaman Kumpulan, termasuk mewujudkan persekitaran kawalan dan rangka kerja yang sesuai, serta mengkaji semula kemampuan dan kewibawaannya. Disebabkan keterbatasan yang sememangnya wujud dalam mana-mana sistem kawalan dalaman, sistem ini dirangka untuk mengurus dan bukan sebaliknya untuk menyingkirkan risiko yang mungkin menghalang pencapaian objektif perniagaan Kumpulan. Justeru, ia hanya dapat menyediakan jaminan yang munasabah dan bukan jaminan mutlak terhadap sebarang salah nyata atau kerugian ketara. Sistem kawalan dalaman meliputi, antara lain, kawalan kewangan, operasi dan pematuhan serta prosedur pengurusan risiko.

Kumpulan telah menerapkan proses yang berterusan untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan mengurus risiko ketara yang dihadapi oleh Kumpulan dan proses ini merangkumi menyemak dan mengemas kini sistem kawalan dalaman untuk mengambil kira perubahan dalam persekitaran kawal selia dan perniagaan. Proses ini kerap disemak oleh Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit dan Pasukan Pengurusan Risiko dan memberi panduan kepada para pengarah mengenai kawalan dalaman, Penyata Kawalan Dalamam: Panduan bagi Pengarah Syarikat Tersenarai Awam.

Lembaga Pengarah memastikan bahawa pihak pengurusan mengendalikan tindakan yang mungkin perlu dalam melaksanakan dasar dan prosedur mengenai risiko dan kawalan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pihak pengurusan ditugaskan untuk mengenal pasti dan menilai risiko yang dihadapi dan setelah itu merangka, melaksanakan dan memantau kawalan dalaman yang bersesuaian untuk mengurangkan dan mengawal risiko-risiko ini.

Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko diterapkan dengan kukuh di dalam sistem pengurusan Kumpulan dan menjadi tanggungjawab setiap kakitangan kerana Kumpulan meyakini bahawa pengurusan

risiko adalah kritikal bagi kemampanan Kumpulan dan peningkatan nilai pemegang saham.

Pasukan Pengurusan Risiko, yang dipimpin oleh Pengarah Kewangan dan diwakili oleh pihak Pengurusan Kanan daripada semua fungsi Kumpulan akan bersidang sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk mengkaji semula dan mengemas kini daftar risiko dan rancangan tindakan pengurangan risiko.

Rancangan kesinambungan perniagaan terpilih (atau rancangan luar jangkaan) disemak, dikemas kini dan/atau diuji sepanjang tahun dalam kajian. Pihak Pengurusan terus membangunkan kesinambungan perniagaan baharu untuk menyokong perubahan dalam persekitaran perniagaan. Pihak Pengurusan Kanan yang mempunyai rancangan kesinambungan perniagaan masing-masing, membuat pembentangan rasmi kepada Pasukan Pengurusan Risiko mengenai ketersediaan berkaitan krisis mereka.

Jawatankuasa Audit diberi taklimat oleh Pengurus Risiko Perniagaan mengenai Program Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan pada bulan April dan Oktober 2010.

Untuk maklumat terperinci mengenai Program Pengurusan Risiko Perniagaan, sila rujuk halaman 126 hingga 129 Laporan Tahunan ini.

Proses kawalan dalaman utama

Teras kepada sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko Kumpulan adalah proses Kawalan Penilaian Sendiri (KPS), yang telah dibangunkan dan sentiasa dipertingkatkan. Senarai semak kawalan utama telah dibangunkan dan menetapkan pelbagai keperluan kawalan dan proses penting merentasi semua fungsi dalam Kumpulan dan dikemas kini setiap tahun dengan mengambil kira profil risiko yang berubah-ubah mengikut perubahan dalam persekitaran perniagaan dan kawal selia, strategi serta aktiviti fungsian dari masa ke semasa. Kesemua unit perniagaan perlu mendokumen kawalan dan proses yang digunakan untuk mengurus risiko dan menilai keberkesanannya setiap tahun. Senarai semak kawalan utama dan aliran analisis dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit.

Unsur utama lain sistem kawalan dalaman

Selain daripada perkara yang dinyatakan di atas, unsur utama lain bagi sistem kawalan dalaman Kumpulan yang telah disemak dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah diuraikan di bawah:

(a) Dasar, tatacara dan had kuasa

- Penugasan tanggungjawab yang ditakrifkan secara jelas kepada jawatankuasa Lembaga Pengarah dan bagi pengurusan termasuk struktur organisasi dan bidang kuasa yang sewajarnya; dan

- Dasar, piawaian dan prosedur dalaman yang didokumen dengan jelas dan diterapkan serta dikemas kini sekerapnya untuk mencerminkan perubahan risiko atau menyelesaikan kekurangan operasi. Semua dasar dan standard yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan kes ketidakakuruan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit secara berasingan. Kumpulan juga bergantung pada Audit Dalaman Kumpulan serta pendekatan KPS.

(b) Perancangan perniagaan strategik, bajet dan pelaporan

- Maklumat komprehensif disediakan dengan kerap oleh pengurusan untuk memantau prestasi berbanding rancangan strategik, meliputi semua penunjuk kewangan dan operasi utama. Setiap suku tahun, Pengarah Urusan bersama Lembaga Pengarah menyemak semua isu meliputi, tetapi tidak terhad pada strategi, prestasi, sumber dan piawaian perlakuan perniagaan;
- Proses membajet terperinci yang diwujudkan memerlukan semua unit perniagaan menyediakan bajet tahunan yang telah dibincang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah; dan
- Sistem pelaporan yang berkesan yang memaparkan perubahan ketara berbanding bajet dan rancangan diterapkan untuk memantau prestasi. Susulan dibuat ke atas perubahan penting oleh pengurusan dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah.

(c) Insurans dan perlindungan fizikal

- Insurans dan perlindungan keselamatan yang mencukupi disediakan demi memastikan aset Kumpulan dilindungi secukupnya daripada sebarang gejala yang boleh mengakibatkan kerugian ketara kepada Kumpulan.

(d) Mesyuarat Kumpulan Pengurusan Kanan

- Mesyuarat Kumpulan Pengurusan Kanan, yang merupakan mesyuarat pengurusan tertinggi, dijadualkan apabila perlu untuk mengkaji semula, mengenal pasti, membincangkan dan menyelesaikan isu strategik, operasi, kewangan dan pengurusan utama.

(e) Bengkel risiko dan kawalan

- Sikap kakitangan kami terhadap, dan dalam memahami proses Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan adalah sama pentingnya dengan Program kewujudan sistem yang baik dan dasar yang diterapkan dalam usaha mencapai sistem kawalan dalaman yang mantap. Untuk tujuan ini, bengkel dan latihan kesedaran risiko dikendalikan bagi semua

kakitangan baru agar mereka memahami kepentingan pengurusan risiko dan kawalan dalaman, serta kesannya ke atas aktiviti sehari-hari mereka. Bengkel ini merangkumi gambaran keseluruhan rangka kerja dan proses pengurusan risiko organisasi, kepentingan kawalan dalaman, jenis kawalan, bentuk dan penilaian keberkesanannya kawalan dalaman tersebut.

(f) Hal-hal lain

- Mesyuarat diadakan secara sekerapnya di antara Pengarah Kewangan dan para penganalisis dengan pembentangan rasmi dikendalikan pada hari keputusan kewangan dikeluarkan setelah diluluskan oleh Lembaga Pengarah demi memastikan perhubungan yang telus dan dialog terbuka dengan para pelabur dan para pemegang saham;
- Pengisytiharan bertulis bagi mengesahkan kepatuhan mereka terhadap Piawaian Perlakuan Perniagaan Kumpulan dan sebarang konflik kepentingan dilaporkan.
- Pengisytiharan bertulis daripada Pengarah Kewangan dan Pengarah Urusan yang mengesahkan kepatuhan mereka terhadap Piawaian Kawalan Dalaman Kumpulan.

Lembaga Pengarah menyifatkan sistem kawalan dalaman sebagai memuaskan dan tidak mengetahui sebarang kerugian, aman luar jangka atau ketidakpastian yang ketara yang akan memerlukan penzahiran dalam Laporan Tahunan 2010 Kumpulan.

Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 22 Februari 2011.

Ulasan penyata oleh juruaudit luar

Juruaudit luar telah menyemak Penyata Kawalan Dalaman ini, menurut perenggan 15.23 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Semakan ini telah dilaksanakan menurut Panduan Amalan yang Dicadangkan (RPG) 5 yang diterbitkan oleh Institut Akauntan Malaysia. Berdasarkan semakan mereka, juruaudit telah melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada sesuatu yang menimbulkan kesangsian mereka dan mereka meyakini bahawa Penyata ini teknal dengan kefahaman mereka mengenai proses yang Lembaga Pengarah telah terima pakai dalam mengkaji semula kecukupan dan integriti kawalan dalaman Kumpulan. RPG 5 tidak memerlukan untuk juruaudit dan mereka tidak menimbangkan sama ada Penyata ini meliputi semua risiko dan kawalan, atau untuk memberi pandangan mereka mengenai keberkesanannya tatacara risiko dan kawalan Kumpulan.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT



Keahlian dan kehadiran

Jawatankuasa Audit terdiri daripada ahli-ahli berikut dan butiran kehadiran setiap ahli dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit sepanjang 2010 adalah seperti berikut:

Komposisi Jawatankuasa Audit	Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Audit		
	Diadakan	Dihadiri	%
Datuk Oh Chong Peng <i>Pengerusi</i> (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)	4	4	100
Tan Sri Abu Talib bin Othman <i>(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)</i>	4	4	100
James Richard Suttie <i>(Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas)</i>	4	4	100
Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak <i>(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)</i>	4	4	100

Jawatankuasa Audit bersidang sebanyak empat kali sepanjang tahun ini, dan semua mesyuarat ini dihadiri oleh semua ahli.

Selanjutnya, Pengarah Urusan, Pengarah Kewangan, Pengurus Audit Dalaman dan wakil juruaudit luar turut menghadiri semua mesyuarat ini atas undangan Jawatankuasa ini. Dari semasa ke semasa, ahli pengurusan kanan lain turut menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit, atas jemputan Jawatankuasa tersebut.

Kesemua ahli Jawatankuasa Audit mahir dalam bidang kewangan dan mampu menganalisis dan mentafsir penyata kewangan untuk melaksanakan kewajipan mereka dan tanggungjawab mereka sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

Komposisi dan bidang tugas

a. Ahli

Jawatankuasa Audit hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah dan hendaklah merangkumi tidak kurang daripada tiga ahli. Kesemua ahli termasuk Pengerusi merupakan Pengarah Bukan Eksekutif dan sebahagian besar daripada mereka pengarah bebas.

Sekurang-kurangnya satu ahli Jawatankuasa Audit hendaklah ahli Institut Akauntan Malaysia atau jika beliau bukan ahli, beliau hendaklah memiliki sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja dan

- telah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967; atau
- menjadi ahli salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II jadual yang sama; atau

- c. pemegang ijazah sarjana muda/sarjana/kedoktoran dalam bidang perakaunan atau kewangan dan sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman pasca kelayakan dalam bidang perakaunan atau kewangan; atau
- d. menjadi ahli salah sebuah organisasi perakaunan profesional yang telah diterima sebagai ahli penuh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (International Federation of Accountants) dan sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman pasca kelayakan dalam bidang perakaunan atau kewangan; atau
- e. sekurang-kurangnya tujuh tahun pengalaman sebagai ketua pegawai kewangan sebuah syarikat atau menjawat fungsi yang keutamaannya bertanggungjawab ke atas pengurusan hal ehwal kewangan syarikat.

Pengarah silih ganti tidak akan dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit. Lembaga Pengarah akan menyemak terma jawatan dan prestasi ahli Jawatankuasa Audit sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun untuk menentukan sama ada ahlinya menjalankan kewajipan mereka menurut bidang tugas mereka.

Sekiranya terdapat sebarang kekosongan dalam Jawatankuasa Audit yang mengakibatkan ketidakakuruan kepada perenggan 15.09(1) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Keperluan Penyenaraian), Lembaga Pengarah perlu mengisi kekosongan ini dalam tempoh tiga bulan dari tarikh kekosongan ini.

b. Pengerusi

Pengerusi Jawatankuasa ini hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan berupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

c. Kuorum

Kuorum dikira terbentuk dengan kehadiran dua ahli dan merangkumi para Pengarah Bebas.

d. Mesyuarat dan minit mesyuarat

Jawatankuasa Audit hendaklah bersidang sekurang-kurangnya empat kali setahun. Walau bagaimanapun, sekurang-kurangnya setahun sekali, Jawatankuasa Audit hendaklah bertemu dengan juruaudit luar tanpa kehadiran para Pengarah Eksekutif dan pihak pengurusan. Tahun ini, Jawatankuasa Audit bertemu dengan juruaudit luar tanpa kehadiran para Pengarah Eksekutif dan pihak pengurusan sebanyak dua kali.

Melainkan dalam keadaan di mana Pengerusi menganggap tidak wajar, Pengarah Kewangan dan Pengurus Audit Dalaman dan wakil juruaudit luar menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk membentangkan pandangan mereka mengenai perkara dalam pertimbangan Jawatankuasa Audit, atau yang menurut pandangan mereka, harus dibawa kepada perhatian Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit boleh, apabila perlu, menjemput ahli Lembaga Pengarah dan ahli pihak pengurusan kanan untuk menghadiri mesyuaratnya.

Setiausaha Syarikat dilantik selaku Setiausaha Jawatankuasa Audit dan bertanggungjawab untuk mencatatkan, menyediakan dan mengedarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Audit dan memastikan bahawa minit mesyuarat ini disimpan rapi dan mengemukakannya untuk pemeriksaan apabila perlu. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan kepada Lembaga Pengarah dan minit mesyuarat dibentangkan dan diambil perhatian oleh Lembaga Pengarah.

e. Kuasa

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mengkaji semula sebarang aktiviti dalam bidang tugas Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan oleh Jawatankuasa Audit daripada mana-mana Pengarah atau ahli pengurusan dan mempunyai akses penuh dan tidak terhad kepada sebarang maklumat berhubung Kumpulan dan pengurusan, dan semua kakitangan Kumpulan dikehendaki akur dengan permintaan yang dibuat oleh Jawatankuasa Audit ini.

Jawatankuasa Audit hendaklah memperoleh khidmat nasihat profesional luar dan memastikan kehadiran pihak luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan sekiranya difikirkan perlu, dengan perbelanjaannya ditanggung oleh Syarikat.

Sekiranya mana-mana ahli Jawatankuasa Audit perlu mendapatkan khidmat nasihat profesional luar dalam memenuhi tanggungjawabnya, beliau terlebih dahulu perlu merujuk pada dan mendapatkan kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Audit hendaklah mempunyai saluran komunikasi langsung dan dibenarkan mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran ahli Jawatankuasa Audit tidak bebas sekiranya perlu.

Tanggungjawab dan kewajipan

Tanggungjawab dan kewajipan Jawatankuasa Audit adalah:

a. Pelaporan kewangan

- Untuk menyemak penyata kewangan suku tahunan dan tahunan Syarikat, dengan memberi tumpuan terutamanya pada:
 - sebarang perubahan yang ketara dalam dasar dan amalan perakaunan;
 - pelaras-an-pelaras-an penting yang berpuncak daripada audit;
 - pematuhan pada standard perakaunan dan keperluan undang-undang lain; dan
 - andaian hal berterusan.

b. Transaksi pihak berkaitan

- Untuk mengkaji semula sebarang transaksi pihak berkaitan dan konflik kepentingan yang mungkin berlaku dalam Kumpulan termasuk sebarang transaksi, prosedur atau tingkah laku yang menimbulkan keraguan mengenai kewibawaan pihak pengurusan.

c. Laporan audit

- Untuk menyediakan laporan Jawatankuasa Audit tahunan untuk Lembaga Pengarah yang akan merangkumi komposisi Jawatankuasa Audit, bidang tugas, bilangan mesyuarat yang diadakan, ringkasan aktiviti dan kewujudan unit Audit Dalaman serta ringkasan aktiviti unit tersebut untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan; dan
- Untuk menyemak pernyataan Lembaga Pengarah mengenai pematuhan kepada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan.

d. Kawalan dalaman

- Untuk mempertimbangkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perniagaan dalam Kumpulan dan supaya berpuas hati bahawa kaedah yang digunakan membolehkan pengenalpastian, analisis, penilaian, pemantauan dan komunikasi risiko secara tetap dan dalam lingkungan masa yang ditetapkan yang akan membolehkan Kumpulan meminimumkan kerugian dan memaksimumkan peluang;
- Untuk memastikan bahawa sistem kawalan dalam diterapkan dengan kukuh dan sewajarnya, ditadbir dengan berkesan dan sentiasa dipantau;
- Memastikan semakan dibuat mengenai tahap pematuhan terhadap dasar, piawaian, rancangan dan prosedur dalaman termasuk contohnya, Piawaian Perlakuan Perniagaan Kumpulan;
- Untuk mendapat jaminan bahawa rancangan kawalan yang sewajarnya dibangunkan sebelum permulaan perubahan besar dalam Kumpulan; dan
- Untuk menyarankan langkah-langkah untuk menambah baik sistem kawalan dalaman hasil penemuan juruaudit dalaman dan luar dan daripada rujukan kepada Jawatankuasa Audit sendiri.

e. Audit dalaman

- Supaya berpuas hati bahawa strategi, rancangan, pemantauan dan penyusunan bagi audit dalaman disampaikan ke peringkat bawahan segenap Kumpulan. Khususnya:
 - Untuk menyemak rancangan audit dalaman dan berpuas hati bahawa ketekalannya dengan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perniagaan yang digunakan dan kecukupan liputannya;
 - Supaya berpuas hati bahawa unit Audit Dalaman dalam Kumpulan mempunyai sumber dan kedudukan yang sewajarnya untuk membolehkan mereka menyempurnakan mandat mereka dan meluluskan rancangan audit;
 - Untuk menyemak status laporan daripada Audit Dalaman dan memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk melaksanakan saranan audit;
 - Untuk menyarankan sebarang semakan yang lebih luas yang disifatkan sebagai perlu terhadap isu atau keimbangan yang dikenal pasti;

- Untuk memastikan bahawa Audit Dalaman mempunyai akses kepada semua aktiviti, rekod, harta dan kakitangan yang perlu untuk melaksanakan kewajipannya; dan
- Untuk memohon dan menyemak sebarang audit khas sekiranya perlu.

f. Audit luar

- Untuk menyemak rancangan audit, bentuk dan skopnya, laporan audit, penilaian kawalan dalaman dan penyelarasan juruaudit luar. Jawatankuasa Audit akan mempertimbangkan gabungan pandangan mengenai kualiti audit luar pada salah satu daripada mesyuaratnya;
- Untuk menyemak Penyata Kawalan Dalaman Kumpulan dengan juruaudit luar untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan;
- Untuk menyemak sebarang perkara yang berkaitan dengan pelantikan, pelantikan semula, bayaran audit dan sebarang persoalan mengenai peletakan jawatan atau pemecatan juruaudit luar;
- Untuk menyemak dan menilai faktor-faktor yang berkaitan dengan kebebasan juruaudit luar dan membantu mereka mengekalkan kebebasan ini;
- Untuk dimaklumkan mengenai penggunaan juruaudit luar semasa melaksanakan perkhidmatan bukan audit dalam Kumpulan, mempertimbangkan kedua-dua jenis perkhidmatan yang diberi dan yurannya, supaya kedudukan sebagai juruaudit tidak dianggap sebagai dikompromi; dan
- Untuk menyemak penemuan juruaudit luar hasil daripada audit, terutamanya sebarang komen dan respons dalam surat pengurusan serta bantuan yang diberi oleh kakitangan Kumpulan agar berpuas hati bahawa tindakan sewajarnya telah diambil.

g. Hal ehwal lain

- Untuk bertindak ke atas sebarang perkara sekiranya diarahkan oleh Lembaga Pengarah.

Ringkasan aktiviti 2010

Pada tahun 2010, Jawatankuasa Audit melaksanakan kewajipannya menurut bidang tugas Jawatankuasa ini.

Sepanjang tahun 2010, Jawatankuasa Audit melaksanakan aktiviti berikut:

Pelaporan kewangan

- Menyemak penyataan kewangan suku tahunan dan tahunan Syarikat dan Kumpulan dengan Pengarah Kewangan dan Pengarah Urusan, memberi tumpuan terutamanya kepada perubahan ketara dalam dasar perakaunan dan amalan, pelarasian yang berpunca daripada audit, pematuhan terhadap standard perakaunan dan keperluan undang-undang lain sebelum menyarankannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Kawalan dalaman (Pengurusan Risiko)

- a. Mengkaji semula Program Pengurusan Risiko Kumpulan, termasuk 20 risiko utama untuk rancangan kerja Kumpulan dan Program Pengurusan Risiko,
- b. Menyemak dan menyarankan kepada Lembaga Pengarah langkah-langkah untuk menambah baik sistem kawalan dalaman Syarikat yang terbit daripada penemuan juruaudit dalaman dan luar.
- c. Menerima kemas kini mengenai pelanggaran Piawaian Perlakuan Perniagaan dan insiden pemberian maklumat.

Audit dalaman

- a. Menyemak rancangan audit dalaman dan berpuas hati dengan ketekalannya dengan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perniagaan yang digunakan dan kecukupan liputannya;
- b. Menyemak status laporan daripada Audit Dalaman dan memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk melaksanakan saranan audit.

Urus niaga pihak berkaitan

- a. Menyemak urus niaga berulang pihak berkaitan yang dilihat oleh Kumpulan, subsidiariya dan Kumpulan British American Tobacco setiap suku tahun.

Audit luar

- a. Menyemak bersama-sama dengan juruaudit luar, Penyata Kawalan Dalaman sebelum menyarankan kemasukannya ke dalam Laporan Tahunan Syarikat 2010.
- b. Menyemak penyata kewangan suku tahunan dan tahunan Kumpulan bersama dengan juruaudit luar, Pengarah Kewangan dan Pengarah Urusan, dengan memberi tumpuan pada penemuan hasil daripada audit terutamanya repons dalam surat pengurusan serta bantuan yang diberi oleh kakitangan Kumpulan sebelum menyarankannya kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.
- c. Menyemak rancangan pelan audit juruaudit luar, sifat dan skopnya, laporan audit, penilaian kawalan dalaman dan penyelarasannya oleh juruaudit luar.
- d. Menyemak penemuan juruaudit luar hasil berpuncak daripada audit, terutamanya sebarang ulasan dan maklum balas dalam surat pengurusan serta bantuan yang diberi oleh kakitangan Kumpulan agar berpuas hati bahawa tindakan sewajarnya telah diambil.
- e. Menerima dan mengemas kini dan memberi perhatian pada penambahbaikan dalam tinjauan kepuasan juruaudit luar bagi tahun 2009.

Fungsi audit dalaman

Kumpulan mempunyai unit audit dalaman yang teguh, yang melapor kepada Jawatankuasa Audit dan membantu Jawatankuasa Audit dalam mengkaji semula keberkesanannya sistem kawalan dalaman Syarikat di samping memastikan terdapat imbalan kawalan dan risiko di serata Kumpulan dalam usaha mencapai objektif perniagaannya.

Audit dalaman memberi penilaian bebas mengenai keberkesanannya dan kecekapan kawalan dalaman dengan menggunakan kaedah dan cara audit global dalam usaha menyokong rangka kerja tadbir urus korporat Syarikat dan rangka kerja pengurusan risiko global demi memberi jaminan mencapai penyampaian strategi dan inisiatif pengurusan perubahan Kumpulan.

Ketua Audit Dalaman melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan mempunyai akses terus kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit mengenai semua perkara kawalan dan audit. Kesemua usul oleh pihak pengurusan berkenaan pelantikan, pemindahan, dan pemecatan Ketua Audit Dalaman Kumpulan hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Audit. Sebarang sekatan yang tidak wajar ke atas skop audit hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Audit meluluskan rancangan audit dalaman semasa mesyuarat Jawatankuasa Audit yang pertama dan menyemak rancangan ini setiap suku tahun. Sebarang perubahan yang dibuat kepada rancangan audit dalaman ini diluluskan oleh Jawatankuasa Audit. Skop audit dalaman meliputi audit kesemua unit dan operasi, termasuk subsidiari.

Fungsi audit dalaman menerima pakai pendekatan berdasarkan risiko dalam perancangan dan pengendalian audit yang tekal dengan rangka kerja Kumpulan yang mantap dalam mereka bentuk, melaksanakan dan memantau sistem kawalan.

Aktiviti utama lain yang dilaksanakan oleh audit dalaman adalah seperti berikut:

- Menyemak prosedur kelulusan bagi urus niaga berulang pihak berkaitan; dan
- Mengendalikan semakan semula khusus atas permintaan Jawatankuasa Audit dan/atau pengurusan.

Pada tahun 2010, sistem kawalan dalaman Syarikat adalah memuaskan dan tidak mengakibatkan sebarang kerugian, aman luar jangka atau ketidakpastian yang penting yang memerlukan penzahiran dalam Laporan Tahunan 2010 Kumpulan.

Pada Oktober 2010, sebuah tinjauan keberkesanannya Jawatankuasa Audit telah dijalankan dengan hasilnya menunjukkan penambahbaikan dalam tahap keberkesanannya pada keseluruhannya terutamanya dalam bidang yang berkaitan dengan proses tadbir urus dan semakan risiko perniagaan.

Laporan Jawatankuasa Audit ini disediakan selaras dengan resolusi pekeliling Lembaga Pengarah yang bertarikh 22 Februari 2011.

LAPORAN PENGURUSAN RISIKO KORPORAT

Rangka kerja pengurusan risiko yang berkesan penting dalam mengurus pelbagai risiko yang dihadapi oleh Kumpulan. Lembaga Pengarah British American Tobacco Malaysia, melalui Jawatankuasa Audit, telah mewujudkan Pasukan Pengurusan Risiko untuk mengurus risiko Kumpulan secara proaktif.

Risiko perniagaan Kumpulan dipengaruhi oleh beberapa faktor, yang bukan semuanya di bawah kawalan Kumpulan. Cabaran yang dipengaruhi oleh faktor luaran, serta pendedahan risiko perniagaan am seperti reputasi korporat, keselamatan, alam sekitar, isu keselamatan dan kesihatan, kualiti produk dan teknologi maklumat sentiasa dikaji sebagai sebahagian daripada program Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan.

Kumpulan menerapkan program Pengurusan Risiko Perniagaan dengan objektif berikut:

- Memastikan kesinambungan bekalan kepada pengguna setiap masa;
- Melindungi aset dan reputasinya;
- Memelihara keselamatan dan kesihatan kakitangannya;
- Memastikan operasi Kumpulan tidak menjaskan jiran tetangga dan persekitaran secara negatif;
- Melindungi kepentingan semua pihak berkepentingan;
- Memastikan pematuhan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, garis panduan British American Tobacco p.l.c. dan semua undang-undang yang berkuat kuasa; dan
- Menggalakkan budaya kesedaran risiko berkesan yang mana pengurusan risiko menjadi bahagian yang melengkap sistem pengurusan Kumpulan.

Pasukan Pengurusan Risiko, yang dipimpin oleh Pengarah Kewangan dan terdiri daripada para pengurusan kanan daripada semua fungsi Kumpulan diamanahkan untuk memacu program Pengurusan Risiko Perniagaan. Pasukan ini bertanggungjawab untuk:

- Memandu program pengurusan risiko perniagaan Kumpulan;
- Menggalakkan budaya kesedaran risiko proaktif dalam Kumpulan;
- Mengendalikan semakan tahunan risiko perniagaan;
- Menyelaraskan pembangunan rancangan tindakan pengurangan risiko;
- Membangunkan dan mengemas kini rancangan kesinambungan perniagaan untuk risiko-risiko perniagaan utama;
- Merancang dan menyelaraskan ujian bagi rancangan kesinambungan perniagaan;
- Menganjurkan latihan dan pendidikan bagi kakitangan mengenai pengurusan risiko;
- Memantau keputusan penunjuk prestasi utama;
- Memastikan tadbir urus korporat yang baik;

Pengurusan risiko kukuh diterapkan di dalam sistem pengurusan Kumpulan dan merupakan tanggungjawab setiap kakitangan.


Proses Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan merangkumi lima fasa, iaitu:



Dalam proses pengenalpastian risiko, semua kemungkinan risiko perniagaan dikenal pasti.

Risiko perniagaan yang dikenal pasti dinilai berdasarkan matriks di bawah:

- **BERKEMUNGKINAN** risiko menjadi realiti
- **IMPAK** akibat daripadanya
- Tahap langkah kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang diterapkan



Hasil daripada pengenalpastian risiko dan penilaian proses adalah daftar risiko yang mendokumenkan semua risiko perniagaan yang dikenal pasti, paras risikonya serta semua pelan tindakan untuk mengurus risiko perniagaan ini.

Pengkategorian risiko perniagaan membolehkan Kumpulan mengagihkan sumber dengan lebih berkesan untuk mengendalikan tahap risiko perniagaan yang berbeza-beza. Gabungan langkah pengurusan risiko kemudiannya dipilih untuk mengurus risiko perniagaan ini:

LANGKAH-LANGKAH PENGURUSAN RISIKO	SUB-KATEGORI	CONTOH
TERIMA	Penerimaan	Menerima risiko mengikut yang ditarafkan, tanpa tindakan lanjut dan mengekalkan prosedur kawalan yang sedia ada.
KEKAL	Pencegahan Kerugian	<p>Melaksanakan pengurangan risiko proaktif (langkah kawalan) untuk mengurangkan kemungkinan risiko tercetus:</p> <p><i>Tindakan yang boleh diambil:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Jaminan kualiti • Persekuturan, kesihatan dan keselamatan • Penyenggaraan pencegahan • Keselamatan • Kawalan kewangan • Pengurusan projek • Latihan dan pendidikan • Penyeliaan • Penyelidikan dan pembangunan
	Pengurangan kerugian	<p>Melaksanakan pengurangan risiko aktif (langkah kawalan) untuk mengurangkan kesan akibat, jika ada.</p> <p><i>Tindakan yang boleh diambil:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Perancangan kesinambungan perniagaan • Perancangan respons kecemasan • Pengasingan pendedahan • Persamaan pendedahan • Diversifikasi • Perancangan portfolio
PINDAHAN	Insurans	Pembelian insurans untuk risiko boleh diinsuranskan contoh: kebakaran, hayat, kecurian dan sebagainya.
	Kontrak	Perlindungan klausa dalam kontrak contoh: klausa indemniti dan sebagainya.
	Perkongsian risiko	Usaha sama atau perkongsian
	Pencarian sumber luar	Pihak ketiga untuk menanggung risiko

Pengawasan risiko berterusan dilaksanakan untuk menyemak keberkesanan langkah pengurangan risiko yang diterapkan untuk semua risiko perniagaan yang dikenal pasti dan tindakan pembetulan diambil bila perlu.

Program Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan tertakluk pada semakan berkala demi memastikan bahawa dasar dan objektif program kekal diguna pakai dan berkesan dalam keadaan pasaran dan penguatkuasaan yang berubah-ubah. Amalan kawalan dalaman Kumpulan dibina di atas prinsip yang termaktub dalam Kod Malaysia mengenai Kod Tadbir Urus Korporat dan keperluan senarai semak kawalan utama syarikat induk Syarikat, British American Tobacco p.l.c.

Menggalakkan Kesedaran Risiko

Komunikasi risiko adalah sama pentingnya dan membentuk bahagian penting aktiviti pengurusan risiko kerana ia tertumpu pada penyebaran maklumat risiko kepada peringkat kakitangan dan pihak berkepentingan sewajarnya. Saluran yang sesuai disediakan untuk kakitangan memberi maklum balas mengenai isu pengurusan risiko dan cadangan untuk penambahbaikan.

Pada tahun 2010, program induksi kesedaran risiko dilaksanakan oleh Pasukan Pengurusan Risiko untuk kakitangan baharu. Program induksi ini bertujuan untuk mendidik kakitangan pengurusan mengenai pendekatan yang diambil oleh Kumpulan untuk mengurus risiko serta kawalan dalaman, dan mengadakan forum untuk meningkatkan pengetahuan peserta dalam pengurusan risiko dan peranannya dalam mengurus risiko Kumpulan.

Menyemak program Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan

Pasukan Pengurusan Risiko bersidang dua kali tahun ini, iaitu pada bulan Mac dan Ogos 2010 untuk menyemak profil risiko dan aktiviti utama Kumpulan sepanjang tahun ini, termasuk kemajuan rancangan kesinambungan perniagaan. Daftar risiko fungsian disemak oleh fungsi masing-masing pada setiap suku tahun.

Sepanjang tahun ini, rancangan kesinambungan perniagaan yang diuji adalah rancangan pencarian sumber pengilangan luar jangkaan, pengembalian produk, rancangan respons kecemasan kilang, rancangan pemulihan bencana IT dan rancangan pemulihan bagi pusat Kedai Jualan Langsung

(KJL). Rancangan kesinambungan perniagaan lain seperti rancangan pemulihan tapak ibu pejabat dan rancangan bekalan bahan balutan disemak dan dikemas kini.

Pada Ogos 2010, Pasukan Pengurusan Risiko bersama dengan Pengurus-pengurus Kanan mengemas kini daftar risiko dan rancangan tindakan pengurangan risiko. Kumpulan Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Audit diberi taklimat oleh Pengurus Risiko Perniagaan mengenai program Pengurusan Risiko Perniagaan pada bulan April dan Oktober 2010. Taklimat ini merangkumi kemas kini mengenai risiko utama Kumpulan dan rancangan pengurangan risiko, serta status ujian rancangan kesinambungan perniagaan.

Risiko utama Kumpulan

Seksyen ini menghuraikan beberapa risiko utama yang mungkin menjadikan Kumpulan dan memberi huraian ringkas mengenai langkah pengurangan yang diterapkan untuk mengurus risiko ini. Ini bukan bertujuan untuk memberi analisis yang meluas mengenai semua risiko yang mempengaruhi Kumpulan dan bukan semua risiko yang dikenal pasti berada dalam kawalan Kumpulan. Mungkin terdapat risiko lain selain daripada yang dinyatakan yang mungkin menjadikan prestasi perniagaan. Sesetengah risiko mungkin tidak diketahui pada masa ini dan yang lainnya pula, yang kini disifatkan sebagai tidak sepenting mungkin menjadi penting pada masa depan.

Risiko yang dihuraikan dalam seksyen ini dan rancangan pengurangan risiko seharus juga dipertimbangkan dalam keadaan pengurusan risiko keseluruhan dan rangka kerja kawalan dalaman Kumpulan yang dinyatakan dalam Penyata Kawalan Dalaman.

Risiko utama termasuk:

- (i) Perdagangan rokok tidak sah (di mana rokok memasuki negara secara tidak sah) merupakan ancaman yang semakin bertambah dan berleluasa terhadap industri tembakau sah. Pasukan khusus diwujudkan dalam Kumpulan untuk mengurus risiko ini secara proaktif dengan bersepakat dengan peserta industri lain dan pihak-pihak berkuasa berkaitan.

- (ii) Eksais dan cukai yang tinggi dan terus meningkat, termasuk pengenalan cukai baharu boleh menjelaskan volum industri sah sementara menyemarakkan perdagangan haram. Kumpulan mengekalkan strategi eksais dan penetapan harga termasuk rancangan luar jangka untuk mengurus kesan perubahan eksais yang ketara.
- (iii) Kumpulan beroperasi di bawah rejim kawal selia yang semakin ketat selaras dengan peraturan yang mengawal jualan dan pengilangan bahan tembakau berkaitan. Peraturan tersebut dibentuk dan didorong oleh Konvensyen Rangka Kerja Kawalan Tembakau. Kumpulan telah menyediakan strategi bagi memastikan peraturan yang dibentuk bagi pengawalan bahan tembakau adalah munasabah dan boleh dikuat kuasakan.
- (iv) Risiko rampasan/kecurian barang dalam transit yang mengakibatkan kerugian kepada harta tanah Kumpulan diurus dengan meningkatkan langkah-langkah keselamatan, yang terus disemak dan dipertingkatkan mengikut keperluan.
- (v) Kekurangan daun tembakau tempatan oleh kerana faktor persekitaran seperti kemarau dan banjir, dan petani meninggalkan industri untuk perladangan alternatif diselesaikan melalui "Global Leaf Pool" yang diwujudkan oleh syarikat induk untuk mengurus keperluan daun tembakau subsidiariya melalui pencarian sumber alternatif.

Risiko utama yang dikenal pasti di atas merupakan pernyataan penyediaan masa hadapan dan boleh dipengaruhi oleh pelbagai pemboleh ubah.

Pasukan Pengurusan Krisis

Di samping Pasukan Pengurusan Risiko, Kumpulan turut menubuhkan Pasukan Pengurusan Krisis untuk memberi bimbingan dan bagi membuat keputusan pantas sekiranya berlaku krisis. Pasukan Pengurusan Krisis dibantu oleh Pasukan Bertindak Krisis, yang diamanahkan untuk memberi respons serta merta terhadap krisis berserta Pasukan Komunikasi, yang menyelaraskan strategi komunikasi dengan pihak berkepentingan utama.

Pasukan Pengurusan Krisis diwakili oleh Kumpulan Pengurusan Kanan, manakala Pasukan Bertindak Krisis terdiri daripada ahli kakitangan berkaitan yang pakar dalam mengurus krisis khusus dan pelbagai bergantung pada krisis yang diurus.

Pada tahun 2010, Pasukan Pengurusan Krisis dan Bertindak Krisis telah diaktifkan untuk bertindak ke atas kemungkinan kekurangan bekalan bahan balutan akibat kejejasan mesin salah seorang pembekal kami. Krisis ini telah diurus, selaras dengan rancangan kesinambungan perniagaan yang diwujudkan, dengan gangguan yang minimum kepada operasi perniagaan kami.





ORGANISASI CEMERLANG

SEMANGAT TERHADAP WARGA KERJA KAMI DICERMINKAN MELALUI DEDIKASI UNTUK MENYEDIAKAN PERSEKITARAN KERJA YANG HEBAT DAN PEMBANGUNAN SALURAN KAKITANGAN YANG MAMPAU UNTUK ORGANISASI YANG BERPRESTASI TINGGI.

ORGANISASI CEMERLANG

Semangat untuk warga kerja kami

Di British American Tobacco Malaysia, semangat terhadap warga kerja kami dipamerkan terserlah melalui iltizam kami yang berterusan untuk melabur dalam perekutan, pembangunan dan pengekalan kakitangan dalam usaha memastikan kewujudan saluran kakitangan yang mampan bagi memacu perniagaan.

Kami juga mengakui bahawa mewujudkan persekitaran kerja yang cemerlang adalah sejajar dengan usaha membangunkan organisasi berprestasi tinggi. Dengan ini, kami sentiasa berusaha untuk menyediakan peluang untuk kakitangan kami supaya mempunyai rancangan pembangunan yang kukuh dan kemajuan kerjaya dalam persekitaran di mana seseorang individu itu boleh berkerja dan menikmatinya.

Semangat untuk kakitangan yang sesuai

Pada tahun 2010, kami terus memberi tumpuan untuk merekrut kakitangan cemerlang ke dalam British American Tobacco Malaysia bagi mewujudkan saluran kakitangan bagi kemampaman perniagaan jangka panjang. Sepanjang tahun ini, Syarikat menggunakan pendekatan yang inovatif untuk menaik taraf profil korporat British American Tobacco Malaysia di kalangan institusi pendidikan tinggi dan badan pelajar di dalam dan luar negara.

Keperluan untuk kakitangan baru telah mendorong kami untuk menyertai secara rasmi acara pembangunan kepimpinan mahasiswa melalui usaha sama dengan Majlis Perwakilan Pelajar di United Kingdom dan EIRE (UKEC) untuk pelajar Malaysia di mana kami berinteraksi secara proaktif dengan para peserta untuk mewujudkan kesedaran mengenai peluang kerjaya yang ada di British American Tobacco Malaysia. Syarikat kemudian menjemput para pelajar yang berpotensi untuk menghadiri Hari Bring Your Difference di mana para pelajar ini meluangkan masa sehari di British American Tobacco Malaysia untuk menyertai bengkel kepimpinan dan berinteraksi dengan ahli pasukan pengurusan kanan Syarikat.

SOROTAN

Kami memberi tumpuan untuk merekrut kakitangan cemerlang ke dalam British American Tobacco Malaysia demi memastikan saluran kakitangan yang mampan melalui usaha berikut:

- Usaha sama dengan UKEC bagi para pelajar Malaysia
- Hari Bring Your Difference dengan mahasiswa/mahasiswi
- Ekspo Kerjaya GRADUAN di Melbourne, Australia



"Semangat adalah tentang fokus dan motivasi untuk mencapai objektif pada waktu suka dan duka."

*Eric Low,
Pengurus Pembangunan Sumber Manusia Pemasaran*

British American Tobacco Malaysia menyertai sidang kemuncak Pemimpin Pelajar Malaysia yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar di United Kingdom dan EIRE (UKEC) pada bulan Julai 2010 yang lalu.

Hari *Bring Your Difference* yang dianjurkan oleh British American Tobacco Malaysia, mengundang para mahasiswa/mahasiswi untuk menyertai bengkel kepimpinan dan berinteraksi dengan ahli pasukan pengurusan kanan Syarikat.

British American Tobacco Malaysia turut menyertai Ekspo Kerjaya Graduan yang diadakan di Melbourne, Australia. Ekspo kerjaya tahunan ini dianjurkan untuk semua pelajar Malaysia di Australia, dan memberi mereka peluang untuk berinteraksi dengan syarikat-syarikat terunggul di Malaysia. Di samping aktiviti ini, kami mengambil pendekatan inovatif, di mana kakitangan kami daripada fungsi HR, Operasi dan Pemasaran menyumbangkan masa untuk menganjurkan inisiatif-inisiatif perekrutan dan interaksi untuk mahasiswa warga Malaysia yang berprestasi yang cemerlang dalam acara tiga hari ini. Hasil daripada usaha ini, kami berjaya memberi tawaran bersyarat untuk menyertai program Pelatih Pengurusan Global British American Tobacco kepada lapan calon mahasiswa apabila mereka tamat pengajian pada tahun 2011.

Pembangunan kakitangan yang berterusan

British American Tobacco Malaysia terus berilitzam dan bersemangat untuk membangunkan keupayaan warga kerja kami untuk membentuk tenaga kerja yang benar-benar bertaraf dunia. Pembangunan kakitangan merupakan tunggak utama dalam strategi global British American Tobacco Group untuk menjadi Organisasi Cemerlang. Pada 2010, inisiatif pembangunan kakitangan kami telah mewujudkan platform yang kukuh dan holistik untuk membina kelompok kakitangan untuk keperluan peniagaan semasa dan masa depan.

Pada tahun 2010, strategi latihan kami kekal tertumpu pada pembangunan kemahiran fungsian dan kepimpinan. Program latihan dalaman dan di luar telah dianjurkan untuk memenuhi objektif ini. Satu program utama, iaitu Bengkel Pembangunan Pemimpin Pasukan telah mendedahkan para pengurus kami dengan modul pembelajaran rasmi dan kelengkapan untuk membantu mereka menjadi pemimpin yang lebih berkesan. Kursus latihan serantau yang baru anjuran Pusat Kepakaran Sumber Manusia serantau Kumpulan British American Tobacco turut disepadukan – digelar program *License to Hire* yang menekankan kemahiran para pengurus kanan dalam merekrut kakitangan yang sesuai untuk organisasi dan Program *Emerging Leaders* bertujuan untuk memberikan pembangunan yang mampan dalam kemahiran kepimpinan kepada kakitangan-kakitangan terbaik melalui latihan sambil bekerja, pembelajaran komuniti maya, serta menekankan semula manfaat program mentor dan bimbingan yang aktif.



SOROTAN

Pada 2010, strategi kami tertumpu ke atas membangunkan kemahiran fungsi dan kemahiran kepimpinan. Tiga daripada modul latihan untuk membangunkan keupayaan kakitangan kami tersenarai di bawah:

- Bengkel Pembangunan Pemimpin Pasukan
- Kursus latihan License to Hire
- Kursus latihan Emerging Leaders

Kami kekal iltizam untuk meningkatkan keupayaan kakitangan kami yang berpotensi tinggi dengan memberi peluang kepada mereka untuk menghadiri program latihan di peringkat antarabangsa untuk meningkatkan lagi pengetahuan fungsian dan kemahiran kepimpinan.

Kursus asas dalam topik berkaitan Pemasaran turut disediakan melalui media dalam talian, yang menyediakan ujian dalam talian untuk membolehkan para peserta belajar menurut rentak dan masa mereka sendiri. Topik-topik dalam kursus ini tersenarai di bawah:

Jenis kursus Pemasaran	Tujuan	Jumlah peserta (no. orang)
Induksi	Untuk menyediakan pengenalan kepada Syarikat bagi pekerja baru dalam bahagian Pemasaran	217
Teras	Untuk menyediakan pemahaman yang lebih mendalam tentang dasar perniagaan Syarikat bagi pekerja baru dalam bahagian Pemasaran	127
Dagangan, Jenama, Strategi, Perancangan dan Pandangan Dalaman	Untuk menyediakan pemahaman terperinci tentang bahagian-bahagian dalam Pemasaran bagi pekerja baru, bergantung kepada peranan pekerja tersebut.	50

Spanjang 2010, Pelatih Pengurusan kami juga ditugaskan ke operasi Kumpulan British American Tobacco di negara lain untuk jangka masa pendek, di mana mereka diberi peluang untuk memacu dan menyempurnakan projek-projek penting yang dikenal pasti dalam rancangan pembangunan mereka. Setakat ini, Pelatih Pengurusan kami telah menimba pengalaman di negara-negara seperti Indonesia, Hong Kong, Singapura, Vietnam, Sri Lanka, Korea Selatan dan beberapa negara lain.

Program Rujukan Pekerja

Kami menyedari bahawa kakitangan merupakan duta Syarikat yang terbaik kerana mereka tahu budaya dan persekitaran korporat di sini. Dengan yang demikian, kami memanfaatkan sepenuhnya Program Rujukan Pekerja (PRP), dengan menggalakkan para pekerja kami mengenal pasti dan memperkenalkan calon yang sesuai untuk memenuhi jawatan pengurusan. Berdasarkan kejayaan PRP dalam mengisi kekosongan jawatan, pada bulan Februari 2010, kami telah melancarkan kempen PRP dengan sasaran khusus untuk menggalakkan usaha perekutan bagi pasukan jualan, yang menghasilkan peningkatan dalam kadar pengisian kekosongan jawatan.



- 1 Latihan dan pembangunan meningkat kemahiran dan amalan terbaik bagi kakitangan Pengedar Eksklusif Cemerlang.

SOROTAN

98%

Kadar penyertaan kakitangan untuk maklum balas Suara Anda.

Dalam memenuhi keperluan pasukan jualan kami yang dinamik, kami turut menggunakan khidmat beberapa agensi untuk membekalkan kakitangan yang diperlukan dalam kadar segera dengan menyediakan tempungan calon. Ini dapat menjimatkan masa untuk memenuhi kekosongan, dan memberi impak yang positif kepada perniagaan.

Memastikan suara kami didengari melalui Suara Anda 2010

British American Tobacco Malaysia sentiasa berusaha mendapatkan dan menangani maklum balas rasmi kakitangannya melalui tinjauan global Kumpulan British American Tobacco yang dikenali sebagai Suara Anda. Tinjauan ini diwujudkan untuk memperoleh maklum balas daripada kakitangan mengenai perasaan dan pandangan mereka mengenai organisasi ini dari segi kepimpinan strategik, pembangunan kakitangan, prestasi dan ganjaran, serta tanggungjawab korporat.

Pada 2010, kami meneruskan pelaksanaan inisiatif terhadap tinjauan yang dikendalikan pada tahun 2008, dan pada pertengahan 2010, kami telah melancarkan edisi ke-12 tinjauan Suara Anda. Melalui usaha yang dilaraskan oleh pasukan petugas Suara Anda di seluruh negara, kami telah mencapai kadar penyertaan tinjauan sebanyak 98% daripada kakitangan kami. Hasil tinjauan yang diterima dianalisis oleh wakil fungsian dan rancangan tindakan berikutnya ke atas maklum balas yang diterima akan diumumkan dan dilaksanakan pada tahun 2011.

Mengiktiraf kakitangan kami melalui Anugerah Khidmat Lama

British American Tobacco Malaysia turut mempamerkan semangat terhadap memberi pengiktifan dan ganjaran kepada kakitangan kami yang lama berkhidmat dalam organisasi. Pada November 2010, Syarikat telah menganjurkan Anugerah Khidmat Lama, satu acara tahunan yang memberi penghormatan kepada kakitangan yang telah berkhidmat selama 10, 20 dan 30 tahun, serta kakitangan yang bakal bersara. Pada tahun 2010, 68 orang kakitangan telah menerima Anugerah Khidmat Lama, dan 12 daripadanya bersara.

Kakitangan yang telah bersara turut
diberi pengiktirafan dalam
Anugerah Khidmat Lama 2010. 1

1





"Kerja harian yang kita lakukan sentiasa bermain di fikiran, dan apabila kita berjaya mencapai hasil yang baik – ia suatu kepuasan yang tidak boleh dibeli dengan wang ringgit. Bagi saya, itu adalah semangat."

*Ezmir Hazizi,
Eksekutif Hal Ehwal Kawal Selia*

Membangunkan kakitangan merentasi sempadan geografi

Kami meyakini bahawa membangunkan kakitangan tidak tersekat oleh sempadan geografi dan maka itu kami salurkan keyakinan dan semangat ini ke arah menyediakan peluang bagi kakitangan kami yang berbakat untuk membangunkan kerjaya global melalui tugas luar negara merentasi dunia British American Tobacco yang luas.

Peluang ini membolehkan kakitangan kami memperoleh pengalaman kerja yang tidak ternilai, menyumbang kepakaran mereka dan berkongsi amalan terbaik yang dipelajari daripada operasi British American Tobacco yang lain. Selain daripada itu, mereka juga boleh mengalami budaya dan cara bekerja berbeza yang akan membangunkan kualiti kepimpinan mereka.

Mengutamakan Kesejahteraan Kakitangan

Memastikan kakitangan kami kekal bertenaga dan bersemangat bukan suatu usaha yang mudah bagi organisasi sebesar British American Tobacco Malaysia. Pada 2010, kami meningkatkan usaha untuk menaiktaraf persekitaran kerja kami dan usul yang mantap bagi memastikan warga kerja kami mempunyai keseimbangan kerja dan kehidupan yang sihat.

Kelab Sukan kami yang dikendalikan oleh dua kakitangan sepenuh masa, ditugaskan untuk menyediakanimbangan ini kepada semua kakitangan British American Tobacco Malaysia. Pada 2010, Kelab Sukan telah menganjurkan berbagai acara, termasuk pertandingan menyanyi karaoke, karnival memancing, bengkel memasak dan aktiviti sukan ekstrem seperti meredah jeram.

Dalam usaha untuk memahami keperluan kakitangan kami dengan lebih baik, sebuah mekanisme maklum balas yang telus dan terbuka telah disediakan untuk menggalakkan budaya telus dan terbuka di mana kakitangan diberi suara untuk memberi maklum balas dan idea untuk penambahbaikan dalam organisasi. Sebuah peti maklum balas terbuka telah diperkenalkan di sekitar premis pejabat untuk kemudahan maklum balas kakitangan tanpa nama mengenai sebarang perkara berhubung perniagaan, termasuk kebajikan kakitangan.

- 1 Peserta berdepan jeram Sungai Padas, Sabah semasa satu aktiviti meredah jeram yang dianjurkan oleh Kelab Sukan.
- 2 Majlis Makan Malam Tahunan Syarikat bertema 'Born to be wild' yang dianjurkan Kelab Sukan pada 2010.



SOROTAN

Pelbagai sambutan kejayaan diadakan pada 2010. Sambutan-sambutan ini melibatkan kakitangan pengurusan kanan menunjukkan penghargaan kepada kakitangan atas usaha-usaha mereka memacu sasaran perniagaan.

Hasil usaha ini, pelbagai penambahbaikan telah dibuat di tempat kerja sepanjang tahun untuk meningkatkan kesejahteraan kakitangan dan banyak lagi dalam proses pelaksanaan. Penambahbaikan yang dilaksanakan dan yang masih dalam proses disenaraikan di bawah:

- Membina bilik rekreasi *chill-out* di ibu pejabat yang dilengkapi pelbagai peralatan permainan.
- Mewujudkan kawasan rekreasi di pejabat negeri yang dilengkapi peralatan permainan.
- Menaik taraf khidmat pantri di pejabat negeri Syarikat dengan peralatan dapur baharu seperti peti sejuk dan cerek.
- Menambah baik makanan kafeteria bagi kakitangan yang bekerja syif malam dan memasang ketuhar gelombang mikro untuk membolehkan mereka memanaskan makanan.
- Meraikan kejayaan pencapaian sasaran perniagaan dengan kakitangan melalui pelbagai aktiviti sambutan sepanjang tahun.

Inisiatif proaktif seperti ini memberi jaminan kepada kakitangan bahawa maklum balas mereka diberi perhatian di samping meningkatkan kesejahteraan, yang selanjutnya menyemarakkan semangat di tempat kerja.



- 1 William Toh, Pengarah Urusan menghidangkan snek kepada kakitangan.
- 2 Hendrik Stoel, Pengarah Pemasaran menghidangkan makanan malam.
- 3 Kakitangan pengurusan mencuci kereta kakitangan lain.

"Semangat adalah tentang membina aspirasi di tempat kerja supaya mempunyai sesuatu untuk dinantikan apabila pergi bekerja. Sebagai contoh, bahagian penyelidikan pemasaran mempunyai hari pakaian beragam. Ini membuatkan hari kerja lebih menarik daripada hari biasa."

Genevieve Hiew, Eksekutif Penyelidikan



MEMBANGUNKAN BAKAT MERENTASI SEMPADAN GEOGRAFI

Kami berbangga untuk menyenaraikan kakitangan warga Malaysia yang kini berlokasi di seluruh dunia serta Pelatih Pengurusan kami yang bertugas di seluruh dunia untuk jangka masa pendek di bawah program Pelatih Pengurusan Global British American Tobacco pada 2010.

Pelatih Pengurusan yang bertugas di luar negara untuk jangka masa pendek pada tahun 2010 ▲

1. Azleena binti Sadurrudin (Pemasaran)
British American Tobacco Korea,
Korea Selatan.
2. Ezmir Hazizi bin Azhar (Hal Ehwal
Korporat dan Kawal Selia)
PT Bentoel Internasional Investama Tbk,
Indonesia.
3. Lim Yiling (Kewangan)
Ceylon Tobacco Company p.l.c.,
Sri Lanka.
4. Maxine Lim Jen Ai (Hal Ehwal Korporat
dan Kawal Selia)
Pejabat Serantau Asia Pasifik,
Hong Kong.
5. Ng Jill Ann (Pemasaran)
British American Tobacco Korea,
Korea Selatan.
6. Shaun Lim Wei Heng (Pemasaran)
British American Tobacco Taiwan,
Taiwan.



SWITZERLAND

Anthony Yong
Ketua Kewangan

PAKISTAN

Shaiful Bahari Mahpar
Ketua Hal Ehwal Korporat dan
Kawal Selia Kawasan

NEW ZEALAND

Janice Thein Mei Li
Pengurus Hal Ehwal Korporat dan
Kawal Selia


KEMBOJA

Andrew Yeo
Ketua Sumber Manusia

VIETNAM

Claire Chan Soo Fong
Ketua Perancangan Strategik &
Pandangan Dalaman

Tang Chung Leong
Ketua Rangkaian Bekalan



INDONESIA

Bruce Richard Jalleh
Ketua Pegawai Perancangan
Penyepadan

Ramli bin Tamby Hashim
Pengarah Presiden, Ekspor Daun

Jimmy Ding Su Hong
Ketua Pemasaran Perdagangan &
Pengedaran

SINGAPURA

Ong Hean Boon
Pengurus Pembangunan Perkilangan
Serantau

Joel Solomon
Pengurus Perancangan Pengeluaran

Wong Voon Gah
Pengurus Pengenalan Produk Baru

Terrance Allen Sim
Pengurus Kedai Pengedaran Jualan

HONG KONG

Yong Kar Yee
Pengurus Perancangan IT Serantau

Shamilla Thiruganaselvam
Ketua Hal Ehwal Kawal Selia Serantau

KOREA SELATAN

Mark Lim Kuan Yoong
Pengurus Jenama Serantau

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

- 141** Laporan Pengarah
- 147** Pernyataan Pengarah
- 147** Akuan Berkanun
- 148** Laporan Juruaudit Bebas
- 150** Penyata Pendapatan
- 151** Penyata Pendapatan Komprehensif
- 152** Kunci Kira-Kira Disatukan
- 153** Kunci Kira-Kira Syarikat
- 154** Penyata Perubahan Ekuiti yang Disatukan
- 155** Penyata Perubahan Ekuiti Syarikat
- 156** Penyata Aliran Tunai
- 157** Ringkasan Dasar Perakaunan Penting
- 172** Nota yang Mengiringi Penyata Kewangan

LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan kepada ahli, laporan tahunan diiringi penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

Aktiviti Utama

Syarikat menyediakan perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran harian kepada subsidiarinya yang terlibat terutamanya dalam pengilangan, pengimportan dan penjualan rokok, tembakau paip dan cerut.

Tiada perubahan ketara dalam sifat aktiviti Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan ini.

Keputusan Kewangan

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan sebelum cukai	959,181	741,805
Perbelanjaan cukai	(228,070)	(5,424)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	731,111	736,381

Dividen

	RM'000
Dividen yang dibayar atau diisyiharkan oleh Syarikat sejak 31 Disember 2009 adalah seperti berikut:	
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 seperti yang dilaporkan dalam laporan Pengarah bagi tahun tersebut:	
Dividen akhir pada kadar 62.00 sen sesaham, dikecualikan cukai di bawah sistem satu peringkat, yang dibayar pada 7 Mei 2010	177,029
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010:	
Dividen interim pertama pada kadar 113.00 sen sesaham, dikecualikan cukai di bawah sistem satu peringkat, yang dibayar pada 20 Ogos 2010	322,649
Dividen interim kedua pada kadar 64.00 sen sesaham, dikecualikan cukai di bawah sistem satu peringkat, yang dibayar pada 19 November 2010	182,739
	505,388

Para Pengarah mengisyiharkan dividen interim ketiga pada kadar 63 sen sesaham pada mesyuarat Lembaga Pengarah pada 22 Februari 2011 berjumlah RM179,883,900, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 yang akan dibayar pada 23 Mac 2011 kepada pemegang saham yang berdaftar dalam Daftar Ahli Syarikat pada perniagaan ditutup pada 10 Mac 2011. Penyata kewangan ini tidak mencerminkan dividen interim ketiga yang akan diambil kira dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

Para Pengarah tidak mencadangkan dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

Rizab dan Peruntukan

Semua pindahan penting ke atau dari rizab serta peruntukan sepanjang tahun kewangan dibentangkan dalam penyata kewangan ini.

Pengarah

Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan terdahulu adalah seperti berikut:

Tan Sri Abu Talib bin Othman (Pengerusi)

Toh Ah Wah

Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak

Stephen James Rush

Dato' Chan Choon Ngai

James Richard Suttie

Datuk Oh Chong Peng

Menurut Artikel 97(1) dan (2) Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Toh Ah Wah dan James Richard Suttie akan bersara mengikut giliran daripada menjadi ahli Lembaga Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk dipilih semula.

Tan Sri Abu Talib bin Othman yang telah mencecah usia tujuh puluhan, akan bersara menurut Seksyen 129(2) Akta Syarikat, 1965 pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang. Lembaga Pengarah mencadangkan supaya Tan Sri Abu Talib bin Othman dipilih semula menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965 untuk memegang jawatan ini sehingga tamat Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut.

Menurut Artikel 103 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Dato' Chan Choon Ngai akan bersara daripada menjadi ahli Lembaga Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dan kerana layak, telah menawarkan diri untuk dipilih semula.

Manfaat Pengarah

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan ini, tiada sebarang pengaturan yang mana Syarikat merupakan satu pihak, iaitu pengaturan dengan objek atau objek-objek yang membolehkan para Pengarah Syarikat memperoleh manfaat melalui pemerolehan saham dalam, atau debentur Syarikat atau mana-mana lain badan korporat, menurut peruntukan di bawah Akta Syarikat, 1965, selain daripada yang mungkin timbul daripada pelan pampasan berdasarkan saham yang diselesaikan dengan ekuiti yang ditawarkan oleh British American Tobacco p.l.c. (British American Tobacco p.l.c. disifatkan sebagai syarikat induk muktamad) seperti yang dizahirkan dalam Nota 30 penyata kewangan ini.

Sejak akhir tahun kewangan terdahulu, tiada Pengarah telah menerima atau berhak untuk menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang dibentangkan dalam Nota 4 penyata kewangan ini) atas alasan kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang Pengarah tersebut merupakan ahlinya, atau dengan syarikat yang Pengarah tersebut mempunyai kepentingan yang ketara di dalamnya, selain daripada berdasarkan transaksi yang dimeterai dalam perjalanan biasa perniagaan seperti yang dizahirkan dalam Nota 27 penyata kewangan ini.

Keahlian Jawatankuasa Saraan

Sebahagian besar Jawatankuasa Saraan terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan ahli Jawatankuasa Imbuhan ini pada 31 Disember 2010 adalah:

Tan Sri Abu Talib bin Othman (Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
 Datuk Oh Chong Peng (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
 James Richard Suttie (Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas)
 Toh Ah Wah (Pengarah Eksekutif Bukan Bebas)

Kepentingan Pengarah dalam Saham

Menurut Daftar Pegangan Saham Pengarah, butiran kepentingan para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan ini dalam saham dan opsyen saham dalam Syarikat dan badan korporat yang berkaitan adalah seperti berikut:

Syarikat	Bilangan saham biasa 50 sen sesaham dalam Syarikat			
	Pada 1.1.10	Dibeli	Dijual	Pada 31.12.10
Pegangan saham atas nama Pengarah:				
Tan Sri Abu Talib bin Othman	41,000	—	—	41,000
Datuk Oh Chong Peng	1,000	—	—	1,000
James Richard Suttie	1,500	—	—	1,500
Dato' Chan Choon Ngai	1,000	—	—	1,000
Pegangan saham yang Pengarah disifatkan sebagai mempunyai kepentingan:				
James Richard Suttie	3,000	—	3,000	—
Dato' Chan Choon Ngai	6,000	—	—	6,000

Syarikat Induk Muktamad – British American Tobacco p.l.c.	Bilangan saham biasa 25p sesaham dalam British American Tobacco p.l.c.			
	Pada 1.1.10	Dibeli/Diberi	Dijual	Pada 31.12.10
Pegangan saham atas nama Pengarah:				
James Richard Suttie	7,154	—	—	7,154
Dato' Chan Choon Ngai	25,433	1,534	1,534	25,433
Stephen James Rush	3,449	3,570	3,570	3,449
Toh Ah Wah	33,424	499	1,098	32,825
Pegangan saham yang Pengarah disifatkan sebagai mempunyai kepentingan:				
James Richard Suttie	7,073	—	—	7,073

Kepentingan Pengarah dalam Saham (Sambungan)

Syarikat Induk Muktamad – British American Tobacco p.l.c.	Bilangan saham biasa 25p sesaham dalam British American Tobacco p.l.c.			
	Pada 1.1.10	Diberi	Diserah Hak	Pada 31.12.10
Skim Bonus Tertunda & Skim Ganjaran Saham Antarabangsa:				
Pegangan saham atas nama Pengarah:				
Dato' Chan Choon Ngai	6,432	1,111	1,534	6,009
Stephen James Rush	7,223	1,153	2,074	6,302
Toh Ah Wah	15,246	3,094	3,954	14,386

Syarikat Induk Syarikat – British American Tobacco p.l.c.	Bilangan opsyen saham biasa 25p sesaham dalam British American Tobacco p.l.c.				
	Pada 1.1.10	Diberi	Dilaksanakan	Luput	Pada 31.12.10
Pegangan Saham atas nama Pengarah, Harga Laksana & Tarikh Luput:					
Dato' Chan Choon Ngai					
£5.98 (19 Mac 2013)	7,392	—	—	—	7,392
£8.09 (17 Mac 2014)	5,163	—	—	—	5,163
Tiada (13 Mac 2017)	5,178	—	—	—	5,178
Tiada (13 Mac 2018)	4,811	—	—	—	4,811
Tiada (27 Mac 2019)	7,784	—	—	—	7,784
Tiada (25 Mac 2020)	—	5,482	—	—	5,482
Stephen James Rush					
Tiada (13 Mac 2017)	1,673	—	1,673	—	—
Tiada (13 Mac 2018)	5,478	—	—	—	5,478
Tiada (27 Mac 2019)	6,602	—	—	—	6,602
Tiada (25 Mac 2020)	—	5,088	—	—	5,088
Toh Ah Wah					
£8.09 (17 Mac 2014)	10,856	—	—	—	10,856
Tiada (17 Mei 2015)	9,244	—	—	—	9,244
Tiada (15 Mac 2016)	8,642	—	—	—	8,642
Tiada (13 Mac 2017)	8,517	—	—	—	8,517
Tiada (13 Mac 2018)	8,635	—	—	—	8,635
Tiada (27 Mac 2019)	14,098	—	—	—	14,098
Tiada (25 Mac 2020)	—	10,317	—	—	10,317

Kepentingan Pengarah dalam Saham (Sambungan)

Sesetengah saham dan opsyen dalam syarikat induk muktamad yang dipegang oleh Para Pengarah timbul hasil penyertaan para Pengarah tersebut dalam skim saham kakitangan yang ditawarkan oleh British American Tobacco p.l.c. (British American Tobacco p.l.c. secara tidak langsung melalui British American Tobacco Holdings (Malaysia) B.V., memiliki lima puluh peratus (50%) kepentingan ekuiti di dalam Syarikat dan disifatkan sebagai syarikat induk muktamad bagi Syarikat). Maklumat lanjut bagi skim saham kakitangan yang ditawarkan oleh British American Tobacco p.l.c. terkandung dalam Nota 30 penyata kewangan ini.

Maklumat Statutori Penyata Kewangan

Sebelum penyata kewangan dan kunci kira-kira disempurnakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang munasabah:

- a) untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil dalam menghapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan untuk hutang rugu dan telah berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk telah dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang rugu; dan
- b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak mungkin direalisasikan nilainya seperti yang dipamerkan dalam rekod perakaunan dalam perjalanan biasa perniagaan Kumpulan dan Syarikat telah diturunkan nilainya kepada jumlah yang dijangka boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan:

- a) yang menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau jumlah peruntukan untuk hutang rugu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat sebagai tidak mencukupi pada tahap yang sebanyak mana; dan
- b) yang akan mengakibatkan nilai yang diperuntukkan pada aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat keliru; atau
- c) yang telah berlaku sehingga mengakibatkan pematuhan pada kaedah yang digunakan untuk menilai aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat sebagai mengelirukan atau tidak wajar.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang, menurut pendapat para Pengarah, akan atau boleh menjelaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk memenuhi obligasinya apabila cukup tempoh boleh dikuatkuasakan atau kemungkinan boleh dikuatkuasakan dalam tempoh 12 bulan selepas akhir tahun kewangan ini.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- a) sebarang caj ke atas aset Kumpulan atau Syarikat sejak akhir tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana individu lain; atau
- b) sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan atau Syarikat sejak akhir tahun kewangan ini.

Pada tarikh laporan ini dibuat, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak terkandung dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan ini yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini keliru.

Maklumat Statutori mengenai Penyata Kewangan (Sambungan)

Pada pendapat para Pengarah:

- a) Keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan ini tidak terjejas secara ketara oleh sebarang item, transaksi atau peristiwa yang disifatkan penting atau luar biasa; dan
- b) Tidak timbul sebarang butiran, transaksi atau peristiwa yang disifatkan penting dan luar biasa yang mungkin boleh menjelaskan keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat dalam tempoh antara akhir tahun kewangan dengan tarikh laporan dibuat.

Syarikat Induk Muktamad

Para Pengarah menyifatkan British American Tobacco p.l.c., yang diperbadankan di England dan Wales, sebagai syarikat induk muktamad Syarikat.

Juruaudit

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan mereka.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh 22 Februari 2011.

Toh Ah Wah
Pengarah Urusan

Petaling Jaya

Stephen James Rush
Pengarah Kewangan

PERNYATAAN PENGARAH

menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Kami, TOH AH WAH dan STEPHEN JAMES RUSH, sebagai dua Pengarah British American Tobacco (Malaysia) Berhad, menyatakan bahawa, menurut pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 150 hingga 214 disediakan untuk memberi gambaran sebenar dan saksama mengenai hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2010 dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Yang Diluluskan di Malaysia dan peruntukan dalam Akta Syarikat, 1965.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh 22 Februari 2011.

Toh Ah Wah
Pengarah Urusan

Stephen James Rush
Pengarah Kewangan

AKUAN BERKANUN


menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, STEPHEN JAMES RUSH, sebagai Pengarah yang memikul tanggungjawab utama dalam mengurus kewangan British American Tobacco (Malaysia) Berhad, dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengisyiharkan bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 150 hingga 214 ini, menurut pendapat saya, adalah betul, dan saya membuat akuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa tersebut juga adalah benar dan berlandaskan kepada peruntukan Akta Pengisyiharan Statutori, 1960.

Stephen James Rush
Pengarah Kewangan

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama tersebut di atas, iaitu Stephen James Rush di Petaling Jaya di negeri Selangor pada 22 Februari 2011.

Di hadapan saya,



Soong Foong Chee
Pesuruhjaya Sumpah
Petaling Jaya

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

kepada ahli British American Tobacco (Malaysia) Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)
(No Syarikat: 4372-M)

Laporan mengenai Penyata Kewangan

Kami telah menjalankan audit ke atas penyata kewangan British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada halaman 150 hingga 213 yang merangkumi kunci kira-kira pada Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2010, dan penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain, seperti yang dibentangkan pada nota 1 hingga 30.

Tanggungjawab Para Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk menyediakan dan membentangkan penyata kewangan ini secara saksama menurut Standard Pelaporan Kewangan dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: mereka bentuk, melaksana dan menyenggara kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan secara saksama, yang bebas daripada salah nyata penting, sama ada disebabkan oleh penipuan atau ralat; pemilihan dan penggunaan dasar perakaunan yang sesuai; dan membuat anggaran perakaunan yang munasabah dalam keadaan yang berkaitan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk memberi pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit mengikut standard pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Standard tersebut menyarankan kami mematuhi keperluan etika dan merancang serta melaksanakan audit berkaitan untuk mendapatkan jaminan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang penting, atau tidak.

Audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai amaun dan penzahiran dalam penyata kewangan tersebut. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko akibat salah nyata yang penting bagi penyata kewangan tersebut, sama ada disebabkan oleh penipuan atau ralat. Dalam membuat penilaian risiko ini, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan Syarikat secara saksama untuk menggariskan prosedur audit yang sesuai dengan keadaan berkenaan, tetapi bukan untuk tujuan melahirkan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat tersebut. Audit juga merangkumi proses menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, di samping menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan tersebut.

Kami yakin bukti audit yang kami perolehi mencukupi dan munasabah selaku asas pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah disediakan dengan wajar menurut peruntukan Piawaian Pelaporan Kewangan Diluluskan di Malaysia dan Akta Syarikat, 1965 supaya memberi gambaran yang sebenar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2010 dan bagi prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Laporan mengenai Keperluan Undang-undang dan Kawal Selia Lain

Kami turut melaporkan perkara berikut, menurut Peruntukan Akta Syarikat,1965 di Malaysia:

- (a) Kami berpendapat bahawa, rekod perakaunan dan rekod-rekod dan daftar lain yang perlu disimpan oleh Syarikat dan subsidiarinya menurut Akta ini, yang telah kami lakukan audit ke atasnya, telah disimpan sewajarnya dan menurut peruntukan Akta ini.
- (b) Kami telah mempertimbangkan penyata kewangan ini dan laporan juruaudit bagi subsidiari yang mana kami tidak melaksanakan audit ke atasnya, seperti yang diisyaratkan dalam Nota 13 penyata kewangan ini.
- (c) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah sesuai dan wajar dari segi bentuk dan kandungan bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan kami telah menerima maklumat serta penjelasan yang memuaskan yang kami perlukan untuk tujuan tersebut.
- (d) Laporan audit kami mengenai penyata kewangan subsidiari-subsidiari ini tidak mengandungi apa-apa pengecualian atau ulasan yang menjaskan yang dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

Tanggungjawab Pelaporan Lain

Maklumat tambahan yang dibentangkan dalam Nota 31 pada halaman 214 dizahirkan untuk memenuhi keperluan Bursa Malaysia Securities Berhad dan bukan sebahagian daripada penyata kewangan ini. Para pengarah bertanggungjawab dalam penyediaan maklumat tambahan ini menurut Panduan mengenai Urusan Khas No. 1, Penentuan Untung dan Rugi yang Direalisasi dan Tidak Direalisasi berhubung Penzahiran Berikutan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad yang diterbitkan oleh Institut Akauntan Malaysia ("Panduan MIA") dan aras arahan Bursa Malaysia Securities Berhad. Pada pendapat kami, maklumat tambahan disediakan telah meliputi semua sudut penting menurut Panduan MIA dan arahan Bursa Malaysia Securities Berhad.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli Syarikat sahaja, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana individu lain berhubung kandungan laporan ini.

PricewaterhouseCoopers

[AF:1146]

Akauntan Berkanun

Kuala Lumpur

22 Februari 2011

Jayarajan A/L U. Rathinasamy

[2059/06/12 (J)]

Akauntan Berkanun

Ini adalah terjemahan Bahasa Malaysia untuk Penyata Kewangan British American Tobacco (Malaysia) Berhad yang telah diaudit, yang pada asalnya telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan ini telah dibuat untuk para pembaca yang fasih dalam Bahasa Malaysia untuk memahami sepenuhnya penyata kewangan berkenaan. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk penyata kewangan dan pendapat juruaudit yang telah disahkan.

PENYATA PENDAPATAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000
Hasil	2	3,965,448	3,923,421	784,477	697,371
Kos jualan		(2,476,641)	(2,379,034)	—	—
Untung kasar		1,488,807	1,544,387	784,477	697,371
Pendapatan operasi lain		28,120	5,739	5,265	1,907
Kos pengedaran dan pemasaran		(370,109)	(362,381)	—	—
Perbelanjaan pentadbiran		(156,471)	(141,819)	(19,355)	(19,714)
Perbelanjaan operasi lain		(3,766)	(12,791)	(1,182)	(805)
Untung daripada operasi	3	986,581	1,033,135	769,205	678,759
Kos kewangan – perbelanjaan faedah		(27,400)	(27,823)	(27,400)	(27,823)
Untung sebelum cukai		959,181	1,005,312	741,805	650,936
Perbelanjaan cukai	6	(228,070)	(258,528)	(5,424)	(10,087)
Untung bagi tahun kewangan		731,111	746,784	736,381	640,849
Untung milik:					
Pemilik Syarikat		731,111	746,784	736,381	640,849
Perolehan sesaham (sen)	7	256.1	261.5	—	—
Dividen bersih sesaham (sen)	8	240.0	236.0	240.0	236.0

Dasar perakaunan pada halaman 157 hingga 171 dan nota pada halaman 172 hingga 214 membentuk bahagian yang melengkapi penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09* RM'000	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09* RM'000
Untung bagi tahun kewangan		731,111	746,784	736,381	640,849
Pendapatan komprehensif lain:					
Perubahan dalam nilai saksama perlindungan nilai aliran tunai	21	(1,832)	—	(592)	—
Kerugian aktuari pelan manfaat tertakrif	24	(90)	(213)	(31)	(234)
Perubahan cukai tertunda ke atas pendapatan komprehensif lain					
– Cukai tertunda ke atas tanah dan bangunan yang dinilai semula	14	3,911	60	—	—
– Cukai tertunda ke atas nilai saksama perubahan dalam perlindungan nilai aliran tunai	14	458	—	148	—
Jumlah pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan, setelah ditolak cukai		2,447	(153)	(475)	(234)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		733,558	746,631	735,906	640,615
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan milik:					
Pemilik syarikat		733,558	746,631	735,906	640,615

* Kumpulan menggunakan FRS 139 mulai 2010, memandangkan standard ini tidak memerlukan penggunaan retrospektif yang dibenarkan di bawah peruntukan peralihan FRS 139.

Dasar perakaunan pada halaman 157 hingga 171 dan nota pada halaman 172 hingga 214 membentuk bahagian yang melengkapi penyata kewangan ini.

KUNCI KIRA-KIRA DISATUKAN

pada 31 Disember 2010

	Nota	2010 RM'000	Kumpulan	
			2009* (Dinyatakan semula) RM'000	2008* (Dinyatakan semula) RM'000
Aset bukan semasa				
Hartanah, loji dan peralatan	9	405,826	451,069	459,079
Hartanah pelaburan	10	1,636	1,654	—
Perisian komputer	11	4,336	6,550	15,232
Muhibah	12	411,618	411,618	411,618
Aset cukai tertunda	14	15,158	19,295	4,978
		838,574	890,186	890,907
Aset semasa				
Aset yang dipegang untuk jualan	16	888	4,288	20,638
Inventori	17	193,572	214,258	224,958
Amaun belum terima	18	179,489	164,712	257,818
Cukai boleh didapatkan kembali		—	—	33,604
Deposit, tunai dan baki bank	19	356,623	168,686	59,387
		730,572	551,944	596,405
Liabiliti semasa				
Amaun perlu bayar	20	314,208	219,088	285,737
Instrumen kewangan derivatif	21	1,832	—	—
Peminjaman		—	—	250,000
Liabiliti cukai semasa		66,758	80,962	96,512
		382,798	300,050	632,249
Aset/(Liabiliti) semasa bersih		347,774	251,894	(35,844)
		1,186,348	1,142,080	855,063
Modal dan rizab				
Modal saham	23	142,765	142,765	142,765
Rizab perlindungan nilai aliran tunai		(1,374)	—	—
Perolehan tertahan		349,035	296,520	263,714
Dana pemegang saham		490,426	439,285	406,479
Liabiliti bukan semasa				
Peminjaman	22	650,000	650,000	400,000
Obligasi manfaat pasca perkhidmatan	24	4,117	6,043	5,297
Liabiliti cukai tertunda	14	41,805	46,752	43,287
		1,186,348	1,142,080	855,063

* Penyataan semula ini menunjukkan perubahan dalam dasar perakaunan Kumpulan untuk pengelasan tanah pajakan mengikut keperluan oleh FRS 117 Pajakan, di mana kesan perubahan diperincikan dalam Ringkasan Dasar Perakaunan Penting.

Dasar perakaunan pada halaman 157 hingga 171 dan nota pada halaman 172 hingga 214 membentuk bahagian yang melengkapi penyata kewangan ini.

KUNCI KIRA-KIRA SYARIKAT

pada 31 Disember 2010

	Nota	2010 RM'000	Syarikat	
			2009* (Dinyatakan semula) RM'000	2008* (Dinyatakan semula) RM'000
Aset bukan semasa				
Hartanah, loji dan peralatan	9	16,567	19,947	25,406
Perisian komputer	11	4,336	6,550	15,086
Subsidiari	13	1,022,389	1,022,889	1,022,889
Aset cukai tertunda	14	4,166	8,520	4,978
Pinjaman kepada subsidiari	15	80,000	80,000	—
		1,127,458	1,137,906	1,068,359
Aset semasa				
Aset yang dipegang untuk jualan	16	—	1,950	—
Amaun belum terima	18	104,501	237,809	283,944
Cukai boleh didapatkan kembali		—	—	33,604
Deposit, tunai dan baki bank	19	258,517	461	1,129
		363,018	240,220	318,677
Liabiliti semasa				
Amaun perlu bayar	20	526,098	466,339	406,003
Instrumen kewangan derivatif	21	592	—	—
Peminjaman		—	—	250,000
Liabiliti cukai semasa		220	1	—
		526,910	466,340	656,003
(Liabiliti)/Aset semasa bersih		(163,892)	(226,120)	(337,326)
		963,566	911,786	731,033
Modal dan rizab				
Modal saham	23	142,765	142,765	142,765
Rizab perlindungan nilai aliran tunai		(444)	—	—
Perolehan tertahan		168,891	114,958	188,168
Dana pemegang saham		311,212	257,723	330,933
Liabiliti bukan semasa				
Peminjaman	22	650,000	650,000	400,000
Obligasi manfaat pasca perkhidmatan	24	2,354	4,063	100
		963,566	911,786	731,033

* Penyataan semula ini menunjukkan perubahan dalam dasar perakaunan Kumpulan untuk pengelasan tanah pajakan menurut keperluan oleh FRS 117 Pajakan, di mana kesan perubahannya diperincikan dalam Ringkasan Dasar Perakaunan Penting.

Dasar perakaunan pada halaman 157 hingga 171 dan nota pada halaman 172 hingga 214 membentuk bahagian yang melengkapi penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI YANG DISATUKAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

	Nota	Saham biasa yang diterbitkan dan dibayar sepenuhnya 50 sen sesaham		Tidak boleh diagihkan	Boleh Diagihkan	Jumlah punca pemilik RM'000
		Bilangan saham '000	Nilai nominal RM'000	Rizab lindung nilai aliran tunai* RM'000	Perolehan tertahan RM'000	
Pada 1 Januari 2010		285,530	142,765	—	296,520	439,285
Untung bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010:		—	—	—	731,111	731,111
Pendapatan komprehensif lain:						
– perubahan dalam nilai saksama perlindungan nilai aliran tunai, ditolak cukai	24	—	—	(1,832)	—	(1,832)
– kerugian aktuari pelan manfaat tertakrif		—	—	—	(90)	(90)
– cukai tertunda ke atas tanah dan bangunan yang dinilai semula	14	—	—	—	3,911	3,911
– cukai tertunda ke atas nilai saksama perubahan pada lindung nilai aliran tunai	14	—	—	458	—	458
Jumlah pendapatan komprehensif		285,530	142,765	(1,374)	1,031,452	1,172,843
Transaksi dengan pemilik:						
Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009:						
– akhir	8	—	—	—	(177,029)	(177,029)
Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010:						
– interim pertama	8	—	—	—	(322,649)	(322,649)
– interim kedua	8	—	—	—	(182,739)	(182,739)
Pada 31 Disember 2010		285,530	142,765	(1,374)	349,035	490,426
Pada 1 Januari 2009		285,530	142,765	—	263,714	406,479
Untung bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009:		—	—	—	746,784	746,784
Pendapatan komprehensif lain:						
– kerugian aktuari pelan manfaat tertakrif	24	—	—	—	(213)	(213)
– cukai tertunda ke atas tanah dan bangunan yang dinilai semula	14	—	—	—	60	60
Jumlah pendapatan komprehensif		285,530	142,765	—	1,010,345	1,153,110
Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008:						
– akhir		—	—	—	(217,003)	(217,003)
Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009:						
– interim pertama	8	—	—	—	(322,649)	(322,649)
– interim kedua	8	—	—	—	(174,173)	(174,173)
Pada 31 Disember 2009		285,530	142,765	—	296,520	439,285

* Kumpulan menggunakan FRS 139 mulai 2010, memandangkan standard ini tidak memerlukan penggunaan retrospektif seperti yang dibenarkan di bawah peruntukan peralihan FRS 139.

Dasar perakaunan pada halaman 157 hingga 171 dan nota pada halaman 172 hingga 214 membentuk bahagian yang melengkapi penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI SYARIKAT

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

	Nota	Saham biasa yang diterbitkan dan dibayar sepenuhnya 50 sen sesaham		Tidak boleh diagihkan	Boleh Diagihkan	Jumlah punca pemilik RM'000
		Bilangan saham '000	Nilai nominal RM'000			
Pada 1 Januari 2010		285,530	142,765	—	114,958	257,723
Untung bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010		—	—	—	736,381	736,381
Pendapatan komprehensif lain:						
– perubahan dalam nilai saksama lindung nilai aliran tunai, ditolak cukai	21	—	—	(592)	—	(592)
– kerugian aktuari pelan manfaat tertakrif	24	—	—	—	(31)	(31)
– cukai tertunda ke atas nilai saksama perubahan pada lindung nilai aliran tunai	14	—	—	148	—	148
Jumlah pendapatan komprehensif		285,530	142,765	(444)	851,308	993,629
Transaksi dengan pemilik:						
Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009						
– akhir	8	—	—	—	(177,029)	(177,029)
Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010						
– interim pertama	8	—	—	—	(322,649)	(322,649)
– interim kedua	8	—	—	—	(182,739)	(182,739)
Pada 31 Disember 2010		285,530	142,765	(444)	168,891	311,212
Pada 1 Januari 2009		285,530	142,765	—	188,168	330,933
Untung bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009		—	—	—	640,849	640,849
Pendapatan komprehensif lain:						
– kerugian aktuari pelan manfaat tertakrif	24	—	—	—	(234)	(234)
Jumlah pendapatan komprehensif		285,530	142,765	—	828,783	971,548
Urusniaga dengan pemilik:						
Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008						
– akhir		—	—	—	(217,003)	(217,003)
Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009						
– interim pertama	8	—	—	—	(322,649)	(322,649)
– interim kedua	8	—	—	—	(174,173)	(174,173)
Pada 31 Disember 2009		285,530	142,765	—	114,958	257,723

* Kumpulan menggunakan FRS 139 mulai 2010, memandangkan standard ini tidak memerlukan penggunaan retrospektif seperti yang dibenarkan di bawah peruntukan peralihan FRS 139.

Dasar perakaunan pada halaman 157 hingga 171 dan nota pada halaman 172 hingga 214 membentuk bahagian yang melengkapkan penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000
Aktiviti operasi					
Penerimaan tunai daripada pelanggan		3,875,399	3,927,189	16,166	19,107
Pembayaran tunai kepada pembekal dan kakitangan		(2,760,759)	(2,751,683)	(3,003)	—
Dividen yang diterima daripada subsidiari		—	—	942,605	725,897
Tunai daripada operasi	25	1,114,640	1,175,506	955,768	745,004
Cukai pendapatan (dibayar)/dikembalikan		(238,716)	(251,266)	(703)	19,842
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		875,924	924,240	955,065	764,846
Aktiviti pelaburan					
Hartanah, loji dan peralatan					
– tambahan		(60,050)	(107,162)	(1,793)	(3,662)
– penjualan		73,599	8,862	168	1,025
Perisian komputer					
– tambahan		(4,344)	(1,805)	(4,344)	(1,757)
Penjualan aset yang dipegang untuk jualan		3,400	21,000	—	—
Pendapatan faedah yang diterima		9,136	5,470	13	1,907
Pembayaran balik bersih daripada subsidiari		—	—	18,675	58,279
Aliran tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti pelaburan		21,741	(73,635)	12,719	55,792
Aktiviti kewangan					
Dividen yang dibayar kepada pemegang saham		(682,417)	(713,825)	(682,417)	(713,825)
Pinjaman kepada subsidiari		—	—	—	(80,000)
Kutipan daripada penerbitan nota jangka pertengahan		—	250,000	—	250,000
Pembayaran balik nota jangka pertengahan		—	(250,000)	—	(250,000)
Perbelanjaan faedah yang dibayar		(27,311)	(27,481)	(27,311)	(27,481)
Aliran tunai bersih bagi pembiayaan aktiviti		(709,728)	(741,306)	(709,728)	(821,306)
Peningkatan/(Pengurangan) dalam tunai dan setara tunai					
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari		187,937	109,299	258,056	(668)
Tunai dan setara tunai pada 31 Disember	19	168,686	59,387	461	1,129
		356,623	168,686	258,517	461

Dasar perakaunan pada halaman 157 hingga 171 dan nota pada halaman 172 hingga 214 membentuk bahagian yang melengkap penyata kewangan ini.

RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

Indeks

Indeks	Halaman
A. Asas Penyediaan	158
B. Perubahan Dalam Dasar Perakaunan	159 – 162
C. Pengiktirafan Hasil	162
D. Hartanah, Loji dan Peralatan	163 – 164
E. Hartanah Pelaburan	164
F. Pajakan	164
G. Aset Dipegang Untuk Jualan	164
H. Aset Tak Ketara	165
I. Pelaburan Dalam Subsidiari	165
J. Inventori	165
K. Amaun Belum Terima	165 – 166
L. Tunai dan Setara Tunai	166
M. Manfaat Kakitangan	166 – 167
N. Amaun Perlu Bayar	167
O. Peruntukan	167
P. Cukai	167
Q. Mata Wang Asing	168
R. Aset Kewangan	168 – 170
S. Peminjaman	171
T. Modal Saham	171
U. Dividen	171
V. Laporan Mengikut Segmen	171

A. Asas Penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Standard Pelaporan Kewangan di Malaysia.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan menggunakan kaedah kos sejarah, yang diubah suai bagi penilaian semula tanah dan bangunan kecuali jika dinyatakan diisyaratkan sebaliknya dalam ringkasan dasar perakaunan penting ini.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Standard Pelaporan Kewangan di Malaysia memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan khusus yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan penzahiran aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, di samping jumlah hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan dalam tempoh kewangan yang dilaporkan. Meskipun anggaran dan pertimbangan ini berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah mengenai peristiwa dan tindakan semasa, namun keputusan sebenar mungkin berbeza.

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk diterbitkan menurut resolusi Lembaga Pengarah pada 22 Februari 2011.

Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata kewangan Syarikat dan semua subsidiarinya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan ini. Subsidiari ini merupakan badan-badan korporat yang dasar kewangan dan operasinya dikawal oleh Kumpulan dalam usaha untuk meraih manfaat daripada aktivitinya.

Subsidiari disatukan dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan terungkai dari tarikh kawalan tersebut tamat. Subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pembelian.

Kos pengambilalihan diukur sebagai nilai saksama aset yang diberi, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti yang dikenakan atau ditanggung pada tarikh pertukaran. Jumlah kos pengambilalihan yang melebihi nilai saksama bagi bahagian aset bersih Kumpulan yang boleh dikenal pasti yang diperoleh pada tarikh pengambilalihan dicatatkan sebagai muhibah. Jika kos pengambilalihan kurang daripada nilai saksama aset bersih subsidiari yang diambil alih, perbezaannya diiktiraf secara langsung dalam penyata pendapatan.

Transaksi, baki dan untung tak direalisasi dalam Kumpulan di antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan dihapuskan. Kerugian tidak direalisasi juga dihapus kira tetapi disifatkan sebagai penunjuk penjejasan nilai bagi aset yang dipindahkan. Di mana perlu, dasar perakaunan subsidiari telah ditukar untuk memastikan ketekalan dengan dasar yang diterima pakai oleh Kumpulan.

B. Perubahan dalam Dasar Perakaunan

Standard perakaunan baharu/disemak dan pindaan kepada standard yang diterbitkan dan diguna pakai berkuat kuasa bagi tahun kewangan Kumpulan dan Syarikat mulai 1 Januari 2010 adalah seperti berikut:

- Pindaan kepada FRS 1 Penerapan Awal Standard Pelaporan Kewangan dan FRS 127 Penyata Kewangan Yang Disatukan dan Berasingan: Kos Pelaburan dalam Subsidiari, Entiti yang Dikawal Bersama atau Syarikat Sekutu
- FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan
- FRS 8 Segmen Operasi
- FRS 123 Kos Peminjaman
- FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Ukuran
- Pindaan kepada FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Ukuran, FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Interpretasi IC 9 Penilaian Semula Derivatif Terbenam
- Pindaan kepada FRS 2 Bayaran Berasaskan Saham: Syarat Peletakan Hak dan Pembatalan
- FRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan
- Pindaan kepada FRS 117 Pajakan
- Interpretasi IC 9 Penilaian Semula Derivatif Terbenam
- Interpretasi IC 10 Pelaporan dan Penjelasan Kewangan Interim dan Penjejasan Nilai
- Interpretasi IC 11 FRS 2 – Transaksi Saham Kumpulan dan Perbendaharaan
- Interpretasi IC 13 Program Kesetiaan Pelanggan
- Interpretasi IC 14 FRS 119 – Had bagi Aset Manfaat Yang Ditakrif, Keperluan Pendanaan Minimum dan Interaksinya
- Penambahbaikan kepada FRS berikut:
 - FRS 8 Segmen Operasi
 - FRS 110 Peristiwa Selepas Tempoh Pelaporan
 - FRS 116 Hartanah, Loji dan Peralatan
 - FRS 117 Pajakan
 - FRS 123 Kos Peminjaman
 - FRS 136 Penjejasan Aset
 - FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Ukuran

Semua perubahan dasar perakaunan telah dilaksanakan dengan mematuhi peruntukan peralihan dalam standard, pindaan kepada standard yang diterbitkan dan interpretasi yang berkaitan. Semua standard, pindaan dan interpretasi yang diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat memerlukan aplikasi retrospektif selain daripada:

- (a) FRS 139 Instrumen Kewangan – Seperti yang dibenarkan di bawah peruntukan peralihan FRS 139, Kumpulan tidak menerima pakai standard ini secara retrospektif.
- (b) Interpretasi IC 10 – Diterima pakai secara prospektif pada muhibah dari tarikh mengguna pakai FRS 136 sehingga ke pelaburan dalam aset kewangan yang dibawa pada kos dari tarikh mula mengguna pakai kriteria ukuran FRS 139.

B. Perubahan dalam Dasar Perakaunan (Sambungan)

Ringkasan impak standard perakaunan baharu, pindaan kepada standard yang diterbitkan dan interpretasi standard sedia ada, ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dibentangkan di bawah:

- (a) FRS 8 Segmen Operasi (berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2009). FRS 8 mengantikan FRS 114₂₀₀₄ Pelaporan Segmen. Standard baharu ini memerlukan ‘pendekatan pengurusan’, yang menghendaki maklumat segmen dibentangkan mengikut kaedah yang sama seperti yang digunakan untuk tujuan laporan dalaman. Sebagai ketua pemutus operasi Kumpulan, Lembaga Pengarah Kumpulan, bergantung pada laporan dalaman yang hampir sama dengan yang kini dizahirkan untuk luaran, tidak perlu lagi pendedahan maklumat bersegmen lanjut.
- (b) FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran (berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). Standard baharu ini menetapkan prinsip untuk mengiktiraf dan mengukur aset kewangan, liabiliti kewangan dan beberapa kontrak untuk jual beli item bukan kewangan. Perakaunan lindung nilai dibenarkan hanya dalam keadaan yang dikawal rapi. Menurut keperluan standard ini, Kumpulan menilai derivatifnya untuk melihat sama ada ia layak untuk perakaunan lindung nilai, dan berikutan itu, memperuntukkan derivatifnya yang timbul daripada kontrak pertukaran asing hadapan sebagai perlindungan nilai aliran tunai. Kumpulan mengiktiraf bahagian untung atau rugi ke atas instrumen lindung nilai yang ditentukan berkesan sebagai perlindungan nilai dalam pendapatan komprehensif lain. Perbezaan di antara amaun yang dibawa terdahulu dengan nilai saksama derivatif pada tarikh kunci kira-kira yang disifatkan sebagai instrumen lindung nilai belum diiktif sebagaimana penyelarasannya kepada baki perolehan tertahan pada awal tahun kewangan menurut peruntukan peralihan FRS 139.
- (c) FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan (berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula selepas 1 Januari 2010) FRS 7 menyediakan maklumat kepada para pengguna penyata kewangan mengenai keterdedahan entiti ini kepada risiko dan bagaimana risiko ini diurus. Standard ini tidak memberi sebarang impak ke atas pengelasan dan penilaian instrumen kewangan.
- (d) Pindaan kepada FRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan (berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). Pindaan pada FRS 101 memerlukan perubahan dalam format penyata kewangan termasuk amaun milik langsung pemegang saham dalam penyata utama, tetapi tidak menjaskan ukuran untung atau ekuiti yang dilaporkan. Kumpulan memilih untuk membentangkan pendapatan komprehensif lain dalam penyata yang berasingan daripada penyata pendapatan, dan dengan itu, semua perubahan pemilik dalam ekuiti dibentangkan dalam penyata perubahan ekuiti yang disatukan, manakala perubahan bukan pemilik dalam ekuiti dibentangkan dalam penyata pendapatan komprehensif yang disatukan. Maklumat perbandingan dibentangkan semula supaya selaras dengan pindaan pada FRS 101.

B. Perubahan dalam Dasar Perakaunan (Sambungan)

- (e) Pindaan pada FRS 117 Pajakan (berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). Pindaan pada FRS 117 memerlukan entiti dengan pajakan tanah dan bangunan (digabungkan) yang sedia ada untuk menilai semula pengelasan tanah sebagai pajakan kewangan atau operasi. Kumpulan telah mengelaskan semula tanah pajakan kepada harta tanah, loji dan peralatan berikut penilaian semula ini, tanpa memberi kesan pada untung atau ekuiti yang dilaporkan. Walau bagaimanapun, hasil penerapan Pindaan pada FRS 117, baki perbandingan dinyatakan semula seperti berikut:

	Seperti yang dilaporkan sebelum ini RM'000	Kesan Perubahan dasar perakaunan RM'000	Dinyatakan semula RM'000
Kumpulan			
Harta tanah, loji dan peralatan	431,117	19,952	451,069
Tanah pajakan	19,952	(19,952)	—
Syarikat			
Harta tanah, loji dan peralatan	18,934	1,013	19,947
Tanah pajakan	1,013	(1,013)	—

Penerapan interpretasi dan semakan lain pada standard sedia ada yang wajib bagi tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2010 tidak menghasilkan perubahan yang ketara dalam untung atau ekuiti yang dilaporkan atau pada penzahiran penyata kewangan ini.

Beberapa standard baharu, pindaan pada standard baharu dan interpretasinya berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula selepas 1 Januari 2010, dan masih belum digunakan dalam penyediaan penyata kewangan ini. Semuanya ini dijangka tidak memberi kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan, seperti yang dibentangkan di bawah:

FRS 3 Gabungan Perniagaan yang Disemak (berkuat kuasa secara prospektif mulai 1 Julai 2010) terus menggunakan kaedah pemerolehan kepada gabungan perniagaan, dengan beberapa perubahan ketara. Misalnya, semua pembayaran untuk membeli sesbuah perniagaan dicatatkan pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, dengan pembayaran luar jangka dikelaskan sebagai hutang sejurus itu diukur semula melalui untung atau rugi. Terdapat pilihan berdasarkan pengambilalihan individu untuk mengukur kepentingan bukan kawalan dalam perniagaan yang diambil alih sama ada pada nilai saksama atau mengikut kadar bahagian kepentingan bukan kawalan bagi aset bersih perniagaan yang diambil alih tersebut. Kesemua kos berkaitan pengambilalihan hendaklah disifatkan sebagai perbelanjaan. Ini dijangka tidak akan mempunyai kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

FRS 124 Penzahiran Pihak Berkaitan yang Disemak (berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012) menghapuskan pengecualian untuk menzahirkan transaksi di antara entiti berkaitan kerajaan dengan kerajaan, dan semua entiti berkaitan kerajaan lain. Penzahiran baharu berikut kini diperlukan untuk entiti berkaitan kerajaan:

- Nama kerajaan dan sifat perhubungan mereka;
- Sifat dan amaun setiap transaksi ketara secara individu; dan
- Tahap sebarang transaksi yang secara kolektif ketara, dari segi kualitatif atau kuantitatif.

B. Perubahan dalam Dasar Perakaunan (Sambungan)

Ini dijangka tidak akan mempunyai kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

Pindaan kepada Interpretasi IC 14 FRS 119 – Had bagi Aset Manfaat Yang Ditakrif, Keperluan Pendanaan Minimum dan Interaksinya (berkuat kuasa mulai 1 Julai 2011) membolehkan entiti mengiktiraf pra bayaran sumbangan sebagai aset, dan sebaliknya bukan sebagai perbelanjaan dalam keadaan di mana entiti tertakluk pada keperluan pendanaan minimum dan membuat pembayaran sumbangan awal untuk memenuhi keperluan ini. Ini dijangka tidak akan mempunyai kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

FRS 3 (berkuat kuasa mulai 1 Januari 2011)

- Menjelaskan bahawa pilihan untuk memilih ukuran kepentingan bukan kawalan pada nilai saksama atau pada kadar bahagian aset bersih perniagaan yang diperoleh, diguna pakai hanya bagi instrumen yang mewakili kepentingan hak milik semasa dan melayakkan pemegangnya pada kadar bahagian aset bersih sekiranya berlaku pembubarannya. Semua komponen kepentingan bukan kawalan diukur pada nilai saksama kecuali terdapat kaedah ukuran lain yang diperlukan oleh FRS.
- Menjelaskan bahawa pindaan kepada FRS 7, FRS 132 dan FRS 139 yang menghapuskan pengecualian untuk imbalan luar jangka, tidak berkuat kuasa bagi imbalan luar jangka yang timbul daripada gabungan perniagaan yang tarikh pengambilalihannya adalah sebelum penguatkuasaan FRS 3 (2010). Penyediaan imbalan luar jangka tersebut perlu diambil kira menurut panduan dalam FRS 3 (2005).

Ini dijangka tidak akan mempunyai kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

FRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan (berkuat kuasa mulai 1 Januari 2011) menjelaskan bahawa sesebuah entiti perlu membentangkan analisis pendapatan komprehensif lain bagi setiap komponen ekuiti, sama ada dalam penyata perubahan ekuiti atau dalam nota yang mengiringi penyata kewangan. Ini dijangka tidak akan mempunyai kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

C. Pengiktirafan Hasil

Hasil yang diperoleh daripada jualan produk Kumpulan diiktiraf setelah hak milik dipindahkan kepada pelanggan, yang secara am seiring dengan penyampaian dan penerimaan dan setelah penyingkiran jualan dalam Kumpulan.

Hasil daripada jualan rokok, tembakau paip, dan cerut dibentangkan pada nilai invois barang yang dijual, termasuk kesemua duti kerajaan dan tidak termasuk cukai jualan dan diskau perdagangan.

Hasil lain yang diperoleh oleh Kumpulan dan Syarikat diiktiraf mengikut kaedah berikut:

- Pendapatan faedah diiktiraf mengikut kaedah kadar masa, dengan mengambil kira amaun pokok tertunggak dan kadar yang berkuat kuasa sepanjang tempoh matang, apabila ditentukan bahawa pendapatan tersebut akan terakru kepada Kumpulan.
- Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak Kumpulan untuk menerima pembayaran ditetapkan.
- Hasil daripada perkhidmatan yang diberi pengiktirafan diberi apabila perkhidmatan terlaksana.

D. Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Tanah pegangan bebas dinyatakan pada penilaianya tahun 1983 dan bangunan dinyatakan pada penilaianya tahun 1983 setelah ditolak susut nilai kerana Pengarah telah menggunakan pakai peruntukan peralihan Standard Perakaunan MASB No. 16 (Disemak) Hartanah, Loji dan Peralatan yang diluluskan. Selaras dengan itu, penilaian ini tidak dikemas kinikan. Kesemua harta tanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan. Kos merangkumi perbelanjaan yang boleh diperuntukkan secara langsung kepada pengambilalihan item berkenaan.

Kos selanjutnya dirangkumkan ke dalam amaun bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya sekiranya ada kemungkinan faedah ekonomi masa depan berkaitan item ini akan mengalir pada Kumpulan dan Syarikat dan kos item boleh diukur secara pasti. Semua kos penyenggaraan dan pemberian dicatatkan dalam penyata pendapatan pada tahun kewangan yang ditanggung.

Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai kerana mempunyai hayat infiniti. Susut nilai ke atas modal kerja sedang berlangsung modal bermula apabila aset tersebut sedia untuk penggunaannya. Susut nilai diperuntukkan untuk nilai residual bagi semua hartanah, loji dan peralatan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna, aset seperti berikut:

Tanah pajakan	- 15 hingga 45 tahun
Bangunan	- 35 hingga 40 tahun
Jentera dan peralatan	- 10 hingga 14 tahun
Perabot dan lekapan (termasuk peralatan pembarangan, peralatan dan alatan sokongan komputer)	- Pelbagai tempoh tidak melebihi 10 tahun
Kenderaan bermotor	- 5 tahun

Item bernilai kecil disusut nilai sepenuhnya dalam tahun pertama pembeliannya.

Nilai residual dan hayat berguna aset dikaji semula, dan dilaraskan jika wajar, pada setiap tarikh kira-kira. Jika nilai residual aset meningkat kepada amaun yang sama dengan atau lebih daripada amaun bawaan aset, caj susut nilai aset ialah sifar kecuali dan sehingga nilai residualnya yang selanjutnya susut kepada amaun yang kurang daripada amaun bawaan aset tersebut.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petanda penjejasan nilai. Sekiranya terdapat petanda tersebut, satu analisis dikendalikan untuk menilai sama ada amaun bawaan aset boleh didapatkan kembali sepenuhnya. Pengurangan nilai dibuat sekiranya amaun bawaan melampaui amaun boleh didapatkan kembali. Selaras dengan itu, apabila keadaan penjejasan nilai tidak lagi wujud setelah mempertimbangkan petunjuk daripada sumber luaran dan dalaman, usaha memasuk kira semula nilai aset akan dilaksanakan.

Untung dan rugi daripada penjualan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan amaun bawaan dan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

E. Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan merangkumi kediaman tidak diduduki pemilik, ruang pejabat dan ruang gudang yang terbiar. Hartanah pelaburan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai dan kerugian penjejasan terkumpul.

Hartanah pelaburan merangkumi bangunan dan disusut nilai sepanjang hayat bergunanya selama 22 hingga 44 tahun menggunakan kaedah garis lurus, pada nilai residualnya.

E. Hartanah Pelaburan (Sambungan)

Pindahan dibuat pada hartaanah pelaburan apabila dan hanya apabila terdapat perubahan dalam penggunaan, terbukti dengan pemilik tamat menduduki premis tersebut. Pemindahan dibuat daripada hartaanah pelaburan apabila dan hanya apabila, terdapat perubahan dalam penggunaan, terbukti dengan pemilik mula menduduki premis atau apabila hartaanah pelaburan memenuhi kriteria untuk dikelaskan semula sebagai "Aset Yang Dipegang Untuk Jualan" menurut FRS 5.

Pada setiap tarikh kira-kira, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petanda penjejasan nilai. Sekiranya terdapat petanda tersebut, satu analisis dikendalikan untuk menilai sama ada amaun bawaan aset boleh didapatkan kembali sepenuhnya. Pengurangan nilai dibuat sekiranya amaun bawaan melampaui amaun boleh didapatkan kembali. Selaras dengan itu, apabila keadaan penjejasan nilai tidak lagi wujud setelah mempertimbangkan petunjuk daripada sumber luaran dan dalaman, usaha memasuk kira semula nilai aset akan dilaksanakan.

F. Pajakan

Pajakan yang sebahagian besar risiko dan ganjaran hak miliknya dikekalkan dengan pemajak dikelaskan sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi (setelah ditolak insentif yang diterima daripada pemajak) dicaj kepada penyata pendapatan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Pajakan di mana Kumpulan menanggung sebahagian besar daripada semua risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Pajakan kewangan dipermodalkan pada permulaan pajakan pada sama ada nilai saksama hartaanah yang dipajak atau nilai semasa bayaran pajakan minimum, mengikut mana yang lebih rendah.

Tanah dan bangunan pajakan di bawah tempoh pajakan jangka panjang yang dipegang untuk kegunaan sendiri dikelaskan sebagai hartaanah, loji dan peralatan kerana berikut merupakan pajakan kewangan, di mana sebahagian besar daripada semua risiko dan ganjaran yang terhasil daripada pemilikannya dipindahkan kepada Kumpulan. Tanah dan bangunan pajakan disusut nilai menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

G. Aset Dipegang Untuk Jualan

Hartaanah, loji dan peralatan dan hartaanah pelaburan dikelaskan sebagai aset yang dipegang untuk jualan dan dinyatakan pada amaun bawaan atau nilai saksama setelah ditolak kos untuk menjual, mengikut mana yang lebih rendah jika amaun bawaannya dijangka boleh didapatkan kembali terutamanya melalui transaksi jualan dan sebaliknya bukan melalui penggunaannya secara berterusan. Aset ini yang dipegang untuk jualan berhenti daripada disusut nilai kerana manfaat ekonominya tidak lagi digunakan.

Setelah aset yang dipegang untuk jualan dijual, perbezaan di antara perolehan penjualan bersih dengan amaun bawaannya diiktiraf di dalam untung atau rugi dalam tempoh penjualan tersebut.

Jika terdapat perubahan dalam rancangan jualan, aset yang dipegang untuk jualan ini akan dikelaskan semula sebagai hartaanah, loji dan peralatan atau hartaanah pelaburan dengan amaun bawaannya dicatatkan sebagai sama ada amaun bawaan sebelum aset tersebut dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan, dilaraskan untuk sebarang susut nilai yang akan diiktiraf sekiranya aset tersebut tidak dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan atau amarnya yang boleh didapatkan kembali pada tarikh perubahan rancangan jualan tersebut, mengikut mana yang lebih rendah.

H. Aset Tak Ketara

(i) Muhibah

Muhibah merupakan kos pengambilalihan subsidiari yang melebihi nilai saksama bahagian aset bersih yang boleh dikenal pasti oleh Kumpulan pada tarikh pengambilalihan.

Amaun bawaan muhibah dikaji semula untuk penjejasan nilai, setahun sekali serta lebih kerap jika peristiwa atau perubahan dalam keadaan menyarankan bahawa nilai bawaan tersebut mungkin terjejas. Penjejasan nilai ditentukan untuk muhibah dengan menilai amaun unit menjana tunai yang boleh didapatkan kembali yang berkaitan dengan muhibah tersebut. Apabila amaun unit menjana tunai yang boleh didapatkan kembali kurang daripada amaun bawaan unit menjana tunai yang telah diperuntukkan muhibah tersebut, kerugian penjejasan diiktiraf. Kerugian penjejasan berkaitan dengan muhibah tidak boleh dibalikkan pada masa depan.

(ii) Perisian komputer

Kos yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang boleh dikenal pasti dan unik yang dikawal oleh Kumpulan, yang mungkin menjana manfaat ekonomi yang melebihi kos setahun, dan bukan membentuk bahagian yang melengkapi harta tanah, loji dan peralatan lain, diiktiraf sebagai aset tidak ketara. Ini merangkumi kos kakitangan pembangunan perisian dan bahagian overhead berkaitan yang berpatutan. Kos pembangunan perisian komputer diiktiraf sebagai aset dan dilunaskan setelah produk perisian komputer siap dengan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna 3 tahun.

Kos yang berkaitan dengan menyenggara program perisian komputer diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung.

I. Pelaburan Dalam Subsidiari

Pelaburan dalam subsidiari ditunjukkan pada kos. Apabila terdapat petanda wujud penjejasan nilai, amaun bawaan pelaburan dinilai dan diturunkan nilai serta merta kepada jumlah yang boleh didapatkan kembali.

Apabila pelaburan dijual, perbezaan di antara perolehan jualan bersih dengan amaun bawaan dicaj atau dikredit ke dalam penyata pendapatan.

J. Inventori

Inventori dinyatakan pada kos atau nilai realis bersih mengikut mana yang lebih rendah. Kos ditentukan terutamanya menggunakan kaedah masuk dulu keluar dulu dan dalam hal rokok yang dibuat, merangkumi kos bahan, buruh dan overhead pembuatan. Nilai realis bersih ialah anggaran harga jualan dalam perlaksanaan biasa perniagaan setelah ditolak kos penyempurnaan dan kos jualan.

K. Amaun Belum Terima

Perdagangan belum terima diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama dan selanjutnya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif, setelah ditolak peruntukan untuk penjejasan nilai. Peruntukan untuk penjejasan ini ditetapkan apabila terdapat bukti objektif bahawa Kumpulan tidak akan dapat mengutip jumlah yang belum diterima ini mengikut terma asal jumlah belum terima ini. Jika kutipan dijangka dalam tempoh satu tahun atau kurang (atau dalam kitaran perniagaan biasa jika lebih lama), ini dikelaskan sebagai aset semasa. Jika tidak, maka akan dibentangkan sebagai aset bukan semasa.

K. Amaun Belum Terima (Sambungan)

Pra bayaran merangkumi perbelanjaan yang dikenakan untuk faedah yang dijangka timbul selepas tarikh kunci kira-kira. Ini termasuk bayaran untuk projek pembangunan penanaman hutan, di mana amaunnya dibawa pada kos dan perbelanjaan dicatatkan di dalam penyata kewangan untuk dipadankan dengan aliran masuk manfaat yang terakru.

L. Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai merangkumi tunai dalam tangan, baki dengan institusi kewangan berlesen, overdraf bank dan pelaburan jangka pendek yang tinggi kecairannya dengan tempoh matang asal tiga bulan atau kurang.

M. Manfaat kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan lain-lain perbelanjaan berkaitan kakitangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang mana perkhidmatan berkaitan dilaksanakan oleh kakitangan Kumpulan.

(ii) Pelan caruman tertakrif

Sumbangan Kumpulan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila dikenakan. Setelah caruman dibayar, Kumpulan tiada lagi obligasi bayaran lanjut.

(iii) Pelan manfaat tertakrif

Kumpulan mengendalikan pelan manfaat tertakrif untuk kakitangan yang menyertai Kumpulan sebelum 1 Januari 2006, yang asetnya dipegang di dalam tabung yang ditadbir oleh pemegang amanah secara berasingan. Dana ini dibiayai oleh pembayaran daripada syarikat-syarikat Kumpulan yang berkaitan. Obligasi persaraan Kumpulan ditentukan berdasarkan penilaian aktuari tiga tahun sekali (dikemas kini tahunan) di mana anggaran dibuat bagi amaun manfaat yang diperoleh oleh kakitangan yang layak sebagai imbalan bagi perkhidmatan mereka dalam tahun semasa dan tahun terdahulu.

Liabiliti berkaitan pelan manfaat tertakrif ini ialah nilai semasa bagi obligasi manfaat tertakrif tersebut pada tarikh kunci kira-kira, dikurangkan oleh nilai saksama aset pelan tersebut.

Obligasi manfaat yang tertakrif, dikira menggunakan Kaedah Kredit Unit Terunjur, yang ditentukan oleh aktuari bebas, dengan mengambil kira anggaran aliran keluar tunai masa depan.

Untung dan rugi aktuari berpunca daripada pelarasan pengalaman dan perubahan andaian aktuari. Untung dan rugi aktuari diiktiraf sepenuhnya dalam tempoh berlakunya melalui perolehan tertahan.

(iv) Manfaat penamatan

Manfaat penamatan perlu dibayar bila sahaja pekerjaan kakitangan ditamatkan sebelum tarikh persaraan biasa atau apabila kakitangan menerima penamatan kerja secara sukarela untuk ditukar dengan manfaat ini sebagai imbalan. Kumpulan mengiktiraf manfaat penamatan sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila boleh ditunjukkan komited untuk penamatan berikutkan tawaran yang dibuat untuk menggalakkan penamatan kerja secara sukarela dan tanpa kemungkinan yang realistik akan ditarik balik.

M. Manfaat Kakitangan (Sambungan)

(v) Pembayaran berdasarkan saham

Beberapa kakitangan Kumpulan telah menyertai pelan pampasan berdasarkan saham yang diselesaikan dengan ekuiti yang ditawarkan oleh British American Tobacco p.l.c. (British American Tobacco p.l.c. secara tidak langsung melalui British American Tobacco Holdings (Malaysia) B.V., yang memiliki lima puluh peratus (50%) kepentingan ekuiti dalam Syarikat dan disifatkan sebagai syarikat induk muktamad Syarikat).

Pembayaran berdasarkan saham yang diselesaikan dengan ekuiti diukur pada nilai saksama pada tarikh diberi dan ditolak sebagai perbelanjaan sepanjang tempoh kelayakan, berdasarkan anggaran pemberian oleh British American Tobacco p.l.c. yang akan tamat kelayakan. Nilai saksama diukur menggunakan model penetapan harga Black-Scholes dan Monte-Carlo. Hayat jangkaan model ini telah dilaraskan, berdasarkan anggaran terbaik pengurusan, bagi kesan yang tidak boleh dipindahkan, sekatan pelaksanaan dan pertimbangan tingkah laku, pengalaman lucut hak dan sejarah.

N. Amaun Perlu Bayar

Amaun perlu bayar ialah obligasi untuk membayar barang dan perkhidmatan yang diperoleh dalam perjalanan biasa perniagaan daripada pembekal. Amaun perlu bayar diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama dan selanjutnya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Amaun perlu bayar dikelaskan sebagai liabiliti semasa jika pembayaran genap masanya dalam tempoh satu tahun atau kurang (atau dalam kitaran biasa perniagaan jika lebih lama). Jika tidak, ia akan dibentangkan sebagai liabiliti bukan semasa.

O. Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila terdapat obligasi undang-undang atau konstruktif hasil peristiwa lalu yang wujud pada tarikh kunci kira-kira, aliran keluar sumber ekonomi mungkin diperlukan dan amaun tersebut boleh dianggarkan dengan pasti.

P. Cukai

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan menurut undang-undang cukai yang dikuatkuasakan oleh bidang kuasa di tempat Kumpulan beroperasi dan merangkumi semua cukai berdasarkan untung kena cukai. Perbelanjaan cukai ialah amaun agregat yang termasuk dalam penentuan untung bagi tempoh tersebut berkaitan dengan cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai diiktiraf di dalam penyata pendapatan, kecuali setakat cukai yang berkaitan dengan item yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti. Dalam hal ini, cukai ini juga diiktiraf masing-masing, dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul di antara amaun yang berpunca daripada aset dan liabiliti untuk tujuan cukai dengan amaun bawaan mereka dalam penyata kewangan. Perbezaan sementara utama berpunca daripada susut nilai hartanah, loji dan peralatan, penilaian semula sesetengah aset bukan semasa tertentu, peruntukan untuk pencen dan faedah pasca persaraan lain, peruntukan untuk hutang rugu dan kerugian cukai dan elaun modal yang tidak digunakan. Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga mana untung kena cukai mungkin wujud pada masa depan supaya boleh digunakan untuk menolak perbezaan sementara yang boleh tolak ini.

Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh kunci kira-kira dan dijangka akan berkuat kuasa apabila aset cukai tertunda berkaitan direalisasi atau liabiliti cukai tertunda tersebut dilunaskan.

Q. Mata Wang Asing

(i) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang juga merupakan mata wang fungsian dan pembentangan Kumpulan dan Syarikat.

(ii) Transaksi dan baki mata wang asing

Transaksi mata wang asing dalam Kumpulan diambil kira pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh transaksi tersebut. Aset dan liabiliti kewangan mata wang asing diterjemahkan pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh kunci kira-kira. Perbezaan pertukaran yang berpunca daripada penyelesaian transaksi mata wang asing dan daripada penterjemahan aset dan liabiliti kewangan mata wang asing dimasukkan ke dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ditunda dalam pendapatan komprehensif lain kerana layak sebagai lindung nilai aliran tunai.

(iii) Entiti asing

Aset dan liabiliti subsidiari asing diterjemahkan pada kadar penutup untuk tujuan penyatuan. Item penyata pendapatan diterjemahkan pada kadar purata sepanjang tahun kewangan dan perbezaan pertukaran yang terhasil dikendalikan dalam ekuiti bagi tahun kewangan tersebut.

(iv) Kadar penutup

Kadar penutup utama yang digunakan dalam penterjemahan amaun mata wang asing ialah seperti berikut:

Mata Wang Asing	31.12.2010	31.12.2009
1 Dolar AS	3.0835	3.4240
1 Pound Sterling	4.8277	5.5293
1 Euro	4.1367	4.9127

R. Aset Kewangan

Pengelasan

Kumpulan mengelaskan aset kewangannya dalam kategori berikut: pada nilai saksama melalui untung dan rugi, pinjaman dan amaun belum terima, dan sedia untuk jualan. Pengelasan ini bergantung pada tujuan aset kewangan tersebut diperoleh. Pihak pengurusan menentukan pengelasan aset kewangannya semasa mula diiktiraf:

- Pelaburan sedia untuk dijual Pelaburan sedia untuk dijual ialah aset kewangan bukan derivatif yang tidak boleh dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman atau amaun belum terima atau tunai dan tunai belum terima;
- Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi: Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ialah aset kewangan yang dipegang untuk jual beli. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini jika diperoleh terutamanya untuk tujuan jualan atau dibeli semula dalam tempoh terdekat. Derivatif juga dikategorikan sebagai dipegang untuk jual beli kecuali diperuntukkan sebagai item lindung nilai;
- Pinjaman dan amaun belum terima: Ini merupakan aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif; dan
- Tunai dan setara tunai: Tunai dan setara tunai merangkumi tunai dalam tangan, baki dengan institusi kewangan berlesen, overdraf bank dan pelaburan jangka pendek yang tinggi kecairannya dengan tempoh matang asal tiga bulan atau kurang.

R. Aset Kewangan (Sambungan)

Pengiktirafan dan ukuran

Pembelian dan jualan tetap aset kewangan diiktiraf pada tarikh-perdagangan – tarikh Kumpulan memberi komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut. Pelaburan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos transaksi bagi kesemua aset kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Aset kewangan yang dibawa pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama, dan kos transaksi disifatkan sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan. Aset kewangan dihapuskan pengiktirafannya apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan tersebut telah luput atau telah dipindahkan dan Kumpulan telah memindahkan sebahagian besar daripada semua risiko dan ganjaran hak milik. Aset kewangan sedia untuk jualan dan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi selanjutnya dibawa pada nilai saksama. Pinjaman dan amaun belum terima dan tunai dan setara tunai selanjutnya dibawa pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Untung atau rugi yang berpunca daripada perubahan dalam nilai saksama pada kategori “aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi” dibentangkan dalam penyata pendapatan dalam tempoh perubahan berlaku.

Perubahan dalam nilai saksama pada kategori “aset kewangan yang sedia untuk jualan” diiktiraf secara langsung dalam pendapatan komprehensif lain. Apabila aset yang dikelaskan sebagai sedia untuk jualan dijual atau terjejas nilainya, pelarasan nilai saksama terkumpul diiktiraf dalam ekuiti dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

Pendapatan dividen dan faedah dimasukkan ke dalam penyata pendapatan apabila hak Kumpulan untuk menerima bayaran telah diwujudkan.

Nilai saksama bagi pelaburan yang disebut harga adalah berdasarkan harga pasaran yang boleh dilihat.

Penjejasan nilai aset kewangan

Kumpulan menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa sesuatu aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas nilainya. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas nilainya dan kerugian penjejasan ditanggung hanya jika bukti objektif penjejasan adalah hasil daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset (“peristiwa kerugian”) dan peristiwa kerugian tersebut mempunyai impak ke atas anggaran aliran tunai masa depan bagi aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan secara pasti.

Kriteria yang Kumpulan gunakan untuk menentukan bahawa terdapat bukti objektif kerugian penjejasan termasuk kesukaran kewangan yang ketara yang dihadapi oleh pihak penanggung obligasi, pelanggaran kontrak, atau penanggung obligasi mungkin menjadi bankrap atau lain-lain penyusunan semula kewangan.

Amaun kerugian diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan (tidak termasuk kerugian kredit masa depan yang belum ditanggung) yang didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset kewangan tersebut. Amaun bawaan aset bagi aset tersebut dikurangkan dan amaun kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan yang disatukan.

Jika, dalam tempoh yang berikutnya, amaun kerugian penjejasan nilai berkurangan dan pengurangan ini boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas penjejasan tersebut diiktiraf, kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf sebelum dibalikkan dan ini diiktiraf dalam penyata pendapatan yang disatukan.

R. Aset Kewangan (Sambungan)

Instrumen kewangan derivatif dan aktiviti lindung nilai

Deratif pada mulanya diiktiraf, dan selanjutnya diukur pada nilai saksama. Kaedah yang digunakan untuk mengiktiraf untung atau rugi yang terhasil bergantung pada sama ada derivatif tersebut diperuntukkan sebagai instrumen lindung nilai, dan jika begitu, sifat item tersebut dilindung nilai. Kumpulan memperuntukkan derivatif tertentu sama ada sebagai:

- Lindung nilai saksama: Lindung nilai bagi nilai saksama aset yang diiktiraf bagi liabiliti dengan komitmen yang pasti;
- Lindung nilai aliran tunai: Lindung nilai bagi risiko tertentu yang berkaitan dengan aset atau liabiliti yang diiktiraf atau ramalan transaksi yang kemungkinan besar akan berlaku; atau
- Lindung nilai pelaburan bersih: Lindung nilai pelaburan bersih dalam operasi luar negara

Supaya layak untuk perakaunan lindung nilai, Kumpulan perlu mendokumentkan secara prospektif perhubungan di antara item yang dilindung nilai dengan instrumen lindung nilai berkaitan. Kumpulan juga perlu mempamerkan penilaian perhubungan di antara item yang dilindung nilai dengan instrumen lindung nilai, yang menunjukkan bahawa lindung nilai tersebut akan secara berterusan berkesan. Ujian keberkesanan dilaksanakan secara berkala demi memastikan lindung nilai ini kekal, dan dijangka kekal tahap keberkesanannya.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf seperti berikut:

- Perubahan dalam nilai saksama derivatif yang disifatkan sebagai lindung nilai bagi nilai saksama dicatatkan dalam penyata pendapatan, bersama sebarang perubahan dalam nilai saksama aset atau liabiliti yang dilindung nilai yang diperuntukkan pada risiko yang dilindung nilai ini.
- Bagi derivatif yang disifatkan sebagai lindung nilai aliran tunai, perubahan dalam nilai saksamanya diiktiraf secara langsung dalam pendapatan komprehensif lain, setakat ianya berkesan, manakala bahagian yang tidak berkesan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Apabila item yang dilindung nilai ini menghasilkan aset bukan kewangan, untung dan rugi terkumpul, yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif, dimasukkan dalam nilai bawaan asal aset tersebut (penyelarasas asas) dan diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh yang sama seperti item yang dilindung nilai tersebut. Apabila transaksi asas tidak menghasilkan aset seperti ini, untung dan rugi terkumpul diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh yang sama seperti item yang dilindung nilai.
- Lindung nilai pelaburan bersih diambil kira dalam cara yang serupa dengan lindung nilai aliran tunai.
- Bagi derivatif yang tidak layak untuk perakaunan lindung nilai atau tidak disifatkan sebagai lindung nilai, perubahan dalam nilai saksamanya diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh ia berlaku.

Perakaunan lindung nilai diberhentikan apabila instrumen perlindungan nilai terhapus pengiktirafannya (cth. melalui peluputan atau penjualan), atau tidak lagi layak untuk perakaunan lindung nilai. Apabila transaksi masa depan yang dilindung nilai tidak lagi dijangka akan berlaku, sebarang untung dan rugi yang berkaitan, yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif, diiktiraf secara serta merta dalam penyata pendapatan.

S. Peminjaman

Peminjaman diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, setelah ditolak kos transaksi. Peminjaman selanjutnya dibawa pada kos yang dilunaskan; sebarang perbezaan di antara kutipan (setelah ditolak kos transaksi) dan nilai penebusan diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh peminjaman dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Perbelanjaan faedah yang berkaitan dengan peminjaman dilaporkan dalam kos kewangan dalam penyata pendapatan.

Peminjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa kecuali Kumpulan mempunyai hak tanpa syarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti tersebut selama sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh kira-kira.

T. Modal Saham

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

U. Dividen

Dividen interim diiktiraf sebagai liabiliti dalam tempoh pengisytiharannya. Dividen akhir diiktiraf dalam tempoh kelulusan ahli diperoleh.

V. Laporan Mengikut Segmen

Sesuatu segmen ialah komponen Kumpulan yang boleh dibezakan yang terlibat dalam menyediakan produk dan perkhidmatan dalam persekitaran ekonomi tertentu. Segmen operasi dilaporkan dalam cara yang teknikal dengan laporan dalaman yang disediakan untuk ketua pemutus operasi. Kumpulan menyifatkan Lembaga Pengarahnya sebagai ketua pemutus operasinya, memandangkan Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk mengajukan sumber, menilai prestasi, dan membuat keputusan strategik.

Kumpulan merupakan perniagaan produk tunggal yang terlibat terutamanya dalam pembuatan, pengimportan dan jualan rokok dan produk tembakau lain di Malaysia, dan ini membentukkan fokus sistem pelaporan dalaman Kumpulan. Meskipun Kumpulan mempunyai jenamanya yang tersendiri, segmentasi dalam portfolio jenama yang luas bukan sebahagian daripada maklumat kewangan yang biasa dilaporkan secara dalaman kepada ketua pemutus operasi dan mensegmentkan keputusan kumpulan mengikut jenama tidak mungkin dapat dilakukan tanpa tahap anggaran yang tinggi.

NOTA YANG MENGIRINGI PENYATA KEWANGAN

1. Maklumat Am

Syarikat menyediakan perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran harian kepada subsidiarinya yang terlibat terutamanya dalam pembuatan, pengimportan dan jualan rokok, tembakau paip dan cerut.

Syarikat adalah syarikat liabiliti terhad awam, yang ditubuhkan dan menetap di Malaysia, dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Syarikat menyifatkan British American Tobacco p.l.c., yang diperbadankan di England and Wales, sebagai syarikat induk muktamad Syarikat.

Pejabat berdaftar dan tempat urus niaga utama Syarikat beralamat seperti berikut:

Virginia Park, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

2. Hasil

	Kumpulan		Syarikat	
	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000
Jualan rokok, tembakau paip dan cerut	3,965,448	3,923,421	—	—
Pendapatan dividen daripada subsidiari yang tidak disebut harga	—	—	768,312	671,760
Fi pengurusan yang diterima daripada subsidiari	—	—	5,814	10,825
Fi untuk penggunaan harta tanah, loji dan peralatan yang diterima daripada subsidiari	—	—	10,351	14,786
	3,965,448	3,923,421	784,477	697,371

3. Untung daripada Operasi

	Kumpulan		Syarikat	
	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09* (Dinyatakan semula) RM'000	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09* (Dinyatakan semula) RM'000
Untung daripada operasi dikira:				
Selepas mengecaj:	—	—	500	—
Hapus kira subsidiari	—	—	500	—
Bahan mentah dan barang gunaan yang digunakan	293,108	305,140	—	—
Saraan juruaudit:				
– audit statutori	183	183	60	60
– fi berkaitan audit	117	92	117	70
– fi bukan audit	—	121	—	6
Hartanah, loji dan peralatan:				
– susut nilai (Nota 9)	56,813	71,821	4,935	5,618
– kerugian daripada penjualan	—	1,274	1,949	170
– penjejasan nilai (Nota 9)	5,139	27,273	—	—
Hartanah pelaburan				
– susut nilai (Nota 10)	18	—	—	—
Perisian komputer (Nota 11)				
– pelunas	5,805	9,376	5,805	9,315
– penjejasan nilai	753	1,111	753	1,111
Sewa tanah dan bangunan	4,768	6,611	—	—
Hapus kira inventori	—	2,489	—	—
Hapus kira hutang lapuk	471	2,925	—	—
Peruntukan untuk hutang ragu	—	3,200	—	—
Peruntukan untuk litigasi	1,665	5,800	1,665	—
Kerugian pertukaran asing bersih	—	—	768	—
Kos kakitangan (Nota 5)	148,066	127,757	28,478	23,436
Dan kredit:				
Hartanah, loji dan peralatan:				
– untung daripada penjualan	30,258	—	—	—
Untung daripada penjualan aset yang dipegang untuk jualan	—	362	—	—
Masuk kira inventori	201	—	—	—
Kos penjejasan nilai didapatkan kembali	4,403	13,115	—	—
Masuk kira peruntukan untuk hutang ragu	105	—	—	—
Pendapatan faedah daripada pinjaman kepada subsidiari	—	—	5,040	1,892
Pendapatan faedah daripada deposit	9,344	5,470	225	15
Untung pertukaran asing bersih	1,597	4,706	—	653

* Pernyataan semula mencerminkan perubahan dalam dasar perakaunan Kumpulan untuk pengelasan tanah pajakan sedia ada kepada hartanah, loji dan peralatan hasil daripada penerapan Pindaan kepada FRS 117.

4. Saraan Para Pengarah

	Kumpulan		Syarikat	
	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000
Fi	517	507	517	507
Emolumen	7,288	10,164	5,318	7,829
	7,805	10,671	5,835	8,336

Anggaran nilai kewangan manfaat bukan tunai yang disediakan kepada para Pengarah Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan ini, masing-masing berjumlah RM417,811 (2009: RM705,368) dan RM290,117 (2009: RM598,604).

Bayaran berdasarkan saham yang dibuat kepada Pengarah Kumpulan dan Syarikat tertentu (semasa mereka berkhidmat dengan Kumpulan) pada tahun kewangan ini adalah melalui cara penyertaan mereka dalam skim saham kakitangan (Nota 30) yang ditawarkan oleh British American Tobacco p.l.c.

Butiran pergerakan pengaturan pembayaran berdasarkan saham yang diselesaikan dengan ekuiti bagi Pengarah tertentu sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2010, meliputi Skim Bonus Saham Tertunda dan Skim Ganjaran Saham Antarabangsa adalah seperti berikut, mewakili kos yang ditanggung oleh Kumpulan dan Syarikat sepanjang tempoh perkhidmatan para Pengarah ini dengan Kumpulan dan Syarikat:

	Bilangan saham biasa 25p sesaham dalam British American Tobacco p.l.c.				
	Pada 1.1.10	Diberi pada 2010	Diletak hak pada 2010	Perubahan lain*	Pada 31.12.10
Pengarah Eksekutif					
Skim Bonus Saham Tertunda	9,445	5,236	(1,534)	—	13,147
Skim Ganjaran Saham Antarabangsa	168	89	—	—	257
	9,613	5,325	(1,534)	—	13,404

4. Saraan Para Pengarah (Sambungan)

Butiran perubahan penyertaan Pengarah dalam Pelan Insentif Jangka Panjang yang diselesaikan ekuiti dan Skim Opsyen Saham adalah seperti berikut, mewakili kos yang ditanggung oleh Kumpulan dan Syarikat sepanjang tempoh perkhidmatan para Pengarah tersebut dengan Kumpulan dan Syarikat:

Harga Pemberian	Bilangan saham biasa 25p sesaham dalam British American Tobacco p.l.c.				
	Pada 1.1.10	Diberi pada 2010	Diletak hak pada 2010	Perubahan lain*	Pada 31.12.10
£5.98	7,392	—	—	—	7,392
£8.09	5,163	—	—	10,856	16,019
£10.37	—	—	—	9,244	9,244
£14.34	—	—	—	8,642	8,642
£15.41	6,851	—	(1,673)	8,517	13,695
£19.03	10,289	—	—	8,635	18,924
£15.79	14,386	—	—	14,098	28,484
£22.58	—	20,887	—	—	20,887
	44,081	20,887	(1,673)	59,992	123,287

* Perubahan lain berkaitan dengan akibat pergerakan para Pengarah sepanjang tahun kewangan ini.

5. Kos Kakitangan

	Kumpulan		Syarikat	
	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000
Upah, gaji dan bonus	118,315	92,817	23,603	15,108
Pelan caruman tertakrif	22,236	17,793	2,665	3,101
Pakej pemberhentian sukarela	1,477	8,300	277	1,200
Perbelanjaan berkaitan kakitangan lain	6,038	8,847	1,933	4,027
	148,066	127,757	28,478	23,436

Kumpulan menyediakan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tambahan secara sukarela melebihi keperluan statutori untuk bilangan kakitangan sedia ada yang ketara yang menyertai skim caruman tertakrif yang ditawarkan oleh Kumpulan.

Turut termasuk dalam kos kakitangan ialah amaun untuk emolumen lain sebagai sebahagian daripada saraan Pengarah yang dizahirkan dalam Nota 4 yang mengiringi penyata kewangan.

Kos kakitangan yang dicaj semula oleh Syarikat kepada subsidiari berjumlah RM21,596,531 (2009: RM12,479,945).

6. Perbelanjaan Cukai

Caj cukai ke atas untung bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000
Bagi tahun semasa				
Cukai semasa				
– Cukai pendapatan Malaysia	238,646	276,193	922	12,437
– Cukai asing	24	33	—	—
Cukai tertunda (Nota 14 (i))	3,559	(10,792)	4,502	(3,542)
Bagi tahun terdahulu				
(Lebih)/Kurang peruntukan bagi tahun terdahulu				
– Cukai pendapatan Malaysia	(14,159)	(6,906)	—	1,192
	228,070	258,528	5,424	10,087

Kadar purata cukai yang berkuat kuasa bagi Kumpulan dan Syarikat diselaraskan dengan kadar cukai statutori seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000
Kadar cukai statutori				
	25%	25%	25%	25%
Perbelanjaan yang tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai	2%	1%	2%	—
Penggunaan peruntukan pelaburan semula	-2%	—	—	—
Pendapatan yang tidak tertakluk pada cukai	—	—	-26%	-25%
Perubahan dalam kadar cukai	—	—	—	—
Lebih peruntukan bagi tahun terdahulu	-1%	-1%	—	—
Seksyen 108 kekurangan kredit cukai	—	1%	—	2%
Purata kadar cukai efektif	24%	26%	1%	2%

7. Perolehan Sesaham

Perolehan sesaham dikira dengan membahagikan untung bagi tahun kewangan dengan bilangan saham biasa dalam terbitan.

	Kumpulan	
	Tahun berakhir 31.12.10	Tahun berakhir 31.12.09
Untung bagi tahun kewangan (RM'000)	731,111	746,784
Bilangan saham biasa 50 sen sesaham dalam terbitan ('000)	285,530	285,530
Perolehan sesaham (sen)	256.1	261.5

8. Dividen

Dividen yang dibayar, diisyiharkan atau dicadangkan bagi tahun kewangan ini adalah seperti berikut:

	Kumpulan dan Syarikat					
	Tahun berakhir 31.12.10			Tahun berakhir 31.12.09		
	Kasar sesaham Sen	Bersih sesaham Sen	Amaun dividen RM'000	Kasar sesaham Sen	Bersih sesaham Sen	Amaun dividen RM'000
Dividen interim pertama	113.0	113.0	322,649	113.0	113.0	322,649
Dividen interim kedua	64.0	64.0	182,739	61.0	61.0	174,173
Dividen interim ketiga	63.0	63.0	179,884	—	—	—
Dividen akhir yang disarankan, dikecualikan cukai	—	—	—	62.0	62.0	177,029
	240.0	240.0	685,272	236.0	236.0	673,851

Dividen interim pertama dan kedua dibayar dan diambil kira dalam ekuiti pemegang saham sebagai pengagihan perolehan tertahan dalam tahun kewangan ia diisyiharkan.

Para Pengarah telah mengisyiharkan dividen interim ketiga pada kadar 63 sen sesaham pada mesyuarat Lembaga Pengarah pada 22 Februari 2011 berjumlah RM179,883,900, berkaitan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 yang akan dibayar pada 23 Mac 2011 kepada pemegang saham yang berdaftar dalam Daftar Ahli Syarikat semasa perniagaan ditutup pada 10 Mac 2011. Penyata kewangan ini tidak mencerminkan dividen interim ketiga yang akan diambil kira dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

Para Pengarah tidak menyarankan pembayaran dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

9. Hartanah, Loji dan Peralatan

Kumpulan	Tanah dan Bangunan* RM'000	Jentera dan Peralatan RM'000	Perabot dan Lekapan RM'000	Kenderaan Bermotor RM'000	Kerja Sedang Berjalan Modal RM'000	Jumlah RM'000
Nilai buku bersih pada 1 Januari 2009 seperti yang dinyatakan sebelum ini	91,603	222,311	23,976	40,177	60,557	438,624
Pengelasan semula daripada tanah pegangan pajak	20,455	—	—	—	—	20,455
Nilai buku bersih pada 1 Januari 2009 dinyatakan semula	112,058	222,311	23,976	40,177	60,557	459,079
Tambahan	217	1,389	9,521	4,020	92,015	107,162
Penjualan	—	(2,322)	(773)	(7,041)	—	(10,136)
Penjejasan nilai	(500)	(26,773)	—	—	—	(27,273)
Pengelasan semula	—	103,298	2,863	—	(106,161)	—
Caj susut nilai	(4,188)	(30,156)	(28,921)	(8,556)	—	(71,821)
Pindahan ke harta tanah pelaburan (Nota 10)	(1,654)	—	—	—	—	(1,654)
Pindahan ke aset yang dipegang untuk jualan (Nota 16)	(2,837)	(1,451)	—	—	—	(4,288)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2009*	103,096	266,296	6,666	28,600	46,411	451,069
Tambahan	172	7,630	2,806	3,577	45,865	60,050
Penjualan	(20,377)	(3,984)	(90)	(1,376)	(17,514)	(43,341)
Penjejasan nilai	—	(5,139)	—	—	—	(5,139)
Pengelasan semula	163	33,119	26,978	—	(60,260)	—
Caj susut nilai	(2,912)	(29,849)	(15,653)	(8,399)	—	(56,813)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2010	80,142	268,073	20,707	22,402	14,502	405,826

* Baki 2009 telah dinyatakan semula untuk mencerminkan perubahan dalam dasar perakaunan Kumpulan untuk pengelasan tanah pegangan pajak menurut keperluan FRS 117 Pajakan, di mana kesan perubahannya diperincikan dalam Ringkasan Dasar Perakaunan Penting.

9. Hartanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)

Kumpulan	Tanah dan Bangunan* RM'000	Jentera dan Peralatan RM'000	Perabot dan Lekapan RM'000	Kenderaan Bermotor RM'000	Kerja Sedang Berjalan Modal RM'000	Jumlah RM'000
Pada 31 Disember 2009*						
Kos	172,418	499,044	152,361	53,171	46,411	923,405
Susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai	(69,322)	(232,748)	(145,695)	(24,571)	—	(472,336)
Nilai buku bersih	103,096	266,296	6,666	28,600	46,411	451,069
Pada 31 Disember 2010						
Kos	151,026	500,581	170,738	53,197	14,502	890,044
Susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai	(70,884)	(232,508)	(150,031)	(30,795)	—	(484,218)
Nilai buku bersih	80,142	268,073	20,707	22,402	14,502	405,826

* Baki 2009 telah dinyatakan semula untuk mencerminkan perubahan dalam dasar perakaunan Kumpulan untuk pengelasan tanah pegangan pajak menurut keperluan FRS 117 Pajakan, di mana kesan perubahannya diperincikan dalam Ringkasan Dasar Perakaunan Penting.

9. Hartanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)

Syarikat	Tanah dan Bangunan* RM'000	Jentera dan Peralatan RM'000	Perabot dan Lekapan RM'000	Kenderaan Bermotor RM'000	Kerja Sedang Berjalan Modal RM'000	Jumlah RM'000
Nilai buku bersih pada 1 Januari 2009 seperti yang dinyatakan sebelum ini	8,376	778	7,527	6,533	1,083	24,297
Pengelasan semula daripada tanah pegangan pajak	1,109	—	—	—	—	1,109
Nilai buku bersih pada 1 Januari 2009 dinyatakan semula	9,485	778	7,527	6,533	1,083	25,406
Tambahan	—	266	1,875	747	774	3,662
Penjualan	—	—	(37)	(1,158)	—	(1,195)
Pengelasan semula	—	—	1,083	—	(1,083)	—
Caj susut nilai	(328)	(66)	(4,255)	(969)	—	(5,618)
Pindahan kepada subsidiari	(358)	—	—	—	—	(358)
Pindahan ke aset yang dipegang untuk jualan (Nota 16)	(1,950)	—	—	—	—	(1,950)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2009*	6,849	978	6,193	5,153	774	19,947
Tambahan	—	—	1,597	196	—	1,793
Penjualan	(24)	(31)	(22)	(161)	—	(238)
Pengelasan semula	—	—	774	—	(774)	—
Caj susut nilai	(214)	(67)	(3,612)	(1,042)	—	(4,935)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2010	6,611	880	4,930	4,146	—	16,567

* Baki 2009 telah dinyatakan semula untuk mencerminkan perubahan dalam dasar perakaunan Kumpulan untuk pengelasan tanah pegangan pajak menurut keperluan FRS 117 Pajakan, di mana kesan perubahannya diperincikan dalam Ringkasan Dasar Perakaunan Penting.

9. Hartanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)

Syarikat	Tanah dan Bangunan* RM'000	Jentera dan Peralatan RM'000	Perabot dan Lekapan RM'000	Kenderaan Bermotor RM'000	Kerja Sedang Berjalan Modal RM'000	Jumlah RM'000
Pada 31 Disember 2009*						
Kos/Penilaian	10,974	1,548	27,505	7,359	774	48,160
Susut nilai terkumpul	(4,125)	(570)	(21,312)	(2,206)	—	(28,213)
Nilai buku bersih	6,849	978	6,193	5,153	774	19,947
Pada 31 Disember 2010						
Kos/Penilaian	10,476	1,511	25,349	7,149	—	44,485
Susut nilai terkumpul	(3,865)	(631)	(20,419)	(3,003)	—	(27,918)
Nilai buku bersih	6,611	880	4,930	4,146	—	16,567

* Baki 2009 telah dinyatakan semula untuk mencerminkan perubahan dalam dasar perakaunan Kumpulan untuk pengelasan tanah pegangan pajak menurut keperluan FRS 117 Pajakan, di mana kesan perubahannya diperincikan dalam Ringkasan Dasar Perakaunan Penting.

9. Hartanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)

Kumpulan	Kos Tanah Pegangan Bebas RM'000	Penilaian Tanah Pegangan Pajak RM'000	Bangunan		Jumlah Tanah dan Bangunan* RM'000
	Kos RM'000	Penilaian RM'000	Kos RM'000	Penilaian RM'000	
Nilai buku bersih pada 1 Januari 2009 seperti dinyatakan sebelumnya	105	—	91,251	247	91,603
Pengelasan semula daripada tanah pegangan pajak	—	20,455	—	—	20,455
Nilai buku bersih pada 1 Januari 2009 seperti dinyatakan semula	105	20,455	91,251	247	112,058
Tambahan	—	—	217	—	217
Penjejasan nilai	—	—	(500)	—	(500)
Caj susut nilai	—	(405)	(3,536)	(247)	(4,188)
Pindahan ke harta tanah pelaburan (Nota 10)	—	—	(1,654)	—	(1,654)
Pindahan ke aset untuk jualan	—	(98)	(2,739)	—	(2,837)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2009*	105	19,952	83,039	—	103,096
Tambahan	—	—	172	—	172
Pengelasan semula	—	—	163	—	163
Caj susut nilai	—	(401)	(2,511)	—	(2,912)
Penjualan	—	(1,214)	(19,163)	—	(20,377)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2010	105	18,337	61,700	—	80,142
Pada 31 Disember 2009*					
Kos	105	28,948	143,365	—	172,418
Susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai	—	(8,996)	(60,326)	—	(69,322)
Nilai buku bersih	105	19,952	83,039	—	103,096
Pada 31 Disember 2010					
Kos/Penilaian	105	27,521	123,400	—	151,026
Susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai	—	(9,184)	(61,700)	—	(70,884)
Nilai buku bersih	105	18,337	61,700	—	80,142

* Baki 2009 telah dinyatakan semula untuk mencerminkan perubahan dalam dasar perakaunan Kumpulan untuk pengelasan tanah pegangan pajak menurut keperluan FRS 117 Pajakan, di mana kesan perubahannya diperincikan dalam Ringkasan Dasar Perakaunan Penting.

9. Hartanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)

Syarikat	Kos Tanah Pegangan Bebas RM'000	Penilaian Tanah Pegangan Pajak RM'000	Bangunan		Jumlah Tanah dan Bangunan* RM'000
			Kos RM'000	Penilaian RM'000	
Nilai buku bersih pada 1 Januari 2009 seperti dinyatakan sebelumnya	105	—	8,114	157	8,376
Pengelasan semula daripada tanah pegangan pajak	—	1,109	—	—	1,109
Nilai buku bersih pada 1 Januari 2009 seperti dinyatakan semula	105	1,109	8,114	157	9,485
Caj susut nilai	—	(23)	(148)	(157)	(328)
Pindahan ke subsidiari	—	—	(358)	—	(358)
Pindahan ke aset untuk jualan	—	(73)	(1,877)	—	(1,950)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2009*	105	1,013	5,731	—	6,849
Caj susut nilai	—	(22)	(192)	—	(214)
Penjualan	—	(24)	—	—	(24)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2010	105	967	5,539	—	6,611
Pada 31 Disember 2009*					
Kos/Penilaian	105	1,461	9,408	—	10,974
Susut nilai terkumpul	—	(448)	(3,677)	—	(4,125)
Nilai buku bersih	105	1,013	5,731	—	6,849
Pada 31 Disember 2010					
Kos/Penilaian	105	1,435	8,936	—	10,476
Susut nilai terkumpul	—	(468)	(3,397)	—	(3,865)
Nilai buku bersih	105	967	5,539	—	6,611

* Baki 2009 telah dinyatakan semula untuk mencerminkan perubahan dalam dasar perakaunan Kumpulan untuk pengelasan tanah pegangan pajak menurut keperluan FRS 117 Pajakan, di mana kesan perubahannya diperincikan dalam Ringkasan Dasar Perakaunan Penting.

Bangunan tertentu dinilai semula oleh para Pengarah pada 1 Julai 1983 berdasarkan taksiran profesional bebas dengan menggunakan nilai pasaran saksama berdasarkan penggunaan semasa.

Tambahan selepas penilaian semula ini dinyatakan pada kos.

Nilai buku bersih bagi tanah Kumpulan dan Syarikat yang dinilai semula yang akan dimasukkan ke dalam penyata kewangan, sekiranya aset ini dibawa pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul adalah sifar.

10. Hartanah Pelaburan

	Kumpulan	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Nilai buku bersih pada 1 Januari	1,654	—
Pindahan daripada hartaanah, loji dan peralatan (Nota 9)	—	1,654
Susut nilai	(18)	—
Nilai buku bersih pada 31 Disember	1,636	1,654
Kos	1,718	1,718
Susut nilai terkumpul	(82)	(64)
Nilai buku bersih	1,636	1,654
Nilai saksama hartaanah pelaburan	1,636	1,654

Hartaanah Kumpulan di Pasir Putih, Kelantan dan di Mukim Wakaf Delima, Kelantan telah dipindahkan ke Hartanah Pelaburan pada 31 Disember 2009. Hartanah ini tidak diduduki oleh Kumpulan dan terbiar.

11. Perisian Komputer

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Nilai buku bersih pada 1 Januari	6,550	15,232	6,550	15,086
Tambahan	4,344	1,805	4,344	1,757
Caj pelunasan	(5,805)	(9,376)	(5,805)	(9,315)
Penjejasan nilai	(753)	(1,111)	(753)	(1,111)
Pindahan daripada subsidiari	—	—	—	133
Nilai buku bersih pada 31 Disember	4,336	6,550	4,336	6,550
Kos	33,926	29,582	33,926	29,581
Pelunasan terkumpul dan penjejasan nilai	(29,590)	(23,032)	(29,590)	(23,031)
Nilai buku bersih	4,336	6,550	4,336	6,550

12. Muhibah

	Kumpulan	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Nilai buku bersih pada 31 Disember	411,618	411,618

Muhibah yang berpunca daripada pengambilalihan perniagaan Malaysian Tobacco Company Berhad (MTC), yang mewakili unit menjana tunai, dan mewakili lebihan nilai saksama imbalan pembelian yang lebih daripada bahagian Kumpulan dalam nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari (iaitu Commercial Marketers and Distributors Sdn. Bhd. (CMD) untuk perniagaan pemasaran dan Tobacco Blenders and Manufacturers Sdn. Bhd. (TBM) untuk perniagaan mengilang tembakau) yang diambil alih pada 2 November 1999, iaitu tarikh pengambilalihan.

Amaun bawaan muhibah disemak semula untuk penjejasan nilai tahunan. Penjejasan nilai ditentukan bagi muhibah dengan menilai amaun unit menjana tunai yang boleh didapatkan kembali yang berkaitan dengan muhibah tersebut. Amaun yang boleh didapatkan kembali ini telah ditentukan berdasarkan pengiraan nilai dalam penggunaan. Andaan utama bagi amaun semua unit yang boleh didapatkan kembali ialah anggaran semasa aliran tunai bersih sepanjang tempoh 5 tahun (2009: 5 tahun) yang dibuat oleh pihak pengurusan berdasarkan sejarah kadar pertumbuhan, dengan mengambil kira perkembangan industri dan pada kadar diskaun sebelum cukai 6.46% (2009: 6.86%). Tiada perubahan penjejasan nilai diiktiraf pada tahun 2010 (2009: Sifar) dan tiada perbezaan ketara dalam amaun yang boleh didapatkan kembali dijangka sekiranya aliran tunai yang didiskaun berubah sebanyak 5% (2009: 5%).

13. Subsidiari

	Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Pelaburan tidak disebut harga, pada kos	1,024,456	1,024,956
Kerugian penjejasan nilai	(2,067)	(2,067)
	1,022,389	1,022,889

Senarai subsidiari dimiliki sepenuhnya, adalah seperti berikut:

Diperbadankan di Malaysia	Aktiviti Utama
Operasi	
Commercial Importers and Distributors Sdn. Bhd.	Pemegangan pelaburan
Commercial Marketers and Distributors Sdn. Bhd.	Pemasaran dan pengimportan rokok, tembakau paip dan cerut
Rothmans Brands Sdn. Bhd.	Pemilikan tanda dagangan
The Leaf Tobacco Development Corporation of Malaya Sdn. Bhd.	Pembelian daun tembakau bagi pihak subsidiari
Tobacco Importers and Manufacturers Sdn. Bhd.	Pengilangan dan penjualan rokok dan produk berkaitan tembakau lain

13. Subsidiari (Sambungan)

Senarai subsidiari dimiliki sepenuhnya, adalah seperti berikut: (Sambungan)

Diperbadankan di Malaysia (Sambungan)

Bukan beroperasi

	Aktiviti Utama
Contemporary Force Sdn. Bhd.	Dorman
Lucky Strike Originals Sdn. Bhd.	Dorman
Tobacco Blenders and Manufacturers Sdn. Bhd.	Dorman

Diperbadankan di Negara Brunei Darussalam

Beroperasi

	Aktiviti Utama
Commercial Marketers and Distributors Sdn. Bhd.*	Penyediaan perkhidmatan pengiklanan dan promosi

* Penyata kewangannya tidak diaudit oleh PricewaterhouseCoopers, Malaysia.

14. Cukai Tertunda

		Kumpulan		Syarikat	
		2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Aset cukai tertunda					
Pada 1 Januari		19,295	4,978	8,520	4,978
(Caj)/Kredit ke penyata pendapatan	Nota 14(i)	(4,137)	14,317	(4,502)	3,542
(Caj)/Kredit ke penyata pendapatan komprehensif	Nota 14(ii)	—	—	148	—
Pada 31 Disember		15,158	19,295	4,166	8,520
Diwakili oleh:					
Susut nilai yang melebihi elaun modal		2,309	7,667	2,309	8,520
Peruntukan		12,849	11,628	1,709	—
Lindung nilai aliran tunai		—	—	148	—
		15,158	19,295	4,166	8,520

14. Cukai Tertunda (Sambungan)

		Kumpulan		Syarikat	
		2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Liabiliti cukai tertunda					
Pada 1 Januari		46,752	43,287	—	—
Caj/(Kredit) ke penyata pendapatan	Nota 14(i)	(578)	3,525	—	—
Caj/(Kredit) ke penyata pendapatan komprehensif	Nota 14(ii)	(4,369)	(60)	—	—
Pada 31 Disember		41,805	46,752	—	—
Diwakili oleh:					
Peruntukan modal yang melebihi susut nilai		41,860	42,151	—	—
Tanah dan bangunan yang dinilai semula		311	4,222	—	—
Pelindungan nilai aliran tunai		(458)	—	—	—
Peruntukan		92	379	—	—
		41,805	46,752	—	—

Amaun di atas telah diselaraskan dengan penyata pendapatan dan penyata perubahan ekuiti seperti berikut:

		Kumpulan		Syarikat	
		2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
(i) Dicaj/(Dikredit) ke penyata pendapatan					
Dicaj/(Dikredit) bagi aset cukai tertunda		4,137	(14,317)	4,502	(3,542)
(Dikredit)/Dicaj bagi liabiliti cukai tertunda		(578)	3,525	—	—
Dicaj/(Dikredit) bersih bagi pendapatan (Nota 6)		3,559	(10,792)	4,502	(3,542)
(ii) Kredit ke penyata pendapatan komprehensif					
Dikredit bagi liabiliti & aset cukai tertunda		(4,369)	(60)	(148)	—
Kredit bersih ke penyata pendapatan komprehensif		(4,369)	(60)	(148)	—

14. Cukai Tertunda (Sambungan)

Amaun kerugian cukai yang tidak digunakan (yang tiada tarikh luput) yang tiada aset cukai tertunda diiktiraf dalam kunci kira-kira Kumpulan ialah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Kerugian cukai	—	5,212
Aset cukai tertunda tidak diiktiraf pada 25%	—	1,303

15. Pinjaman kepada Subsidiari

Pada 17 Ogos 2009, Syarikat telah mengeluarkan pinjaman 5-tahun tanpa cagaran berjumlah RM80,000,000 kepada subsidiarinya, Commercial Marketers and Distributors Sdn. Bhd. yang menanggung faedah 6.3% setahun yang akan diterima setiap separuh tahun. Pinjaman ini perlu dibayar balik sekali gus pada tahun 2014. Nilai saksama pinjaman kepada subsidiari ini menghampiri amaun bawaan pinjaman berkenaan.

16. Aset yang Dipegang untuk Jualan

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Pada 1 Januari	4,288	20,638	1,950	—
Pindahan daripada harta tanah, loji dan peralatan (Nota 9)	—	4,288	—	1,950
Dijual sepanjang tahun	(3,400)	(20,638)	(1,950)	—
Pada 31 Disember	888	4,288	—	1,950

Perubahan dalam aset yang dipegang untuk jualan sepanjang tahun ini, yang telah dipindahkan ke harta tanah, loji dan peralatan, adalah seperti berikut:

- Pada bulan Januari 2010, Kumpulan telah menjual dua jentera yang tidak lagi digunakan kepada syarikatnya yang berkaitan pada nilai bawaan semasa jentera tersebut tanpa menghasilkan untung atau rugi yang ketara.
- Pada Jun 2010, Kumpulan dan Syarikat menyempurnakan penjualan harta tanahnya di Keningau, Sabah untuk imbalan berjumlah RM1,950,000 tanpa menghasilkan untung atau rugi yang ketara. Syarikat telah mencatatkan kerugian dalam penjualan, kerana kutipan daripada jualan tersebut diiktiraf dalam subsidiari Kumpulan yang berasingan.
- Pihak pengurusan Kumpulan telah menjalankan program aktif untuk mencari pembeli bagi harta tanahnya di Changloon, Kedah. Harga jualan yang diusulkan menghampiri nilai bawaan semasanya.

17. Inventori

	Kumpulan	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Pada kos		
Bahan mentah	82,895	91,572
Kerja sedang berjalan	6,772	7,804
Barangan siap	99,484	110,362
Simpanan barang kegunaan	4,421	4,520
	193,572	214,258

18. Amaun Belum Terima

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Dagangan belum terima	92,099	97,104	—	—
Penjejasan nilai hutang ragu	(3,095)	(3,200)	—	—
Dagangan belum terima (bersih)	89,004	93,904	—	—
Dividen terhutang daripada subsidiari	—	—	—	174,293
Amaun terhutang daripada syarikat berkaitan	28,356	42,373	102,666	62,634
Amaun belum terima lain	641	2,586	—	—
Deposit	1,623	1,853	342	537
Pra bayaran	59,865	23,996	1,493	345
	179,489	164,712	104,501	237,809

Terma kredit bagi dagangan belum terima adalah 1 hari hingga 60 hari (2009: 1 hingga 60 hari).

Pada 31 Disember 2010, dagangan belum terima berjumlah RM48,043,000 (2009: RM39,627,000) telah melampaui tarikh pembayaran kontraktualnya tetapi disifatkan sebagai masih boleh didapatkan kembali. Ini berkaitan dengan beberapa pihak luar yang tidak dijangka akan mungkir. Analisis usia bagi dagangan belum terima ini adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Melampaui tempoh kurang 1 bulan	25,434	11,583
Melampaui tempoh lebih daripada 1 bulan	22,609	28,044
	48,043	39,627

18. Amaun Belum Terima (Sambungan)

Perubahan peruntukan untuk hutang ragu sepanjang tahun ini adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Pada 1 Januari	3,200	—
Peruntukan untuk penjejasan nilai amaun belum terima	—	3,200
Balikan amaun yang tidak digunakan	(105)	—
Pada 31 Disember	3,095	3,200

Pembentukan dan catitan peruntukan untuk penjejasan nilai amaun belum terima telah dimasukkan dalam "kos pengedaran dan pemasaran" dalam penyata pendapatan. Amaun yang dicaj kepada akaun peruntukan ini amnya dihapus kira, apabila tidak dijangka mendapatkan kembali wang tunai tambahan.

Kelas-kelas lain dalam amaun belum terima ini tidak mengandungi penjejasan nilai aset.

Amaun Kumpulan yang terhutang daripada syarikat yang berkaitan berpunca terutamanya daripada jualan eksport dengan tempoh kredit 60 hari (2009: 60 hari) dan pra bayaran untuk pembelian daun yang tidak tertakluk pada sebarang terma pembayaran. Amaun ini tanpa cagaran dan tanpa faedah.

Amaun Syarikat yang terhutang daripada syarikat yang berkaitan berpunca terutamanya daripada pembayaran yang dibuat bagi pihak syarikat tertentu. Amaun ini tanpa cagaran, tanpa faedah dan tidak tertakluk pada sebarang terma pembayaran balik.

Amaun terhutang daripada syarikat berkaitan Kumpulan terutamanya dalam denominasi Dolar AS. Kesemua amaun belum terima lain bagi Kumpulan dan Syarikat terutamanya dalam denominasi Ringgit Malaysia.

Kira-kira 60% dagangan belum terima Kumpulan terbit daripada jualan kepada 8 pelanggan utama. Kumpulan memantau dengan teliti kutipan daripada para pelanggan ini. Di samping itu, sejarah pengalaman Kumpulan dalam kutipan dagangan belum terima berada dalam lingkungan peruntukan yang direkodkan. Memandangkan faktor ini, pihak pengurusan meyakini bahawa tidak terdapat risiko kredit tambahan yang melampaui amaun yang dibenarkan untuk kerugian kutipan dalam dagangan belum terima Kumpulan.

Tiada perbezaan ketara di antara nilai bawaan amaun belum terima dengan nilai saksamanya, oleh kerana tempoh amaun belum terima yang singkat.

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit pada tarikh pelaporan adalah pada jumlah amaun bawaan amaun belum terima yang ditarikhkan di atas. Kumpulan tidak memegang sebarang kolateral sebagai sekuriti.

19. Deposit, Tunai dan Baki Bank

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Deposit dengan bank berlesen	275,020	155,020	210,000	—
Tunai dan baki bank	81,603	13,666	48,517	461
	356,623	168,686	258,517	461
Profil pendedahan mata wang bagi tunai dan baki bank adalah seperti berikut:				
– Ringgit Malaysia	344,107	155,790	258,030	461
– Dolar AS	6,533	6,611	487	—
– Dolar Brunei	5,983	6,285	—	—
	356,623	168,686	258,517	461
Purata wajaran kadar faedah deposit dengan bank berlesen yang berkuat kuasa sepanjang tahun (setahun)	2.4%	2.0%	2.6%	—

Deposit Kumpulan mempunyai tempoh matang purata 30 hari (2009: 31 hari).

Nilai bawaan deposit, tunai dan baki bank menghampiri nilai saksamanya.

20. Amaun Perlu Bayar

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Dagangan perlu bayar	119,407	98,916	—	—
Akruan dagangan	18,428	16,079	—	—
Amaun terhutang kepada subsidiari	—	—	491,012	437,343
Amaun terhutang kepada syarikat berkaitan	18,783	6,170	—	—
Amaun perlu bayar lain	157,590	97,923	35,086	28,996
	314,208	219,088	526,098	466,339

20. Amaun Perlu Bayar (Sambungan)

Profil pendedahan mata wang dagangan perlu bayar adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Ringgit Malaysia	113,790	98,639	—	—
Dolar AS	81	244	—	—
Pound Sterling	33	33	—	—
Euro	5,435	—	—	—
Lain-lain	68	—	—	—
	119,407	98,916	—	—

Profil pendedahan mata wang bagi amaun perlu bayar kepada syarikat berkaitan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Ringgit Malaysia	18,593	5,925	—	—
Dolar AS	91	245	—	—
Pound Sterling	37	—	—	—
Lain-lain	62	—	—	—
	18,783	6,170	—	—

Kesemua amaun lain dalam amaun perlu bayar sebahagian besarnya dalam denominasi Ringgit Malaysia.

Terma kredit bagi dagangan perlu bayar dan pembekal hartanah, loji dan peralatan yang diberi kepada Kumpulan berbeza-beza dari tiada kredit hingga 120 hari (2009: tiada kredit hingga 120 hari).

Amaun yang perlu dibayar kepada subsidiari tidak mempunyai terma tetap untuk pembayaran balik, merupakan tanpa cagaran dan tanpa faedah. Walau bagaimanapun, subsidiari telah menunjukkan bahawa amaun yang perlu dibayar tidak akan diminta dalam tempoh 12 bulan yang berikut.

Amaun perlu bayar kepada syarikat berkaitan boleh dibayar balik dalam tempoh kredit yang diberi, iaitu 60 hari (2009: 60 hari), merupakan tanpa cagaran dan tanpa faedah.

Termasuk dalam amaun perlu bayar lain Kumpulan ialah peruntukan yang dibuat berkaitan litigasi yang berjumlah hampir RM18,527,000 (2009: RM16,800,000).

21. Instrumen Kewangan Derivatif

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 Aset RM'000	2010 Liabiliti RM'000	2010 Aset RM'000	2010 Liabiliti RM'000
Kontrak hadapan pertukaran asing – lindung nilai aliran tunai	—	1,832	—	592

Nilai saksama instrumen kewangan derivatif, ditentukan berdasarkan harga pasaran yang disebut harga bagi derivatif yang serupa, kerana ia tidak didagangkan dalam pasaran aktif. Derivatif ini dikelaskan sebagai instrumen kewangan Peringkat 2 menurut hierarki pengelasan FRS 7.

Lindung nilai aliran tunai Kumpulan terutamanya merangkumi pembayaran masa depan untuk daun, bahan balutan, jentera dan perkhidmatan sepanjang 12 bulan berikut. Lindung nilai aliran tunai Syarikat terutamanya merangkumi pembayaran masa depan bagi perkhidmatan sepanjang 12 bulan berikut. Masa aliran tunai yang dijangka bagi derivatif yang disifatkan sebagai lindung nilai aliran tunai secara am dijangka sebanding dengan masa item yang dilindung nilai ini akan mempengaruhi untung atau rugi, yang dijangka akan berlaku pada pelbagai tarikh sepanjang 12 bulan yang berikut.

Untung dan rugi yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain ke atas kontrak hadapan pertukaran asing pada 31 Disember 2010 diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh atau tempoh-tempoh pada masa transaksi ramalan yang dilindung nilai ini mempengaruhi penyata pendapatan. Ini biasanya dalam tempoh 12 bulan dari akhir tempoh pelaporan kecuali jika untung atau rugi termasuk dalam amaun asal yang diiktiraf untuk pembelian aset tetap, maka dengan ini pengiktirafan dibuat sepanjang tempoh hayat aset tersebut. Tidak terdapat bahagian yang tidak berkesan yang berpunca daripada instrumen kewangan derivatif sepanjang tahun ini.

Tanggapan amaun pokok bagi kontrak hadapan pertukaran asing pada 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

Item Lindung Nilai	Mata Wang perlu dibayar	RM'000 setara	Kadar kontrak purata
Kumpulan			
Pembayaran masa depan untuk daun, bahan balutan, jentera dan perkhidmatan sepanjang 12 bulan berikut			
USD 9,000,000	Dolar AS	28,993	1 USD = RM 3.2215
GBP 6,250,000	Pound Sterling	30,706	1 GBP = RM 4.9130
EUR 7,290,000	Euro	30,027	1 EUR = RM 4.1189
Syarikat			
Pembayaran masa depan untuk perkhidmatan sepanjang 12 bulan berikut			
GBP 6,250,000	Pound Sterling	30,706	1 GBP = RM 4.9130

22. Peminjaman (Menanggung Faedah)

- (a) Peminjaman Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:
- (i) RM400,000,000 Nota Jangka Pertengahan tanpa cagaran 5-tahun 2007/2012 dengan kadar kupon 4.05% setahun, matang pada 21 September 2012 menurut Program Penerbitan Nota Jangka Sederhana (Program NJS) sehingga nilai nominal RM700 juta; dan
 - (ii) RM250,000,000 Nota Jangka Pertengahan tanpa cagaran 5-tahun 2009/2014 dengan kadar kupon 4.48% setahun, matang pada 15 Ogos 2014 menurut Program Penerbitan Nota Jangka Sederhana (Program NJS) sehingga nilai nominal RM700 juta

- (b) (i) Kematangan peminjaman Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Jumlah pinjaman				
Nota jangka pertengahan	650,000	650,000	650,000	650,000
Tempoh matang peminjaman:				
Dalam tempoh satu tahun	—	—	—	—
Lebih daripada 1 tahun dan kurang daripada 2 tahun	400,000	—	400,000	—
Lebih daripada 2 tahun dan kurang daripada 5 tahun	250,000	650,000	250,000	650,000

- (ii) Pengelasan peminjaman Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Tanpa Cagaran				
Semasa	—	—	—	—
Nota jangka pertengahan	—	—	—	—
Bukan semasa				
Nota jangka pertengahan	650,000	650,000	650,000	650,000

- (c) Peminjaman Kumpulan dan Syarikat dalam denominasi Ringgit Malaysia.

- (d) Nilai saksama peminjaman diperincikan dalam Nota 29(f).

23. Modal Saham

	Kumpulan dan Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000
Dibenarkan		
770,000,000 Saham biasa 50 sen sesaham	385,000	385,000
Diterbitkan dan dibayar penuh		
285,530,000 Saham biasa 50 sen sesaham	142,765	142,765

24. Obligasi Manfaat Pasca Perkhidmatan

Pelan Manfaat Tertakrif

Kumpulan mengendalikan pelan manfaat tertakrif untuk kakitangan yang layak di Malaysia (yang menyertai Kumpulan sebelum 1 Januari 2006), yang asetnya dipegang di dalam tabung yang ditadbir oleh pemegang amanah secara berasingan. Syarikat dan subsidiari tertentu dalam Kumpulan membuat caruman kepada Skim Persaraan British American Tobacco Malaysia, sebuah tabung bebas Kumpulan yang dilulus cukai.

Pelan manfaat tertakrif ini dinilai oleh aktuari bebas menggunakan Kaedah Unjuran Kredit Unit. Taksiran aktuari terkini yang dikendalikan pada 31 Disember 2009 menunjukkan bahawa nilai aset bersih yang dipegang dalam tabung ini berserta peruntukan buku dalam penyata pendapatan Kumpulan, memadai untuk memenuhi liabiliti aktuari yang berpunca daripada pelan manfaat tertakrif ini pada 31 Disember 2009.

Amaun yang diiktiraf dalam kunci kira-kira ditentukan sebagai berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Nilai semasa obligasi manfaat tertakrif	10,882	12,256	5,972	5,507
Nilai saksama aset pelan	(6,765)	(6,213)	(3,618)	(1,444)
Liabiliti bersih	4,117	6,043	2,354	4,063

24. Obligasi Manfaat Pasca Perkhidmatan (Sambungan)

Pelan Manfaat Tertakrif (Sambungan)

Amaun yang diiktiraf dalam penyata pendapatan di bawah perbelanjaan operasi adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000
Kos perkhidmatan semasa	(679)	(653)	(292)	(113)
Kos faedah	(703)	(705)	(352)	(62)
Pulangan yang dijangka bagi aset pelan	143	167	41	25
Jumlah, yang termasuk dalam kos kakitangan	(1,239)	(1,191)	(603)	(150)

Perubahan dalam obligasi manfaat pasca perkhidmatan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Pada 1 Januari	6,043	5,297	4,063	100
Caj bagi tahun	1,239	1,191	603	150
Caruman yang dibayar	(646)	(658)	(263)	(181)
Manfaat yang dibayar	(2,609)	—	—	—
Pindahan daripada subsidiari	—	—	(2,080)	3,760
Kerugian aktuari yang diiktiraf	90	213	31	234
Pada 31 Disember	4,117	6,043	2,354	4,063

Perubahan dalam nilai semasa obligasi manfaat tertakrif adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Pada 1 Januari	12,256	11,027	5,507	983
Kos perkhidmatan	679	653	292	113
Kos faedah	703	705	352	62
Manfaat yang dibayar	(2,842)	(287)	(209)	—
Liabiliti yang ditanggung dalam pindahan antara syarikat	—	—	—	4,123
Kerugian aktuari daripada pengalaman sebenar	86	158	30	226
Pada 31 Disember	10,882	12,256	5,972	5,507
Obligasi manfaat tertakrif yang dijangka perlu dibayar pada tahun berikut	444	2,892	183	176

24. Obligasi Manfaat Pasca Perkhidmatan (Sambungan)

Pelan Manfaat Tertakrif (Sambungan)

Perubahan dalam nilai saksama aset pelan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Pada 1 Januari	6,213	5,730	1,444	883
Pulangan yang dijangka bagi aset pelan	143	167	41	25
Caruman oleh majikan	646	658	263	181
Manfaat yang dibayar	(233)	(287)	(209)	—
Aset yang diperoleh daripada pindahan antara syarikat	—	—	2,080	363
Kerugian aktuari bagi aset pelan	(4)	(55)	(1)	(8)
Pada 31 Disember	6,765	6,213	3,618	1,444
Caruman perlu dibayar pada tahun berikut	631	684	298	292

Perkembangan untung dan rugi aktuari pada 31 Disember adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Kerugian aktuari daripada tahun terdahulu	508	295	271	37
Kerugian aktuari yang diiktiraf dalam tahun	90	213	31	234
Kerugian aktuari terkumpul yang diiktiraf	598	508	302	271

Andaian aktuari utama yang digunakan pada tarikh kunci kira-kira bagi pelan manfaat tertakrif Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

		2010 %	2009 %
Kadar diskau		6.5	6.5
Pulangan yang dijangka bagi aset pelan		3.0	3.0
Kadar kenaikan gaji yang dijangka		6.0	6.0

Kadar pulangan yang dijangka bagi skim aset ini pada tahun 2010 terbit daripada peruntukan pelaburan sebanyak 20% di dalam bon Kerajaan Malaysia, dan 80% di dalam instrumen pasaran wang yang masing-masing memperoleh pulangan kadar pelaburan tahunan 4.5% dan 2.5%.

25. Tunai daripada Operasi

	Kumpulan		Syarikat	
	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000
Untung bagi tahun kewangan	731,111	746,784	736,381	640,849
Pelarasan untuk:				
Hapus kira subsidiari	—	—	500	—
Caj pelan manfaat tertakrif (Nota 24)	1,239	1,191	603	150
Pendapatan faedah	(9,344)	(5,470)	(5,265)	(1,907)
Hartanah, loji dan peralatan				
– susut nilai	56,813	71,821	4,935	5,618
– penjejasan nilai	5,139	27,273	—	—
– (untung)/rugi daripada penjualan	(30,258)	1,274	1,949	170
Hartanah pelaburan				
– susut nilai	18	—	—	—
Perisian komputer				
– pelunasan	5,805	9,376	5,805	9,315
– penjejasan nilai	753	1,111	753	1,111
Untung daripada penjualan aset yang dipegang untuk jualan	—	(362)	—	—
Hapus kira hutang lapuk	471	2,925	—	—
(Masuk kira)/Peruntukan untuk hutang ragu	(105)	3,200	—	—
Inventori (masuk kira)/hapus kira	(201)	2,489	—	—
Peruntukan untuk litigasi	1,665	5,800	1,665	—
Perbelanjaan faedah	27,400	27,823	27,400	27,823
Perbelanjaan cukai	228,070	258,528	5,424	10,087
Perubahan dalam modal kerja:				
– inventori	20,887	8,211	—	—
– amaun belum terima	(14,936)	86,978	173,553	51,455
– amaun perlu bayar	(90,113)	(73,446)	2,065	333
Tunai daripada operasi	1,114,640	1,175,506	955,768	745,004

26. Komitmen Modal

Perbelanjaan modal yang tidak diperuntukkan bagi penyata kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2010 RM'000	2009 RM'000	2010 RM'000	2009 RM'000
Hartanah, loji dan peralatan:				
– Dibenarkan dan dikontrak	13,543	—	29	—
– Dibenarkan tetapi tidak dikontrak	16,793	1,689	5	1,661
	30,336	1,689	34	1,661

27. Penzahiran Penting Pihak Berkaitan

Di samping penzahiran pihak berkaitan yang dinyatakan di bahagian lain penyata kewangan ini, transaksi penting pihak berkaitan lain turut dibentangkan di bawah. Transaksi pihak berkaitan yang dihuraikan di bawah dilaksanakan berdasarkan terma yang biasanya disediakan kepada pihak yang tidak berkaitan kecuali dinyatakan sebaliknya.

Transaksi Kumpulan dan Syarikat ini adalah dengan ahli syarikat British American Tobacco p.l.c. (British American Tobacco p.l.c. secara tidak langsung melalui British American Tobacco Holdings (Malaysia) B.V., yang memiliki lima puluh peratus (50%) kepentingan ekuiti dalam Syarikat dan disifatkan sebagai syarikat induk muktamad Syarikat).

(a) Transaksi Kumpulan

	Kumpulan	
	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000
(i) Jualan barang		
Jualan rokok dan produk tembakau kepada:		
– British American Tobacco Company (HK) Ltd.	3,971	4,251
– Rothmans Far East B.V.	11,018	12,907
– Rothmans Far East B.V. Japan (sebahagian Rothmans Far East B.V.)	—	16
– British American Tobacco Marketing (Singapore) Pte. Ltd.	29,556	30,796
– British American Tobacco China Ltd.	988	1,563
– British American Tobacco International Ltd.	4,835	8,949
– British American Tobacco Korea Manufacturing Ltd.	19,691	30,189
– British American Tobacco Taiwan Logistics Ltd.	—	8,549
– India Tobacco Company Ltd.	1,005	—
	71,064	97,220

27. Penzahiran Penting Pihak Berkaitan (Sambungan)

(a) Transaksi Kumpulan (Sambungan)

	Kumpulan	
	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000
(ii) Pembelian barang		
Pembelian daun, pembungkusan rokok dan bahan balutan dan produk tembakau daripada:		
– British American Tobacco Far East Leaf Ltd.	—	33
– British American Tobacco Australasia Ltd.	—	109
– British American Tobacco Marketing (Singapore) Pte. Ltd.	9,468	28,464
– British American Tobacco (Germany) GmbH	1,653	17,936
– British American Tobacco (GLP) Ltd.	57,046	36,443
– PT Export Leaf Indonesia	45,059	23,713
– British American Tobacco Cambodia Ltd.	3,863	1,426
– PT Bentoel Prima	1	—
– British American Tobacco Mexico SA De CV	31	—
	117,121	108,124
Pembelian rokok dan produk tembakau daripada:		
– British American Tobacco International Ltd.	141	3,786
– British American Tobacco Groningen (Demand Management) B.V.	1,467	892
– British American Tobacco (U.K. & Export) Ltd.	49	699
– British American Tobacco Marketing (Singapore) Pte. Ltd.	190	—
	1,847	5,377
Kumpulan menerima pelbagai perkhidmatan daripada ahli syarikat British American Tobacco p.l.c. yang merangkumi pemerolehan, pengujian produk dan perkhidmatan pembangunan.		
(iii) Pemerolehan perkhidmatan		
Pemerolehan perkhidmatan teknologi maklumat daripada:		
– British American Shared Services Ltd.	16,945	13,199
– British American Tobacco Asia-Pacific Region Ltd.	434	1,621
	17,379	14,820

27. Penzahiran Penting Pihak Berkaitan (Sambungan)

(a) Transaksi Kumpulan (Sambungan)

	Kumpulan	
	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000
(iv) Khidmat teknikal dan nasihat (termasuk caj pembayaran berdasarkan saham)		
Pembayaran fi untuk perkhidmatan sokongan teknikal dan nasihat kepada:		
– British American Tobacco (Investments) Ltd.	52,397	45,752
– British American Tobacco International Ltd.	1,643	1,846
– British American Tobacco Asia Pacific Treasury Pte. Ltd.	390	411
– British American Tobacco ASPAC Service Centre Sdn. Bhd.	8,156	6,417
– British American Tobacco (U.K. & Export) Ltd.	—	193
– British American Tobacco Asia-Pacific Region Ltd.	5,461	8,140
	68,047	62,759
(v) Royalti		
Royalti yang dibayar/perlu dibayar kepada:		
– Dunhill Tobacco of London Ltd.*	72,824	71,705
– Benson & Hedges (Overseas) Ltd.*	5,193	5,400
– British American Tobacco (Investments) Ltd.	8,843	9,221
– The American-Cigarette Company (Overseas) Ltd.**	2,711	2,167
– St. Regis Tobacco Corporation Ltd.**	343	384
	89,914	88,877
(vi) Jualan dan pembelian peralatan		
(Jualan)/pembelian peralatan (kepada)/daripada:		
– British American Tobacco Marketing (Singapore) Pte. Ltd.	7,075	90,184
– British American Tobacco Asia Pacific Region Ltd	1,328	659
– British American Shared Services Ltd.	—	4,631
– Pakistan Tobacco Company Ltd.	(249)	—
– British American Tobacco Bangladesh Company Ltd.	(13,646)	—
– Souza Cruz Overseas S.A.	(1,029)	—
– PT Bentoel Prima	(124)	—
	(6,645)	95,474

* Bayaran berdasarkan perjanjian royalti dengan syarikat ini dibuat kepada British American Tobacco (U.K. & Export) Ltd.

** Bayaran berdasarkan perjanjian royalti dengan syarikat ini dibuat kepada British American Tobacco (Brands) Inc. (sebelumnya dibuat kepada British American Tobacco International Holdings (Switzerland) Ltd., Zug.)

27. Penzahiran Penting Pihak Berkaitan (Sambungan)

(a) Transaksi Kumpulan (Sambungan)

Kumpulan turut menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada ahli syarikat British American Tobacco p.l.c. yang merangkumi pemerolehan, pengujian produk dan perkhidmatan pembangunan.

	Kumpulan	
	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000
(vii) Peruntukan untuk perkhidmatan sokongan teknikal dan nasihat kepada:		
– British American Tobacco China Ltd.	110	129
– British American Tobacco – Vinataba (JV) Ltd.	44	51
– British American Tobacco Company (HK) Ltd.	140	326
– British American Tobacco Cambodia Ltd.	63	61
– British American Tobacco Services Ltd., Taiwan Branch	93	105
– PT Bentoel Internasional Investama Tbk.	—	218
– Rothmans of Pall Mall Myanmar Pte. Ltd.	2	4
– British American Tobacco (Vietnam) Ltd.	13	21
– British American Tobacco (Singapore) Pte. Ltd.	1,395	1,476
– British American Tobacco Marketing (Singapore) Pte. Ltd.	911	856
– British American Tobacco Japan, Ltd.	7	80
– PT Export Leaf Indonesia	—	1
– British American Tobacco (Thailand) Ltd.	—	106
– Ceylon Tobacco Company Ltd.	—	2
– British American Tobacco (PNG) Ltd.	4	10
– British American Tobacco ASPAC Service Centre Sdn. Bhd.	1,285	253
– British American Tobacco South Africa Pte. Ltd.	—	2
– British American Tobacco Bangladesh Company Ltd.	—	1
– British American Tobacco International Ltd.	11	291
	4,078	3,993

27. Penzahiran Penting Pihak Berkaitan (Sambungan)

(a) Transaksi Syarikat

	Syarikat	
	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000
(i) Fi pengurusan		
Fi pengurusan yang diterima daripada:		
– Commercial Marketers and Distributors Sdn. Bhd.	5,180	10,825
– Tobacco Importers and Manufacturers Sdn. Bhd.	634	—
	5,814	10,825
(ii) Fi untuk penggunaan harta tanah, loji dan peralatan:		
Fi untuk penggunaan harta tanah, loji dan peralatan yang diterima daripada:		
– Commercial Marketers and Distributors Sdn. Bhd.	9,035	13,499
– Tobacco Importers and Manufacturers Sdn. Bhd.	1,316	1,287
	10,351	14,786
(iii) Pemerolehan perkhidmatan*		
Pemerolehan perkhidmatan teknologi maklumat daripada:		
– British American Shared Services Ltd.	16,945	13,199
– British American Tobacco Asia-Pacific Region Ltd.	434	1,621
	17,379	14,820
(iv) Khidmat teknikal dan nasihat (termasuk caj pembayaran berdasarkan saham)*		
Pembayaran fi untuk perkhidmatan sokongan teknikal dan nasihat kepada:		
– British American Tobacco (Investments) Ltd.	52,397	45,752
– British American Tobacco International Ltd.	1,643	1,846
– British American Tobacco Asia Pacific Treasury Pte. Ltd.	390	411
– British American Tobacco ASPAC Service Centre Sdn. Bhd.	8,156	6,417
– British American Tobacco (U.K. & Export) Ltd.	—	193
– British American Tobacco Asia-Pacific Region Ltd.	5,461	8,140
	68,047	62,759
(v) Pinjaman kepada subsidiari		
Pinjaman kepada subsidiari		
– Commercial Marketers and Distributors Sdn. Bhd.	—	80,000

27. Penzahiran Penting Pihak Berkaitan (Sambungan)

(a) Transaksi Syarikat (Sambungan)

	Syarikat	
	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000
(vi) Pendapatan faedah		
Pendapatan faedah daripada pinjaman kepada subsidiari:		
– Commercial Marketers and Distributors Sdn. Bhd.	5,040	1,892
(vii) Pindahan aset		
Pindahan aset ke subsidiari:		
– Tobacco Importers and Manufacturers Sdn. Bhd.	—	358

Kakitangan pengurusan utama Kumpulan dan Syarikat merupakan Pengarah Syarikat yang pampasan mereka telah dizahirkan dalam Nota 4 Penyata Kewangan ini.

* Kos ini telah dicaj semula sepenuhnya kepada subsidiari tertentu sepanjang tahun ini.

28. Laporan Mengikut Segmen

Entiti ini domisil di Malaysia. Hasil daripada pelanggan luar di Malaysia sebanyak RM3,763,320,000 (2009: RM3,698,579,000), dan jumlah hasil daripada pelanggan luar dari negara lain ialah RM202,128,000 (2009: RM224,842,000). Kumpulan tidak mempunyai sebarang aset bukan semasa yang terletak di negara selain daripada Malaysia. Di samping itu, tiada hasil yang berpunca daripada transaksi dengan pelanggan luar tunggal yang merangkumi 10% atau lebih daripada hasil Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 dan 31 Disember 2010.

Analisis segmen tidak disediakan kerana Kumpulan menjalankan perniagaan produk tunggal yang terlibat terutamanya dalam pengilangan, pengimportan dan jualan rokok dan produk tembakau lain di Malaysia, dan ini dijadikan fokus sistem pelaporan dalam Kumpulan. Meskipun Kumpulan mempunyai jenama yang tersendiri, segmentasi dalam portfolio jenama yang luas tidak menjadi sebahagian daripada maklumat kewangan yang biasa dilaporkan secara dalaman kepada ketua tahap operasi dan mensegmentkan keputusan Kumpulan mengikut jenama tidak mungkin dilakukan tanpa darjah anggaran yang tinggi.

29. Instrumen Kewangan

Pengurusan Risiko Kewangan

Kumpulan dan Syarikat terdedah kepada risiko kewangan akibat aktiviti perniagaannya, terutamanya risiko kadar faedah, risiko pertukaran mata wang, risiko kredit dan risiko kecairan dan aliran tunai. Risiko ini diurus oleh Kumpulan di peringkat Kumpulan.

Instrumen kewangan derivatif biasa digunakan oleh Kumpulan untuk mengurangkan kos pembiayaan, untuk mengubah pendedahan kadar faedah atau untuk mencapai kepastian yang lebih kukuh bagi kos masa depan. Instrumen ini diterapkan menurut objektif dan dasar yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah yang melarang dengan jelas transaksi spekulatif.

Dasar ini mengehadkan penggunaan instrumen derivatif untuk kontrak hadapan pertukaran asing, pertukaran mata wang asing dan kadar faedah, perjanjian hadapan kadar, opsyen mata wang dan penetapan had. Di samping itu, dasar, garis panduan dan had pendedahan, sistem had autoriti yang ditugaskan dan pelaporan bebas yang meluas meliputi semua bidang aktiviti perbendaharaan Kumpulan.

(a) Pengurusan Risiko Kadar Faedah

Objektif dasar pengurusan risiko kadar faedah Kumpulan adalah untuk mengurangkan kesan perubahan kadar faedah yang menjelaskan perolehan, aliran tunai dan nilai ekonomi Kumpulan. Pada tarikh kunci kira-kira, tidak terdapat kontrak pertukaran kadar faedah terbuka. Peminjaman yang dikeluarkan pada kadar tetap mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah nilai saksama. Kumpulan tiada risiko kadar faedah aliran tunai kerana Kumpulan hanya mempunyai peminjaman kadar tetap seperti yang dizahirkan dalam Nota 22, dan kemungkinan peningkatan atau pengurangan 10% dalam kadar faedah deposit tidak akan mengakibatkan sebarang perubahan yang ketara dalam untung sebelum cukai Kumpulan.

(b) Pengurusan Risiko Pertukaran Mata Wang

Kumpulan tertakluk pada pendedahan kepada risiko pertukaran mata wang hasil pembelian bahan mentah, peralatan dan perkhidmatan tertentu dalam mata wang asing. Pendedahan risiko pertukaran mata wang utama Kumpulan adalah kepada dolar AS, Euro dan pound British. Profil mata wang bagi aset dan liabiliti Kumpulan dizahirkan dalam nota berkaitan penyata kewangan ini.

Objektif dasar pertukaran asing Kumpulan adalah untuk membolehkan Kumpulan mengurus pendedahan yang timbul daripada aktiviti perdagangan secara berkesan dalam lingkungan rangka kerja kawalan yang tidak seharusnya mendedahkan Kumpulan kepada risiko pertukaran asing yang tidak perlu. Kumpulan menyertai kontrak hadapan pertukaran asing untuk melindung nilai 50% - 100% pendedahan jualan mata wang asing dan amaun perlu bayar dan ke atas aliran tunai yang perlu digunakan dalam transaksi yang dijangka dalam denominasi mata wang asing untuk 12 bulan yang berikut.

Kumpulan mempertimbangkan 10% pengukuhan atau kelemahan mata wang fungsian berbanding mata wang bukan fungsian sebagai perubahan munasabah yang mungkin berlaku. Kesannya dikira dengan merujuk pada aset atau liabiliti kewangan yang dipegang pada akhir tahun. Peningkatan atau pengurangan 10% mata wang fungsian berbanding mata wang bukan fungsian tidak akan mengakibatkan perubahan ketara dalam untung sebelum cukai Kumpulan.

29. Instrumen Kewangan (Sambungan)

Pengurusan Risiko Kewangan (Sambungan)

(c) Pengurusan Risiko Harga

Kumpulan terdedah kepada risiko harga berkaitan pembelian daun, yang termasuk dalam bahan mentah yang dizahirkan dalam Nota 17. Kumpulan menyemak semula strategi pencarian sumber apabila perlu, untuk mengurus sebarang pendedahan yang menjaskan. Kumpulan tidak terdedah kepada sebarang risiko harga yang ketara lain.

Kumpulan menyifatkan 10% perubahan dalam harga pembelian daun sebagai perubahan yang mungkin berlaku. Kesannya dikira dengan merujuk kepada pembelian daun yang dibuat sepanjang tahun ini iaitu pada hujung tahun, kecuali ini tidak mewakili kedudukannya sepanjang tahun ini. Pengurangan atau peningkatan 10% dalam pembelian daun tidak akan mengakibatkan perubahan yang ketara dalam untung sebelum cukai.

(d) Pengurusan Risiko Kredit

Risiko kredit, atau risiko pihak-pihak lain dalam transaksi mungkir, dikawal dengan penggunaan kelulusan kredit, menetapkan had pihak-pihak berkenaan dalam transaksi dan memantau prosedur. Kumpulan berusaha untuk melabur aset tunai dengan selamat dan memastikan ini membawa keuntungan. Risiko kredit diminimumkan memandangkan dasar Kumpulan dalam memilih hanya pihak-pihak yang mempunyai wibawa kredit.

Kira-kira 60% dagangan belum terima Kumpulan terbit daripada jualan kepada 8 pelanggan utamanya. Kumpulan memantau dengan teliti kutipan daripada para pelanggan ini. Di samping itu, sejarah pengalaman Kumpulan dalam kutipan dagangan belum terima termasuk dalam peruntukan yang direkodkan. Memandangkan faktor ini, pihak pengurusan meyakini bahawa tiada risiko kredit tambahan yang melampaui amanah yang dibenarkan untuk kerugian kutipan, terdapat dalam dagangan belum terima Kumpulan.

Kumpulan tiada tumpuan risiko kredit yang ketara, meskipun sebahagian besar depositnya disimpan dengan institusi kewangan di Malaysia. Kemungkinan bahawa institusi-institusi kewangan ini gagal melaksanakan obligasinya amat kecil berdasarkan rating kredit mereka yang tinggi.

Analisis usia dagangan belum terima dizahirkan dalam Nota 18.

(e) Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai

Kumpulan secara aktif mengurus profil tempoh matang hutang, aliran tunai operasi dan ketersediaan dana demi memastikan keperluan pembiayaan semula, pembayaran balik dan pendanaan tercapai. Sebagai sebahagian daripada pengurusan kecairan keseluruhan yang berhemat, Kumpulan memastikan paras tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang memadai demi memenuhi keperluan modal kerjanya. Di samping itu, Kumpulan juga berusaha untuk memastikan ketersediaan kemudahan perbankan pada paras yang munasabah berhubung kedudukan hutang keseluruhannya. Setakat yang mungkin, Kumpulan mendapatkan pembiayaan yang komited daripada kedua-dua pasaran modal dan institusi kewangan demi mencapai keberkesanan kos secara berterusan.

Profil kematangan peminjaman dizahirkan dalam Nota 22.

29. Instrumen Kewangan (Sambungan)

Pengurusan Risiko Kewangan (Sambungan)

(f) Nilai Saksama

Mula berkuat kuasa 1 Januari 2010, Kumpulan menerapkan pindaan kepada FRS 7 bagi instrumen kewangan yang diukur dalam kunci kira-kira pada nilai saksama, ini memerlukan ukuran penzahiran nilai saksama mengikut peringkat hierarki ukuran nilai saksama berikut:

- Peringkat 1: Harga yang disebutkan (tidak dilaraskan) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti yang sama
- Peringkat 2: Input selain daripada sebut harga termasuk dalam lingkungan Peringkat 1 yang boleh diperhatikan bagi aset dan liabiliti, sama ada secara langsung (iaitu, sebagai harga) atau tidak langsung (iaitu, terbit daripada harga)
- Peringkat 3: Input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (iaitu, input yang tidak boleh diperhatikan)

Kumpulan mengukur kontrak hadapan pertukaran asingnya (lindung nilai aliran tunai) pada nilai saksama, seperti yang dizahirkan dalam Nota 21. Nilai saksama kontrak hadapan pertukaran asing ditentukan berdasarkan sebut harga pasaran bagi derivatif yang serupa, kerana tidak didagang dalam pasaran aktif. Derivatif ini dikelaskan sebagai instrumen kewangan Peringkat 2 menurut hierarki pengelasan FRS 7.

Amaun bawaan nilai saksama peminjaman Kumpulan ialah seperti berikut:

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		Amaun bawaan RM'000	Nilai saksama RM'000	Amaun bawaan RM'000	Nilai saksama RM'000
Pada 31 Disember 2010					
Peminjaman bukan semasa					
RM400 juta NJS	22	400,000	403,971	400,000	403,971
RM250 juta NJS	22	250,000	256,548	250,000	256,548
Pada 31 Disember 2009					
Peminjaman bukan semasa					
RM400 juta NJS	22	400,000	405,640	400,000	405,640
RM250 juta NJS	22	250,000	251,850	250,000	251,850

Kumpulan mengukur nilai saksama peminjamannya berdasarkan keluk perolehan yang boleh diperhatikan.

29. Instrumen Kewangan (Sambungan)

Pengurusan Risiko Kewangan (Sambungan)

(g) Pengurusan risiko modal

Kumpulan mentakrifkan modal sebagai hutang bersih (lihat Nota 22) dan ekuiti (Nota 23).

Objektif Kumpulan apabila mengurus modal adalah untuk melindungi keupayaan Kumpulan untuk terus kekal sebagai usaha yang berterusan demi memberi pulangan kepada para pemegang saham dan manfaat untuk pihak berkepentingan lain dan untuk mengekalkan struktur modal yang optimum demi mengurangkan kos modal.

Kumpulan menilai kapasiti kewangannya dengan merujuk pada aliran tunai dan liputan faedah. Dasar Kumpulan termasuk satu gugusan prinsip pembentukan termasuk pemantauan rating kredit, liputan faedah dan keairan. Ini menyediakan rangka kerja dalam mana asas modal Kumpulan diurus dan, terutamanya dasar mengenai dividen (sebagai peratus perolehan mampan jangka panjang) dan pembelian balik saham diputuskan.

30. Pembayaran Berasaskan Saham

Perbelanjaan yang diiktiraf untuk pembentukan perkhidmatan kakitangan yang diterima sepanjang tahun adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000	Tahun berakhir 31.12.10 RM'000	Tahun berakhir 31.12.09 RM'000
Perbelanjaan yang berpunca daripada transaksi pembayaran berasaskan saham yang diselesaikan dengan ekuiti	3,632	5,320	2,350	3,133

Perbelanjaan ini berpunca hasil penyertaan beberapa kakitangan Kumpulan dan Syarikat dalam skim saham kakitangan yang ditawarkan oleh British American Tobacco p.l.c. (British American Tobacco p.l.c. secara tidak langsung melalui British American Tobacco Holdings (Malaysia) B.V., memiliki lima puluh peratus (50%) kepentingan ekuiti di dalam Syarikat dan disifatkan sebagai syarikat induk muktamad bagi Syarikat). Butiran skim saham kakitangan adalah seperti berikut:

	Kaedah Penyelesaian dan Masa Pemberian	Hayat Kontraktual	Syarat peletakan hak
Skim Bonus Saham Tertunda	Pemberian diselesaikan dengan ekuiti. (Masa pemberian: Setiap tahun dalam bulan Mac)	3 Tahun	Saham percuma yang dikeluarkan tiga tahun dari tarikh pemberian dan mungkin tertakluk pada pelucutan hak jika peserta berhenti bekerja sebelum berakhirnya tempoh pemegangan tiga tahun ini. Peserta menerima pembayaran berasingan yang setara dengan sebahagian daripada dividen sepanjang tempoh pemegangan ini.
Skim Ganjaran Saham Antarabangsa	Pemberian diselesaikan dengan ekuiti. (Masa pemberian: Setiap tahun dalam bulan April)	3 Tahun	Saham percuma yang diberi tertakluk pada tempoh pemegangan tiga tahun yang mungkin tertakluk pada pelucutan hak jika pekerja meninggalkan syarikat dalam tempoh ini.

30. Pembayaran Berasaskan Saham (Sambungan)

	Kaedah Penyelesaian dan Masa Pemberian	Hayat Kontraktual	Syarat peletakan hak
Skim Opsyen Saham	Pemberian diselesaikan dengan ekuiti. (Pemberian opsyen di bawah skim ini telah ditamatkan dengan pemberian terakhir yang dibuat pada Mac 2004)	10 Tahun	Opsyen yang boleh dilaksanakan tiga tahun dari tarikh pemberian dan tertakluk pada prestasi perolehan sesaham
Pelan Insentif Jangka Panjang	Pemberian diselesaikan dengan ekuiti. (Masa pemberian: Setiap tahun dalam bulan Mac)	10 Tahun	Opsyen kos sifar yang boleh dilaksanakan tiga tahun dari tarikh pemberian, dengan pembayaran tertakluk pada syarat prestasi berdasarkan perolehan sesaham yang relatif kepada inflasi (50% daripada pemberian) dan jumlah pulangan ke atas pemegang saham

a) Pengaturan pembayaran berasaskan saham (selain daripada opsyen saham)

Butiran perubahan pengaturan pembayaran berasaskan saham ekuiti (selain daripada opsyen saham) sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2010, meliputi Skim Bonus Saham Tertunda dan Skim Ganjaran Saham seperti berikut:

	Bilangan saham biasa 25p sesaham dalam British American Tobacco p.l.c.			
	Kumpulan		Syarikat	
	2010	2009	2010	2009
Tertunggak pada awal tahun	78,241	70,158	37,622	34,213
Diberi dalam tempoh	14,125	36,229	7,805	19,706
Dilaksanakan dalam tempoh	(25,231)	(28,146)	(10,681)	(16,297)
Tertunggak pada akhir tahun	67,135	78,241	34,746	37,622

Saham yang masih tertunggak bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 bagi Kumpulan dan Syarikat masing-masing mempunyai hayat kontraktual purata wajaran selama 1.1 tahun (2009: 1.3 tahun) dan 1.1 tahun (2009: 1.5 tahun).

Nilai saksama purata wajaran bagi pengaturan pembayaran berasaskan saham ekuiti yang diberi sepanjang 2010 untuk Kumpulan dan Syarikat, masing-masing berjumlah £20.05 (2009: £13.48) dan £19.81 (2009: £13.49).

30. Pembayaran Berasaskan Saham (Sambungan)

b) Skim opsyen saham

Butiran perubahan bagi Skim Opsyen Saham sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

	Kumpulan			
	2010		2009	
	Bilangan opsyen British American Tobacco p.l.c.	Harga laksana purata wajaran sesaham (£)	Bilangan opsyen British American Tobacco p.l.c.	Harga laksana purata wajaran sesaham (£)
Tertunggak pada awal tahun	30,805	7.58	33,178	7.62
Diberi dalam tempoh	(8,541)	8.09	(2,373)	8.09
Dilucut hak dalam tempoh	—	—	—	—
Tertunggak pada akhir tahun	22,264	7.39	30,805	7.58
Terlaksana pada akhir tahun	22,264	7.39	30,805	7.58

	Syarikat			
	2010		2009	
	Bilangan opsyen British American Tobacco p.l.c.	Harga laksana purata wajaran sesaham (£)	Bilangan opsyen British American Tobacco p.l.c.	Harga laksana purata wajaran sesaham (£)
Tertunggak pada awal tahun	7,824	8.09	7,824	8.09
Diberi dalam tempoh	(5,286)	—	—	—
Tertunggak pada akhir tahun	2,538	8.09	7,824	8.09
Terlaksana pada akhir tahun	2,538	8.09	7,824	8.09

30. Pembayaran Berasaskan Saham (Sambungan)

b) Skim opsyen saham (Sambungan)

Di samping opsyen di atas, perubahan dalam opsyen diselesaikan oleh ekuiti dengan kos sifar daripada Pelan Insentif Jangka Panjang adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa 25p sesaham dalam British American Tobacco p.l.c.			
	Kumpulan		Syarikat	
	2010	2009	2010	2009
Tertunggak pada awal tahun	122,999	117,286	67,808	64,453
Diberi dalam tempoh	31,798	44,722	21,216	28,459
Dilaksanakan dalam tempoh	(25,682)	(38,854)	(15,337)	(24,949)
Dilucut hak dalam tempoh	—	(155)	—	(155)
Tertunggak pada akhir tahun	129,115	122,999	73,687	67,808
Terlaksana pada akhir tahun	17,369	16,761	—	3,912

Purata wajaran harga saham British American Tobacco p.l.c. pada tarikh laksana bagi opsyen saham yang dilaksanakan sepanjang tempoh ini untuk Kumpulan dan Syarikat, masing-masing berjumlah £22.62 (2009: £17.79) dan £22.33 (2009: £16.73).

Pecahan terperinci peringkat harga laksana bagi opsyen yang tertunggak pada akhir 31 Disember 2010 ditunjukkan dalam jadual di bawah:

	Kumpulan					
	2010			2009		
	Bilangan opsyen pada akhir tahun	Purata wajaran baki hayat kontraktual (tahun)	Harga laksana purata wajaran sesaham (£)	Bilangan opsyen pada akhir tahun	Purata wajaran baki hayat kontraktual (tahun)	Harga laksana purata wajaran sesaham (£)
Pelan Insentif Jangka Panjang						
Kos sifar	129,115	7.9	n/a	122,999	8.1	n/a
Skim Opsyen Saham						
£5.00 hingga £6.99	7,392	2.2	5.98	7,392	3.2	5.98
£7.00 hingga £8.99	14,872	3.2	8.09	23,413	4.2	8.09
Jumlah	151,379	7.2	1.09	153,804	7.2	1.52

30. Pembayaran Berasaskan Saham (Sambungan)

b) Skim opsyen saham (Sambungan)

	Syarikat					
	2010			2009		
	Bilangan opsyen pada akhir tahun	Purata wajaran baki hayat kontraktual (tahun)	Harga laksana purata wajaran sesaham (£)	Bilangan opsyen pada akhir tahun	Purata wajaran baki hayat kontraktual (tahun)	Harga laksana purata wajaran sesaham (£)
Pelan Insentif Jangka Panjang						
Kos sifar	73,687	8.2	n/a	67,808	8.4	n/a
Skim Opsyen Saham						
£7.00 hingga £8.99	2,538	3.2	8.09	7,824	4.2	8.09
Jumlah	76,225	8.0	0.27	75,632	7.9	0.84

Nilai saksama purata wajaran bagi opsyen saham diselesaikan dengan ekuiti yang diberi sepanjang 2010 untuk Kumpulan dan Syarikat, masing-masing berjumlah £15.65 (2009: £12.80).

c) Andaian yang digunakan

Andaian yang digunakan dalam Model Black-Scholes untuk menentukan nilai saksama pengaturan pembayaran berdasarkan saham adalah seperti berikut:

	Kumpulan dan Syarikat					
	Pelan Insentif Jangka Panjang		Skim Bonus Saham Tertunda		Skim Ganjaran Saham Antarabangsa	
	2010	2009	2010	2009	2010	2009
Harga saham pada tarikh pemberian (£)	£22.58	£15.79	n/a	n/a	n/a	n/a
Harga pemberian (£)	n/a	n/a	£22.58	£15.79	£22.79	£16.11
Harga laksana (£)	kos sifar	kos sifar	n/a	n/a	n/a	n/a
Kemudahan (%)	25	24	25	24	25	24
Tempoh jangkaan purata untuk pelaksanaan (tahun)	3.5	3.5	3.0	3.0	5.0	5.0
Kadar tanpa risiko (%)	2.1	2.1	1.8	2.0	2.8	2.3
Hasil dividen yang dijangka (%)	4.4	5.3	4.4	5.3	4.4	5.2

30. Pembayaran Berasaskan Saham (Sambungan)

c) Andaian yang digunakan (Sambungan)

Andaian yang digunakan dalam Model Monte-Carlo untuk menentukan nilai saksama pengaturan pembayaran berdasarkan saham adalah seperti berikut:

	Kumpulan dan Syarikat	
	2010	2009
Kumpulan perbandingan kemudahubahan harga saham purata FTSE100* (%)	38	35
Kumpulan perbandingan kemudahubahan harga saham purata FMCG** (%)	25	24
Kumpulan perbandingan hubung kaitan purata FTSE100 (%)	37	38
Kumpulan perbandingan hubung kaitan purata FMCG (%)	33	32

* Financial Times Stock Exchange

** Barang Pengguna Laris

Ciri keadaan pasaran dimasukkan ke dalam model Monte-Carlo bagi unsur jumlah pulangan pemegang saham bagi Pelan Insentif Jangka Panjang dalam menentukan nilai saksama pada tarikh pemberian.

Kemudahubahan harga saham British American Tobacco p.l.c. yang dijangka ditentukan dengan mengambil kira perubahan harga saham harian sepanjang tempoh lima tahun. Kemudahubahan dan hubung kaitan harga saham FMCG dan FTSE100 juga ditentukan sepanjang tempoh yang sama. Tempoh purata yang dijangka untuk pelaksanaan yang digunakan dalam model-model ini telah dilaraskan, berdasarkan anggaran terbaik pengurusan, untuk kesan yang tidak boleh dipindahkan, sekatan pelaksanaan dan pertimbangan pergerakannya, pengalaman lucut hak dan sejarah.

Kadar tanpa risiko telah ditentukan melalui keluk hasil pasaran bon kerajaan dengan tempoh tertunggak bersamaan dengan purata tempoh yang dijangka untuk melaksanakan setiap pemberian yang berkaitan. Hasil dividen yang dijangka ditentukan dengan mengira hasil daripada dua dividen yang diisyiharkan sebelumnya dan yang dibahagikan dengan harga saham yang diberi. Bagi pemberian yang mengandungi syarat prestasi perolehan sesaham, pengiraan pembayaran adalah berdasarkan jangkaan berdasarkan ramalan juruanalisis yang diterbitkan.

31. Pecahan Untung/(Rugi) Direalisasi dan Tidak Direalisasi

Analisis untung tertahan/(rugi terkumpul) yang direalisasi dan tidak direalisasi di peringkat entiti yang sah, disediakan menurut Panduan Urusan Khas No. 1, Penentuan Untung dan Rugi yang Direalisasi dan Tidak Direalisasi berhubung konteks Penzahiran Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, seperti yang diterbitkan oleh Institut Akauntan Malaysia sementara penzahiran di peringkat Kumpulan adalah berasaskan format yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.

	Kumpulan	Syarikat
	2010 RM'000	2010 RM'000
Jumlah untung tertahan British American Tobacco (Malaysia) Berhad dan subsidiarinya		
– Untuk direalisasi	523,619	166,474
– (Rugi)/untung tidak direalisasi	(46,955)	2,417
Tolak: Pelarasan penyatuan	(127,629)	—
Jumlah untung tertahan	349,035	168,891

Bahagian yang tidak direalisasi dalam untung yang tidak diagihkan (untung tertahan) bagi Kumpulan pada 31 Disember 2010 terutamanya ada kaitan dengan kerugian baki tunai, amaun belum terima dan amaun perlu bayar berjumlah RM1,781,000 daripada penterjemahan mata wang asing, setelah ditolak liabiliti cukai tertunda berjumlah RM26,647,000 dan peruntukan untuk litigasi yang masih belum selesai berjumlah RM18,527,000.

Penyelarasan penyatuan yang diiktiraf bagi Kumpulan terutamanya ada kaitan dengan pelunasan muhibah terkumpul yang diiktiraf dari tahun 2000 hingga 2005.

Bahagian yang tidak direalisasi dalam untung yang tidak diagihkan (untung tertahan) bagi Syarikat pada 31 Disember 2010 terutamanya ada kaitan dengan kerugian baki tunai, amaun belum terima dan amaun perlu bayar berjumlah RM83,500 daripada penterjemahan mata wang asing, setelah ditolak aset cukai tertunda berjumlah RM4,166,000 dan peruntukan untuk litigasi yang masih belum selesai berjumlah RM1,665,000.

ANALISIS PEGANGAN SAHAM

pada 1 Mac 2011

Modal Saham

Modal Saham Dibenarkan
Modal Saham Terbitan dan
Berbayar Penuh
Hak Mengundi

: RM385,000,000 yang merangkumi 770,000,000 saham biasa pada RM0.50 sesaham
 : RM142,765,000 yang merangkumi 285,530,000 saham biasa pada RM0.50 sesaham
 : Satu undi setiap saham biasa

Pengagihan Pegangan Saham

(tanpa mengagregat sekuriti daripada akaun sekuriti berlainan milik Pendeposit yang sama)

Saiz Pegangan Saham	Bilangan Pemegang Saham	% Pemegang Saham	Bilangan Saham yang Dipegang	% Saham dalam Terbitan
1 – 99	541	12.160	9,183	0.003
100 – 1,000	2,200	49.449	1,018,930	0.356
1,001 – 10,000	1,241	27.893	4,828,794	1.691
10,001 – 100,000	341	7.664	10,499,976	3.677
100,001 – 14,276,499*	124	2.787	109,136,017	38.222
14,276,500 dan lebih**	2	0.044	160,037,100	56.049
Jumlah	4,449	100.000	285,530,000	100.000

Nota:

* Kurang daripada 5% saham yang diterbitkan

** 5% dan lebih saham yang diterbitkan

Kepentingan Langsung Para Pengarah dalam Saham Syarikat

Nama	Bilangan Saham yang Dipegang	% Penerbitan Saham
Tan Sri Abu Talib bin Othman	41,000	0.02
Datuk Oh Chong Peng	1,000	0.00*
James Richard Suttie	1,500	0.00*
Dato' Chan Choon Ngai	1,000	0.00*

Kepentingan Tidak Langsung Para Pengarah dalam Saham Syarikat

Nama	Bilangan Saham yang Dipegang	% Saham dalam Terbitan
Dato' Chan Choon Ngai	6,000	0.00*

Nota:

* Kurang daripada 0.01%

Pemegang Saham Terbesar Berdasarkan Daftar Pemegang Saham Terbanyak

Nama	Bilangan Saham yang Dipegang	% Saham dalam Terbitan
British American Tobacco Holdings (Malaysia) B.V.	142,765,000	50.000
AmanahRaya Trustees Berhad – Skim Amanah Saham Bumiputera	17,272,100	6.049

Tiga Puluh (30) Pemegang Akaun Sekuriti Utama

(tanpa mengagregat sekuriti daripada akaun sekuriti berlainan milik Pendeposit yang sama)

Bil.	Nama	Bilangan Saham yang Dipegang	% Saham dalam Terbitan
1	BRITISH AMERICAN TOBACCO HOLDINGS (MALAYSIA) B.V.	142,765,000	50.000
2	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD – SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA	17,272,100	6.049
3	VALUECAP SDN BHD	11,219,400	3.929
4	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – EMPLOYEES PROVIDENT FUND BOARD	10,069,702	3.526
5	KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)	9,008,800	3.155
6	CARTABAN NOMINEES (ASING) SDN BHD – SSBT FUND 4545 UNTUK LAZARD EMERGING MARKETS PORTFOLIO	6,763,800	2.368
7	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD – TNTC UNTUK SAUDI ARABIAN MONETARY AGENCY	5,089,000	1.782
8	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD – AMANAH SAHAM MALAYSIA	4,500,000	1.576
9	MALAYSIA NOMINEES (TEMPATAN) SENDIRIAN BERHAD – GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (PAR 1)	4,076,900	1.427
10	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD – BNP PARIBAS SECS SVS LUX UNTUK ABERDEEN GLOBAL	3,747,320	1.312
11	CARTABAN NOMINEES (ASING) SDN BHD – EXEMPT AN UNTUK STATE STREET BANK & TRUST COMPANY (WEST CLT OD67)	3,346,240	1.171
12	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD – EXEMPT AN UNTUK JPMORGAN CHASE BANK, NATIONAL ASSOCIATION (JPMFUNDS)	2,597,400	0.909
13	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD – EXEMPT AN UNTUK JPMORGAN CHASE BANK, NATIONAL ASSOCIATION (U.K.)	2,054,800	0.719
14	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD – EXEMPT AN UNTUK JPMORGAN CHASE BANK, NATIONAL ASSOCIATION (U.S.A.)	2,015,900	0.706

Bil.	Nama	Bilangan Saham yang Dipegang	% Saham dalam Terbitan
15	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD – BBH AND CO BOSTON UNTUK VANGUARD EMERGING MARKETS STOCK INDEX FUND	1,953,172	0.684
16	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD – BNP PARIBAS SECS SVS PARIS UNTUK ABERDEEN ASIA PACIFIC FUND	1,750,900	0.613
17	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD – EXEMPT AN UNTUK THE BANK OF NEW YORK MELLON (MELLON ACCT)	1,483,577	0.519
18	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD – EXEMPT AN UNTUK JPMORGAN CHASE BANK, NATIONAL ASSOCIATION (U.A.E.)	1,277,855	0.447
19	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – EXEMPT AN UNTUK AMERICAN INTERNATIONAL ASSURANCE BERHAD	1,251,600	0.438
20	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD – TNTC UNTUK SANDERSON INTERNATIONAL VALUE FUND	1,246,000	0.436
21	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD – BBH AND CO BOSTON UNTUK MERRILL LYNCH GLOBAL ALLOCATION FUND	1,163,300	0.407
22	CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD – CBNY UNTUK AGF EMERGING MARKETS FUND	1,148,700	0.402
23	CARTABAN NOMINEES (ASING) SDN BHD – STATE STREET LONDON FUND OD75 UNTUK ISHARES PUBLIC LIMITED COMPANY	931,100	0.326
24	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD – AS 1MALAYSIA	894,300	0.313
25	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD – EXEMPT AN UNTUK BNP PARIBAS SECURITIES SERVICES (JERSEY GBP)	814,800	0.285
26	CARTABAN NOMINEES (ASING) SDN BHD – GOVERNMENT OF SINGAPORE INVESTMENT CORPORATION PTE LTD UNTUK GOVERNMENT OF SINGAPORE (C)	808,400	0.283
27	CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD – CBHK UNTUK KUWAIT INVESTMENT AUTHORITY (FUND 221)	780,000	0.273
28	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – EXEMPT AN UNTUK PRUDENTIAL FUND MANAGEMENT BERHAD	764,900	0.267
29	CARTABAN NOMINEES (ASING) SDN BHD – STATE STREET LONDON FUND 2GFR UNTUK ST. JAMES'S PLACE FAR EAST	700,400	0.245
30	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD – BNP PARIBAS SECS SVS PARIS UNTUK EDINBURGH DRAGON TRUST PLC	666,700	0.233
JUMLAH		242,162,066	84.811

BUTIRAN HARTANAH

Hartanah yang dipegang oleh Kumpulan dan Syarikat pada 1 Mac 2011

Lokasi	Tarikh Pembelian/ Penilaian Semula Terakhir	Penggunaan	Anggaran usia bangunan (tahun)	Keluasan Tanah/Binaan (meter persegi)	Nilai Buku Bersih (RM'000)
Pegangan Bebas					
No. 36 & 36A, Jalan Lengkok Canning Ipoh Garden, Ipoh, Perak	30.11.89	kedai dan pejabat	22	143.07	87
No. A79, Jalan Telok Sisek, Kuantan, Pahang	28.4.94	kedai dan pejabat	19	110.59	218
Pajakan					
Lots 122 and 124, Jalan Universiti Petaling Jaya, Selangor (pajakan 99 tahun yang masing-masing luput pada 8.4.2062 dan 29.9.2060)	30.9.61	kiland, pejabat dan setor	49	46,905.44	69,072
Lots P.T. 683-685, 687-689 Mukim Panchor, Daerah Kemumin Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II, Kota Bharu, Kelantan (pajakan 66 tahun yang luput pada 25.7.2048)	26.7.82	tanah perindustrian, setor dan pejabat	23	29,952.00	4,956
No. 2, Jalan Foochow, Kuching, Sarawak (pajakan 999 tahun yang luput pada 31.12.2923)	3.10.91	kedai dan pejabat	21	156.1	187
No. 120, Jalan Semangat, Petaling Jaya Selangor (pajakan 99 tahun yang luput pada 12.7.2061)	24.5.93	pejabat dan setor	35	6,119.00	5,008
Lot 1, Block A Hong Tong Centre Miles 4, Penampang, Kota Kinabalu, Sabah (pajakan 99 tahun yang luput pada 31.12.2080)	30.9.99	kedai dan pejabat	17	136.56	420
No. 8, Jalan Melaka Raya 13 Taman Melaka Raya, Melaka (pajakan 99 tahun yang luput pada 7.7.2093)	30.3.96	kedai dan pejabat	16	143	287
GM9, Lot 1709, Semerak, Pasir Puteh Kelantan (pajakan 33 tahun yang luput pada 23.9.2017)	24.9.84	kediaman (hartanah pelaburan)	24	10,380.00	142
Lots 2430 & 2431, HS(M) 6/83 Mukim Wakaf Delima, Wakaf Bharu, Kelantan (pajakan 45 tahun yang luput pada 3.1.2029)	4.1.84	pejabat dan setor (hartanah pelaburan)	44	10,467.00	1,461
K.M 5.5, Jalan Bukit Kayu Hitam Changloon, Kedah (pajakan 30 tahun yang luput pada 6.7.2021)	7.7.91	pejabat dan tanah pertanian (aset yang dipegang untuk jualan)	22	285,510.00	875

DIREKTORI KORPORAT

Ibu Pejabat

**BRITISH AMERICAN TOBACCO
(MALAYSIA) BERHAD**
(No. Syarikat 4372-M)

Virginia Park
Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : +60 (3) 7956 6899/7491 7100
Faks : +60 (3) 7955 8416

**TOBACCO IMPORTERS AND
MANUFACTURERS SDN. BERHAD**
(No. Syarikat 4414-U)

Kilang

Virginia Park
Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : +60 (3) 7956 6899/7491 7100
Faks : +60 (3) 7955 8416

**COMMERCIAL MARKETERS AND
DISTRIBUTORS SDN. BHD.**
(No. Syarikat 42316-T)

Pejabat-pejabat Cawangan

Pulau Pinang

No. 50 Weld Quay
10300 Pulau Pinang
Tel : +60 (4) 261 8840
Faks : +60 (4) 261 8799

Ipoh

36A, Jalan Lengkok Canning
Ipoh Garden
31400 Ipoh, Perak
Tel : +60 (5) 547 7878/546 2187
Faks : +60 (5) 547 4268

Selangor

No. 3, Jalan Industri PBP3
Taman Perindustrian Pusat Bandar
Puchong
47100 Puchong
Selangor
Tel : +60 (3) 5891 9888
Faks : +60 (3) 5891 9882

Melaka

8, Jalan Melaka Raya 13
Taman Melaka Raya
75000 Melaka
Tel : +60 (6) 282 5435/284 6593
Faks : +60 (6) 283 5168

Johor Bahru

No. 4 Jalan Asas
Larkin Industrial Estate
80350 Johor Bahru, Johor
Tel : +60 (7) 232 4688
Faks : +60 (7) 238 6208

Kuantan

A79, Jalan Telok Sisek
25000 Kuantan, Pahang
Tel : +60 (9) 517 8373/517 7831
Faks : +60 (9) 517 7484

Kota Bharu

Lot PT 1453 & 1454, 1st Floor
Kawasan Perindustrian Pengkalan
Chepa 2
Seksyen 39 Kemumin
16100 Kota Bharu, Kelantan
Tel : +60 (9) 773 8831/773 8873
Faks : +60 (9) 773 8968

Kota Kinabalu

Lot 1, Blok A Hong Tong Centre
Mile 4, Penampang
P.O. Box 11236
88813 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : +60 (88) 722 628/722 629
Faks : +60 (88) 722 630

Kuching

Lot 8943, Section 64, KTLD
No. 2, Jalan Foochow
93300 Kuching, Sarawak
Tel : +60 (82) 481 884/481 886
Faks : +60 (82) 335 490

**THE LEAF TOBACCO DEVELOPMENT
CORPORATION OF MALAYA
SDN. BHD.**
(No. Syarikat 4998-P)

Pejabat Daun

Kota Bharu

Lot No. 2952
Kawasan Perindustrian
Pengkalan Chepa II
Jalan Padang Tembak
16100 Kota Bharu, Kelantan
Tel : +60 (9) 774 7400/774 7434
Faks : +60 (9) 773 5855

COMMERCIAL MARKETERS AND DISTRIBUTORS SDN. BHD.

(Diperbadankan di Negara Brunei
Darussalam)
Unit 4, Block B
Lot 1150, EDR 2244
Latifuddin Complex
Jalan Tungku Link
Menglait, Gadong, BE 3619
Negara Brunei Darussalam
Tel : +(673) 245 2975
Faks : +(673) 245 2974

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERI bahawa Mesyuarat Agung Tahunan British American Tobacco (Malaysia) Berhad (BATM atau Syarikat) yang Kelima Puluh akan diadakan di Kristal Ballroom, Hilton Petaling Jaya, No. 2 Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan pada hari Selasa, 19 April 2011 pada pukul 11.00 pagi untuk tujuan berikut:

Sebagai Urusan Biasa

1. Untuk menerima Penyata Kewangan yang Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 diiringi Laporan para Pengarah dan Juruaudit. **(Resolusi Biasa 1)**
2. Untuk memilih semula para Pengarah berikut yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 97(1) dan (2) Tataurusan Pertubuhan Syarikat:
 - (i) En. Toh Ah Wah **(Resolusi Biasa 2)**
 - (ii) En. James Richard Suttie **(Resolusi Biasa 3)**
3. Untuk memilih semula Dato' Chan Choon Ngai yang bersara menurut Artikel 103 Tataurusan Pertubuhan Syarikat. **(Resolusi Biasa 4)**
4. Untuk mempertimbangkan dan sekiranya didapati wajar, meluluskan Resolusi Biasa berikut menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat 1965:-

"BAHAWA Tan Sri Abu Talib bin Othman, seorang Pengarah yang bersara menurut Seksyen 129(2) Akta ini, adalah dengan ini dan sesungguhnya dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat untuk memegang jawatan sehingga tamat Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya."

(Resolusi Biasa 5)
5. Untuk melantik semula tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Syarikat untuk tahun kewangan yang akan berakhir 31 Disember 2011 dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan saraan mereka. **(Resolusi Biasa 6)**

Sebagai Urusan Khas

6. Untuk mempertimbangkan dan sekiranya didapati wajar, meluluskan Resolusi Biasa berikut:

CADANGAN PEMBAHARUAN MANDAT PEMEGANG SAHAM UNTUK "BATM" DAN SUBSIDIARINYA MELIBATI DALAM URUS NIAGA BERULANG PIHAK BERKAITAN YANG BERSIFAT PENDAPATAN ATAU PERDAGANGAN DENGAN PIHAK-PIHAK BERKAITAN (CADANGAN PEMBAHARUAN MANDAT URUS NIAGA BERULANG PIHAK BERKAITAN)

"BAHAWA, Mandat Urus Niaga berulang Pihak Berkaitan (seperti tertakrif dalam Notis Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 25 Mac 2011) yang diluluskan oleh Para Pemegang Saham Syarikat menurut Perenggan 10.09 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad yang membenarkan Syarikat dan/atau subsidiarinya (Kumpulan British American Tobacco Malaysia) melibati dalam urus niaga berulang pihak berkaitan yang bersifat pendapatan atau perdagangan (Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan) Kumpulan British American Tobacco Malaysia dengan Pihak-Pihak Berkaitan (seperti tertakrif dalam Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad) seperti dinyatakan dalam Perenggan 2.2 dan Lampiran II Notis Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 25 Mac 2011 yang mana perlu untuk operasi harian Kumpulan British American Tobacco Malaysia, maka dengan ini diperbaharui dengan syarat bahawa:

 - (i) urus niaga tersebut adalah perlaksanaan urusan perniagaan biasa dan atas terma perniagaan biasa yang tidak lebih memanfaatkan pihak-pihak berkaitan tersebut berbanding dengan terma perniagaan yang ditawarkan kepada awam dan tidak menjelaskan pemegang minoriti Syarikat; dan
 - (ii) penzahiran nilai agregat urus niaga yang dikendalikan pada tahun kewangan akan dilaporkan dalam laporan tahunan bagi tahun kewangan tersebut,

DAN BAHAWA kuasa yang diberi oleh mandat yang diperbaharui hendaklah terus berkuat kuasa sehingga:

- (i) berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Syarikat yang berikutnya selepas MAT di mana Cadangan Pembaharuan Mandat Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan diluluskan, yang mana akan loput, kecuali melalui resolusi yang diluluskan pada MAT berikutnya di mana mandat ini diperbaharui semula;
- (ii) tamatnya tempoh dalam mana tempoh ini MAT Syarikat yang berikutnya perlu diadakan menurut seksyen 143(1) Akta Syarikat 1965 (tetapi tidak ditangguhkan kepada penanggihan yang mungkin dibenarkan menurut Seksyen 143(2) Akta Syarikat, 1965; atau
- (iii) dibatalkan atau diubah suai oleh resolusi yang diluluskan oleh para pemegang saham dalam mesyuarat agung, mengikut mana yang lebih awal;

DAN BAHAWA para Pengarah Syarikat adalah dengan ini dan sesungguhnya diberi kuasa untuk menyempurnakan dan mengambil sebarang tindakan dan melaksanakan perkara yang difikirkan wajar atau perlu demi kepentingan Syarikat (termasuk menyempurnakan semua dokumen berkenaan yang mungkin diperlukan) untuk menguatkuaskan Cadangan Pembaharuan Mandat Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan ini."

7. Untuk mempertimbangkan lain-lain urusan yang mana notis sewajarnya telah diberikan.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

CHAN MEI MAE

LS0009460

Setiausaha

Petaling Jaya

25 Mac 2011

Nota:

1. Seseorang proksi tidak semestinya seorang Ahli dan peruntukan di bawah Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965 tidak dikenakan kepada Syarikat.
2. Seseorang Ahli yang layak untuk menghadiri dan mengundi di mesyuarat agung berhak untuk melantik tidak lebih daripada dua (2) proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Sekiranya seseorang Ahli melantik dua (2) proksi, pelantikan tersebut menjadi tidak sah melainkan peratusan pegangan saham yang diwakili setiap proksi dinyatakan.
3. Sekiranya seseorang Ahli merupakan penama yang berhak yang ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991, maka dia boleh melantik sekurang-kurangnya satu (1) tetapi tidak lebih daripada dua (2) proksi bagi setiap akaun sekuriti yang dimilikinya yang mana saham biasa Syarikat disandarkan pada kredit akaun sekuriti tersebut.
4. Suratcara melantik seseorang proksi atau proksi-proksi perlu dibuat oleh pelantik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis. Jika suratcara melantik proksi atau proksi-proksi dilaksanakan oleh sebuah perbadanan, suratcara mestilah dimeterai sama ada dengan cap mohor perbadanan atau ditandatangani oleh mana-mana pegawai atau wakil yang diberi kuasa oleh perbadanan tersebut.
5. Sekiranya tiada petunjuk cara mana seseorang Ahli ingin mengundi, maka proksi boleh pilih untuk mengundi atau tidak mengundi mengikut budi bicaranya. Sekiranya seseorang Ahli telah menyempurnakan borang proksinya tetapi tidak menamakan sebarang proksi, maka Ahli tersebut disifatkan sebagai telah melantik Pengerusi mesyuarat sebagai proksinya.
6. Borang proksi asal mestilah disempurnakan dengan sewajarnya dan didepositkan di pejabat Pendaftar Saham Syarikat di Tricor Investor Services Sdn Bhd, Tingkat 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur tidak kurang daripada empat puluh lapan (48) jam sebelum masa yang ditetapkan bagi mesyuarat atau sebarang penangguhannya.

7. Pendaftaran Ahli/Proksi

Pendaftaran Ahli/Proksi untuk hadir ke mesyuarat akan bermula pada jam 9.00 pagi pada hari mesyuarat dan akan tutup tepat jam 11.00 pagi. Ahli/Proksi dikehendaki mengemukakan dokumen pengenalan untuk pendaftaran.

8. Nota Penjelasan Urusan Khas

Mandat Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan

Resolusi Biasa 7, jika diluluskan, akan membolehkan British American Tobacco (Malaysia) Berhad dan subsidiarinya (Kumpulan British American Tobacco) melibati dalam sebarang urus niaga berulang pihak berkaitan yang bersifat pendapatan atau perdagangan yang perlu untuk operasi harian Kumpulan British American Tobacco Malaysia asalkan urus niaga tersebut merupakan urusan perniagaan biasa dan berdasarkan kepada terma perniagaan biasa dengan tidak memanfaatkan pihak-pihak berkaitan tersebut berbanding dengan terma perniagaan yang ditawarkan kepada awam dan yang tidak menjelaskan pemegang saham minoriti Syarikat. Maklumat lanjut tentang Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham untuk Syarikat dan subsidiarinya melibati dalam Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan yang bersifat pendapatan atau perdagangan dengan Pihak-Pihak Berkaitan dinyatakan dalam Notis Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 25 Mac 2011, yang dihantar bersama Laporan Tahunan Ringkas Syarikat 2010.

BUTIRAN PENTADBIRAN

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-50

BRITISH AMERICAN TOBACCO MALAYSIA

Tarikh : 19 April 2011

Masa : 11.00 pagi

Tempat: Kristal Ballroom, Hilton Petaling Jaya, No. 2 Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Pendaftaran

1. Pendaftaran akan bermula pada pukul 9.00 pagi di pintu masuk Kristal Ballroom dan akan ditutup tepat pada pukul 11.00 pagi.
2. Sila baca papan tanda untuk memastikan meja pendaftaran yang betul untuk mendaftar diri anda untuk mesyuarat ini dan sila beratur.
3. Sila tunjukkan Kad Pengenalan (KP) anda yang asal kepada kakitangan pendaftaran untuk pengesahan. Sila pastikan anda mengambil semula KP anda selepas itu.
4. Setelah pengesahan dibuat, anda perlu menulis nama anda dan menandatangani Senarai Kehadiran yang diletakkan di meja pendaftaran.
5. Anda akan diberi pelekat keselamatan dan sesiapa yang tidak memakai pelekat keselamatan ini tidak akan dibenarkan untuk masuk ke dewan mesyuarat ini. Sekiranya pelekat keselamatan anda hilang atau tidak dijumpai, ia tidak akan digantikan.
6. Setelah mendaftar, sila tinggalkan ruang pendaftaran dengan segera dan pergi ke Kristal Ballroom.
7. Tiada sesiapa pun akan dibenarkan untuk mendaftar bagi pihak orang lain meskipun dengan menggunakan KP asal individu tersebut.
8. Kaunter pendaftaran hanya mengendalikan pengesahan dan pendaftaran.

Kaunter Bantuan

9. Sila pergi ke Kaunter Bantuan untuk sebarang penjelasan atau pertanyaan.

Hak untuk Hadir dan Mengundi

10. Hanya pemegang saham yang berdaftar dalam Daftar Ahli dan Rekod Pendeposit pada pukul **5.00 petang pada 11 April 2011** akan berhak untuk menghadiri dan mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan bagi bilangan saham yang didaftarkan atas nama mereka pada masa tersebut.

Proksi

11. Jika anda ahli Syarikat pada masa yang dinyatakan di atas, anda berhak untuk melantik tidak lebih daripada dua (2) proksi untuk melaksanakan semua atau sebahagian daripada hak anda untuk hadir, bersuara dan mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan ini.
12. Apabila Ahli adalah calon yang diberi kuasa seperti yang dihuraikan oleh Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, ia boleh melantik sekurang-kurangnya seorang (1) proksi tetapi tidak lebih daripada dua (2) proksi berkaitan setiap Akaun Sekuriti yang dimilikinya yang saham biasa Syarikat disandarkan pada kredit akaun sekuriti tersebut.

13. Untuk melantik proksi, Borang Proksi asal yang dilampirkan bersama Laporan Tahunan Ringkas 2010 Syarikat hendaklah dilengkapkan dan ditandatangani, dihantar dan dikirimkan kepada Pendaftar Syarikat, Tricor Investor Services Sdn. Bhd., Aras 17, The Gardens North Tower Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra 59200 Kuala Lumpur, Malaysia selewat-lewatnya pada **17 April 2011 pada pukul 11.00 pagi**.
14. Dalam hal ahli yang berupa syarikat, Borang Proksi ini hendaklah disempurnakan sama ada di bawah meterai rasminya atau ditandatangani oleh mana-mana pegawai atau wakil yang diberi kuasa sewajarnya.

Pembatalan Proksi

15. Jika anda ingin melantik proksi, sila ambil perhatian bahawa seseorang proksi boleh dibatalkan oleh:-
 - i. Kehadiran orang yang melantik di Mesyuarat Agung Tahunan dan melaksanakan hak pengundian dalam Mesyuarat Agung Tahunan secara peribadi akan membatalkan proksi secara automatik;
 - ii. Notis pembatalan Borang Proksi atau kuasanya diserahkan selewat-lewatnya pada 17 April 2011 pada pukul 11.00 pagi;
 - iii. Pelantikan proksi baharu dengan mendeposit Borang Proksi baharu untuk orang lain selewat-lewatnya pada 17 April 2011 pada pukul 11.00 pagi; dan
 - iv. Pemindahan saham oleh pelantik.

Ahli Korporat

16. Mana-mana ahli korporat yang ingin melantik wakil dan sebaliknya bukan proksi untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ini hendaklah menyerahkan sijil pelantikan di bawah meterai rasmi syarikat tersebut, di pejabat Pendaftar Syarikat, Tricor Investor Services Sdn. Bhd., Aras 17, The Gardens North Tower Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra 59200 Kuala Lumpur, Malaysia selewat-lewatnya pada 17 April 2011 pada pukul 11.00 pagi.

Laporan Tahunan 2010

17. Laporan Tahunan 2010 disediakan di laman web Bursa Malaysia di www.bursamalaysia.com di bawah Pengumuman Syarikat dan juga di laman web British American Tobacco Malaysia di www.batmalaysia.com

Pertanyaan

18. Jika anda ada sebarang pertanyaan sebelum mesyuarat, sila hubungi Jabatan Undang-Undang dan Kesetiausahaan British American Tobacco Malaysia di talian 603-7956 6899 atau individu berikut semasa waktu pejabat:
Nama : Cik Lim Lay Kiow
Pendaftar Saham : Tricor Investor Services Sdn. Bhd.
Nombor telefon : 603-2264 3883

BORANG PROKSI

BRITISH AMERICAN TOBACCO (MALAYSIA) BERHAD

(No. Syarikat 4372-M)
(Diperbadankan di Malaysia)



"A"

Saya/Kami _____ (No. K.P./No. Syarikat: _____)
(Nama seperti di Kad Pengenalan/Pasport/Sijil Pertubuhan dalam Huruf Besar)

beralamat di _____
(Alamat Penuh)

sebagai ahli/ahli-ahli **BRITISH AMERICAN TOBACCO (MALAYSIA) BERHAD**, adalah dengan ini melantik _____
(No. K.P./No. Syarikat: _____)
(Nama seperti di Kad Pengenalan/Pasport dalam Huruf Besar)

beralamat di _____
(Alamat Penuh)

dan/atau jika dia gagal hadir _____ (No. K.P./No. Syarikat: _____)
(Nama seperti di Kad Pengenalan/Pasport dalam Huruf Besar)

beralamat di _____
(Alamat Penuh)

Atau jika dia gagal hadir, Pengerusi Mesyuarat sebagai proksi pertama saya/kami untuk hadir dan mengundi untuk saya/kami dan bagi pihak saya/kami dalam Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang Kelima Puluh, yang akan diadakan di Kristal Ballroom, Hilton Petaling Jaya, No. 2 Jalan Barat, 46200, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan pada hari Selasa, 19 April 2011 pada pukul 11.00 pagi, dan pada sebarang penangguhannya.

"B" Sekiranya anda ingin melantik proksi kedua, seksyen ini juga perlu dilengkapkan, jika tiada, perlu di potong.

Saya/Kami _____ (No. K.P./No. Syarikat: _____)
(Nama seperti di Kad Pengenalan/Pasport/Sijil Pertubuhan dalam Huruf Besar)

beralamat di _____
(Alamat Penuh)

sebagai ahli/ahli-ahli **BRITISH AMERICAN TOBACCO (MALAYSIA) BERHAD**, adalah dengan ini melantik _____
(No. K.P./No. Syarikat: _____)
(Nama seperti di Kad Pengenalan/Pasport dalam Huruf Besar)

beralamat di _____
(Alamat Penuh)

dan/atau jika dia gagal hadir _____ (No. K.P./No. Syarikat: _____)
(Nama seperti di Kad Pengenalan/Pasport dalam Huruf Besar)

beralamat di _____
(Alamat Penuh)

Atau jika dia gagal hadir, Pengerusi Mesyuarat sebagai proksi kedua saya/kami untuk hadir dan mengundi untuk saya/kami dan bagi pihak saya/kami dalam Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang Kelima Puluh, yang akan diadakan di Kristal Ballroom, Hilton Petaling Jaya, No. 2 Jalan Barat, 46200, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan pada hari Selasa, 19 April 2011 pada pukul 11.00 pagi, dan pada sebarang penangguhannya.

Bahagian pegangan saya/kami yang akan diwakili oleh proksi/proksi-proksi adalah seperti berikut:

%

Proksi Pertama "A"

Proksi Kedua "B"

100%

Proksi/proksi-saya/kami akan mengundi sama ada dengan mengangkat tangan atau pengundian seperti yang dinyatakan di bawah dengan tanda "X":

Resolusi	Untuk menerima Penyata Kewangan Teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 dan Laporan para Pengarah dan Juruaudit mengenainya.	Proksi Pertama A		Proksi Kedua B	
		Sokong	Bantah	Sokong	Bantah
Resolusi Biasa 1	Untuk menerima Penyata Kewangan Teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 dan Laporan para Pengarah dan Juruaudit mengenainya.				
Resolusi Biasa 2	Memilih semula En. Toh Ah Wah yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 97(1) dan (2) Tataurusan Pertubuhan Syarikat.				
Resolusi Biasa 3	Memilih semula En. James Richard Suttie yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 97(1) dan (2) Tataurusan Pertubuhan Syarikat.				
Resolusi Biasa 4	Memilih semula Dato' Chan Choon Ngai yang bersara menurut Artikel 103 Tataurusan Pertubuhan Syarikat.				
Resolusi Biasa 5	Melantik semula Tan Sri Abu Talib Bin Othman menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965.				
Resolusi Biasa 6	Melantik semula PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan ganjaran mereka.				
Resolusi Biasa 7	Usul Pembaharuan Mandat Pemegang Saham bagi British American Tobacco (Malaysia) Berhad dan Subsidiarinya untuk menyertai urus niaga berulang Pihak Berkaitan yang bersifat hasil atau perdagangan dengan Pihak-pihak yang Berkaitan.				

Bil. Saham Yang Dipegang	No. Akaun CDS

Bertarikh _____ haribulan _____ 2011.

Tandatangan Ahli(-ahli)

Nota:

1. Seseorang proksi tidak semestinya Ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965 tidak berkenaan bagi Syarikat ini.
2. Ahli yang berhak untuk hadir dan mengundi dalam Mesyuarat berhak untuk melantik tidak lebih daripada dua (2) proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Apabila Ahli melantik (2) proksi, pelantikan ini tidak sah kecuali peratus pemegangan yang diwakili oleh setiap proksi dinyatakan secara jelas.
3. Apabila Ahli adalah calon yang diberi kuasa seperti yang diuraikan oleh Akta Industri Sekuriti (Depository Pusat) 1991, ia boleh melantik sekurang-kurangnya seorang (1) proksi tetapi tidak lebih daripada dua (2) proksi berkaitan setiap Akaun Sekuriti yang dimilikinya yang saham biasa Syarikat disandarkan pada kredit akaun sekuriti tersebut.
4. Instrumen yang melantik proksi atau proksi-proksi hendaklah ditandatangani oleh pelantik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis. Di mana surat cara yang melantik proksi atau proksi-proksi disempurnakan oleh sebuah syarikat, surat cara tersebut hendaklah dimeterai dengan meterai rasmi syarikat tersebut atau ditandatangani oleh mana-mana pegawai atau wakil yang diberi kuasa sewajarnya.
5. Jika tiada isyarat bagaimana Ahli ingin undinya dibuang, proksi akan mengundi atau menahan diri daripada mengundi menurut budi bicaranya sendiri. Sekiranya seseorang Ahli telah menyempurnakan Borang Proksinya tetapi tidak menamakan sebarang proksi, Ahli tersebut hendaklah disifatkan sebagai telah melantik Pengerusi mesyuarat sebagai proksinya.
6. Borang Proksi yang asal, hendaklah disempurnakan dan dihantar dengan sewajarnya kepada Pendaftr Syarikat di Tricor Investor Services Sdn Bhd, Aras 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur tidak kurang daripada empat puluh lapan (48) jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat atau sebarang penangguhannya.

Sila lipat di sini untuk melekatkannya

tampal
setem

Pendaftar Saham
Tricor Investor Services Sdn Bhd
(No. Syarikat 118401-V)
Tingkat 17, The Gardens North Tower
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Sila lipat di sini untuk melekatkannya